# LAYANAN WARGA EMAS DALAM PERSPEKTIF HADITH: KAJIAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG BANDA ACEH

Universiti Malaya

ZULAIKHA

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

# LAYANAN WARGA EMAS DALAM PERSPEKTIF HADITH: KAJIAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG BANDA ACEH

**ZULAIKHA**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2019**

Universiti Malaya

**LAYANAN WARGA EMAS DALAM PERSPEKTIF HADITH: KAJIAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG BANDA ACEH**

## ABSTRAK

Warga emas adalah merujuk kepada golongan tua yang telah lanjut usia dan telah mengalami perubahan dari sudut fizikal, psikologi, emosi dan sosial. Golongan ini sangat memerlukan layanan yang lebih berbanding dengan orang dewasa lain. Kewujudan pusat jagaan warga emas adalah usaha bagi memastikan golongan warga emas mendapat layanan yang sewajarnya sesuai dengan keadaan usia dan fizikal mereka. Banyak aktiviti yang dilakukan memerlukan khidmat bantuan daripada orang lain. Melalui metod analisis induktif, deduktif dan kualitatif, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang layanan terhadap warga emas yang dipraktikkan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh dan dibandingkan dengan pemahaman dalam perspektif hadith. Bagi kepentingan pengukuhan data yang diperoleh, metod temubual turut dilakukan dengan beberapa pegawai pentadbiran dan warga emas. Hasil kajian mendapati bahawa; [pertama]: terdapat beberapa hadith yang berkaitan dengan layanan warga emas yang diriwayatkan oleh beberapa perawi (al-Bukhārī, Muslim, Ibn Mājah, Sunan al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Abū Dāwud), majoriti hadith-hadith tersebut berstatus ṣaḥīḥ, [kedua]: kewujudan rumah jagaan di Banda Aceh disebabkan oleh kepedulian sebahagian masyarakat dalam bertindak balas terhadap isu sosial warga emas dengan tujuan memberikan peluang hidup yang lebih baik dan dihormati selayaknya, [ketiga]: Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang telah membangun kaedah pelayanan dengan pendekatan berbagai disiplin ilmu sehingga memberikan perubahan hidup yang lebih baik dan signifikan bagi warga emas, [keempat]: bentuk layanan warga emas yang diaplikasikan di rumah jagaan ini bersesuaian dengan hadith Rasulullah SAW dan telah memenuhi etika layanan yang sewajarnya.

**Kata kunci:** warga emas; Banda Aceh; pusat jagaan; perspektif hadith.

Universiti Malaya

# SENIOR CITIZEN SERVICES ON HADITH PERSPECTIVES: A STUDY ON UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG BANDA ACEH


## ABSTRACT

Senior citizens are refers to the elderly person, who have undergone changes from a physical, psychological, emotional and social prospective. They are in desperate need of services compared to the other adults. The birth of a senior citizen care center is an effort to ensure that the senior citizen obtain the proper services according to their age and physical condition. Many activities carried out required solemn assistance rather than second parties. Through the methods of inductive, deductive and qualitative analysis, this study aims to examine the services of the senior citizens that are practiced at the Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh and compared with the understanding in the hadith perspective. Interviews were conducted according to interview method from number of employees and senior citizens to strengthen the study. The results of this study found that there are several hadiths related to the senior citizen service narrated by several narrators (Al-Bukhari, Muslim, Ibn Majah, Sunan al-Tirmidhi, al-Nasa'i and Abu Daud), which belongs to major hadiths and their status are sahih. Secondly, the realization of a nursing home in Banda Aceh was motivated by the concern part of the community people in responding to the social issues of senior citizens with the aim of providing a better and dignified life opportunity. Thirdly, the Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang have built a service channel by  approaches any discipline of knowledge to provide a better and more significant change in life for the senior citizen. Lastly, the form of senior citizen service that was applied in this guard house was in the line with the Prophet's hadith.



**Keywords:** senior citizens; Banda Aceh; care center; hadith perspectives.


Universiti Malaya

# PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puja dan puji hanya untuk kehadratNya yang telah melimpahkan rahmat, hidayah, dan inayahNya kepada seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan juga kepada keluarganya serta Sahabat baginda yang sentiasa menyertai perjuangan.

Bersyukur kehadrat Allah SWT yang telah memberi kekuatan untuk bersabar dan kelapangan masa untuk menyelesaikan penulisan kajian ini bagi menyempurnakan pengajian di peringkat sarjana.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada penyelia saya Dr Khadher Ahmad yang telah banyak memberikan bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya. Segala pengorbanan masa dan kesabaran membimbing yang beliau peruntukan dalam penyeliaan tesis ini, serta pelbagai ilmu yang dicurahkan dalam proses pembelajaran amatlah saya hargai. Terima kasih saya ucapkan kepada barisan pensyarah di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Dr Monika @ Munirah Abd Razzak, Prof. Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff, Prof. Madya Dr Mustafa Abdullah, Prof. Madya Dr Ishak Suliaman, Prof. Madya Dr Faisal Ahmad Shah, Dr Sedek Bin Ariffin, Dr Thabet Ahmad Abdallah Abu-Alhaj dan kakitangan akademik lainnya, serta staf pentadbiran Puan Norlina Mohammad Istar, kakitangan ijazah tinggi, perpustakaan dan semua pihak yang banyak membantu saya dalam menyiapkan pengajian saya.

Demikian juga, tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Lembaga Pemberdayaan Sumber Daya Manusia Aceh (LPSDM) yang telah memberi sokongan biasiswa dalam perjalanan menyiapkan pengajian saya. Salam sayang kepada teman-teman seperjuangan angkatan 2013/2014 yang telah memberikan motivasi dan inspirasi bagi mencapai puncak pengajian sarjana.

Universiti Malaya

Penghargaan istimewa kepada Ayahanda Allahyarham Muhammad Amin yang selalu ada di hati, kasih sayangmu tak pernah terganti dan pengorbananmu akan kubawa mati sebagai kenangan terindah dalam mengharungi bahtera kehidupan ini, semoga kita berjumpa di JannahNya kembali. Bonda Marḍiah yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kebahagiaan. Seterusnya kepada abang, kakak dan adik tersayang Khaidir, Ruaida, Wirdah dan Baihaqi dan seluruh ahli keluarga yang banyak memberikan sokongan dan dorongan untuk saya dalam menamatkan pengajian ini.

Ungkapan penghargaan yang paling khusus untuk suami yang tercinta Dr. Abdullah yang penuh kesabaran, kesetiaan, dan keikhlasan telah memberi inspirasi serta galakan sepanjang pengajian ini. Kemudian kepada anakanda tersayang, Khansa Muzaffira Abdullah dan Lathifah Rania Abdullah yang menjadi penyejuk jiwa, penyemangat perjuangan yang mulia ini. Semoga Allah memberi keberkatan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. *Amīn Ya Rab al-ʻĀlamīn.*

**Zulaikha**
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
Email: zulaikha_putroebungsu@yahoo.com

Universiti Malaya

## DAFTAR KANDUNGAN

Abstrak ....................................................................................................iv

Abstract ....................................................................................................v

Penghargaan ....................................................................................................vii

Daftar Kandungan ....................................................................................................viii

Panduan Transliterasi ....................................................................................................xiv

Senarai Jadual....................................................................................................xvi

Senarai Singkatan Kata ....................................................................................................xvii

**PENDAHULUAN**

I. Pengenalan ....................................................................................................1

II. Latar Belakang Masalah ....................................................................................................3

III. Persoalan Kajian ....................................................................................................9

IV. Objektif Kajian ....................................................................................................10

V. Kepentingan Kajian ....................................................................................................10

VI. Skop Kajian ....................................................................................................11

VII. Ulasan Penulisan/*Literature Review*.................................................................................... *12*

VIII. Metodologi Kajian ....................................................................................................20

a. Metode Pengumpulan Data....................................................................................................20

i. Metode Kajian Perpustakaan....................................................................................................20

ii. Metode Temu Bual....................................................................................................21

iii. Metode Observasi....................................................................................................22

b. Metode Analisis Data....................................................................................................22

i. Metode Kajian Perpustakaan....................................................................................................22

ii. Metode Temu Bual....................................................................................................23

iii. Metode Observasi....................................................................................................23

Universiti Malaya

iv. Metode Komparatif ... 23

IX. Pengertian Tajuk ... 23

X. Sistematika Kajian ... 25

**BAB 1: HADITH-HADTH BERKAITAN HAK DAN LAYANAN TERHADAP WARGA EMAS**

1.1 PENDAHULUAN ... 27

1.2 PENGERTIAN WARGA EMAS ... 28

1.2.1. Secara Etimologi ... 28

1.2.2. Secara Terminologi ... 30

1.3 WARGA EMAS DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN ... 34

1.4 SENARAI HADITH-HADITH PILIHAN MENGENAI WARGA EMAS ... 42

1.4.1. Hadith Tentang Keutamaan Warga Emas ... 42

1.4.1.1. Panjang umur merupakan suatu kurniaan yang patut disyukuri ... 42

1.4.1.2. Warga emas mendapat tempat yang utama di sisi Allah SWT kerana amalnya ... 44

1.4.1.3. Warga emas merupakan salah satu sebab dilimpahkan rezeki dan pertolongan Allah SWT ... 45

1.4.2. Hadith Tentang Hak-Hak Warga Emas ... 46

1.4.2.1. Warga emas merupakan golongan yang harus dimuliakan ... 47

1.4.2.2. Warga emas merupakan golongan yang harus dihormati ... 48

1.4.2.3. Warga emas merupakan golongan yang tidak boleh diremehkan 50

1.4.2.4. Warga emas memiliki rukhṣah pada beberapa ketentuan syariat 51

1.4.3. Hadith Tentang Layanan Warga Emas ... 56

1.4.3.1. Warga emas bukan merupakan golongan yang boleh dipandang rendah ... 56

1.4.3.2. Memulakan warga emas dalam bercakap ... 57

1.4.3.3. Memulakan warga emas dalam pemakanan ... 58

1.4.3.4. Memulakan salam terhadap warga emas ... 59

Universiti Malaya

1.4.3.5. Mendahulukan warga emas dalam semua perkara ....................... 60

1.4.3.6. Warga emas merupakan golongan yang lebih utama untuk diziarahi ........................................................................................... 62

1.4.3.7. Meringankan solat berjamaah terhadap warga emas ................... 62

1.5 KESIMPULAN ........................................................................................ 64

**BAB II: LATAR BELAKANG DAN PERANAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG DALAM MELINDUNGI WARGA EMAS SERTA FUNGSINYA SEBAGAI RUMAH JAGAAN KEJURURAWATAN**

2.1 PENGENALAN ........................................................................................ 66

2.2 SEJARAH PERTUBUHAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ............................................ 67

2.3 VISI DAN MISI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ............................................................ 70

2.4 STRUKTUR PENTADBIRAN ............................................................... 73

2.5 PROSES KEMASUKAN PENGHUNI

2.5.1 Kes Tetap ......................................................................................... 76

2.5.2 Kes Papa .......................................................................................... 76

2.5.3 Kes Tahanan Sementara ................................................................... 78

2.6 DASAR PELAKSANAAN ...................................................................... 77

2.7 KEMITRAAN ........................................................................................ 81

2.8 FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB WARGA EMAS TINGGAL DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ............................................................................................ 82

2.8.1 Terpenuhinya Keperluan Hidup ....................................................... 84

2.8.2 Kemudahan Majlis Ilmu ................................................................... 85

2.8.3 Kemudahan Beribadat ....................................................................... 86

2.8.4 Keseronokan Bersama Rakan Sebaya ............................................... 87

2.9 DATA WARGA EMAS BINAAN ......................................................... 87

2.10 KESIMPULAN ...................................................................................... 91

Universiti Malaya

BAB III: BENTUK-BENTUK LAYANAN TERHADAP WARGA EMAS DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

3.1 PENDAHULUAN ..... 93

3.2 DATA DEMOGRAFI WARGA EMAS DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ..... 94

3.3 LATAR BELAKANG INFORMAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ..... 95

3.4 PRINSIP UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG DALAM MELAYANI WARGA EMAS

3.4.1 Menghargai Maruah Diri (*Respect of Human Dignity*) ..... 97

3.4.2 Menjaga Kerahsian (*Confidentiality*) ..... 98

3.4.3 Tidak Memberikan Stigma (*Destigmatization*) ..... 99

3.4.4 Tiada Pengasingan (*Deisolation*) ..... 99

3.4.5 Menjauhkan Sikap Sensitif ..... 99

3.4.6 Layanan yang Berkeseluruhan ..... 100

3.4.7 Layanan yang Cepat dan Tepat ..... 100

3.4.8 Layanan yang Berkualiti bagi Menjamin Kepuasan Individu ..... 101

3.4.9 Layanan Cekap dan Berkesan ..... 101

3.5 IDENTIFIKASI WARGA EMAS SEBAGAI UPAYA MENGOPTIMUMKAN LAYANAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ..... 102

3.5.1 Fasa Pendekatan Awal ..... 102

3.5.2 Fasa Penilaian (*Assessment*) ..... 103

3.5.3 Fasa Perencanaan Program Layanan ..... 103

3.5.4 Fasa Penilaian Akhir Terhadap Jawatan Layanan ..... 103

3.5.5 Fasa Penamatan dan Rujukan ..... 104

3.6 BENTUK LAYANAN YANG DIBERIKAN OLEH UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA TERHADAP WARGA EMAS ..... 104

3.6.1 Jaminan Ketersediaan Keperluan Hidup yang Bersifat Mendasar ..... 105

Universiti Malaya

3.6.1.1 Menyediakan tempat tinggal bagi warga emas .......................... 105

3.6.1.2 Menyediakan keperluan pakaian bagi warga emas .................. 107

3.6.1.3 Menyediakan layanan pemakanan yang baik bagi warga emas 118

3.6.2 Menyediakan Layanan Kesihatan Bagi Warga Emas ............................. 111

3.6.3 Menyediakan Program Sukan Bagi Warga Emas .................................. 114

3.6.4 Ketersediaan Layanan Kebersihan Bagi Warga Emas ........................... 115

3.6.5 Jaminan Keamanan Bagi Warga Emas ................................................. 116

3.6.6 Menyediakan Perkhidmatan Pendidikan dan Bimbingan Spiritual Bagi Warga Emas ........................................................................................... 117

3.6.7 Menyediakan Layanan Konsultasi Psikologis Bagi Warga Emas ........... 119

3.7 KESIMPULAN ...................................................................................... 121

**BAB IV: ANALISIS PERBANDINGAN TERHADAP LAYANAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG DALAM MELAYANI WARGA EMAS DENGAN PEMAHAMAN DALAM PERSPEKTIF HADITH**

4.1 PENDAHULUAN ..................................................................................... 124

4.2 ANALISIS DATA DEMOGRAFI WARGA EMAS ....................................... 126

4.3 ANALISIS PRINSIP-PRINSIP DASAR DALAM MELAYANI WARGA EMAS ................................................................................................ 128

4.3.1 Prinsip Saling Menghargai dan Menghilangkan Sensiviti Terhadap Warga Emas ................................................................................................... 129

4.3.2 Prinsip Menjaga Kerahsiaan dan Tidak Adanya Stigma serta Pengasingan . ............................................................................................... 133

4.3.3 Prinsip Layanan yang Berkeseluruhan, Cepat, Berkesan dan Menjamin Kepuasan Individu ......................................................................... 136

4.4 IDENTIFIKASI WARGA EMAS SEBAGAI UPAYA MENGOPTIMALKAN LAYANAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG ........................................138

4.5 ANALISIS BENTUK LAYANAN YANG DIBERIKAN OLEH UPTD RSGS TERHADAP WARGA EMAS ............................................................... 140

4.5.1 Jaminan Ketersediaan Keperluan Hidup Bagi Warga Emas .................. 140

University Malaya

4.5.2 Layanan Kesihatan Bagi Warga Emas ..... 149
4.5.3 Program Sukan Bagi Warga Emas ..... 151
4.5.4 Layanan Kebersihan Bagi Warga Emas ..... 153
4.5.5 Jaminan Keamanan Bagi Warga Emas ..... 153
4.5.6 Perkhidmatan Pendidikan dan Bimbingan Spiritual Bagi Warga Emas 154
4.5.7 Layanan Konsultasi Psikososial Bagi Warga Emas ..... 162
4.6 KESIMPULAN ..... 168

**BAB V: PENUTUP**

5.1 PENDAHULUAN ..... 170
5.2 RUMUSAN DAN KESIMPULAN ..... 170
5.3 CADANGAN DAN SARANAN ..... 173
5.3.1 Saranan kepada Universiti Malaya ..... 173
5.3.2 Saranan kepada pihak kerajaan ..... 173
5.3.3 Saranan kepada pihak Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang ..... 174
5.3.4 Saranan kepada masyarakat awam ..... 174
5.3 PENUTUP ..... 175
**BIBLIOGRAFI** ..... 176
**LAMPIRAN** ..... 184

Universiti Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

### 1. Huruf Konsonan

| Huruf Arab | Huruf Latin | Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|---|---|
| ء | ’ | ض | ḍ |
| ا | A | ط | ṭ |
| ب | B | ظ | ẓ |
| ت | Ṭ | ع | ‘ |
| ث | Th | غ | gh |
| ج | J | ف | f |
| ح | Ḥ | ق | q |
| خ | Kh | ك | k |
| د | D | ل | l |
| ذ | Dh | م | m |
| ر | R | ن | n |
| ز | Z | و | w |
| س | S | هـ | ḥ |
| ش | Sh | ي | y |
| ص | Ṣ | ة | h |

### 2. Huruf Vokal Panjang

| Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|
| آ | Ā |
| ي | Ī |
| و | Ū |

Universiti Malaya

### 3. Diftong dan Bacaan Berulang

| Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|
| وْ-ـَ- / أَو | Aw |
| يْ-ـَ- / أي | Ay |
| وْ-ـُ- / وّ | uww |
| يْ-ـِ- / يّ | iy/ī |

**Sumber**: *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

Universiti Malaya

# SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| **Jadual 1.1.** | Takhrij hadith tentang keutamaan warga emas | 42 |
| **Jadual 1.2.** | Takhrij hadith tentang hak-hak warga emas | 46 |
| **Jadual 1.3.** | Takhrij hadith tentang layanan warga emas | 56 |
| **Jadual 2.1.** | Sarana fasiliti Unit Pelaksana Teknis daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang | 72 |
| **Jadual 2.2.** | Struktur pentadbiran Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang | 74 |
| **Jadual 3.1.** | Demografi warga emas | 94 |
| **Jadual 3.2.** | Informan yang ditemubual | 96 |
| **Jadual 3.3.** | Demografi informan | 96 |
| **Jadual 3.4.** | Kegiatan harian warga emas di Unit Pelaksana Teknis daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang | 118 |


Universiti Malaya

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| a.s | : *'Alayh al-Salam* |
| Abd. | : Abdul |
| AC | : *Air Condition* |
| AHH | : Angka Harapan Hidup |
| am | : Ann Meridian |
| APBD | : Anggaran Pendapatan Belanja Daerah |
| bil. | : Bilangan |
| BPOM | : Badan Pengawas Obat dan Makanan |
| BPS | : Badan Pusat Statistik |
| BRR | : Badan Rehabilitasi Rakyat |
| Cet. | : Cetakan |
| DBP | : Dewan Bahasa dan Pustaka |
| dkk | : dan kawan-kawan |
| Dr. | : Doktor |
| ed. | : Edisi |
| Ed. | : Editor |
| Hj. | : Haji |
| Ibid | : *Ibidem* (Rujukan pada tempat sama) |
| ICCL | : *International Conference on Corporate Law* |
| Jil. | : Jilid |
| Kg | : Kampung |
| No. | : Nomor |
| PBB | : Pertubuhan Bangsa-Bangsa |
| PBUH | : *Peace be upon him* |
| pm | : Post Meridian |

Universiti Malaya

| | |
|---|---|
| Pn | : Puan |
| PNS | : Pegawai Negeri Sipil |
| Prof. | : Professor |
| Prof. | : Professor |
| QS | : Quran Surat |
| RA | : *Raḍiya Allāh ʻanh* |
| SAW | : *Ṣalla Allāh ʻalayh wa sallam* |
| Sdn Bhd | : Sendirian Berhad |
| SK | : Surat Keputusan |
| SWT | : *Subhanahu wa taʻālā* |
| t.p. | : Tanpa Penerbit |
| t.t. | : Tanpa Tahun |
| t.t.p. | : Tanpa Tempat Penerbit |
| Tn | : Tuan |
| UPTD RSGS | : Unit Pelaksana Teknis Daerah Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang |
| UU | : Undang-Undang |
| UUD | : Undang-Undang Dasar |
| WHO | : *World Health Organization* |

Universiti Malaya

# PENDAHULUAN

## I. Pengenalan

Kajian mengenai warga emas sudah menjadi kajian klasik (ketinggalan zaman) yang tidak menarik lagi untuk dijalankan. Warga emas bukan lagi menjadi masalah yang signifikan. Lebih-lebih lagi setelah adanya banyak rumah jagaan yang menampung warga emas tersebut bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Seolah-olah permasalahan warga emas dianggap telah selesai. Di samping kurangnya penulisan dan pendedahan kepada masyarakat mengenai kejadian penderaan dan pengabaian yang melibatkan warga emas sebagai mangsa tidak menjadikan salah satu bentuk jenayah dalam keluarga ini sebagai kurang serius.[1]

Manakala kita membuka bahasan mengenai warga emas, terlebih lagi warga emas yang sampai di rumah jagaan maka sangat erat kaitannya dengan penjagaan terhadap orang tua. Maka perlu dipahami bahawa dalam kajian adat dan budaya Aceh terdapat beberapa pandangan mengenai penjagaan terhadap orang tua, sehingga yang mulanya warga emas bukan menjadi masalah jika anak dan keluarga mereka mematuhi dan menjalankan aturan adat yang baik dan yang sedia ada bagi menjunjung tinggi kelangsungan hidup para orang tua.

Dalam *Adatunnah*[2] Aceh[3], ada beberapa aturan yang merujuk kepada tanggungjawab penjagaan orang tua.

1. Orang tua tinggal bersama anak perempuan yang paling bongsu atau dalam beberapa kes anak yang paling akhir melaksanakan pernikahan.

---

1 Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga emas Di Malaysia,* (Fakulti Undang-Undang University Malaya, Kuala Lumpur: ICCL Surabaya-Indonesia, 2009).

2 *Adatunnah,* iaitu adat istiadat sebagai manifestasi dari qanun dan resam yang mengatur kehidupan masyarakat Aceh.

3 Laka Dista Aceh, *Adat Aceh*, T. Alamsyah, Tuanku Abdul Jalil (Ed), (Banda Aceh: Yayasan Pena, 1990), 175.

Universiti Malaya

Hal ini kebiasaannya berlaku di Aceh Besar dan Aceh Pidie kerana berpandukan kepada hukum adat rumah diberikan kepada anak perempuan. Anak lelaki pula tidak mendapat hak pemilikan rumah. Setelah berkahwin, anak lelaki akan keluar dari rumah orang tuanya untuk tinggal bersama isterinya atau membuat rumahnya sendiri. Umumnya anak lelaki bertanggungjawab dalam memenuhi keperluan material orang tuanya manakala anak perempuan mendapat bahagian warisan yang lebih sebab menjaga orangtuanya.

2. Orang tua tinggal bersama anak lelaki

Mengikut hukum Islam, anak lelaki bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keluarga terutamanya kepada kedua orang tuanya. Dalam hal ini anak perempuan tidak mendapat bahagian rumah dan harus mengikuti suami. Kedua-dua perkara ini merupakan representasi dari firman Allah SWT.

قُلْ تَعَالَوْاْ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْۖ أَلَّا تُشْرِكُواْ بِهِۦ شَيْـًٔاۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ

إِحْسَٰنًا...

Al-An‘ām 6:51

Terjemahan: Katakanlah: "Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu yaitu: janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa…".

Dalam surah al-Isrā’ pula Allah berfirman:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ

كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (23) وَاخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ

الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا(24)

Al-Isrā’ 17:23-24

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu

Universiti Malaya

> terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil.

3. Bagi yang tidak memiliki anak atau hanya seorang diri maka mereka akan tinggal bersama kerabat terdekat sampai akhir hayatnya.

Realitinya, disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor ekonomi, interaksi sosial antara keluarga, degradasi moral dan perkembangan dunia global, menyebabkan berlaku beberapa pengabaian terhadap orang tua dan timbullah hajat untuk mempunyai sebuah badan yang menjamin kelangsungan dan kebahagiaan hidup warga emas. Pada awalnya merupakan tanggungjawab keluarga mereka namun bertukar tangan menjadi tanggungjawab masyarakat yang dipenuhi dengan individu-individu asing bagi mereka yang tidak memiliki hubungan emosi yang mendalam dan sebagainya.

Persoalan usia tua ini merupakan hal yang bersifat berterusan dari semasa ke semasa. Hal ini demikian, memerlukan perhatian khusus berkaitan permasalahan-permasalahan global yang muncul. Pada era globalisasi ini muncul pelbagai program dalam usaha pemerkasaan masyarakat tua yang bertujuan untuk membendung permasalahan sosial dalam usaha menjaga dan menjunjung tinggi hak asasi warga emas.

## II. Latar Belakang Masalah

Islam merupakan agama yang tidak mendiskriminasikan, termasuk diskriminasi umur. Setiap peringkat umur adalah penting dalam pandangan Islam dan mempunyai kelebihan masing-masing. Peningkatan kualiti hidup warga emas dalam populasi masyarakat telah mewujudkan permintaan untuk menyediakan fasiliti dan layanan khas bagi warga emas di kawasan rumah warga emas. Hal demikian adalah supaya mereka dapat menjalani kehidupan sebagai orang normal dengan selayaknya. Walau bagaimanapun, fasiliti yang

Universiti Malaya

telah disediakan di rumah warga emas tidak mencukupi untuk menampung jumlah penghuni yang semakin meningkat saban hari.[4]

Berdasarkan bancian[5] penduduk tahun 2010, jumlah populasi warga emas 60 tahun ke atas di dunia terus bertambah. Bermula pada tahun 1950 seramai 13 juta (4% daripada jumlah populasi), tahun 2000 seramai 16 juta (7.2% daripada jumlah populasi), tahun 2010 seramai 28 juta jiwa dan terus bertambah sekitar 8 juta setiap tahun. Dianggarkan pada tahun 2025 menjadi 41.5 juta (13.6% daripada jumlah populasi) dan pada tahun 2050 seramai 79.6 juta (23.7% daripada jumlah populasi).[6]

Berdasarkan bancian tahun 2015 di Aceh, jumlah keseluruhan warga emas telah mencapai 40 ribu jiwa, 25.553 di antaranya adalah mereka yang terbiar[7]. Menurut Shahir, S, penuaan penduduk akan menimbulkan keperluan kewangan yang lebih tinggi bagi persiapan hidup masa tua. Sekiranya mereka tiada bantuan dari sudut kewangan maka penyelesaian utama adalah meminta bantuan kepada pihak keluarga. Namun jika keluarga tidak mampu menyara maka penyelesaian akhir adalah memohon bantuan pemerintah. Dalam hal ini, negara terpaksa memungut banyak cukai untuk mengelakkan kemiskinan bagi warga emas[8].

Sementara itu, terdapat dua puluh empat sahaja rumah kebajikan di Aceh. Dua rumah sahaja dimiliki oleh pemerintah selebihnya merupakan milik swasta[9] yang boleh tutup bila-bila masa sahaja bergantung kepada keadaan ekonomi. Jelasnya daripada sebilangan besar jumlah warga emas yang memerlukan bantuan, hanya sebahagian kecil sahaja daripada mereka yang mendapat bantuan tersebut. Masih ramai lagi warga emas

---

4 Shalini A/P Sanmargaraja, *Penyediaan Fasiliti di Rumah Warga emas: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru*, (Malaysia: Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn, 2012), 9.

5 Banci adalah cara pengumpulan data yang dilakukan melalui banci semua unit populasi di seluruh wilayah Republik Indonesia untuk memperoleh karakteristik suatu populasi pada saat tertentu. Banci dilaksanakan sekurang-kurangnya 10 tahun sekali.

6 *http://www.bps.go.id*

7 *Ibid.,*

8 Shahir, S, *Memorandum Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia*, Dicapai pada Januari 27, 2010, dari Kesatuan Sekerja Malaysia: http://67.59.173.161/cst4/docs/bkageing_Malaysia.pdf.

9 *http://www.dinsosaceh.go.id*



Universiti Malaya

yang tidak mendapat perhatian daripada pemerintah dalam rangka penambahbaikan kehidupan mereka.

Dari segi fizikal pula, warga emas mengalami masalah kesukaran untuk menjaga diri sendiri. Golongan ini sentiasa memerlukan bantuan daripada individu lain untuk melakukan aktiviti fizikal seperti bangun, duduk, berjalan, mandi atau makan. Belum lagi menyentuh berkaitan dengan pelbagai penyakit seperti penyakit *degenerative* (kemerosotan) yang membuatkan warga emas lebih memerlukan perhatian daripada orang-orang disekelilingnya.[10]

Kebiasannya, warga emas akan berkelakuan seperti anak-anak kecil kerana daya fikiran mereka akan menjadi lembap dan lemah. Penurunan keupayaan mental, perubahan peranan sosial, nyanyuk dan stress yang sering dialami oleh warga emas turut memburukkan keadaan mereka yang berpunca daripada masalah psikologi, mental dan spiritual. Hal ini semakin memburuk dengan penambahan manifestasi yang kompleks daripada depresi.

Dari Aspek yang lain pula, punca pengabaian warga emas juga mungkin disebabkan oleh tindakan ibu bapa itu sendiri. Pengabaian terhadap kedua ibu bapa juga mungkin disebabkan oleh pengalaman anak-anak itu sendiri semasa di alam kanak-kanak. Semasa mereka kecil, kedua ibu bapa mereka mungkin bersifat bengis, suka mendera sama ada dari segi aspek fizikal atau mental ditambah pula dengan kurangnya pendidikan agama. Jadi, anak-anak bertindak balas dan menyimpan perasaan untuk membalas dendam terhadap kedua ibu bapanya yang dianggap kejam itu.

Pada zaman moden, hubungan orang muda dan orang tua semakin renggang. Kesibukan yang melanda kaum muda hampir meragut seluruh masa sehingga mereka memiliki sedikit waktu sahaja untuk memikirkan mengenai orang tua mereka. Keadaan seperti ini menyebabkan kurangnya komunikasi antara orang tua dan anak, kurangnya

---

10 Siti Maryam dkk, *Mengenai Lansia dan Perawatannya*, (Jakarta: Salemba Medika, 2008), 21.



Universiti Malaya

perhatian dan pemberian rawatan terhadap orang tua. Keadaan masyarakat kota yang mementingkan kuasa dan kekayaan banyak menimbulkan rasa pelbagai rasa seperti cemas, tegang dan takut bagi penduduk yang dapat menyebabkan penyakit mental. Keadaan kota yang bersifat individualisme menyebabkan hubungan sosial menjadi longgar sehingga penduduk merasa tidak aman, kesepian dan ketakutan.[11]

Semasa orang tua berumur muda, kekuatan fizikal masih mengiringinya sehingga mereka mampu melaksanakan tanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anak mereka. Namun setelah mereka semakin berumur dan tua dan anak mereka sudah meningkat dewasa, berpusing roda tanggungjawab kepada anak pula.[12]

Begitu banyak dalil yang memerintahkan umat manusia untuk berbakti kepada kedua orang tua dan peringatan akan dosa besar bagi yang mengabaikan mereka. Namun masih banyak kejadian penderaan terhadap warga emas yang meliputi penderaan emosi, fizikal, spiritual dan sosial. Bahkan dibiarkan tinggal bersendirian di usia uzur turut diklasifikasikan sebagai satu penderaan.[13] Selanjutnya pengabaian warga emas yang hampir wujud di semua negara seluruh dunia sebagaimana kes penderaan kanak-kanak dan wanita.[14] Terdapat kes yang dilaporkan dimana penderaan dan pengabaian tersebut menyebabkan mereka meninggal dunia. Hal yang memeritkan adalah pelaku pengabaian merupakan anak kandung atau menantu sendiri.[15]

Pada tahun 2008 tingkat kekerasan terhadap warga emas di Indonesia berdasarkan hasil survey di 10 ibu kota propinsi di Indonesia, masing-masing mencatatkan penderaan fizikal (menampar) adalah 17,43%, penderaan psikologi (dibentak sebasar) 31,36%,

---

[11] Yūsuf Qardhāwi, *Huqūq al Musannīn fi al Islām Mauqī'il Qardhawi Ākhar al-Tahdīth*, (Mekkah: Al-Sibt, 2011), 2.

[12] Azimi Yahya dkk, *Tehnik Berkesan Mendidik Anak*, (Klang: Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 17.

[13] Aishah@Eshah Haji Mohamed, *Warga Emas Melayu Di Pinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman Dan Persepsi Tentang Diri, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekitaran*, (Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, University Kebangsaan Malaysia, 2012), 11.

[14] Kosberg, Jordan I., Loweinstein, Ariela, Garcia, Juanita L. dan Biggs, Simon, *Study of Elderly Abuse Within Diverse Cultures*, *Journal of elderly Abuse & Neglect*, *2003, 15 (3-4): 89.*

[15] Kayoko Azaka et.al, *Elder Abuse and Neglect: Social Problem Revealed from 15 Autopsy Cases,* (Legal Medicine, 2003), 7.



Universiti Malaya

penderaan sosial (perlakuan tidak adil) 67,33% dan penderaan ekonomi (penelantaran) adalah 68,55%.[16]

Keberadaan warga emas yang semakin meningkat akan menimbulkan pelbagai masalah. Rumah jagaan orang tua menjadi alternatif terakhir bagi warga emas. Masalah yang muncul seperti masalah fizikal, psikologi dan sosial akibat penyakit penuaan yang muncul yang seiring bertambahnya usia bakal menjadi cabaran besar bagi warga emas dan lingkungannya.[17] Sepatutnya diusia senja, warga emas mendapatkan layanan yang lebih sama ada dari segi kesihatan, psikologi atau keagamaan. Hal demikian kerana ketiga-tiga faktor ini merupakan faktor asasi yang sangat menentukan. Mereka menginginkan kehidupan yang tenang, nyaman dan bahagia yang mampu didapati hasil daripada layanan yang baik.[18]

Permasalahan warga emas sepatutnya diselesaikan apabila mereka menginjakkan kaki di rumah jagaan namun hal ini merupakan permasalahan baru yang bakal dihadapi apabila warga emas berurusan dengan kemampuan fizikal yang terbatas dan menghadapi dunia baru yang asing baginya. Dalam hal ini psikologi dan emosinya menghadapi cabaran yang signifikan kerana memerlukan campur tangan orang kedua yang akan membantu aktiviti sehariannya.

Unit Pelaksana Teknik Dinas Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang adalah salah satu dari Unit Pelaksana Teknis Daerah dalam lingkungan Dinas Sosial Pemerintah Aceh yang mengurus secara khusus warga emas yang terbiar atau yang mempunyai permasalahan sosial. Mereka diterima untuk disantuni dan diletakkan di dalam wisma agar dapat hidup dengan sempurna yang mampu memenuhi keperluan hidup, pembinaan fizikal, psikologi, mental, sosial, kesihatan, keagamaan dan pengetahuan serta bimbingan

---

[16] https://staff.blog.ui.ac.id/.../Contoh-TM-NA-Kesehatan-Lansia.pdf

[17] Elizabeth dkk, *Psikologi Perkembangan dari Bayi Sampai Usia Lanjut*, (Jakarta: Erlangga, 1980), 53.

[18] Al-Amānah al-ʻĀmmah Linnadwah Al-Hadīth Al-Syarīfah, *Al-Qayyim Al-Hadhāriyyah Fi Al-Sunnah Al-Nabawiyyah Nadwah ʻUlūmiyyah Dawliyyah Tsālitsah*, (Dubai, Uni Emirat Arab: Kulliyyah Al-Dirāsat Al-Islāmiyyah Wa al-ʻArabiyyah, 2007), 187.

Universiti Malaya

dalam mengisi kehidupan yang bermakna untuk menikmati hari tua mereka dengan bahagia.[19]

Berdasarkan kepada Qanun Aceh No 11 Tahun 2013 tentang Kesejahteraan Sosial, dalam pasal 30 disebutkan bahawa warga emas yang terbiar menjadi persaraan negara dengan memberikan kemudahan pelayanan dalam bidang kesihatan, perjalanan, rekreasi, keagamaan, mental spiritual dan pelayanan batuan hukum.[20] Namun, kondisi bahagia ini hanya sebagai gambaran luaran sahaja. Berdasarkan fakta didapati bahawa beberapa di antara warga emas yang tinggal di rumah jagaan ini meminta-minta sedekah di jalanan. Kegiatan tersebut dilakukan berulang kali.[21]

Fenomena warga emas meminta-minta menimbulkan pertanyaan tentang apa motif yang melatarbelakangi padahal secara aturan sudah jelas bahawa mereka di bawah persaraan rumah jagaan. Ahmadi mengungkapkan bahawa salah satu sebab yang mendorong seseorang untuk bertindak adalah kerana lingkungan sekitar yang merangsang untuk berbuat.[22]

Lebih lagi berdasarkan observasi awal di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang didapati warga emas memberikan banyak keluhan yang kurang memuaskan mengenai layanan yang diterima. Misalnya pengasuh kurang memperhatikan kebersihan warga emas yang sudah tidak mampu melayan diri, pakaian yang bernajis jarang dibersihkan, sehingga bau pesing mengganggu warga emas lain yang tinggal dalam satu hunian. Interaksi keseharian antara warga dan para pengurus rumah jagaan juga dikeluhkan kerana tidak semua pengurus/ pengasuh memberikan respon yang baik manakala berinteraksi dengan warga emas, sehingga terkesan warga emas yang tinggal di rumah jagaan dipandang rendah dan hina. Contohnya apabila penyajian

---

[19] Profil Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Genaseh Sayang, 2002.
[20] Qanun Aceh No 11 Tahun 2013 tentang Kesejahteraan Sosial disahkan pada masa pemerintahan Dr. Zaini Abdullah, 32.
[21] Http://aceh.tribunnews.com/2015/01/10/33-pmks-diamankan-satpol-pp
[22] Abu Ahmadi, *Psikologi Sosial*, (Jakarta, Penerbit: PT Rineka Cipta, 1999), 100.



Universiti Malaya

makanan warga emas sering dimarahi.[23] Gambaran kes tersebut mengasumsikan buruknya layanan terhadap warga emas di lingkungan Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang.

Dalam mengimplementasikannya, warga emas dikategorikan sebagai objek layanan yang mempunyai banyak masalah yang akan menimbulkan ketidakserasian sehingga boleh menyebabkan perkelahian antara pengasuh dan warga emas. Dalam rangka mewujudkan sebuah model layanan yang efektif, tepat sasaran, berkualiti, dan mampu memenuhi hak-hak warga emas, satu kajian yang mendalam perlu dilakukan bagi menilai dari perspektif sunnah. Bagi memenuhi keperluan ini, kajian ini dilakukan dengan menganalisis pelaksanaan program dan layanan warga emas yang diterima di UPTD RSGS dalam pelbagai aspek. Kajian ini diharapkan mampu mengenalpasti keperluan warga emas dan menganalisis kekuatan dan kekurangan program tersebut. Hasilnya bakal dijadikan rujukan dalam menyusun reka bentuk program dan layanan sosial yang tepat dan bersesuaian dengan hadith Rasulullah SAW.

## III Persoalan Kajian

Merujuk kepada latar belakang kajian, masalah yang ingin diselesaikan dalam kajian ini berlandaskan kepada persoalan berikut :

1. Apakah konsep layanan terhadap warga emas menurut perspektif hadith?
2. Apakah latar belakang Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang, peranan dan tugasnya dalam menjalankan fungsi sebagai rumah kebajikan warga emas?
3. Apakah bentuk-bentuk layanan terhadap warga emas yang dipraktikkan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang?

Universiti Malaya

[23] Observasi dilakukan pada tanggal 1 September 2015

4. Apakah perbandingan terhadap layanan Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang dalam melayani warga emas dengan pemahaman dari perspektif hadith?

## IV Objektif Kajian

Bagi memastikan kajian ini tidak keluar daripada rangka yang telah ditentukan, beberapa objektif telah disandarkan oleh pengkaji untuk dicapai agar kajian ini benar-benar mencapai objektif yang ditetapkan dan tidak keluar daripada tujuan kajian Kajian ini merangkumi beberapa objektif berikut:

1. Menjelaskan konsep layanan terhadap warga emas menurut perspektif hadith.
2. Mengenal pasti latar belakang Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang dan peranannya dalam menjalankan tugas serta fungsinya sebagai rumah kebajikan warga emas.
3. Mengkaji bentuk-bentuk dan pendekatan layanan yang dipraktikan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang terhadap warna emas.
4. Menganalisis bentuk dan pendekatan layanan yang dipraktikan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang terhadap warna emas dan perbandingannya dari perspektif hadith.

## V Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan kerana beberapa sebab, iaitu:

1. Membuktikan bahawa hadith Nabi Muhammad SAW merupakan sumber pendalilan dan penghujahan yang ideal dalam semua bidang keilmuan. Dalam hal ini dikhususkan dalam menangani permasalahan berkaitan dengan warga emas.

Universiti Malaya

2. Memberikan maklumat mengenai latar latar belakang Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang dan peranannya sebagai rumah kebajikan warga emas.
3. Memberikan gambaran yang sebenarnya tentang layanan terhadap warga emas yang digunapakai di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang.
4. Menghasilkan suatu kaedah dan metode khusus dalam menangani dan melayani warga emas di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang. Hasilnya dapat dijadikan suatu panduan di rumah-rumah kebajikan yang akhirnya dapat menggalakkan pengamalan kaedah yang bersesuaian dengan syariat Islam berdasarkan Sunnah.

## VI Skop Kajian

Kajian ini memberikan fokus pembahasan terhadap beberapa perkara yang penting berkaitan layanan terhadap warga emas menurut hadith Nabi Muḥammad SAW. Fokus kajian adalah; pertama, mengumpulkan dan mentakhrij hadith-hadith secara ringkas dengan mengumpulkan beberapa pandangan ulama terhadap hadith tersebut. Proses ini akan memberikan tumpuan terhadap hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* (Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwud, Jāmi‘ al-Tirmidhī, Sunan Ibn Mājah dan Sunan al-Nasā'ī).

Kedua, menganalisis hadith tersebut dengan merujuk kepada kitab-kitab syarah hadith dan kitab lain yang berkaitan supaya di akhir kajian nanti dapat menghasilkan panduan yang jelas mengenai bagaimana layanan terhadap warga emas yang sesuai dengan hadith Rasulullah SAW.

Universiti Malaya

Ketiga, mengkaji kaedah-kaedah layanan yang diaplikasikan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh dalam melayani warga emas.

Selanjutnya pengkaji akan menganalisis keseluruhan data yang telah dikumpulkan satu persatu supaya dapat difahami dengan jelas mengenai layanan terhadap warga emas berdasarkan kepada hadith Nabi Muhammad SAW. Seterusnya analisis dilakukan untuk mengkaji kaedah yang diaplikasikan di rumah jagaan warga emas tersebut bersesuaian dengan ajaran Nabi Muhammad SAW ataupun tidak. Setelah melalui beberapa tahapan tersebut, akhirnya pengkaji dapat memahami dengan pasti apakah yang harus dilakukan terhadap warga emas berdasarkan kepada perilaku baginda kepada warga emas tersebut.

## VII Ulasan Penulisan / *Literature Review*

Berdasarkan hasil carian kajian pengkaji, terdapat banyak kajian dan karya bertulis yang telah dihasilkan berkaitan dengan warga emas. Kajian tersebut mempunyai pelbagai fokus kajian sama ada mengkaji dari sudut psikologi, sosiologi, perubatan dan sebagainya. Carian dilakukan berdasarkan kepada; [*pertama*]: bahan-bahan yang diterbitkan seperti buku, kitab, artikel, [*kedua*]: bahan-bahan tidak tidak diterbitkan dalam bentuk kertas kerja seminar dan persidangan dan [*ketiga*]: penulisan ilmiah dalam bentuk disertasi sarjana atau tesis kedoktoran. Keseluruhan literature tersebut dibahagikan kepada beberapa tema berikut:

[**PERTAMA**]: Kajian dan literatur yang memfokuskan kepada perbincangan mengenai warga emas atau orang tua yang dibincangkan dari pelbagai aspek seperti pemikiran, rohani, hak-hak warga emas, sejarah, sosio-ekonomi, sosial, dan sebagainya.

**Pertama**: Doris Padmini Separatman. Dkk, dalam bukunya *Warga Emas di Malaysia, Ke Arah Keserjahteraan Ekonomi dan Sosial*, yang diterbitkan tahun 2010 menyebutkan bahawa peningkatan warga emas di kebanyakan Negara telah

Universiti Malaya

meningkatkan peranan institusi yang bertanggung jawab mengurus kebajikan golongan ini. Peningkatan kualiti kesihatan dan penurunan kadar kematian telah meningkatkan jumlah penduduk yang berumur 65 tahun. Peningkatan angka hayat penduduk selari dengan peningkatan kualiti hidup terutamanya dalam kalangan golongan tua. Kemunculan institusi penjagaan warga emas bertujuan menyediakan khidmat yang bijak dari segi kesihatan, permintaan terhadap ketenangan jiwa dan kebersihan alam sekitar.

Metode penulisan yang digunakan oleh Doris Padmini Separatman Dkk ialah dengan membandingkan keadaan dan perkembangan hidup warga emas antara negara. Beliau menfokuskan kajiannya terhadap aspek lingkungan hidup dan kesihatan yang sangat berbeza dengan kajian yang sedang pengkaji lakukan.

**Kedua**: Elmi Baharuddin Zainab Ismail dalam jurnal Islamiyyat; Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies (2013) yang bertajuk *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Emas dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*. Artikel ini mendapati bahawa terdapat ramai warga emas yang mengalami masalah dalam mengamalkan amalan agama secara sempurna. Situasi ini memerlukan satu medium untuk menentukan hubungan kecerdasan rohani dengan amalan agama. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep kecerdasan rohani dalam Islam, mengenal pasti latar belakang warga emas, menganalisis amalan agama, tahapan kecerdasan rohani dan hubungan antara domain kecerdasan rohani dengan amalan agama. Kajian ini juga berbeza dengan kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji.

**Ketiga:** Cheng, Shi Hui, Suzana Shahar, Fatt Soon Lee, and Ayiesah Ramli. dalam jurnal "*Sejarah Jatuh dan Hubungannya dengan Status Pemakanan di Kalangan Pesakit Warga Emas (History of Falls and Its Relationship with Nutritional Status Among Elderly Patients*)" tahun 2012, menyebutkan bahawa risiko jatuh yang meningkat yang menyebabkan kecederaan dan ketidakfungsian dalam kalangan warga emas. Kajian ini bertujuan untuk menentukan kelaziman jatuh dan hubungannya dengan status pemakanan

dalam kalangan 143 pesakit warga emas di wad perubatan dan klinik pesakit luar di Hospital Kuala Lumpur. Pengukuran fizik manusia diambil dan status kesihatan tulang dinilai dengan ultrabunyi kuantitatif. Sejarah jatuh, status fungsi dan pengambilan makanan berdasarkan sejarah diet turut dicerap dengan menggunakan borang soal-selidik dan temuduga bersemuka dengan subjek. Satu pertiga daripada subjek kajian pernah jatuh terutamanya dalam kalangan wanita. Program perubahan pola pemakanan dan kesihatan harus dilakukan ke atas pesakit warga emas bagi mengurangkan risiko jatuh dan komorbiditi akibat jatuh.

**Keempat**: Yūsuf Qarḍāwī dalam artikelnya *Ḥuqūq al-Musannīn fī al-Islām Mawq' al-Qarḍāwī Akhar al-Takhdīth* yang telah diterbitkan di Mekkah pada tahun 2001 menyebutkan bahawa dalam perkembangan dunia Barat, banyak orang tua yang terlantar. Beliau melihat dunia Islam akan merujuk kepada hal demikian dimana generasi muslim akan mencontohi model Barat yang dianggap moden. Kita sudah tidak melihat jasa-jasa orang tua terdahulu. Menurut beliau, hal ini sangat bertentangan dengan syariat Islam yang sepatutnya. Yusuf Qarḍāwī melihat aspek penyebab merosotnya moral generasi Islam melalui pendekatan cabaran ilmu pengetahuan dan teknologi yang mana tuntutan material sangat berpengaruh bagi pola pelayanan anak terhadap ibu bapa mereka.

Dalam hal ini pengkaji akan lebih fokus kepada cabaran semasa mengenai pelayanan warga emas di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang. Pengkaji mendapati bahawa tulisan ini akan dapat memberikan pemahaman yang mendasar terhadap penanggulangan dari hal yang telah dikemukakan oleh Yusuf Qardhawi.

[**KEDUA**]: Kajian dan literatur yang memberi fokus kepada perbincangan terhadap aspek penjagaan orang tua-tua yang melibatkan aspek kemudahan atau fasiliti, berkait dengan penjaga dan pengelola rumah jagaan, serta hubung kaitnya dengan pengurusan sama ada

Universiti Malaya

dikaitkan dengan kajian lapangan atau tidak.

Berdasarkan carian, terdapat beberapa literatur yang membincangkan aspek perbincangan kemudahan atau fasiliti, berkait dengan penjaga dan pengelola rumah jagaan, serta hubung kaitnya dengan pengurusan.

**Pertama:** Kajian yang dilakukan oleh Sanmargaraja Shalini dalam tesisnya "*Penyediaan Fasiliti di Rumah Warga Emas: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru*" tahun 2012 menyebutkan bahawa pada masa kini, kebanyakan orang mementingkan materialisme menyebabkan anak-anak mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa dengan menghantar mereka ke rumah warga emas. Fokus kajiannya adalah menjurus kepada masalah yang dihadapi oleh warga emas dan aksesibiliti fasiliti di rumah warga emas yang sedia ada. Terdapat tiga objektif yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu [*pertama*]: mengkaji penyediaan fasiliti untuk warga emas di rumah warga emas, [*kedua*]: mengkaji pandangan penghuni semasa berada di rumah warga emas dan [*ketiga*]: mengkaji perbandingan jenis fasiliti yang disediakan di rumah warga emas di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru.

Dari kajian tersebut disimpulkan bahwa semua rumah warga emas mempunyai fasiliti tetapi tidak mencukupi dengan pertambahan golongan penghuni rumah tua pada masa kini. Skopnya hanya terbatas pada aksesibiliti fasiliti yang berbeza dengan kajian pengkaji.

**Kedua**: Yau Yee Peng, dalam disertasi sarjananya "*Ciri-Ciri Wacana Penjaga di Rumah Warga Emas"* pada tahun 2010 berusaha mengenali ciri- ciri wacana di sebuah rumah warga emas. Ia menfokuskan kajiannya terhadap *elderspeak*[24], sama ada penjaga menggunakan cara bercakap dengan kanak-kanak ketika berkomunikasi dengan warga emas atau ciri-ciri seperti bercakap dengan kanak-kanak tersebut yang wujud dalam wacana penjaga. Kajian ini berbeza dengan pengkaji kerana fokus kajian ini bukan pada

---

24 *Elderspeak* adalah istilah yang merujuk kepada penggunaan bahasa, seperti bercakap dengan kanak-kanak apabila berinteraksi dengan orang tua.



Universiti Malaya

masalah menggunakan cara komunikasi dengan kanak-kanak pada saat berinteraksi dengan warga emas sahaja tetapi mencakupi semua bidang yang sesuai dengan hadith Nabi Muhammad SAW.

**Ketiga**: *Penghormatan dan Pembelaan Islam Terhadap Orang-Orang Tua; Suatu Kajian di Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah*, 1995 (tulisan ijazah) menyebutkan bahawa ayat suci al-Quran, hadith Nabi SAW dan cerita- cerita sejarah berada pada satu hakikat iaitu Islam telah memberi penghormatan dan pembelaan yang tinggi kepada orang tua khususnya ibu bapa. Anak-anak perlu sedar dan menerima hakikat ini malah memerlukan minda mereka menjiwai kehendak dan tuntutan agama dan seterusnya merealisasikannya dalam kehidupan mereka.

Skop kajian tersebut mengenai kebajikan anak terhadap orang tua dengan mengemukakan ayat- ayat al-Quran yang berkenaan dan melihat dari aspek perlakuan anak kepada ibu bapa sahaja. Kajian ini berbeza dengan kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji.

**Keempat**: Hanita Ashaari, *Tanggung Jawab Masyarakat Terhadap Orang Tua, Suatu Kajian Di Rumah Seri Kenangan Bedong Kedah, Darul Aman,* 1993 (tulisan ijazah) mengemukakan bahawa secara jelas kita telah mengetahui bahawa masyarakat memainkan peranan penting untuk membantu golongan tua terutama mereka yang memerlukan perlindungan. Pengkaji memaparkan bahawa orang tua merupakan tanggungjawab masyarakat sekeliling dan selanjutnya penulis mengemukakan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan serta masalah yang dihadapi oleh penghuni rumah tua secara keseluruhan.

Berhubung dengan kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada metode pelayanan yang diterapkan di rumah orang tua. Akhirnya pengkaji akan membuat kesimpulan apakah metode yang diterapkan bersesuaian dengan ajaran Islam sebagaimana yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW atau tidak.

Universiti Malaya

**Kelima**: Hong Liem Ng, *Kebajikan Golongan Tua: Suatu Kajian di Rumah Orang Tua Mahsan*, 2004 (latihan ilmiah sarjana muda) berpendapat bahawa persoalan yang berkenaan dengan warga emas dan kebajikannya hanya boleh dijawab dan dipenuhi dengan tepat berdasarkan pada konteks budaya dan sosial masyarakat dimana penuaan berlaku. Hal ini kerana setiap masyarakat berbeza dalam aspek budaya, sejarah serta pengalaman. Kebajikan dalam makna ringkasnya membawa makna penjagaan dalam aspek kesihatan, keselamatan, kebahagiaan dan kemakmuran seseorang atau sekumpulan orang.

Penulis semata-mata melihat permasalahan yang dialami warga emas dari sudut pandang antropologi dan sosiologi dan ini sangat berbeza dengan pendekatan yang akan pengkaji gunakan. Pengkaji akan lebih terfokus kepada metode pelayanan secara Islam.

Sejauh pencarian pengkaji terhadap Kajian dan literatur yang memberi fokus kepada perbincangan terhadap aspek penjagaan orang tua-tua yang melibatkan aspek kemudahan atau fasiliti, berkait dengan penjaga dan pengelola rumah jagaan, maka belum ada kajian yang mempunyai fokus yang sama dengan disertasi ini.

[**KETIGA**]: Kajian dan literatur yang memberi fokus perbincangan terhadap Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang dan fungsinya sebagai rumah jagaan.

Terdapat beberapa literatur dan kajian yang telah menjadikan Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang sebagai subjek kajian, antaranya:

**Pertama**: Khaira Maulana, *Peran Kepemimpinan di Panti Jompo Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Ulee Kareng Banda, 2017*. Penelitian ini berdasarkan kepada permasalahan utama iaitu terdapat warga binaan yang masih melakukan pekerjaan yang berat seperti memasak, mencuci pakaian, mengeluh tentang layanan yang diberikan serta kurangnya silaturrahim antara pemimpin dengan warga binaan. Tujuan penelitian



Universiti Malaya

ini untuk mengetahui gaya kepemimpinan, peranan kepemimpinan dan peluang serta kekangan yang dihadapi dalam memimpin warga binaan.

**Kedua**: Mohd. Rizal Fahmi Adha, Nurhasanah, *Gambaran Demensia Pada Usia Lanjut di UPTD Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Ulee Kareng Banda Aceh*, 2016, menyebutkan bahawa salah satu permasalahan yang sering timbul pada usia lanjut adalah kemerosotan fungsi kognitif atau *dementia*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kemerosotan fungsi kognitif pada usia lanjut di UPTD Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Ulee Kareng. Pengkaji menyarankan kepada petugas supaya menambahbaik strategi untuk sokongan yang lebih efektif meliputi asuhan keperawatan dalam merawat warga emas serta dapat memfasilitasi mereka untuk melakukan latihan senaman otak secara efektif dan teratur untuk mengurangi kejadian kemerosotan fungsi kognitif.

**Ketiga**: Ibrahim, Hafizah, *Tingkat Kepuasan Lansia Terhadap Pelayanan di UPTD Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh, 2013*. Membuat kajian tentang kualiti layanan yang berasaskan kepada lima dimensi iaitu *tangible, reliability, responsiveness, assurance* dan *empathy*. Tujuan kajian ini adalah untuk memperoleh gambaran tahap kepuasan warga emas terhadap layanan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang. Metode kajian ini adalah deskriptif eksploratif.

**Keempat**: Zahriani Ulfa, Azhari Gani, Nurjannah, *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Fungsi Kognitif Usia Lanjut di UPTD Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Ulee Kareng Kota Banda Aceh*, 2012 yang merupakan kajian dari aspek kesihatan menyatakan bahawa bertambahnya populasi usia lanjut boleh menyebabkan meningkatnya masalah kesihatan yang berhubung dengan penyakit penuaan dan salah satunya adalah kemerosotan fungsi kognitif. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi fungsi kognitif pada usia lanjut di Unit Pelaksana

Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang. Jenis kajian ini adalah kajian analitik dengan teknik jumlah sampling.

**Kelima**: Khairani, Dahlia, *Studi Komparatif Konsep Diri Lansia di UPTD Rumoh Seujahtra Geunaseh Sayang Banda Aceh dan Lansia yang Tinggal di Desa Lambaro Sukon Aceh Besar, 2012.* Pembolehubah kajian adalah konsep diri yang terdiri dari sub-pembolehubah identiti diri, citra tubuh, harga diri dan peranan diri warga emas. Hasil kajian mengungkapkan bahawa tiada perbezaan citra tubuh, harga diri dan konsep diri. Namun terdapat perbezaan pada peranan diri antara kedua-dua tempat tersebut. Pihak berkuasa sepatutnya memainkan peranan supaya lebih produktif dalam meningkatkan peranan warga emas dalam kegiatan sosial dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap beberapa literatur yang telah dilakukan, terdapat banyak kajian yang menjadikan warga emas sebagai objek kajian. Namun dalam hal ini, belum ada yang menyentuh aspek layanan menurut panduan hadith Nabi Muhammad SAW. Melihat pengaruh dunia global yang sangat pesat maka suatu kajian yang betul-betul murni diperlukan berdasarkan pendekatan Islami untuk dimanfaat oleh umat Islam supaya dapat kembali mengenali identiti Islam seutuhnya.

Penerapan layanan yang baik dan bermutu dalam semua bidang termasuk salah satunya pelayanan terhadap warga emas adalah identiti Islam yang kemudian dikembangkan dan diadaptasi menjadi sesuatu yang berhikmah sesuai dengan peradaban, isu semasa mengikut kecanggihan ilmu pengetahuan dan teknologi. Pengkaji yakin tulisan ini akan berbeza dengan yang lain dan akan mencakupi suatu aspek baru yang sebenarnya sangat penting untuk dilestarikan oleh masyarakat Islam.

Universiti Malaya

## VIII. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan bahagian yang penting dalam penulisan ilmiah, ia merupakan penentuan metode yang digunakan pengkaji dalam penyelidikan. Kajian ini merupakan kajian lapangan (*field research*) kerana pengkaji terlibat dalam lapangan penelitian. Dalam hal ini pengkaji menjadikan Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang Ulee Kareng Banda Aceh, sebagai tempat untuk menjalankan kajian.

Pertimbangan dalam pemilihan tempat atau lokasi kajian berasaskan kemungkinan kemudahan memperoleh data dan kesesuaian sebagai objek kajian. Disamping itu, rangkaian hubungan sosial yang menarik dan kepelbagaian aktiviti yang bersesuaian dengan tujuan kajian juga merupakan salah satu faktor dalam proses pemilihan lokasi. Tambahan pula, pola dan kebudayaan dan perhubungan sosial lebih mudah dilihat oleh pengkaji yang menguasai latar belakang lokasi.[25]

Dalam membuat kajian yang berkaitan dengan permasalahan ini, pengkaji telah mengunakan beberapa kaedah kajian. Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data.

### a. Metode Pengumpulan Data

#### i. Kajian Perpustakaan

Metode kajian perpustakaan merupakan suatu metode yang merujuk kepada penggunaan bahan kajian yang terdapat di dalam perpustakaan. Tujuannya adalah mendapatkan maklumat dan data daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan masalah yang hendak dikaji, khususnya berkaitan dengan warga emas.

Oleh kerana pengkaji menjalankan kajian terhadap warga emas menurut sunnah Rasulullah SAW maka kitab hadith yang tergolong dalam *al-Kutub al-Sittah* menjadi

---

[25] Mok Song Sang Et al, *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2009), 212.



Universiti Malaya

tumpuan utama rujukan. Selanjutnya pengkaji juga memerlukan data-data yang berbentuk dokumentasi yang lain. Data tersebut merujuk kepada bahan-bahan yang berbentuk dokumen seperti kitab, buku, jurnal, tesis dan disertasi, artikel, laporan seminar, kertas kerja, majalah ensiklopedia, akhbar dan lain-lain. Pengkaji menggunapakai sepenuhnya metode ini untuk menyelesaikan pembahasan dalam bab pendahuluan, pertama dan kedua.

**ii. Metode Temu Bual**

Metode temu bual merupakan salah satu kaedah utama dalam kajian ini. Metode ini digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada *interviewee*. Temu bual adalah pembualan dua hala atau interaksi bersemuka antara penemu bual (*interviewee*) dan orang yang menemu bual (*interviewer*)[26]. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan teknik temubual semi-struktur dengan menyediakan soalan berstruktur sebelum sesi temu bual dijalankan. Temu bual dilakukan tertumpu kepada beberapa maklumat yang dikehendaki dalam kajian yang berkaitan dengan layanan terhadap warga emas.

Pada peringkat awal, pengkaji mengunjungi pimpinan Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang bagi meminta izin melakukan penyelidikan. Seterusnya pengkaji melakukan temubual dengan interviewee yang terdiri daripada pengurus dan kakitangan, pelayan dan warga emas. Dalam menentukan pilihan terhadap interviewee pengkaji memilih 10 (sepuluh) orang yang terdiri dari 3 orang pengurus/ pemberi layanan serta 7 orang warga emas. Tujuannya adalah untuk melihat dua sisi yang seimbang antara pelayan dan orang yang dilayani sehingga menghasilkan suatu simpulan yang bersifat objektif.

Pemilihan terhadap interviewee mengikut pada lamanya tempoh berkhidmad dan tinggal di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang.

[26] Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan*, (Malaysia: Mc Graw Hill Education, 2006), 172.

Universiti Malaya

Sebabnya kerana mereka terlibat secara langsung dengan aktifiti dan tahu tentang selukbeluk kegiatan yang sedia ada. Khas bagi warga emas pengkaji memilih satu orang yang mewakili setiap wisma jagaan. Hal ini kerana tempat hunian di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang berbentuk wisma yang terpisah antara satu dengan yang lain, sehingga boleh jadi setiap wisma memiliki perlakuan yang sedikit berbeza. Akhir kajian nanti, pengkaji memperoleh maklumat yang mewakili keseluruhan *interviewee*. Metode ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh daripada semua pihak yang terlibat dalam memberi dan menerima layanan di Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh.

#### iii. Metode Observasi

Metode observasi merupakan proses perhatian dan pengamatan pengkaji secara terancang terhadap subjek penyelidikan. Pengkaji telah menggunakan metode ini semasa membuat tinjauan langsung ke UPTD RSGS. Metode ini bertujuan untuk melakukan tinjauan lapangan dan aktiviti yang dilakukan di UPTD RSGS. Metod ini digunakan dalam bab ketiga.

### b. Metodologi Analisis Data

#### i. Metode Induktif

Metode induktif adalah suatu proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian suatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat yang bersifat khusus kepada suatu kesimpulan yang umum[27]. Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab kedua dan ketiga.

---

27 Nuresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi 3*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 490.



Universiti Malaya

### ii. Metode Deduktif

Metode deduktif adalah suatu cara membuat kesimpulan atau rumusan berdasarkan maklumat-maklumat atau fakta-fakta yang diperolehi secara khusus.[28] Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab pertama dan keempat.

### iii. Metode Kualitatif

Metode kualitatif adalah metode yang bersifat penelitian terperinci dan sistematik, bersifat deskriptif, serta pemerhatian keadaaan sebenar bagi membongkar maklumat dan isi kandungan bahan kajian. Metode ini digunakan untuk menganalisis data-data daripada soal selidik yang telah dijalankan di samping menganalisis hadith- hadith mengenai layanan terhadap warga emas.[29] Pengkaji mengaplikasikan metode ini pada bab ketiga dan keempat.

### iv. Metode Komparatif

Metode komparatif adalah penyelidikan yang membandingkan keadaan satu variabel maupun lebih atau sampling yang berbeza, ataupun dua masa yang berbeza.[30] Adapun metode ini akan digunakan pada bab empat untuk menganalisis antara aplikasi layanan bagi warga emas dengan tuntunan layanan yang ada dalam hadith.

## IX. Pengertian Tajuk

### *a. Layanan*

Layanan menurut *Kamus Dewan* adalah menyempurnakan keperluan orang lain, memperdulikan, menyediakan, menghidangkan, menyajikan sesuatu untuk orang lain.[31] Selain itu, ia juga merupakan sesuatu yang bermakna baik dan ambil perhatian/ atau

---

28 Nuresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi 3*, 262.

29 Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 69.

30 Sugiyono, *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*, (Bandung: Penerbit Alfabeta, 2014), 54.

31 Syeikh Othman bin Syeikh Salim, *Kamus Dewan Cetakan Kedua dalam Ejaan Baru dengan Pindaan dan Tambahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 666.



Universiti Malaya

memberikan perhatian yang istimewa terhadap seseorang.[32] Menurut istilah pula ia bermaksud bersungguh untuk memenuhi keperluan dasar individu, komuniti atau dari aspek pemakanan, pelajara, kesihatan dan jaminan kesejahteraan hidup. Oleh itu, layanan warga emas merupakan servis yang diberikan oleh komuniti terhadap warga emas dari seluruh aspek tersebut.[33]

*b.* *Warga emas*

Menurut takrifan yang dibuat di "*World Assembly On Aging in 1982*" di Vienna, warga emas adalah merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun ke atas. Dalam kajian ini, warga emas dikenali sebagai warga emas dan didefinisikan sebagai individu atau penghuni yang telah berumur 65 tahun ke atas dan tidak dikenakan sebarang bayaran untuk menginap di rumah jagaan. Istilah penghuni, usia lanjut dan pelanggan juga merujuk kepada warga emas dalam kajian ini.

*c.* *Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang*

Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) adalah sebahagian daripada Dinas Daerah Provinsi yang bertanggungjawab dalam skop yang lebih kecil. Dinas Daerah Provinsi sendiri berada di bawah seliaan dan tanggungjawab Gabenor. Semua kerja berkaitan dengan jawatan (pemerintah). Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) Rumah Sejahtera Geunaseh Sayang merupakan salah satu rumah jagaan warga emas dalam lingkungan Dinas Sosial Pemerintah Aceh yang mengurus secara khusus orang tua yang terlantar sakit atau mempunyai permasalahan sosial. Mereka disantuni dan ditempatkan diwisma-wisma gunasama yang mampu memenuhi keperluan hidup mereka. Tugasnya adalah memberikan bimbingan dan layanan kepada warga emas terbiar tersebut.[34]

---

32 http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=layanan

33 Ahmad Zaki al-Badawī, *Mu'jām Mustalahāt Ar-Ri'āyah Wa al-Tamiyyah al-Ijtimā'iyyah*, Cet I, (Qāhirah: Dārul Kitāb al-Misrī, 1987), 17.

34 http://dinsos.acehprov.go.id/index.php/page/12/rumoh-seujahtera-geunaseh-sayang



Universiti Malaya

Bagi mengefisienkan penulisan, maka pengkaji akan menuliskan singkatan UPTD RSGS bagi merujuk kepada Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) Rumah Sejahtera Geunaseh Sayang pada bahagian bab-bab isi penulisan dalam kajian ini.

## X. Sistematika Kajian

Pengkaji memulakan penjelasan dalam kajian ini dengan menghuraikan senarai permasalahan yang bersifat umum bagi memperkenalkan permasalahan yang akan dikaji dalam disertasi ini yang disebutkan sebagai bab pendahuluan. Bab ini berperanan sebagai halatuju dalam sebuah karya tulis ilmiah. Isi kandungan disertasi yang akan dijelaskan bermula dalam bab ini kerana pada bab ini menyenaraikan tentang tajuk permasalahan, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, skop kajian dan metodologi kajian.

Seterusnya dalam bab pertama, pengkaji menjelaskan pengertian warga emas secara panjang lebar dan mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan dengan warga emas. Pengkaji merujuk enam [6] kitab hadith yang disebut sebagai *al-kutub al-sittah*. Hadith-hadith tersebut dijelaskan satu persatu dengan merujuk kepada kitab-kitab syarah yang sedia ada dan turut merujuk kepada pandangan para ulama. Tidak dilupakan juga pendapat-pendapat kontemporari yang menjadi rujukan bagi memperkaya pandangan dan penjelasan hadith.

Dalam bab kedua pula, pengkaji memberikan maklumat yang sebenar mengenai profil Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) Rumah Sejahtera Geunaseh Sayang, peranan dan fungsinya sebagai rumah kebajikan warga emas.

Bab ketiga merupakan huraian data yang diperoleh berdasarkan hasil kajian lapangan iaitu di Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) Rumah Sejahtera Geunaseh Sayang. Data yang diperoleh akan menghasilkan data akhir yang jelas mengenai kaedah dan metode layanan terhadap warga emas yang diaplikasikan atau

Universiti Malaya

dipraktikkan di Unit Pelaksana Teknis Dinas Daerah (UPTD) Rumah Sejahtera Geunaseh Sayang tersebut.

Dalam bab keempat, pengkaji mengeluarkan satu analisis antara data yang diperoleh tersebut dengan hadith-hadith tentang warga emas. Daripada hasil analisis tersebut pengkaji dapat menyimpulkan apakah kaedah dan metode layanan yang diaplikasikan selama ini bertepatan dengan perspektif hadith atau tidak.

Akhirnya dalam bab kelima, pengkaji menyimpulkan secara keseluruhan kandungan disertasi dan memberikan cadangan kepada para pengkaji selanjutnya yang akan menghasilkan suatu konsep yang baik dan maksimal bagi pelaksanaan layanan terhadap warga emas.

Universiti Malaya

# BAB I : HADITH-HADITH BERKAITAN HAK DAN LAYANAN TERHADAP WARGA EMAS

## 1.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan secara teori yang merangkumi makna etimologi dan terminologi pengertian warga emas serta membincangkan kedudukan warga emas menurut al-Quran dan hadith Rasulullah SAW.

Al-Quran menjadi landasan utama sebagai dalil pentingnya berbuat baik kepada orang tua dan warga yang lemah. Allah SWT juga mengkhususkan mereka yang telah berusia tua untuk diperlakukan dan dilayani dengan baik serta penuh kasih sayang. Hal demikian kerana dalam keadaan seperti ini, orang yang sudah tua sangat peka dengan perasaan dan akan mudah tersinggung sekalipun kata-kata tersebut dianggap ringan atau diucapkan tanpa disengajakan.

Bahkan Rasulullah SAW juga turut menegaskan kemuliaan warga tua dalam kalangan kaum muslimin. Buktinya terdapat hadith Rasulullah SAW yang mendahulukan warga emas daripada ahli al-Quran dan pemimpin adil sedangkan kemuliaan mereka begitu besar.

Melayani warga emas merupakan salah satu amalan yang utama yang terkandung dalam ajaran Islam dan sunnah Rasulullah SAW. Bahkan syariat Islam telah mewajibkan penganutnya untuk menjaga dan mengamalkannya dalam masyarakat muslim. Oleh yang demikian, melayani warga emas menjadi inti keutamaan yang telah disepakati oleh semua risalah agama samawi.

Dalam bab ini juga pengkaji menerangkan beberapa contoh bakti para Nabi kepada orang tua berdasarkan al-Quran. Pengkaji juga menyebutkan beberapa contoh etika terhadap orang tua dan warga emas berdasarkan ayat al-Quran. Seterusnya pada pada akhir bab ini pengkaji menyebutkan beberapa hak orang tua dan warga emas berdasarkan sikap yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Universiti Malaya

## 1.2 PENGERTIAN WARGA EMAS

### 1.2.1 Secara Etimologi

Terdapat beberapa perkataan di dalam Bahasa Arab yang merujuk maknanya kepada warga emas iaitu; *al-musannīn, kibār al-sin, al-shaykh, al-haramu, al-mu'ammar, dan arzāl al-'umr*.[35]

*Al-musannīn* dari sudut bahasa merupakan *maṣdar* daripada perkataan *asanna*, sebagaimana perkataan orang Arab seseorang itu sudah berumur maknanya umurnya sudah lebih besar. Dan ini lebih berumur daripada ini atau lebih besar umurnya daripadanya. Dan si fulan sama umurnya dengan si fulan sekiranya mereka berdua sama umur. Walaubagaimanapun, dari sudut istilah *al-musannīn* merujuk kepada golongan yang mempunyai batasan umur khusus iaitu mereka yang berusia 60 tahun ke atas.[36]

*Al-shaykh* dari sudut bahasa adalah orang yang telah berusia dan secara jelas telah beruban. Sebahagian pakar berpendapat bahawa *al-shuyūkh* adalah bermula pada usia 50 tahun ke atas, manakala sebahagian yang lain berpandangan mereka yang telah mencapai umur 75 tahun ke atas. Dari segi fizikal pula, *al-syuyūkh* merupakan golongan yang telah mengalami perubahan fungsional yang sangat penting malah di bawah waktu standart.[37]

*Al-haramu* dari segi bahasa bererti penghujung usia. Al-Suyūṭī berpendapat bahawa *al-haramu* merupakan peringkat sebelum *arzāl al-'umr*. Pada peringkat ini, ketelitian dan kefahaman seseorang sudah tidak fokus, penglihatan sudah kabur, lemah dalam melaksanakan ibadah, mendapat keringanan dalam pelbagai urusan seperti solat dan sebagainya.

---

35 Abū Fadl Jamāluddīn Muhammad Ibn Mandhūr, *Lisan al-'Arab*, Cet II, (Beirūt: Dār al-Kutub al-"Ilmiyyah, 1992), 221.

36 Dr. Mukhtar Nashīrah, *Ri'āyah al-Musannīn fi al-Sunnah al-Nabawwiyah; Qayyim Akhlāqiyyah Wakhadhāriyyah*, (Al-Jazāir: Jāmi'ah al-Amir 'Abd al-Qādir Li'ulum al-Islāmiyyah, 2012), 270.

37 *Ibid.*, 271.

Universiti Malaya

*Al-mu'ammir* bermaksud berpanjangan masa atau umur. Maknanya adalah yang panjang umur iaitu yang umurnya sampai 40 tahun atau lebih daripada itu. Qatādah mengatakan bahawa *mu'ammir* adalah yang telah mencecah usia 60 tahun.

*Arzāl al-'umr* berasal daripada perkataan *arzala* yang bererti suatu keburukan. Ibn 'Abbās mengatakan bahawa *arzala* adalah serendah-rendah umur atau orang yang sudah pikun.

Berdasarkan penjelasan di atas, *al-musannīn* adalah kata yang lebih umum. Manakala *al*-s*haykh* bermaksud lebih khusus kerana tidak semua orang tua dapat dikategorikan tua dalam erti matang dari segi fizikal dan mental. Kata yang lebih khusus lagi adalah *al-haramu* yang bermakna sudah tua sekali. [38]

Dr. Kamāl Ibrahīm Mursī menyimpulkan bahawa semua pengertian daripada kata-kata di atas pada dasarnya adalah sama yang merujuk kepada tahap usia tua. Manusia umumnya akan mengalami tiga jenis penuaan, iaitu; *Pertama*: penuaan organik; bermula dengan menurunnya fungsi jasmani (tubuh) dan munculnya tanda-tanda penuaan pada tubuh. *Kedua*, penuaan psikologi yang bermula dengan melemahnya prestasi mental, kejiwaan dan perasaan. *Ketiga*, penuaan sosial iaitu menurunnya hubungan sosial dan penyertaan dalam lingkungan sekitar sama ada keluarga ataupun masyarakat.[39]

Para pengkaji belum menyatakan kata sepakat berhubung dengan batasan umur warga emas. Namun terdapat sebahagian daripada mereka mencukupkan umur seseorang itu diukur berdasarkan sejarah (majoriti umur tua yang dicapai) dan menyimpulkan bahawa usia emas adalah 60 tahun ke atas. Definisi ini terlalu pendek kerana tidak mencakupi aspek yang lain seperti psikologi. Malah terdapat juga di antara mereka yang mencukupkan umur berdasarkan potensi seseorang. Pendapat ketiga pula mengatakan daripada tiga perkataan ini dapat disimpulkan bahawa dikira permulaan tingkatan orang

---

38 Dr. Mukhtar Nashīrah, *Ri'āyah al-Musannīn..., 272-273.*

39 Kamāl Ibrāhīm Mursī, *Kibār Al-Sin Wa Ri'āyatuhum fi al-Islām wa 'Ilm an- Nafs*, (Mesir: Dār Al-Nasyr li al-Jāmi'at, 2006), 30-31.



Universiti Malaya

tua tidak tertumpu kepada kadar tertentu tanpa melihat kepada aspek yang lain, akan tetapi harus dilihat dari pelbagai aspek. Oleh kerana itu, ‘Abdullah Ibn Nasīr Al-Sadhanī mendefinisikan *al-musannīn* adalah semua orang yang sudah lemah sehingga tidak sanggup menjaga dan melayani dirinya sendiri.[40]

### 1.2.2 Secara Terminologi

Dewasa ini warga emas merupakan salah satu isu penting yang berkembang dalam masyarakat dunia. Usia tua merupakan usia yang mana seseorang mengalami penurunan fungsi tubuh dalam semua aspek sama ada aspek fizikal, aspek psikologi ataupun aspek prestasi tubuh. Semuanya menjadi lemah dan memerlukan kawalan yang lebih daripada diri sendiri mahupun bantuan daripada pihak lain. Pada awalnya warga dunia mendefinisikan warga emas dengan definisi yang berbeza, kemudian istilah warga emas ini ditetapkan kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas dalam satu kongres yang telah dilaksanakan di Wina. Di Malaysia pula, terminologi warga emas merujuk kepada orang yang sudah tua[41].

Hakikatnya usia tua adalah bonus kepada warga tua untuk terus-menerus melakukan amal soleh dengan lebih baik lagi. Rasulullah SAW telah bersabda mengenai usia tua dengan menggolongkan mereka yang telah mencapai usia 60 tahun merupakan kurniaan Allah SWT agar mereka terus beramal dan berbakti dalam Islam. Hal ini seperti dalil yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَعْذَرَ اللَّهُ إِلَى امْرِئٍ أَخَّرَ أَجَلَهُ حَتَّى بَلَّغَهُ سِتّينَ سَنَةً.

---

40 Dr. Mukhtār Nashīrah, *Ri’āyah al-Musannin…, 271.*

41 Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1801.



Universiti Malaya

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah, daripada Nabi SAW bersabda: Allah memberi uzur kepada seseorang yang Dia akhirkan ajalnya hingga mencecah usia 60 tahun.[42]

Makna uzur dalam hadith adalah sudah tidak ada alasan. Contohnya seseorang mengatakan: "Sekiranya usiaku dipanjangkan, maka aku akan melakukan apa sahaja yang telah diperintahkan kepadaku". Ketika dia tidak memiliki keuzuran untuk meninggalkan ketaatan, sementara dia boleh melakukannya dengan usia yang telah diberikan oleh Allah SWT kepadanya, maka saat itu tidak ada yang layak untuk dia lakukan selain istighfar, ibadah ketaatan, dan penghayatan sepenuhnya untuk akhirat.[43]

Selain itu, ahli tafsir menyatakan bahawa warga emas berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup. Berkaitan hal ini, pengkaji merujuk sebuah jurnal ilmiah karya Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail yang memetik beberapa pandangan ahli tafsir terhadap warga emas[44]. Antaranya HAMKA telah menyatakan usia tua adalah mereka yang berumur 50 tahun dan terdapat perubahan secara perlahan-lahan kepada akal dan fizikal sedikit demi sedikit sehingga ke peringkat umur 75 tahun ke atas. Selain itu, beliau menyatakan pada peringkat umur tersebut, warga emas akan kembali seperti akal kanak-kanak dengan ingatan yang sudah kurang berfungsi dengan baik. Keadaan ini disebabkan oleh masalah kesihatan dan lemahnya tubuh badan serta uzur. [45]

Menurut Abū Ḥayyān pula, warga tua ialah mereka yang telah lemah pancaindera yang bermula dengan kelemahan pada perkataan dan fikiran mereka terutamanya terhadap daya ingatan mereka terhadap sesuatu perkara.[46] Manakala al-Alūsī pula

Universiti Malaya

---

42 Imām Abī 'Abdillāh Muhammad Ibn Ismāīl Ibn Ibrāhim Ibn Maghīrah Ibn Bardazibah al-Bukhārī, *Ṣaḥīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqāq. Bāb Man Balagha Sittīn Sanah Faqad 'Aczar Allah 'Ilaih fī al-'Umuri, no Hadith 6419, (Beirut-Lebanon: Darul Kitab al-'Ilmiyah, 2000), 4:281.

43 Abu al-Fadl Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar al-Athqalāni, *Fāth Bāri bi Syarh Shāhih al-Bukhārī*, (Beirūt: Dār al-Fikr, t,t), 11:240.

44 Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, *Jurnal Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*, (Selangor: Jabatan Dakwah dan Kepemimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013).

45 HAMKA, Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah, *Tafsir al-Azhar*, Cet. ke-3: Jilid 5 & 8. (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1999), 3934.

46 Abu Hayyān, Muhammad Yūsuf as-Syahīd, *Tafsīr al-Bahr al-Muhīd*. Jilid 1, (Bairūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 498.

menyatakan bahawa warga emas adalah mereka yang telah lemah kekuatan fizikal, telah rosak pancaindera sebagaimana semasa mereka kanak-kanak dahulu.[47] Menurut al-Ṭabarī pula, warga emas adalah mereka yang telah berumur 75 tahun ke atas dan akan beransur-ansur menjadi bodoh seperti pada zaman kanak-kanak. Begitu juga pandangan al-Rāzī mengenai usia tua iaitu perpindahan manusia daripada sempurna kepada kekurangan, daripada kuat kepada lemah, muda kepada tua, daripada sakit kepada uzur dan daripada akal sempurna kepada pelupa. Namun begitu, terdapat juga warga emas yang hebat dan sentiasa berfikiran jauh ketika di usia tua. Mereka terus-menerus berfikir sehingga menyebabkan akal fikiran, emosi dan rohaniah mereka menjadi cerdas.[48]

Usia lanjut dikatakan sebagai tahap akhir perkembangan pada pusingan kehidupan manusia. Menurut Pasal 1 ayat (2), (3), (4) UU No. 13 Tahun 1998 berkenaan dengan kesihatan dikatakan bahawa warga emas adalah seseorang yang telah mencapai usia lebih daripada 60 tahun.[49]

Berdasarkan definisi secara umum, seseorang dikatakan tua apabila usianya mencecah 65 tahun ke atas. Tua bukan suatu penyakit, namun ia merupakan tahap lanjut daripada suatu proses kehidupan yang bermula dengan penurunan kemampuan tubuh untuk berinteraksi dengan tekanan lingkungan. Tua adalah keadaan yang bermula dengan kegagalan seseorang untuk mempertahankan keseimbangan terhadap keadaan tekanan fisiologi. Kegagalan ini berkait rapat dengan penurunan daya kemampuan untuk hidup serta peningkatan kepekaan secara individu.[50]

Penetapan usia 65 tahun ke atas sebagai permulaan masa tua bermula pada abad ke-19 di negara Jerman. Usia 65 tahun merupakan batas minimum untuk kategori lanjut

---

47 Al-'Alūsī, As-Syihāb ad-Dīn as-Sayyid Muhammad Al-'Alūsī, *Ruh al-Ma'ani fi Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm wa Sab'a al-Mastanī*. Jilid 7, (Bairūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 425.

48 Al-Razī, Fakhr al-Dīn Muhammad Ibn 'Umar, *Al-Tafsīr al-Kabīr aw-Mafātīh al-Ghaiyb*. Jilid 20. Bairūt, Lubnān: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 62.

49 Maryam, R. Siti, dkk, *Mengenal Usia Lanjut dan Perawatannya*, (Jakarta: Salemba Medika, 2008), 42.

50 Efendi, F, *Keperawatan Kesehatan Komunitas: Teori dan Praktek dalam Keperawatan*. (Jakarta: Salemba Medika, 2009), 15.



Universiti Malaya

usia. Namun, ramai warga emas yang masih menganggap dirinya berada pada masa usia pertengahan. Usia kronologi biasanya tidak memiliki banyak keterkaitan dengan kenyataan penuaan warga emas. Setiap orang menjadi tua dengan cara yang berbeza, masa dan riwayat hidupnya. Setiap warga emas adalah unik. Oleh itu perawat harus memberikan pendekatan yang berbeza antara satu sama lain[51].

Menurut *World Health Organization* (WHO), usia tua dibahagikan kepada empat kriteria berikut; [Pertama]: usia pertengahan (*middle age*) iaitu 45-59 tahun, [Kedua]: lanjut usia (*elderly*) iaitu 60-74 tahun, [Ketiga]: lanjut usia tua (*old*) iaitu 75-90 tahun dan [Keempat]: usia sangat tua (*very old*) iaitu di atas 90 tahun. [52]

Dalam praktiknya warga emas sering dihubungkaitkan dengan orang tua. Sehingga tidak menghairankan bahwa kita akan mendapati hubungkait antara warga emas dan orang tua dalam sebuah kajian penelitian dan literatur. Maka penting bagi pengkaji untuk membezakan antara warga emas dengan orang tua dalam kajian ini.

Berdasarkan pengertian Kamus Besar Bahasa Indonesia orang tua adalah merujuk kepada ayah dan ibu kandung.[53] A.H.Hasanuddin menyatakan bahawa orang tua adalah ibu bapa yang dikenal mula pertama oleh seorang anak.[54] Manakala H.M.Arifin berpendapat bahawa orang tua merupakan kepala keluarga.[55] Orang tua merupakan sumber pendidikan pertama bagi anak-anak mereka, kerana dari orangtualah anak-anak menerima pendidikan.[56] Jadi dapat dipahami bahawa orang tua adalah ayah dan ibu yang bertanggungjawab atas pendidikan anak dan segala aspek kehidupannya meliputi

---

51 Potter dan Perry. A, *The fundamental of nursing 7th edition*, diterjemahkan oleh dr. Adriana Federika, (Jakarta: Salemba Medika, 2008), 21.

52 WHO, *Health of Elderly; Report of a WHO Expert Committee*, *WHO Technical Report Series 779*. (Geneva: World Health Organization. 1989).

53 Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, (Jakarta: Balai Pustaka, 1990), 629.

54 A.H.Hasanuddin, *Cakrawala Kuliah Agama*, (Jakarta: Bulan Bintang, 2012), 35.

55 H.M.Arifin, *Hubungan Timbal Balik Pendidikan Agama di Lingkungan Keluarga*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1987), 74.

56 Zakiah Daradjat, *Ilmu Pendidikan Islam*, (Jakarta: Bumi Aksara, 2012), 35.



Universiti Malaya

membentuk pribadi anak, bukan hanya fizik (materi sahaja) namun juga pada mental/ rohani, moral dan keberagaman sejak masih kecil hingga dewasa.[57]

Orang tua yang pengkaji maksudkan dalam tulisan ini adalah sebagai pedoman dalam menghindari terjadinya pengabaian terhadap orang tua dan pentingnya meningkatkan kualiti layanan terhadap warga emas. Dimana warga emas yang berada di UPTD RSGS sebahagian besarnya adalah orang tua dari para anak mereka yang telah menjadi tanggung jawab bersama untuk dijaga dengan baik. Maka tidak semestinya semua warga emas adalah orang tua dan tidak semua orang tua merupakan warga emas.

## 1.3 WARGA EMAS DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN

Sudah menjadi sunnah Allah SWT, bahawa manusia akan melepasi beberapa fasa kehidupan. Bermula dari fasa bayi, remaja, dewasa sehingga memasuki masa tua dan lemah, malah boleh sampai kepada fasa yang nyanyuk yang menyebabkan akal fikiran seseorang sudah tidak berfungsi serta menjalani hidup seperti bayi kembali. Dalam Al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menerangkan secara langsung dan tidak langsung berkait dengan warga emas. Walau bagaimanapun, tidak ada yang menyebutkan dengan kata *al-musannīn* secara langsung kerana kata ini merupakan makna langsung terhadap warga emas berdasarkan pendapat para tokoh.

Kata yang menunjukkan secara jelas mengenai warga emas iaitu عَجُوز, شَيۡخ, شُيُوخًا, ٱلۡكِبَرُ, أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ sebagaimana terdapat dalam ayat-ayat berikut ini.

قَالَتۡ يَـٰوَيۡلَتَىٰٓ ءَأَلِدُ وَأَنَا۠ عَجُوزٌ وَهَـٰذَا بَعۡلِى شَيۡخًا ۖ إِنَّ هَـٰذَا لَشَىۡءٌ عَجِيبٌ.

Hūd 11:72

> Terjemahan: Dan (isterinya) berkata: "Sungguh ajaib keadaanku! Adakah aku akan melahirkan anak padahal aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua? Sesungguhnya kejadian ini suatu perkara yang menghairankan".

[57] Hasbullah, *Dasar-Dasar Ilmu Pendidikan*, (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2011), 88.

Ayat di atas menceritakan tentang kisah Nabi Ibrahim dan istrinya yang dianugerahi seorang anak sekalipun mereka berdua sudah tua. Janganlah kamu merasa hairan dengan ketetapan Allah bermaksud bahawa apabila Allah SWT menghendaki sesuatu perkara itu berlaku sekalipun perkara itu tidak masuk akal, maka perkara itu akan tetap berlaku. Memiliki seorang anak pada usia tua merupakan sesuatu perkara yang menghairankan khususnya bagi perempuan, kerana secara biologis orang yang sudah tua tidak memiliki kemampuan lagi untuk memiliki zuriat.[58]

Dalam tafsir lain dijelaskan bahawa Nabi Ibrahim ketika itu berusia sekitar seratus tahun sementara istrinya Sarah sudah mencapai umur 80 tahun. Usia sebegini adalah mustahil bagi seseorang itu memiliki kemampuan untuk melahirkan keturunan. Sebelum ini Nabi Ibrahim juga memiliki seorang anak bersama isterinya yang muda pada usia lapan puluh lima tahun.[59]

وَلَمَّا وَرَدَ مَآءَ مَدۡيَنَ وَجَدَ عَلَيۡهِ أُمَّةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ يَسۡقُونَ وَوَجَدَ مِن دُونِهِمُ ٱمۡرَأَتَيۡنِ تَذُودَانِۖ قَالَ مَا خَطۡبُكُمَاۖ قَالَتَا لَا نَسۡقِي حَتَّىٰ يُصۡدِرَ ٱلرِّعَآءُۖ وَأَبُونَا شَيۡخٞ كَبِيرٞ.

Al-Qaṣaṣ 28:23

Terjemahan: Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, dia mendapati di situ sekumpulan orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing), dan dia juga mendapati di sebelah mereka ada dua orang perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. Dia bertanya: "Apa hal kamu berdua?" Mereka menjawab: "Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya".

isebutkan, ketika Musa mengunjungi sumber air di negeri Madyan, kemudian telaga itu dipenuhi oleh pengembala kambing yang sedang meminumkan ternakan masing-masing. Di belakang sekumpulan pengembala dijumpai dua orang wanita yang

58 Dr. Abdullah bin Muhammad bin Ishaq Al-Syaikh, Penerjemah M.Abdul Ghoffar E.M, Abdurrahim Mu'thi, Abu Ihsan Al-Atsari, *Tafsir Ibnu katsir*, (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2004), Juzuk 4, 360.

59 Prof. Dr. HAMKA, Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 2010), cet VIII, Jilid 5, 3510.

Universiti Malaya

sedang menghambat kambing-kambing mereka agar tidak bergabung dengan kambing pengembala yang lain agar mereka berdua tidak diganggu. Ketika itu Musa bertanya kepada kedua-dua orang perempuan itu, “mengapa tidak bergabung dengan mereka”, lalu kedua-duanya menjawab, “mereka tidak mampu mendapatkan minuman kecuali pengembala lain sudah selesai.” Sedangkan ayah kami merupakan orang tua yang telah lanjut usianya.[60]

Seterusnya dalam tafsir Al-Azhar dijelaskan bahawa, pengembala yang lain telah siap memberikan minum ternakan, mereka akan menutup kembali telaga itu dengan batu yang boleh diangkat oleh sepuluh orang. Oleh itu, tinggallah kedua perempuan itu memberi minum ternakan mereka dengan sisa air di tepi telaga dengan hanya dijilat-jilat sahaja, begitulah yang berlaku setiap hari. Kemudian Musa mengangkat batu tersebut lalu meminumkan kambing-kambing mereka.[61]

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ
لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا۟ شُيُوخًا ۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا
مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ .

Ghāfir 40:67

Terjemahan: Dia lah yang menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (setitis) air benih, kemudian daripada sebuku darah beku, kemudian daripada seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai ke usia tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmah-hikmah kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).

Berdasarkan proses penciptaan manusia sesuai dengan ayat tersebut maka dipahami bahawa umur tua merupakan penghujung usia. Fasa ini merupakan puncak

Universiti Malaya

[60] Dr. Abdullah bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 20, 263.
[61] Prof. Dr. HAMKA..., *Tafsir Al-Azhar*, , Jilid 7, 5318.

peralihan ke alam lain yang dimulakan dengan kematian. Pada tahap ini seseorang akan kembali berkelakuan seperti kanak-kanak dan fizikalnya pula akan kembali menjadi lemah. Umur setiap manusia adalah berbeza-beza, ada yang tidak mengalami masa tua dan ada juga yang sebaliknya.[62]

قَالَ أَبَشَّرۡتُمُونِي عَلَىٰٓ أَن مَّسَّنِيَ ٱلۡكِبَرُ فَبِمَ تُبَشِّرُونَ .

Al-Ḥijr 15:54

Terjemahan: Nabi Ibrahim berkata: "Betulkah kamu mengembirakan daku (dengan berita yang demikian), padahal aku telah tua; maka dengan jalan apakah kamu mengembirakan daku?"

Ayat ini sama juga halnya dengan surah Hud ayat 72, ayat ini menceritakan tentang Malaikat yang datang ke rumah Nabi Ibrahim untuk memberitakan khabar gembira dengan kelahiran anak lelaki yang akan menjadi Rasul iaitu Ishaq. Kemudian, Nabi Ibrahim berkata dengan hairan karana usianya dan isteri sudah lanjut sambil meyakinkan kebenaran berita itu.[63]

Berita yang diterima oleh Nabi Ibrahim a.s dan isterinya Sarah, bahawa mereka akan mempunyai seorang anak lelaki merupakan sesuatu yang menghairankan. Pada usianya yang sudah tua memiliki anak merupakan suatu keajaiban dan tidak logik apabila difikirkan dengan akal manusia. Namun, itu merupakan suatu kebenaran yang datang dari Allah SWT yang melangkaui ketentuan alam.[64]

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمۡ ثُمَّ يَتَوَفَّىٰكُمۡۚ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡ لَا يَعۡلَمَ بَعۡدَ عِلۡمٖ شَيۡـًٔاۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٞ قَدِيرٞ .

Al-Naḥl 16:70

Terjemahan: Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Dia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat sangat tua dan nyanyuk), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan

---

62 Prof. Dr. HAMKA..., *Tafsir Al-Azhar*, , Jilid 8, 6402.
63 Dr. Abdullah bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 5, 18.
64 Prof. Dr. HAMKA..., *Tafsir Al-Azhar*, , Jilid 5, 3864.

sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Ayat di atas merujuk kepada warga emas yang menggambarkan bahawa fasa usia tua merupakan fasa yang sudah tidak produktif dan tidak mampu lagi untuk bekerja seperti membawa ternakan untuk minum sebagaimana yang terjadi kepada Nabi Syu'aib a.s. Usia tua merupakan fasa akhir kehidupan, warga tua sangat memerlukan kebahagiaan dan ketenangan psikologi dan pada saat pemikirannya telah kembali ke tahap kanak-kanak.

Sesetengah kamu ada yang dikembalikan kepada seburuk-buruk umur bermaksud ada yang dipanjangkan usianya hingga sangat tua dan nyanyuk. Sehingga akal dan fikiran yang sangat cerdas sewaktu muda kian menurun sampai hilang ingatan serta menjadi lupa. Dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Thalib r.a, sekiranya seseorang telah mencapai usia 75 tahun, seseorang itu mulai masuk ke fasa seburuk-buruk umur, lemah, ingatan tidak kuat, dan ilmu pengetahuan mulai hilang.[65]

Dibayangkan dalam ayat ini peringkat umur yang dilalui dalam kehidupan, dari tiada menjadi ada. Mulai dalam kandungan sehingga dilahirkan ke dunia. Mulanya dalam keadaan serba lemah dan serba tidak tahu. Sekiranya usia dipanjangkan, maka bertambahlah usia dan kecerdasan. Puncak mendatar adalah daripada usia 40 sehingga 50 tahun. Dari usia 50 beransur menurun sehingga usia 75 tahun. Ketika umur mencapai 75 tahun akal dan kekuatan manusia mulai lemah, sampai satu waktu tidak ada ingatan sama sekali lagi sehingga kembali seperti anak-anak. Inilah yang dinamakan seburuk-buruk umur. Umur panjang yang tidak produktif sebenarnya adalah beban kepada keluarga dan masyarakat sekeliling. Oleh sebab itu, tiada apa yang perlu dibanggakan dengan kehidupan di dunia yang fana ini, sekiranya kita memohon panjang umur, lalu usia kita

[65] Dr. Abdullah Bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 14, 82.



Universiti Malaya

dipanjangkan, tetapi kekuatan dan kecerdasan zaman muda menjadi mundur dengan sendirinya.[66]

Allah SWT menyatakan secara tidak langsung berkenaan warga emas ialah melalui firman-Nya:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن ضَعۡفٖ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعۡدِ ضَعۡفٖ قُوَّةٗ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعۡدِ قُوَّةٖ ضَعۡفٗا وَشَيۡبَةٗۚ يَخۡلُقُ مَا يَشَآءُۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡقَدِيرُ .

Al-Rūm 30:54

Terjemahan: Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dia lah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Allah SWT mengingatkan proses fasa kehidupan manusia daripada satu keadaaan kepada keadaan yang lain. Manusia asalnya berada dalam keadaan lemah dan pada akhirnya kembali kepada keadaan lemah semula apabila mencapai usia tua. Fasa umur peringkat menjadi pemuda merupakan puncak kekuatan setelah kelemahan. Kemudian barulah mengalami kekurangan, iaitu ketika sangat tua. Itulah yang maksud kelemahan setelah kekuatan. Pada ketika itu, tekad, langkah dan gerakan semakin lemah, rambut beruban, bentuk zahir dan sifat batin semakin berubah.[67] Kekuatan fizikal berubah sedikit demi sedikit, ingatan yang kuat dan cerdas menjadi lemah dan pelupa. Badan yang teguh dan sihat berangsur tua. Meskipun seseorang itu tidak mempunyai penyakit, namun masa tua sudah terasa sebagai rasa sakit yang bertimpa-timpa. Mata mulai kabur, uban memenuhi kepala, gigi mulai gugur, kulit mulai kendur, ingatan mulai pudar. Maka adalah mustahil jika umur dipanjangkan dalam keadaan tenaga masih sekuat usia 25 tahun.[68]

---

66 Prof. Dr. HAMKA..., *Tafsir Al-Azhar*, , Jilid 5, 3934.
67 Dr. Abdullah Bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 21, 388.
68 Prof. Dr. HAMKA..., *Tafsir Al-Azhar*, , Jilid 21, 5546.

Universiti Malaya

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ شِيبًا .

Al-Muzammil 73:17

Terjemahan: (Sekiranya kamu tidak ditimpa azab di dunia), maka bagaimana kamu dapat menjaga dan menyelamatkan diri kamu - kalau kamu kufur ingkar (dari azab) hari yang huru-haranya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban?

Ayat ini merupakan lanjutan daripada ancaman terhadap orang-orang kafir mengenai hari Allah SWT menggoncangkan dunia. Bagaimana manusia takut pada suatu hari yang anak-anak menjadi beruban kerana goncangan, kemusnahan dan kedahsyatannya yang sangat hebat itu.[69] Pada kebiasaannya rambut beruban terjadi pada orang yang usianya telah tua sebagai ciri fizikal bagi umur yang sudah tidak muda lagi. Namun pada hari kedahsyatan tersebut kanak-kanak akan mengalami uban yang menandakan kedahsyatan goncangan hari akhir yang menakutkan.

قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ ٱلْعَظْمُ مِنِّي وَٱشْتَعَلَ ٱلرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا .

Maryam 19:4

Terjemahan: Dia merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya, tulang-tulangku telah lemah, dan telah beruban kepalaku; wahai Tuhanku, aku tidak pernah merasa hampa dengan permohonanku kepadaMu.

Allah SWT menceritakan keadaan lemah seseorang sebagaimana tersurat dalam ayat di atas menuntut perhatian manusia mengambil peduli untuk merawat dan melayani segala keperluan mereka sama ada secara fizikal ataupun psikologi. Oleh yang demikian, al-Quran menjadi landasan utama yang merupaka dalil pentingnya berbuat baik kepada orang tua dan warga yang lemah.

Ayat ini merupakan kisah mengenai doa Nabi Zakaria a.s yang memohon kepada Allah SWT untuk diberikan seorang anak ketika usia beliau sudah tua. Maksud "tulangku

69 Dr. Abdullah bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 29, 324.



Universiti Malaya

telah lemah" ialah kekuatannya telah lemah dan hilang, muncul uban di kepalanya yang hitam menggambarkan tentang telah tua, lemah serta tanda-tanda zahir dan batinnya.[70]

Dia Berkata, *"Tuhanku! Sesungguhnya, tulangku telah lemah dan kepalaku dipenuhi uban"* maksudnya Nabi Zakaria a.s mengakui dalam doanya bahawa dia telah benar-benar tua. Tanda tua yang tidak dapat dielakkan lagi pada diri seseorang ialah apabila tulangnya telah mulai lemah, sedangkan tulang adalah penguat seluruh badan. Jika tulang telah lemah, maka bahagian tubuh lain tidak dapat bertahan lagi. Kulit tentulah mulai kendur, mata menjadi kabur, gigi sebagai bahagian dari tulang tentulah turut menjadi gugur. Kepala mula dipenuhi memutih disebabkan beruban. "Kepala dipenuhi uban" adalah ungkapan yang sangat tepa kerana seorang yang seluruh kepalanya sudah lebih banyak uban daripada rambut hitam adalah seperti menyala kerana kilatan uban tersebut.[71]

Berdasarkan tafsir beberapa ayat al-Quran tersebut maka dapat disimpulkan bahawa usia tua merupakan rentang umur penghujung yang akan memberikan banyak tanda zahir dan batin tentang penurunan fungsi tubuh manusia. Secara biologisnya usia tua merupakan usia yang tidak ada kemampuan untuk menghasilkan zuriat, fizikal lemah, daya ingat kurang, tubuh dan tulang-tulang lemah sehingga menyusahkan dan memerlukan bantuan pihak lain dalam melakukan sebarang aktiviti.

Universiti Malaya

---

70 Dr. Abdullah Bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 16, 309.
71 Prof. Dr. HAMKA..., *Tafsir Al-Azhar*..., Jilid 6, 4278.

## 1.4 SENARAI HADITH-HADITH PILIHAN MENGENAI WARGA EMAS

### 1.4.1 Hadith Tentang Keutamaan Warga Emas

**Jadual 1.0: Takhrij hadith tentang keutamaan warga emas**

| No | Matan Hadith | Darjah hadith | Kitab | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | B | M | T | N | A | I |
| 1 | لا تَمَنَّوْا الْمَوْتَ، فَإِنَّ هَوْلَ الْمَطْلَعِ شَدِيدٌ، وَإِنَّ مِنَ السَّعَادَةِ أَنْ يَطُولَ عُمْرُ الْعَبْدِ، وَيَرْزُقَهُ اللَّهُ الإِنَابَةَ. | Ṣaḥīh Isnad | v | | | | v | |
| 2 | لَيْسَ أَحَدٌ أَفْضَلَ عِنْدَ اللهِ مِنْ مُؤْمِنٍ يُعَمَّرُ فِي الْإِسْلَامِ، يُكْثِرُ تَكْبِيرَهُ، وَتَسْبِيحَهُ، وَتَهْلِيلَهُ، وَتَحْمِيدَهُ. | Ṣaḥīh | | | | v | v | |
| 3 | أَبْغُونِي ضُعَفَاءَكُمْ، فَإِنَّكُمْ إِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنْصَرُونَ بِضُعَفَائِكُمْ. | Ṣaḥīh Isnad | v | | | | | |

**Penjelasan hadith:**

#### 1.4.1.1 Panjang umur merupakan suatu kurniaan yang patut disyukuri

Usia yang panjang adalah rahmat dan menjadi salah satu kebahagiaan bagi seseorang, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَمَنَّوْا الْمَوْتَ، فَإِنَّ هَوْلَ الْمَطْلَعِ شَدِيدٌ، وَإِنَّ مِنَ السَّعَادَةِ أَنْ يَطُولَ عُمْرُ الْعَبْدِ، وَيَرْزُقَهُ اللَّهُ الإِنَابَةَ.

> Terjemahan: Dari Jabir Ibn Abdullah r.a, bahawasanya, Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kalian berangan-angan untuk segera mati, sesungguhnya sakaratul maut sangatlah keras. Hal ini sungguh merupakan kebahagian seorang hamba yang panjang umur lalu dikaruniakan Allah STW ber*inabah* (pada-Nya)". [72]

---

[72] Abū Abd Allah Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal al-Syaibānī, *Musnad Ahmad*, Kitab Al-Risālah, Musnad Jābir Ibn 'Abdillah r.a, no Hadith 14564, Ed, 'Adil Mursyīd, (t.tp: Mu'assah al-Risālah, 2001), *426*. Hadith ini mempunyai derajat Ahad sebagaimana yang ditakhrij oleh Ibn Said Ahkam "*Thabawat*" (2/73), Imam Bukhari dalam kitab *Al-Adab wa al-Mufrad* (704), Al-Baihaqi dalam *Asy-Syu'ub* (3847). Akan tetapi dalam pandangan beberapa imam lain hadith ini dihukum *Hasan Lighairihi*, antaranya pendapat Ibn Hibban dalam *Tsaqātah* (4/136), Al-Hāfiz al-Munzirī dalam Al-Targhīb wa al-Tarhīb (4/257), Al-Haitami dalam *Al-Majmu'* (10/203).

Universiti Malaya

Hadith ini menceritakan tentang bagaimana Said Ibn Abi Waqqash, ketika itu sedang duduk bersama Rasulullah SAW dan sahabat yang lain. Rasulullah SAW mengingatkan tentang fitnah dunia, lalu para sahabat bersedih dan berasa lemah kerana takut dengan dahsyatnya fitnah dunia. Lalu, Sa'ad Ibn Abi Waqqash menangis dengan bersungguh-sungguh sambil berkata seandainya aku mati. Maka Rasulullah SAW berkata, wahai Sa'ad kenapa engkau menginginkan kematian ketika engkau bersamaku? Rasulullah SAW mengulang pertanyaan itu sebanyak tiga kali. Lalu Rasulullah berkata, wahai Sa'ad, jika engkau diciptakan untuk syurga, umurmu yang panjang dan amalanmu yang baik itu lebih baik bagimu.[73]

Adapun salah satunya makna *inabah* dalam hadith merujuk kepada keadaan orang yang kembali kepada Allah dengan melakukan pelbagai ibadah dan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Golongan ini sangat bersungguh-sungguh mengerjakan ketaatan dan sangat mencintai amalan yang menghantarkannya lebih dekat kepada Allah SWT. *Inabah* seperti ini didorong oleh janji Allah SWT tentang pahala dan kemuliaan yang Allah SWT berikan, yang membuat orang tersebut lebih lapang dan bersih jiwanya.[74] Hadith ini bermaksud bahawa kematian bukan sepenuhnya baik, seseorang dapat melakukan hal yang baik dengan umur yang diberikan oleh Allah SWT. Maka keberuntunganlah warga emas yang memiliki umur yang panjang dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT.

---

73 *Musnād Aḥmad Ibn Hanbal*, Kitāb al-Fath al Rabāanī Litartībi Musnād al-Imām Ibn Hanbal, Kitāb Janāiz, 47.

74 Nāsir Ibn Ali 'Āyiz Hasan al-Syāikh, *Kitab Mabaakhits al-'Aqiidatu fii Suuratu al-Zumar*, Bab Al-Mabhaṣu al-'Āshir 'Ubūdiyyatu al-Inābatu, (Riyādh: Maktabah al-Rushd, 2001), Juzuk 1, 269.



Universiti Malaya

### 1.4.1.2 Warga emas mendapat tempat yang utama di sisi Allah SWT kerana amalnya

Warga emas memiliki kedudukan khusus di sisi Allah SWT kerana mereka telah tumbuh dalam keadaan muslim sampai usianya lanjut dalam Islam. Rasulullah SAW bersabda:

قَالَ طَلْحَةُ بْنُ عُبَيْدِ اللهِ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :لَيْسَ أَحَدٌ أَفْضَلَ عِنْدَ اللهِ

مِنْ مُؤْمِنٍ يُعَمَّرُ فِي الْإِسْلَامِ، يُكْثِرُ تَكْبِيرَهُ، وَتَسْبِيحَهُ، وَتَهْلِيلَهُ، وَتَحْمِيدَهُ.

> Terjemahan: Berkata Thalhah Ibn ‘Ubaidillah bahwa Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada seseorang yang lebih utama di sisi Allah, daripada seseorang mukmin yang Allah panjangkan umurnya dalam Islam kerana takbir, tasbih, tahlil dan tahmidnya”.[75]

Hadith yang diriwayatkan oleh Thalhah Ibn ‘Ubaidillah menyatakan bahawa Rasulullah SAW tidak menolak doa orang yang telah beruban. Hadith ini jelas disebutkan oleh Imam Al-Ghazali dalam Al-Wasit dan disebutkan pula dalam kitab al-Nihayah dan terdapat hadith daripada Abi Musa al-Asy’ari bahawa diantara kemuliaan Allah SWT adalah memuliakan orang-orang tua Islam. Memuliakan merupakan tindakan menghormati dan sentiasa memberlakukannya dengan baik. Oleh itu, memuliakan orang tua Islam adalah melakukan suatu tindakan yang dipandang baik dan bermartabat dalam berhubungan dengan warga emas. Hadith ini isnadnya adalah *hasan*.[76]

Hadith ini dengan jelas menyatakan bahawa panjang umur itu bukanlah satu jaminan, keutamaan seseorang itu tidak cukup dengan hanya panjang umur, namun harus didukung oleh amalan yang baik dan soleh. Setelah amalan soleh telah dipenuhi, maka cukuplah seseorang itu menjadi seorang mukmin yang lebih utama dari segi umur dan amalan.

Universiti Malaya

---

75 Abū Abd Rahmān Ahmad Syu’aīb al-Nasā’i, *Sunan an-Nasai al-Kubra,* no Hadith 10606, *Bab Afdhal al-Zikrī wa Afdhal al-Du’āi*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 309. Hadith yang sama juga diriwayatkan dalam nash yang berbeza dengan no hadith 10674. Terdapat juga dalam *Sunān Abū Dāūd*, Kitab al-Janāiz, Bab Fi al-Syahidi Yughassil, 3/195/3134

76 Abū Faḍl Ahmad Ibn Ali Ahmad Ibn Ḥajār al-Asqalānī, *Kitab Talkhīṣ Al-Khabīru Liahmadu Al-‘Asqalānī*, Bab Al-Janāiz, (Mesir: Muassasat Qurṭubah Ajib, 1995), Juzuk 2, 119.

Kedudukan yang mulia seperti yang dijelaskan dalam hadith di atas, tidak terlepas daripada banyak kebaikan, tingginya darjat kerana banyak tasbih, takbir dan bertahlil yang telah diucapkan serta dosanya banyak yang telah dihapuskan oleh Allah SWT.

### 1.4.1.3 Warga emas merupakan salah satu sebab dilimpahkan rezeki dan pertolongan Allah SWT

Anjuran untuk saling memikul beban sesama saudara merupakan perkara penting untuk diperhatikan dengan meringankan beban warga emas serta melayaninya dengan baik. Rasulullah SAW mengkhabarkan bahawa akan dilimpahkan rezeki dan pertolongan Allah SWT dengan keberadaan orang-orang miskin dan orang-orang yang lemah. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:أَبْغُونِي ضُعَفَاءَكُمْ،

فَإِنَّكُمْ إِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنْصَرُونَ بِضُعَفَائِكُمْ.

Terjemahan: Daripada Abi Darda', bahawasanya, dia mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Kalian mengadukan orang-orang lemah kepadaku, hanya saja sesungguhnya kalian diberi rezeki serta pertolongan dengan sebab keberadaan orang-orang miskin dan lemah".[77]

Hadith ini merupakan salah satu daripada hadith yang menceritakan tentang meminta bantuan kepada orang-orang yang lemah dan soleh dalam peperangan. Kisah ini mengenai Sa'ad yang menganggap dirinya memiliki kelebihan berbanding orang-orang yang lebih lemah darinya. Kemudian Rasulullah SAW menegurnya dengan mengatakan bahawa kemenangan itu adalah disebabkan oleh doa orang-orang lemah yang soleh yang tidak ikut berperang. Ibn Baththal berkata, "penakwilan hadith ini adalah bahawa orang-orang yang lemah lebih ikhlas dalam berdoa dan lebih khusyu' dalam beribadah kerana

---

[77] *Sāḥīh Al-Bukhāri*, Kitab al-Jihād wa Al-Sīr, Bab Man Isti'ān bi al-Zu'afāī wa al-Sālihīna Fi al-Harbi, 'An Saīd Ibn Abī Waqqas, no Hadith 2896. *Sunan Ahmad bin Hanbal*, Musnad Ar-Risalah, Bab Hadīth Abī Darda', no Hadith 21731, h. 60. Hadith ini Isnadnya Sāḥīh sebagaimana disebutkan dalam Kitab Musnād al-Imām Ahmad bi-Ahkāmi al-Arnaūta, 222.

hati mereka terlepas dari keterkaitan dengan kehidupan dunia. Al-Muhallab berkata, “Maksud Nabi Muhammad SAW adalah untuk memberi motivasi kepada Sa’ad supaya bersikap rendah hati dan tidak merasa tinggi daripada orang lain serta tidak meremehkan muslim yang lain dalam segala keadaan.[78]

Berdasarkan hadith di atas, perlu diberi perhatian tentang peringatan Rasulullah SAW untuk tetap menjaga keberadaan orang yang lemah. Orang lemah yang dimaksudkan oleh firman Allah SWT dalam surah an-Nisa’ ayat 75 adalah golongan lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak yang lemah. Sama ada lemah yang disebabkan oleh penyakit, umur, mahupun faktor fizikal. Oleh itu, dalam hal ini warga emas juga termasuk dalam kategori orang yang lemah sehingga keberadaan mereka akan membawa berkat kepada orang-orang sekelilingnya, apatah lagi warga emas yang soleh.[79]

### 1.4.2 Hadith Tentang Hak-Hak Warga Emas

**Jadual 1.1: Takhrij hadith tentang hak-hak warga emas**

| No | Matan Hadith | Darjah Hadith | Kitab | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | B | M | T | N | A | I |
| 1 | إِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ، وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ الْغَالِي فِيهِ وَالْجَافِي عَنْهُ، وَإِكْرَامَ ذِي السُّلْطَانِ الْمُقْسِطِ. | Ḥasan | | | | | v | |
| 2 | لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوَقِّرْ كَبِيرَنَا | Ṣaḥīḥ | v | | v | | v | |
| 3 | مَنْ شَابَ شَيْبَةً فِي سَبِيلِ اللهِ كَانَتْ لَهُ نُورًا يَوْمَ القِيَامَةِ. | Ḥasan Ṣaḥīḥ | | | v | v | | |
| 4 | كَانَ أَكْثَرُ صَلَاتِهِ جَالِسًا | Ṣaḥīḥ | | v | | | | |
| 5 | فَيُطْعِمَانِ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا | Ṣaḥīḥ | v | | | | | |
| 6 | أَدْرَكَتْ أَبِي شَيْخًا كَبِيرًا لاَ يَسْتَطِيعُ أَنْ يَسْتَوِيَ عَلَى الرَّاحِلَةِ فَهَلْ يَقْضِي عَنْهُ أَنْ أَحُجَّ عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ | Ṣaḥīḥ | v | | | | | |

**Penjelasan Hadith:**

Universiti Malaya

78 Al-Imām Al-Hafīzh Ibnu Hajar Al-Asqalani, *Fāthul Bāri: Penjelasan Kitab Sāhīh Al-Bukhāri*, Penerjemah Amiruddin, Editor Abu Rania, Lc, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2006), Jilid 17, 270.

79 Syāikh Al-Islām Abi Yahya Zakariyya Al-Anṣāri Al-Miṣri Al-Syāfi’i, *Manhatu Al-Bāri bi Syarh Sāḥīh Al-Bukhāri Al-Musamma Tukhfatu Al-Bāri*, (Qāhirah: Maktabah Al-Rushd, 2005), 38.

### 1.4.2.1 Warga emas merupakan golongan yang harus dimuliakan

Kedudukan mulia yang Allah SWT berikan kepada warga emas ini merupakan kebahagiaan khusus bagi mereka. Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي مُوسَى ٱلْأَشْعَرِي؛ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ إِجْلَالِ اللَّهِ: إِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ، وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ الْغَالِي فِيهِ وَالْجَافِي عَنْهُ، وَإِكْرَامَ ذِي السُّلْطَانِ الْمُقْسِطِ.

> Terjemahan: Daripada Abi Musa Al-Ash'ari berkata, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya di antara cara memuliakan Allah SWT adalah dengan menghormati orang tua yang muslim, menghormati ahli al-Quran tanpa berlebihan (dalam memuliakannya) dan tidak berlaku kasar kepadanya serta menghormati penguasa yang adil".[80]

Syaikh 'Abd al-Razzaq bin Abd al-Muhsin Al-Badr mengatakan bahawa memuliakan dan menghormati orang tua adalah sifat yang sangat baik, lebih-lebih lagi seseorang itu mempunyai hubungan kekeluargaan dengan warga emas tersebut. Ditambah lagi kemuliaannya sekiranya warga ema situ seorang muslim, maka bersama usianya dia memiliki hak Islam. Bagi warga emas yang merupakan ayah atau saudara ayahnya atau ibunya, haknya lebih besar lagi. Bahkan sekalipun ibu bapanya bukan muslim maka dia juga memiliki hak terhadap usia tuanya. Agama Islam merupakan agama akhlak, agama kemuliaan dan kedamaian. Syariat ini adalah untuk menjaga hak orang yang lebih tua tidak kira apa jua agamanya. Mungkin akhlak yang mulia dan perhatian terhadap hak usia tua menjadi sebab bagi seseorang untuk memilih agama Islam pada usia tuanya. Sebaliknya jika hak itu diabaikan, akan menyebabkan terhalangnya

---

[80] Imam Abi Dāūd Sulaiman Bin al-Asy'ash al-Sijistāni, *Sunan Abū Dāwūd*, no Hadith 4843, Kitab al-Risālah al-Syarku wa Mudhāhiruhu, Bab Shannafā Hamlat al-Quran, (Beirūt: Dār al-Fikri, t.t), Juzuk I, 428. Hadits ini telah ditakhrij oleh Abū Dāwūd, dan dianggap *Hasan* oleh Imam An-Nawawī dalam kitabnya *Al-Tibyān* dan *Riyādh as-Shālihīn*, (no hadith 354, h.191), Dalam *Al-Tarkhīsh bi al-Qiyām* (h.56), Al-Zahabī dalam *Al-Mīzān* (4/565), Al-'Iraqi dalam *Takhrij al-Ikhya'* (2/196), Al as-Qālanī dalam *Al-Talkhīsh* (2/118/762), Al-Bāni dalam *Shahīh Sunan Abū Dawūd* (4053), dan dalam *Al-Targhīb* (1/44/93).

Universiti Malaya

seseorang menerima agama ini. Inilah pandangan yang harus sentiasa menjadi perhatian bagi setiap individu dalam bergaul dengan warga emas.[81]

Seandainya seseorang itu adalah guru yang mengajarkan kebaikan kepada kita dan menjadi sebab hidayah yang kita dapatkan maka sangatlah besar hak usia tua yang dia miliki. Menunaikan hak usai tua kepada seseorang akan sentiasa ada dalam kehidupan umat manusia. Menghormati hak usia tua tidak kira status dan kedudukannya merupakan ajaran Islam yang tegas bagi setiap individu menghormatinya.[82] Jelaslah bahawa kedudukan umur seseorang merupakan suatu kemuliaan, sehingga didahulukan mereka daripada ahli al-Quran dan pemimpin yang adil sedangkan kemuliaan mereka juga adalah besar.

#### 1.4.2.2 Warga emas merupakan golongan yang harus dihormati

عَنْ زَرْبِيٍّ قَال سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُجَاءَ شَيْخٌ يُرِيدُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَبْطَأَ الْقَوْمُ عَنْهُ أَنْ يُوَسِّعُوا لَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوَقِّرْ كَبِيرَنَا

> Terjemahan: Daripada Zarbī berkata, aku mendengar Anas bin Mālik berkata: "Seorang lelaki tua datang kepada Nabi SAW lantas orang-orang melambatkan untuk memperluas jalan untuknya, maka Nabi SAW bersabda: "Bukan daripada golongan kami orang yang tidak menyayangi anak kecil kami dan tidak menghormati orang tua (orang dewasa) kami".[83]

At-Tirmizi menyatakan bahawa sebahagian ulama mengatakan sabda Rasulullah SAW )لَيْسَ مِنَّا( itu maksudnya bukan dari sunnah kami, dan bukan dari adab kami. Ali Ibn

---

81 Syaīkh Abdurrozzaq al-Badr Ibn Abu Muhsin al-'Abbad, *Huqūq Kibār al Sīn fi al-Islām,* (Riyādh: Maktabah Fath al-Waṭāniyyah, 2011), Cet I, 14-15.

82 Al-'Allāmah al-Muḥaqqiq al-Muhaddis…, *'Aunul Ma'būd*, Jilid 1, 192.

83 *Sāḥīh Al-Bukhāri*, Kitab al-Adab al Mufrad 354, Terdapat juga dalam *Sunan Al-Tirmīdzī*, Kitāb al-Bīr wa al-Shillah, Bab Ma Jāa Fī Rahmati as-Shibyān, no Hadith 1921. Beliau menghukum hadith ini Hasan Shahīh. Abu Daud 4943, Ahmad (II/185 dan 207), melalui beberapa jalur periwayatan dan ia sāḥīh. Dan masih dalam bab tersebut dirawikan pula dari Anas, Ibn 'Abbas, 'Ubadah Ibn as-Samit, Abū Hurairah, Abū Umamah, Watsilah Ibn al-Aqsa' dan Jābir Ibn Abdillah.



Universiti Malaya

al-Madini menceritakan, Yahya Ibn Sa'id mengatakan bahawa Sufyan as-Sauri mengingkari penafsiran tersebut dengan mengemukakan maksudnya adalah bukan termasuk dalam agama kami. Dimaksudkan dalam hadith ini yang lebih tua bukan hanya yang telah uzur usianya, namun lebih jauh juga dalam hubungan perbezaan usia antara satu individu dengan individu yang lain. Maka hadith ini adalah untuk seluruh lapisan umur bagi saling mengenal rentang usia antara satu sama yang lainnya.[84]

Masyarakat Islam diibaratkan sebuah bangunan yang kukuh, golongan muda dikasihi dan golongan tua dihormati, masing-masing memiliki kedudukan tersendiri dalam dinding bangunan tersebut, yang bangunannya telah disempurnakan oleh Rasulullah SAW. Islam merupakan agama kasih sayang yang mendahulukan orang-orang yang lemah dan mereka yang berada dalam kalangan yang lemah sama ada dalam hal-hal ibadah ataupun muamalat. Oleh itu, penghormatan merupakan suatu kemuliaan yang tidak boleh dibayar dengan harta benda. Dalam hal ini Allah SWT melebihkan golongan tua daripada golongan yang muda.

Namun demikian, penghormatan itu akan muncul seiring dengan gambaran perilaku dan amal yang telah dikerjakan. Baik buruknya bergantung kepada peribadi seseorang. Di sini Allah SWT melebihkan mereka yang mempunyai amal dan ilmu serta nasab yang baik. Hal ini kerana mereka mempunyai peranan yang penting kepada masyarakat. Orang tua yang berilmu dan beramal soleh merupakan aset yang sangat penting bagi membangun masyarakat madani dalam nuansa Islam yang hakiki.

Sebagaimana riwayat Hāfiz al-Irāqī mengenai perkara ini bahawa kita harus menghormati orang yang alim, soleh dan yang mempunyai nasab yang baik. Sebaik-baik manusia itu yang paling panjang umurnya dan baik perbuatannya. Kita tidak berhak menghormati orang yang panjang umurnya tetapi buruk perbuatannnya. Kadang kala kemuliaan seseorang muncul disebabkan ilmunya. Kadang kala dimuliakan disebabkan

---

84 Drs. Muslich Shabir, MA, *Terjemah Riyadus Shalihin*, (Semarang: Toha Putra, 2015), Jilid 2, 83.



Universiti Malaya

oleh kesolehannya dan ada juga mulia disebabkan keturunannya.[85] Hal ini merupakan perintah Allah yang sangat penting untuk diaplikasikan oleh sesorang muslim kerana antara keagungan Allah adalah memuliakan dan membesarkan orang yang lebih tua.[86]

#### 1.4.2.3 Warga emas merupakan golongan yang tidak boleh diremehkan

عَنْ عَمْرِو بْنِ عَبَسَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ شَابَ شَيْبَةً فِي سَبِيلِ اللهِ كَانَتْ لَهُ نُورًا يَوْمَ القِيَامَةِ.

> Terjemahan: Dari ‘Amr bin ‘Abasah, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang beruban (tua) di jalan Allah maka ia akan memperoleh cahaya pada hari kiamat”.[87]

Imam Al-Manawi berkata bahawa rambut putih (beruban) tersebut dengan sendirinya menjadi cahaya atau penerang yang akan memberi petunjuk bagi yang memilikinya. Pada masa itu dia berjalan diantara kegelapan hari akhirat sampai dia masuk ke dalam syurga dengan diterangi oleh uban/rambut putihnya. Maka dimakruhkan bagi seseorang mencabut uban daripada janggut, kumis dan rambut bahagian bawah bibir. Ketentuan ini berlaku bagi yang orang mencabut dan orang yang dicabut rambut ubannya. Imam An-Nawawi *rahimahullah* berkata, hadith Nabi SAW yang menceritakan tentang cahaya rambut putih ini mengandungi ajaran pendidikan daripada baginda, tujuannya untuk memperbaiki diri yang telah lalu dan akan selalu berkembang dalam masyarakat. Terutamanya berhubung dengan masa muda manusia, dan menangisi hal yang disia-siakan pada masa mudanya. Maka ketentuan ini bagi menghormati warga emas dan mempersiapkan masa muda secara maksimum.[88]

---

85 Dr. Mukhtar Nasīr…, *Ri’āyah Musannīn…*, 333.

86 Al-‘Allāmah al-Muhaqqiq al-Muhaddis al-Kabīr Abu Thayyib Muhammad Syams al-Haq Ibn Amir Ali Ibn Maqsud Ali al-Shiddiq al-Azhīm, *‘Aunul Ma’būd Syarh Sunan Abū Dāwūd*, (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2005), Jilid 3, 192.

87 Muhammad Ibn Isa Al-Tirmidhī, *Sunan Al-Tirmīdzī*, Kitāb al-Bīr wa al-Shillah, Bab Ma Jāa Fī Rahmati as-Ṣibyān, no Hadith 1921, (Beirūt: Dār Ihyāi al-Turāth al-‘Arabī, t.t), no 1635, Jilid 3, 172. Beliau menghukum hadith ini Hasan Sāḥīh. Hadith senada juga terdapat dalam Sunan An-Nasa’i, *Sāḥīh al-Jami’ Al-Ṣaghir*, 5/304/6184. Baihaqi, *Silsilatu al-Ahadith al- Sāḥīhah*, 3/247/1244. Ibn Hibban, *Al-Mishdaru al-Sabiqu* isnadnya Hasan.

88 Muhammad Ali Ibn Muhammad Ibn Abd Allah Al-Syaukānī, *Fath al-Qādir*, (Beirūt: Maktabah Nash Ibn Kathīr, 2010), Cet I, 6/156.



Universiti Malaya

Nabi Muhammad SAW ingin menanam dalam jiwa anak muda supaya selalu ada harapan dalam menjalani kehidupan dengan selesa dan tenang. Bagi orang yang berumur tua juga memiliki tempat disisi Allah dan Rasul-Nya dengan dalil bahawa baginda menjadikan orang yang berusia tua adalah manusia terpilih dalam masyarakat. *Al-Syaibah* yang dimaksud dalam hadith adalah cahaya dari orang yang beriman. Hadith ini juga didukung oleh beberapa hadith lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, r.a yang melarang seseorang mencabut rambut uban kerana lazimnya uban bukan hanya sebagai petanda seseorang itu telah mencapai usia penghujung, namun juga menjadi saksi terhadap kesolihan seseorang.[89]

Kesolehan seseorang juga menjadi pengukur terhadap pengadilan Allah SWT pada hari kiamat kelak. Seseorang akan dijauhkan dari api neraka dengan ketaatannya, apatah lagi sampai rambutnya beruban. Oleh itu, rambut tersebut menjadi cahaya di hari kiamat sebagai saksi semasa hidup di dunia. Hal ini menjadi kekuatan dan keistimewaan kepada warga emas supaya sentiasa melakukan kebaikan sejak dari umur yang muda.[90] Allah SWT telah mengangkat darjat warga emas, maka tiada jalan bagi manusia lain untuk meremehkan dan merendahkan kedudukan warga emas di mata manusia.

### 1.4.2.4 Warga emas memiliki rukhṣah pada beberapa ketentuan syariat

**i- Warga emas dibolehkan melaksanakan solat sambil duduk**

Warga emas yang sudah tidak kuat untuk berdiri dan duduk ketika solat, syariat membolehkan mereka solat sambil duduk. Sekiranya masih berupaya untuk berdiri, maka tidak ada keringanan baginya untuk duduk ataupun bersandar. Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللهِ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: لَمَّا بَدَّنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَثَقُلَ، كَانَ أَكْثَرُ صَلَاتِهِ جَالِسًا

---

89 ‘Umar Sulaiman al-Ashqar, *Kitab al-Qiyāmah al-Kubra*, Bab al-Faṣḥl al Thamanu Ahwalu al-Nāsu fi Yaumi al-Qiyāmati, (‘Urḍun: Dar al-Nafāiz, 1995), Juzuk 1, 70

90 Husain Ibn Hasān Ibn Ḥalim al-Bukhārī al-Jarjanī, *Kitab al-Manhāj fi Syu’bi al-Imān*, Bab Asādis wa al Syu’ab al-Imāni Wahuwa Bab Fī, (Qāhirah: Dār al-Fikr, 1979), Juzuk 2, 476.

> Terjemahan: ‘Abdullah Ibn ‘Urwah telah menceritakan kepadaku, daripada ayahnya, daripada ‘A’ishah katanya: “Ketika Rasulullah SAW telah berusia lanjut dan gemuk, maka kebanyakan solat yang baginda lakukan adalah sambil duduk.”[91]

Hadith ini menggambarkan sedemikian cintanya Rasullah SAW dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT sekalipun setelah mencapai masa tuanya. Dalam hadith lain yang berkenaan diriwayatkan oleh imam Muslim daripada Ibnu Abbas r.a menceritakan bahawa beliau tidur bersama Rasulullah SAW, kemudian baginda bangun dan bersiwak, kemudian beliau membaca surat Ali Imran kemudian baru bangun dan solat dua rakaat. Baginda memanjangkan pada setiap berdirinya, rukuk dan sujudnya.

Hadith yang bersumberkan daripada Huzaifah r.a yang dirawiyatkan oleh Abu Daud bahawa Nabi SAW solat malam dan membaca takbir dan membaca doa iftitah tiga kali kemudian memulai shalat dengan membaca surah al-Baqarah dan rukuk yang panjangnya sama seperti saat baginda berdiri sambil membaca *subhānarabbiyal a’zimiwabihamdihi.* Kemudian baginda bangun daripada rukuk yang panjangnya sama seperti rukuk dan sujud pula sama panjang seperti waktu berdiri sambil membaca *subhanarabbiyal a’lāwabihamdihi.* Kemudian bangun dari sujud duduk antara dua sujud sambil membaca *rabbighfirliwarhaniwajburniwarfa’nī* dan seterunya yang panjangnya sama seperti saat baginda sujud. Kemudian dilanjutkan shalat 4 rakaat dengan membaca surah al-Baqarah, Alī Imran, an-Nisa’, al-Maidah, al-An’am.[92]

Solat merupakan suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh setiap muslim sama ada lelaki atau perempuan. Hukum solat adalah wajib, maka berdosalah bagi seseorang yang meninggalkan solat. Tiada alasan bagi setiap orang muslim yang telah mukallaf untuk meninggalkan solat lima waktu, sekalipun dalam keadaan sakit atau sedang dalam perjalanan yang jauh. Namun demikian, Allah SWT tidak pernah

---

[91] Abu Ḥusāīn Muslim Ibn Al-Hajjāj Ibn Muslim al-Qusairy al-Naisaburī, *Sāḥīh Muslim*, Kitab as-Shalāh Fī al-Musaffirīna, (Beirut, Dar al-Fikr, 1998), no Hadith 1211.

[92] Muhammad ‘Izzat Danūzah, *Kitāb Al-Tafsīr al-Hadīth*, Bab Ta’līq ‘Alā Kalimāti al-Solati, (Beirūt: Dārul Darabāt Islāmiyyah, 2000), Juzuk 1, 338.



Universiti Malaya

membebankan hambanya melebihi kemampuannya sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran surat al-Baqarah ayat 286, yang bermaksud Allah SWT tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya". Hal ini merupakan kelembutan, kasih sayang, dan kebajikan Allah SWT kepada makhluknya.[93]

**ii- Warga emas dibolehkan membayar fidyah puasa**

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَطَاءٍ، سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ، يَقْرَأُ (وَعَلَى الَّذِينَ يُطَوَّقُونَهُ فَلاَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ) قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: «لَيْسَتْ بِمَنْسُوخَةٍ هُوَ الشَّيْخُ الكَبِيرُ، وَالمرْأَةُ الكَبِيرَةُ لاَ يَسْتَطِيعَانِ أَنْ يَصُومَا، فَيُطْعِمَانِ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا.

> Terjemahan: Daripada 'Aṭā', beliau mendengar Ibn 'Abbas membaca {وَعَلَى الَّذِينَ يُطَوَّقُونَهُ فَلاَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ}. Lalu Ibn 'Abbās berkata: Ayatnya tidak dimansukhhkan, iaitu lelaki uzur dan perempuan uzur yang tidak mampu berpuasa maka kedua-duanya dikenakan fidyah iaitu memberi makan satu hari seorang miskin.[94]

Hadith ini berkenaan dengan bulan Ramadan, diturunkan sebagai pilihan membayar fidyah bagi beberapa golongan yang tidak mampu berpuasa, salah satunya adalah warga emas yang telah lemah fizikalnya. Ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 184 sebagaimana yang disebutkan dalam hadith menurut Ibn 'Abbas tersebut tidak di*nasakh*, kerana yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah orang tua lelaki dan perempuan yang tidak mampu menjalankan ibadah puasa, maka harus keatasnya memberikan makan setiap harinya kepada satu orang miskin.[95]

*Nasakh* itu tetap berlaku bagi orang sihat yang bermukim (tidak dalam perjalanan) dengan kewajipan berpuasa baginya. Sedangkan warga emas yang telah lanjut usianya

---

93 Dr. Abdullah Bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 3, 58.
94 *Sāḥīh Al-Bukhāri*, Kitab Tafsīr al Qurān, Bab Qauluhū Ta'āla: *Ayyāmam Ma'dūdāt*, no.4235, 4/ 1638.
95 *Tafsir Ibnu Kathir al-'Iliyyah*, Bab Surah al-Baqarah (2) Al-Ayah 183 Ilā 184, Juzuk 1, 366.

dan tidak mampu menjalankan puasa, maka dibolehkan untuk berbuka dan tidak ada qada keatasnya kerana warga emas yang lemah ini tidak akan mengalami lagi keadaan yang memungkinkannya untuk mengqada puasa yang ditinggalkannya itu. Tetapi jika berbuka puasa, maka diwajibkan baginya untuk memberi makan orang miskin.

Bagi warga emas yang tidak mampu membayar fidyah kerana miskin pula, terdapat dua pendapat ulama. Pertama menyatakan tidak ada kewajiban baginya membayar fidyah untuk setiap hari puasa yang ditinggalkannya kerana Allah SWT tidak membebani seseorang kecuali sesuai dengan kemampuannya. Hal ini merupakan salah satu pendapat Imam Shafi'e. Pendapat kedua, merupakan pendapat yang sahih dan menjadi pegangan majoriti ulama bahawa wajib baginya membayar fidyah untuk setiap hari puasa yang ditinggalkan. Sebagaimana yang ditafsirkan oleh Ibn Abbas r.a dan beberapa ulama salaf lainnya. Pendapat ini menjadi pilihan Al-Bukhari, beliau mengatakan, mengenai orang yang sudah tua jika tidak mampu menjalankan puasa, maka haruslah membayar fidyah, Anas ketika sudah tua pernah setahun atau dua tahun beliau tidak berpuasa dan memberi makan roti dan daging kepada seorang miskin setiap hari. Atsar mu'allaq yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari telah disebutkan sanadnya oleh Al-Hafiz Abu Ya'la al-Mushili dalam musnadnya, daripada Ayyub Ibn Abu Tamimah, katanya: "Anas tidak sanggup menjalankan ibadah puasa, lalu beliau membuatkan bubur roti dalam satu mangkuk besar, dan kemudiannya mengundang tiga puluh orang miskin untuk memberi mereka makan". Demikianlah diriwayatkan oleh Abd Ibn Humaid.[96]

---

[96] Dr. Abdullah bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 2, 345.



Universiti Malaya

**iii- Warga emas dibolehkan mewakilkan haji**

Hadith Rasulullah SAW:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: جَاءَتِ امْرَأَةٌ مِنْ خَثْعَمَ عَامَ حَجَّةِ الوَدَاعِ، قَالَتْ:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ فَرِيضَةَ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ فِي الحَجِّ أَدْرَكَتْ أَبِي شَيْخًا كَبِيرًا لاَ يَسْتَطِيعُ أَنْ

يَسْتَوِيَ عَلَى الرَّاحِلَةِ فَهَلْ يَقْضِي عَنْهُ أَنْ أَحُجَّ عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ.

> Terjemahan: Daripada Ibn ʻAbbās RA, ketika haji wada, ada seorang perempuan dari Khathʻam berjumpa Rasulullah, beliau berkata: "Wahai Rasulullah! seruan Allah untuk berhaji kepada hamba-Nya (ayahnya) telah tiba. Ayah saya sudah lanjut usia dan tidak mampu untuk berjalan jauh. Adakah kewajipan itu terlepas daripadanya sekiranya saya sendiri yang menggantikan hajinya." Rasulullah menjawab: "Ya".[97]

Hadith daripada Abdullah Ibn ʻAbbās ini terjadi ketika haji *wada'* mengenai seorang lelaki yang datang kepada Rasulullah SAW untuk mengadu tentang keadaan ayahnya yang sudah tua dan tak mampu lagi untuk melakukan perjalanan ibadah haji, lalu beliau bertanya, adakah dibolehkan mengerjakan haji untuk ayahnya. Maka kemudian Rasulullah SAW membolehkannya menggantikan haji anaknya.[98] Dalam kaedah fiqh ini disebut dengan badal haji.

Badal haji merupakan haji yang diwakilkan oleh seseorang kepada orang lain sama ada diwakilkan kepada keluarga terdekat mahupun orang lain mengikut syarat-syarat tertentu, khususnya dilakukan bagi orang muslim yang sepanjang hayatnya memiliki kemampuan dari segi kewangan untuk melaksanakan haji, namun tidak mampu dari segi batinnya kerana terlalu uzur/ sakit sehingga tidak ada harapan lagi untuk melaksanakan ibadah haji. Maka mewakilkan haji diperbolehkan bagi warga emas yang lemah, dimana ia tidak mampu melakukannya secara sendiri.

97 *Sāḥīh Al-Bukhāri*, Kitab al-Hājj, Bab al-Hājj Man La Yastaṭi'u al-Thabut ʻAlā al-Kḥillah, no Hadith 1755, Jilid 2, 658.
98 *Ibid.*, 659

Universiti Malaya

### 1.4.3 Hadith Tentang Layanan Warga Emas

**Jadual 1.2: Takhrij hadith tentang layanan warga emas**

| No | Matan Hadith | Darjah hadith | Kitab | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | B | M | T | N | A | I |
| 1 | رَأَى سَعْدٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ لَهُ فَضْلًا عَلَى مَنْ دُونَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَلْ تُنْصَرُونَ وَتُرْزَقُونَ إِلَّا بِضُعَفَائِكُمْ | Ṣaḥīh | v | | | | | |
| 2 | كَبِّرِ الْكُبْرَ فِي السِّنِّ، فَصَمَتَ، فَتَكَلَّمَ صَاحِبَاهُ، وَتَكَلَّمَ مَعَهُمَا | Ṣaḥīh | v | v | | | | |
| 3 | كُنَّا إِذَا حَضَرْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ نَضَعْ أَيْدِيَنَا حَتَّى يَبْدَأُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَضَعُ فِيهِ | Ṣaḥīh | | v | | | | |
| 4 | يُسَلِّمُ الصَّغِيرُ عَلَى الكَبِيرِ، وَالمارُّ عَلَى القَاعِدِ، وَالقَلِيلُ عَلَى الكَثِيرِ | Ṣaḥīh | v | | | | | |
| 5 | كَبِّرْ، فَدَفَعْتُهُ إِلَى الْأَكْبَرِ | Ṣaḥīh | | v | | | | |
| 6 | لَوْ أَقْرَرْتَ الشَّيْخَ فِي بَيْتِهِ، لَأَتَيْنَاهُ تَكْرُمَةً لِأَبِي بَكْرٍ | Ḥasan | | | | | v | |
| 7 | إِذَا مَا قَامَ أَحَدُكُمْ لِلنَّاسِ فَلْيُخَفِّفِ الصَّلَاةَ فَإِنَّ فِيهِمُ الْكَبِيرَ، وَفِيهِمُ الضَّعِيفَ، | Ṣaḥīh | v | v | | | v | |

**Penjelasan Hadith:**

#### 1.4.3.1 Warga emas bukan merupakan golongan yang boleh dipandang rendah

عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ رَأَى سَعْدٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ لَهُ فَضْلًا عَلَى مَنْ دُونَهُ فَقَالَ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَلْ تُنْصَرُونَ وَتُرْزَقُونَ إِلَّا بِضُعَفَائِكُمْ.

> Terjemahan: Daripada Muṣ‘ab bin Sa‘ad berkata: Sa‘ad menganggap bahawa dirinya memiliki kelebihan berbanding dengan orang lain. Lantas Nabi SAW bersabda: “Tidaklah kalian dibantu dan diberikan rezeki melainkan kerana adanya (perantaraan do‘a) orang-orang yang lemah (dalam kalangan) kamu".[99]

99 *Ṣaḥīh Bukhārī*, Kitab al-Jihād wa as-Sir, Bab Man Isti’anu Bizzu’afāi wa as-Shālihīna fi al-Kharbi, no. 2896.

Universiti Malaya

Hadith di atas berkait rapat dengan kemuliaan orang tua. Dalam hadith ini, Nabi Muhammad SAW menekankan larangan mengejek orang yang memiliki kelebihan dalam melakukan kebajikan. Dijelaskan bahawa ada tiga hak yang dilarang sama sekali untuk merendahkan atau mengejek kecuali terhadap orang munafik[100]. Tiga hak yang dinyatakan adalah yang pertama ialah orang yang sudah beruban. Yang kedua pula ialah orang yang tinggi ilmu pengetahuannya dan yang ketiga ialah pemimpin yang adil.

Al-Ghazali mengatakan menganggap rendah seperti menghina, menyebutkan kekurangan atau aib seseorang, mengolok-olok, mentertawakan, memandang rendah ilmu dan amalan seseorang. Hal ini boleh juga berupa perbuatan ataupun isyarat. Menganggap rendah ketiga-tiga golongan tersebut merupakan sebahagian daripada cabang kemunafikan. Sesiapa yang tidak merendahkan warga emas, orang alim dengan ilmunya dan penguasa yang adil maka Allah SWT akan membukakan pintu langit dan dilapangkan rezekinya. Sikap seperti ini merupakan wasilah atau perantara bagi membuka pintu rezeki.[101]

Universiti Malaya

### 1.4.3.2 Memulakan warga emas dalam bercakap

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَبِّرِ الْكُبْرَ فِي السِّنِّ، فَصَمَتَ فَتَكَلَّمَ صَاحِبَاهُ وَتَكَلَّمَ مَعَهُمَا.

Terjemahan: Daripada Rāfi‘ bin Khadīj, Rasulullah SAW bersabda kepadanya: “Besarkanlah (Muliakanlah) orang yang sudah tua dan diamlah ketika mereka bercakap.”[102]

---

100 Berdasarkan hadith yang diriwayatkan Al-Bukhārī dan *Muttafaqun ‘alaīhi* bahwasanya ciri-ciri orang munafik itu ada tiga, iaitu apabila berkata ia berdusta, apabila berjanji ia ingkari dan apabila dipercayai orang ia berkhianat.

101 Imam Abi Muhammad Abdullah Ibn Ali Ibn Abi Zaid al-Ghairawani, *Majmu' Ath-Thamin fi sirah al-nabiyy al-Amin*, (Tunisia: Maktabah Dariqah Hijratain, 2013), I/65.

102 *Ṣaḥīh Bukhārī*, *Kitāb al-Adāb, Bab Ikrām al-Kabīr Wa Jabda' al-Akbar bi al-Kalām wa al-Suāl*, no Hadith 6142. Juga diriwayatkan Muslim, *Kitab al-Qasamah wa al-Mukharibin*, Bab al-Qasāmah, no. 1669.

Dalam hadith ini disebutkan bahawa dalam sebuah majlis yang diketuai oleh Rasulullah SAW, terdapat seorang pemuda dan seorang tua yang mengajukan soalan secara serentak. Kemudian pemuda itu berusaha bertanyakan kepada Rasulullah SAW supaya baginda memberikan jawapan kepadanya terlebih dahulu berbanding orang tua tersebut.

Kejadian ini disebutkan dalam Sharaḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī oleh Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī. Pemuda yang berkenaan adalah 'Abd al-Raḥmān yang mempunyai dua orang anak buah bernama Muhaisah dan Huwaisah. Mereka berdua lebih tua daripada 'Abd al-Raḥmān. Apabila 'Abd al-Raḥmān hendak bertanyakan soalan, Rasulullah SAW terus menegur perbuatannya dan menasihatinya supaya menghormati orang yang lebih tua. Baginda memberikan kesempatan terlebih dahulu kepada orang yang lebih tua untuk bercakap..[103]

#### 1.4.3.3 Memulakan warga emas dalam pemakanan

عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا إِذَا حَضَرْنَا مَعَ النَّبِي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ نَضَعْ أَيْدِينَا حَتَّى يَبْدَأُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَضَعُ فِيهِ.

> Terjemahan: Daripada Ḥudhayfah r.a berkata: Ketika kami pergi ke jamuan makan malam bersama Nabi Muhammad SAW, kami tidak akan mencuci tangan untuk makan sebelum Rasulullah SAW memulakannya.[104]

Berdasarkan hadith ini, jelas disebutkan bahawa etika makan para sahabat sangat menjaga kesopanan dan memuliakan Rasulullah SAW sebagai utusan Allah SWT. Hadith ini mengandungi maksud bahawa orang-orang yang memiliki kelebihan dari segi umur, ilmu dan amal patut didahulukan dalam makan atau minum. Tujuannya adalah untuk menghormati dan menjunjung tinggi orang-orang yang dimuliakan oleh Allah. Maka hal

---

103 Al-Imam Al-Hafizh Ibnu Hajar Al-Asqalani, *Faṭḥul Bārī*, 79.
104 *Ṣaḥīh Muslim*, Kitāb al-Ashribah, Bab Adāb al-Ṭa'am wa al-Sharab wa Ahkāmuha, 2017.



Universiti Malaya

ini perlu diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat sebagai sunnah yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Dalam hadith lain lebih jauh juga diatur etika dalam makan dan minum seperti tidak boleh makan dengan tangan kiri, mengambil makanan yang dihadapan sahaja, tidak mencela makanan, tidak bertanyakan dari mana asalnya, memulakan makan tanpa membaca *basmalah* dan seterusnya.[105]

Dalam aspek pemakanan sepatutnya juga warga emas didahulukan sebagai adab yang baik bagi menghormati mereka. Adab dan etika dalam Islam disampaikan dan diatur secara menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

### 1.4.3.4 Memulakan salam terhadap warga emas

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يُسَلِّمُ الصَّغِيرُ عَلَى الكَبِيرِ،

وَالمارُّ عَلَى القَاعِدِ، وَالقَلِيلُ عَلَى الكَثِي.

> Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Yang muda memberikan salam kepada yang tua, yang berjalan memberi salam kepada yang duduk, yang sedikit (memberikan salam) kepada yang banyak.[106]

Salam bermaksud mendoakan keselamatan dan kebaikan bagi orang yang diberikan salam. Salam juga mengandungi penghormatan sehingga yang lebih utama mendapatkan penghormatan adalah yang lebih tua umurnya.[107]

Peristiwa yang melatarbelakangkan hadith ini iaitu tentang Abdullah Ibn Sahal Ibn Zaid dan Mukhayyishah Ibn Mas'ud Ibn Zaid keluar ketika sampai di Khaibar bersama, namun ketika sampai di Khaibar mereka berpisah. Kemudian Mukhayyishah mendapati Abdullah telah terbunuh lalu dia menguburkannya. Padahal setelah pembebasan kota itu dan penetapan Nabi Muhammad SAW, penduduk yang tinggal

---

105 Al-Imam an-Nawawi, Abu Zakaria Yahya An-Nawawi, Shārḥ Riyādus Ṣāliḥīn, *Kitāb Ma'ūsu A'tu Aṭraf*, Bab Kha, Juzuk 1 , 126502.

106 *Ṣaḥīh Bukhārī*, *Kitab al-Istikzān*, Bab Tusallim al-Shaghīrah 'Alā al-Kabīr, 6234.

107 *Fāthul Bārī*, *Sharh Sāḥīh Al-Bukhāri*, Juzuk 11, h. 13.

disana dalam keadaan damai. Lalu Mukhayyishah Ibn Mas'ud dan Abdurrahman Ibn Sahal menghadap Rasulullah SAW. Abdurrahman lebih muda daripada Abdullah. Maka dia terus mengadu kepada baginda perihal kejadian tersebut. Ketika dia mahu berbicara, baginda berkata, muliakanlah yang lebih tua usianya. Maka Abdurrahman terus terdiam. Lalu kedua sahabatnya itu menceritakan perihal kematian Abdullah Ibn Sahal. Rasulullah SAW berkata mahukah kamu bersumpah dengan lima puluh (50) sumpah? Mereka berkata, bagaimana kami bersumpah sementara kami tidak menyaksikannya. Jika demikian, Yahudi ini membebaskan dirinya dari tuduhan membunuh dengan 50 sumpah. Mereka berkata bagaimana kami menerima sumpah dari orang kafir? Ketika Rasulullah SAW melihat hal demikian, maka baginda memberikan fidyah (tebusan).[108] Memberikan salam terlebih dahulu kepada yang lebih tua merupakan bahagian dari adab dan etika Islam yang baik dan bagi menjunjung tinggi usia yang lebih tua.

#### 1.4.3.5 Mendahulukan warga emas dalam semua perkara

عَنْ عَبْدَ اللهِ بْنَ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: " أَرَانِي فِي الْمَنَامِ أَتَسَوَّكُ بِسِوَاكٍ، فَجَذَبَنِي رَجُلَانِ، أَحَدُهُمَا أَكْبَرُ مِنَ الْآخَرِ، فَنَاوَلْتُ السِّوَاكَ الْأَصْغَرَ مِنْهُمَا، فَقِيلَ لِي: كَبِّرْ، فَدَفَعْتُهُ إِلَى الْأَكْبَرِ.

> Terjemahan: Daripada 'Abdullāh bin 'Umar, Rasulullah SAW bersabda: Aku bermimpi sedang bersiwak. Kemudian datang dua orang lelaki, salah seorang daripada mereka lebih berusia. Aku memberikan siwak kepada yang lebih muda. Kemudian diperintahkan kepadaku (oleh Jibrail a.s) supaya memberikan siwak kepada yang lebih tua. Aku terus memberikannya kepada lelaki itu.[109]

Hadith ini diriwayatkan juga dalam Musnad Ahmad dengan matan yang sedikit berbeza. Rasulullah SAW menjawab, aku juga tidak tahu. Hanya ketika aku sedang rukuk

---

108 *Terjemah Riyadus Shalihin*, Bab Menghormati Para Ulama, Orang Tua dan Orang Terhormat, 73.

109 *Ṣaḥīh Bukhārī, I/ 356. Ṣaḥīh Muslim*, Kitāb al-Zuhud wa al-Raqāiq, Bab Manawilah al-Akbar, no Hadith 3003.



Universiti Malaya

dalam rakaat yang kedua, Malaikat Jibril tiba-tiba sahaja turun lalu menindih punggungku sehingga aku tidak dapat bangun *i'tidal*. Kejadian itu berlangsung lama, seperti yang engkau ketahui juga. Aku belum mengetahui apa yang menyebabkan Jibril melakukan perkara demikian terhadapku. Dengan kehendak Allah SWT beberapa saat kemudian Malaikat Jibril pun turun. Malaikat Jibril berkata kepada Nabi Muhammad SAW bahwasanya aku diperintahkan Allah SWT untuk menindih punggungmu agar Ali mendapat kesempatan untuk solat berjamaah denganmu. Hal ini demikian kerana Allah SWT suka kepadanya kerana Ali menjalankan ajaran agamanya secara benar. Ali menghormati seorang lelaki tua Yahudi. Beliau terpaksa berjalan sangat perlahan kerana lelaki tua itu berjalan perlahan. Jika aku tidak menindih punggungmu, maka pasti Ali akan terlambat dan tidak berkesempatan untuk solat subuh berjamaah. Mendengar penjelasan Jibril itu, maka fahamlah Rasulullah SAW.[110]

Indikasi hadith ini menjadi hujjah akan pentingnya memulakan dan mendahulukan sesuatu bagi yang lebih tua usianya, sekalipun memiliki keyakinan yang berbeza. Mimpi Rasulullah SAW adalah benar kerana mimpi baginda merupakan wahyu yang *ma'sum* (terpelihara). Oleh itu, apa yang terjadi dalam mimpi baginda termasuk dalam shariat. Berdasarkan hadith hendaklah mendahulukan orang tua dalam hal bersiwak dan berbicara sahaja sama ada pada sekumpulan yang duduk teratur mahupun tidak, sedangkan dalam hal lain didahulukan yang paling kanan. Kaitannya dengan warga emas adalah terletak pada inti ajaran hadith yang mendahulukan sesuatu kepada yang lebih tua.[111]

Universiti Malaya

110 *Musnād Aḥmād Ibn Hanbal*, Kitāb Musnād Aḥmād al-Risālah, Bāb Musnād Abd Allah Ibn 'Umar Raḍiyallāhu'anhuma, No hadith 6226, Juzuk 10, 351. Hadith ini isnadnya Sahih menurut syarat Buhkari dan Muslim.

111 *Riyādus Ṣālihin*, Bab Menghormati Para Ulama, Orang Tua dan Orang Yang Terhormat, 29.

#### 1.4.3.6 Warga emas merupakan golongan yang lebih utama untuk diziarahi

عَنْ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي بَكْرٍ: لَوْ أَقْرَرْتَ الشَّيْخَ فِي بَيْتِهِ، لَأَتَيْنَاهُ تَكْرُمَةً لِأَبِي بَكْرٍ.

> Terjemahan: Daripada Anas Ibn Mālik, Rasulullah SAW bersabda kepada Abū Bakr: "Sekiranya ada ikrar dalam rumahmu maka kami yang akan datang ke rumahmu.[112]

Dalam hadith ini disebutkan bahawa setelah berlakunya Fāth̩ al-Makkah, golongan muslimin hendak menyambut kemenangan dan datang ke rumah Rasulullah SAW. Dalam kalangan para sahabat, Abū Bakr yang paling tua umurnya malah lebih berusia daripada Nabi Muḥammad SAW turut menyertai rombongan tersebut. Rasulullah SAW mengatakan bahawa sepatutnya baginda yang datang ke rumah Abū Bakr kerana Abū Bakr lebih tua..[113]

Dikisahkan bahawasanya Abū Bakr memiliki ayah yang bernama Abu Qahafah yang telah berusia uzur. Abu Qahafah pada ketika itu belum memeluk Islam. Maka beliau dibawa oleh Abū Bakr kepada Nabi Muhammad SAW, maka Nabi Muhammad SAW mengatakan bahawa seandainya Abu Bakr di rumah maka saya akan datang kepadanya.[114] Oleh yang demikian jelas bahawa manusia semulia baginda sangat menghargai dan menghormati orang yang lebih tua.

#### 1.4.3.7 Meringankan solat berjemaah terhadap warga emas

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِلنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ، فَإِنَّ فِي النَّاسِ الضَّعِيفَ، وَالسَّقِيمَ وَذَا الْحَاجَةِ.

> Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda: "Apabila salah seorang dalam kalangan kalian bersolat bersama, ringankanlah (bacaan) kerana sesungguhnya terdapat kaum yang lemah, sakit serta ada keperluan".[115]

---

[112] *Musnād Aḥmād*, 20/ 82/ 5472. Terdapat juga dalam Ibn Ḥibbān 12/286/5472, Al-Ḥākim, 3/273/5070.

[113] Muhammad Ibn Hibban Ibn *Aḥmād* Ibn Hibban Ibn Muadz Ibn Ma'bad at-Tamimi Abu Hatim ad-Darimi, *Ṣaḥīh Ibnu Hibban,* Kitab Jam'u Jawāmi', Bāb Harfu Lam, Juzuk 1, 16823.

[114] *Ṣaḥīh Ibnu Hibban*, Bāb Kitabu Zina Wa Tathib, Juzuk 12, 286.

[115] *Ṣaḥīh Bukhārī*, Bāb Izā Shallā Linafsihi Falyuthawwilu mā syāa, no hadith 703, h. 42. Terdapat juga



Universiti Malaya

Dalam hadith yang lain disebutkan daripada Abi Sa'id r.a, beliau berkata, "Pada waktu zuhur telah tegak, lalu ada seseorang yang pergi ke Baqi' untuk membuang hajat. Kemudian beliau berwudhu lalu solat berjemaah sedangkan Rasulullah SAW masih berada pada rakaat pertama kerana terlalu panjang.[116]

Bukan hanya dalam kehidupan bermasyarakat, bahkan dalam solat berjemaah juga Rasulullah SAW turut mengutamakan warga yang lemah. Baginda merupakan manusia yang memiliki sensitiviti yang sangat tinggi dalam seluruh aspek kehidupan. Baginda tidak memanjangkan bacaan semasa menunaikan solat secara berjemaah bagi meraikan orang tua dan orang-orang yang mempunyai keperluan. Diharapkan kepada imam supaya memudahkan solat kepada makmum. Baginda menganjurkan sedemikian bagi memudahkan orang-orang yang lemah, orang sakit dan orang tua kerana mereka tidak mampu meneruskan solat sekiranya terlalu lama. Hal ini menzahirkan pandangan baginda yang menyeluruh dalam permasalahan kasih sayang, turut menunjukkan wawasan dan pemahaman baginda terhadap hakikat Islam bahawa Islam adalah agama yang menebarkan kasih sayang, bukan untuk menyeksa atau menyusahkan.

Namun begitu perlu diingatkan bahawa *takhfīf* merupakan suatu perkara yang relatif. Tiada batasan menurut syariat atau adat. Boleh berlaku apabila sebahagian orang mendirikan solat terasa panjang, sedangkan bagi yang lain terasa pendek. Oleh itu, para imam hendaklah menjadikan Rasulullah SAW contoh dalam penambahan atau pengurangan yang dilakukan oleh baginda dalam solat sesuai dengan kemaslahatan.[117]

Universiti Malaya

dalam *Ṣaḥīh* Muslim, Bāb Amar al-Atammat bi-Takhfīfi al-Shalāti fī Tamāmi, no hadith 183, h. 341. Sunan Abū Dāwūd, Bāb Fi Takhfīfi al-Shalāti, no Hadith 185, h. 211. Dari aspek derajat hadith Al-Bani menghukum hadith ini Shahih sebagaimana terdapat dalam Sunan Abū Dāwūd.

116 *Ṣaḥīh* Muslim, I/ 335, No. 454, Sunan An-Nasa'i, (II/164).

117 *Ibid*., 165

## 1.5 KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas maka dapat disimpulkan bahawa:

*Pertama*, perbahasan mengenai warga emas secara terminologi bersesuaian dengan pemahaman hadith secara keseluruhan. Warga emas merupakan golongan yang berusia 60 tahun ke atas yang mengalami banyak penurunan fungsi tubuh dalam semua aspek sama ada aspek fizikal, psikologi atau emosi serta potensi tubuh mengalami penurunan yang signifikan. Menjadi tua merupakan suatu sunnah Allah SWT yang tidak dapat dielakkan oleh setiap makhluk yang hidup. Hukum alam ini merupakan lambang pertukaran antara dunia nyata dengan dunia yang kekal abadi. Dalam sejarah perkembangan peradaban dunia dari semasa ke semasa, permasalahan warga tua dilihat sebagai realiti sosial yang tidak akan pernah ada penghujungnya, kerana warga emas akan ada sepanjang bumi masih berputar.

Persoalan warga emas ini mewujudkan rasa tidak selesa bagi generasi muda pada zaman sebelum Islam, namun selepas kedatangan Islam yang puncaknya pada zaman Nabi Muhammad SAW, warga emas merupakan usia yang sangat dihormati dan menjadi keutamaan. Agama Islam sangat menjunjung tinggi golongan lemah, al-Quran dan hadith menyatakan bahawa menjadi tua merupakan sesuatu perkara yang patut disyukuri kerana tidak semua orang dapat memperoleh kesempatan untuk menjadi tua. Kesempatan ini perlu dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin untuk melakukan perkara-perkara yang membawa kepada keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT.

*Kedua*, secara umumnya layanan terhadap warga emas merupakan kesinambungan daripada layanan terhadap orang tua yang merupakan tanggungjawab seorang anak. Hadith mengenai layanan terhadap warga emas kebanyakannya merupakan hadith tentang bagaimana melayani orang tua. Maka isu mengenai warga emas merupakan isu yang dinisbahkan kepada isu orang tua semata-mata sehingga layanan warga emas terkadang kurang baik, kurang menarik perhatian dan tidak memiliki fokus



Universiti Malaya

yang tepat. Dalam pelaksanaannya pula, warga emas menjadi tanggungjawab masyarakat muslim. Sesiapa yang berurusan dengan perkhidmatan terhadap warga emas seharusnya mengikuti tuntutan Rasulullah SAW dalam bersikap dan melayani mereka kerana identiti muslim menjadikan seseorang memiliki tanggungjawab terhadap muslim yang lain.

*Ketiga*, al-Quran dan hadith merupakan sumber utama bagi ajaran Islam yang hakiki. Sebanyak lapan potongan ayat dalam al-Quran yang menyebutkan tentang warga emas secara langsung ataupun tidak langsung. Ayat al-Quran dimasukkan pada bahagian ini adalah untuk melihat kesesuaiannya dengan hadith. Hadith-hadith yang telah dikumpulkan pula adalah dari *al-Kutub al-Sittah* yang tidak boleh dipertikaikan keabsahan hadith kerana keenam-enam kitab tersebut telah diakui kredibilitinya dalam meneliti sanad dan matan. Bersesuaian dengan hasil pencarian dalam *al-Kutub al-Sittah*, secara keseluruhannya terdapat 13 hadith ṣaḥīḥ, satu [1] hadith isnadnya ṣaḥīḥ dalam ṣaḥīḥ al-Bukhārī, satu [1] hadith hasan ṣaḥīḥ dalam Jāmi‘ al-Tirmidhī, dan dua [2] hadith hasan dalam Sunan Abū Dāwūd.

Universiti Malaya

# BAB II : LATAR BELAKANG DAN PERANAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG DALAM MELINDUNGI WARGA EMAS SERTA FUNGSINYA SEBAGAI RUMAH JAGAAN KEJURURAWATAN

## 2.1 PENGENALAN

Rumah kebajikan warga emas merupakan salah satu institusi yang dikhususkan bagi penjagaan dan perlindungan kepada orang-orang tua yang kurang bernasib baik. Ia juga memainkan peranan penting sebagai organisasi yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang besar dalam mengetengahkan masalah penjagaan kebajikan orang-orang tua di seluruh Aceh seterusnya sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah sosial yang makin berleluasa dalam kalangan masyarakat masa kini.

Di Aceh sehingga ke hari ini, terdapat 25 buah rumah jagaan di seluruh Aceh. Daripada jumlah tersebut hanya 2 institusi sahaja dimiliki oleh pemerintah. Selebihnya pula adalah di bawah pengawasan pihak swasta yang boleh tutup bila-bila masa sahaja.[118] Kesemuanya menampung 500 jiwa orang tua daripada keseluruhan penduduk Aceh yang berjumlah 4.906.835 jiwa pada tahun 2015.[119]

Realitinya masyarakat tua seringkali dianggap sebagai golongan yang diabaikan. Buktinya ada anak yang melepaskan tanggungjawabnya untuk menjaga orang tua sedangkan orang tuanya memerlukan penjagaan dan perlindungan untuk menikmati kehidupan selesa. Orang tua berhak dihormati dan mendapatkan kasih sayang. Fenomema ini telah menyebabkan munculnya inisiatif dari Dinas Sosial Indonesia yang menubuhkan institusi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang lebih dikenali dengan Warga emas jompo/Warga emas Sosial Tresna werdha. Di Malaysia pula, ia lebih popular dengan sebutan rumah jagaan atau rumah kejururawatan.

UPTD RSGS adalah salah satu turunan UPTD dalam lingkungan dinas Sosial Pemerintah Aceh yang menguruskan secara khusus warga emas yang terbiar atau yang

---

118 http:// www.dinsos.acehprov.go.id. Data Dinas Sosial, *Usulan Warga Emas Sosial Calon Penerima Bantuan Tambahan Biaya Pemenuhan Keperluan Dasar*, 2008.

119 Http://www.bps.aceh.go.id



Universiti Malaya

mempunyai permasalahan sosial. Mereka ditempatkan di wisma dan disantuni supaya hajat hidup mereka dipenuhi. Bagi tahun 2015 jumlah keluarga binaan yang disantuni adalah seramai 70 orang yang terdiri daripada 22 orang lelaki dan 48 orang perempuan. Manakala kapasiti keseluruhan binaan mampu memuatkan 100 orang.[120]

## 2.2 SEJARAH PERTUBUHAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

Menghantar orang tua ke rumah kebajikan merupakan isu baru yang menjadi perhatian ramai lebih-lebih lagi pada abad moden ini. Pada dasarnya penubuhan rumah kebajikan ini timbul dari kesedaran pentingnya rumah ini bagi warga emas yang kurang bernasib baik. Ia ditubuhkan buat pertama kalinya di Negara Barat seterusnya digunapakai oleh masyarakat seluruh dunia setelah sedar akan kepentingan dan manfaatnya.

Sepanjang awal abad ke-20, lembaga tersebut tetap menjadi simbol kegagalan dan putus asa. Rumah jagaan warga emas, menurut analis sosial awal abad kedua puluh adalah kata kebencian dan kebencian, untuk itu meliputi kengerian, kemiskinan, aib, kesepian, penghinaan, penelantaran, dan degradasi. Peratusan peningkatan warga emas yang tinggal di rumah jagaan merupakan bukti peningkatan ketergantungan, dan ketidakmampuan orang tua untuk menempatkan diri dalam dunia industri sehingga menjadi simbol mengancam penghinaan terdalam dan degradasi.[121]

Kumpulan umur penduduk dunia mengalami perubahan perkadaran dan berjalan dengan berkembangnya perubatan moden dan kaedah kesihatan lain.[122] Kejayaan kombinasi perkembangan perubatan moden yang menghadirkan berbagai inovasi dan keinginan untuk mengehadkan saiz keluarga sejak abad ke-20 menyebabkan penurunan

---

120 Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh seujahtra Geunaseh Sayang,* (Banda Aceh: Laporan Tahunan, 2015), i.

121 Gary W Evans, Schoeder, Alex dan Stephen J. Lepore, *Journal Personality and Social Psychology: The Role Of Interior Design Elements In Human Responses To Crowding*. American, American Psychological Association, 1996), 12.

122 Soejono, C.H, *Pengkajian Paripurna pada Pasien Geriatri. Dalam: Sudoyo, A.W. et al. Buku Ajar Ilmu Penyakit Dalam.* (Jakarta: Pusat Penerbitan Ilmu Penyakit Dalam Fakultas Kedokteran Universitas Indonesia, 2006), 17.

Universiti Malaya

kadar kematian dan kelahiran yang umumnya kelihatan di negara-negara Eropah dan Amerika Utara.[123] Indonesia juga mengalami kesan daripada perubahan kadar kumpulan umur penduduk dunia tersebut. Data menyebutkan bahawa sejak tahun 1990, jumlah kelahiran mula menurun dan jumlah penduduk tua mula meningkat. Hal ini menunjukkan angka anggaran hidup dan perkadaran penduduk yang lahir untuk hidup sampai hari tua.[124]

Badan Pusat Statistik (2011) mencatat AHH penduduk Indonesia pada tahun 2006 sebanyak 68.5 tahun meningkat menjadi 68.7 tahun pada tahun 2007. Angka tersebut kemudiannya meningkat menjadi 69 tahun pada tahun 2008 dan menjadi 69.21 tahun pada tahun 2009. Kelihatan perbezaan anggaran jangka umur pada tiap-tiap wilayah. Provinsi Aceh mempunyai AHH sebanyak 69 tahun pada tahun 2007 dan 69.1 tahun pada tahun 2008. Peningkatan angka tersebut juga berlaku pada tahun berikutnya iaitu 69.2 tahun pada tahun 2009 menjadi 69,3 tahun pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan, 2011).[125] Peningkatan anggaran umur penduduk akan mengakibatkan jumlah penduduk usia lanjut terus bertambah. Pertubuhan Bangsa-Bangsa menganggarkan Indonesia mengalami peningkatan jumlah warga berusia lanjut tertinggi di dunia (Soejono, 2006).[126] Dinas Sosial Kerajaan Aceh (2011) menerangkan bahawa peningkatan jumlah penduduk usia lanjut juga berlaku di Provinsi Aceh terutama di daerah Aceh Besar yang tercatat sebagai daerah dengan jumlah penduduk usia lanjut tertinggi di Provinsi Aceh.[127]

Berdirinya rumah jagaan di Aceh adalah rentetan daripada kesedaran anak bangsa yang sedar akan masalah sosial yang terjadi pada abad sebelumnya. Melihat perkembangan sosial ekonomi di Indonesia khususnya di Aceh belum begitu

Universiti Malaya

---

123 Population Reference Bureau, *World Population Data Sheet*. (Washington DC: Population Reference Bureau, 2011), 20.

124 Kementerian Kesehatan Republik Indonesia, *Profil Kesehatan Indonesia 2010*, (Jakarta, Kementerian Kesehatan Republik Indonesia, 2011), 4.

125 http//:www.bps.go.id

126 http:// www.bps.acehprov.go.id

127 Soejono, C.H, *Pengkajian Paripurna pada Pasien Geriatri..., 12.*

menguntungkan, timbullah idea para pemimpin untuk membangunkan *home care* untuk menangani permasalahan lanjut usia sekaligus memenuhi undang-undang nombor 4 tahun 1965 tentang bantuan penyantunan bagi warga emas. Maka berdirilah Sasana Tresna Werdha pada tahun 1976 mengikut peringkat yang sesuai dengan kemampuan Pemerintah dengan kapasiti 100 orang penghuni.

Masa ini merupakan masa pemerintahan orde baru, di mana situasi ekonomi Indonesia masih dalam tahap penambahbaikan di sana sini. Negara Indonesia pada masa ini masih dalam tahap pembangunan. Pendirinya adalah Bakry Syarif (Kepala Bidang bantuan sosial pejabat wilayah jabatan Sosial Aceh) dengan menunjuk nama sasana tersebut iaitu "Meuligoe" yang bermaksud Istana. Pemilihan nama tersebut dengan harapan agar warga emas yang tinggal di sana merasa tenteram jiwanya untuk menghadapi masa-masa menjelang akhir hayatnya.

Pada tahun 2001 rumah jagaan ini berganti nama menjadi UPTD Warga emas Sosial Meuligoe Jroh Naguna yang memiliki dua fungsi iaitu; [*pertama*]: fungsi unit pelayan remaja, dan [*kedua*]: fungsi unit pelayanan warga emas. Secara mudahnya terdapat dua tanggungjawab yang berada di bawah naungan UPTD RSGS ini. Namun setelah berlaku gempa bumi dan Tsunami pada 26 Disember 2004, rumah jagaan ini berubah fungsi sementara untuk menampung anak-anak korban Tsunami dari tahun 2005-2010. Sepanjang waktu itu, pihak yayasan tidak terlalu fokus terhadap warga emas untuk menambah bilangan warga emas manakala mereka yang telah berada di sana tetap dipertahankan. Yayasan hanya menutup penerimaan warga emas yang baru untuk menjadi penghuninya.

Pada tahun 2011 rumah jagaan ini mulai beroperasi dan kembali beralih fungsi menjadi rumah jagaan warga emas dengan nama UPTD RSGS sehingga ke hari ini. Misinya adalah untuk memberikan pembinaan lanjut, layanan dan rawatan jasmani serta rohani kepada warga emas yang terlantar. Selain itu, ia turut memberikan kesempatan



Universiti Malaya

untuk mengisi hari tuanya dengan keterampilan yang dimiliki untuk menambah pendapatan yang layak dari hasil keterampilannya, mengaji, solat, rawatan kesihatan diri agar dapat hidup sihat secara wajar dan mampu berperanan aktif dalam kegiatan kehidupan bermasyarakat dalam lingkungan mahupun di luar rumah jagaan.[128]

Oleh demikian, dari awal penubuhannya UPTD RSGS telah mengalami tiga kali pergantian nama dan akhirnya kembali konsisten menjaga warga emas yang kurang bernasib baik. Penubuhan UPTD RSGS telah banyak membantu masyarakat yang kurang mampu dan terabai. Sebelum ini, ramai warga emas yang mengharapkan perlindungan hidup namun tidak ada tempat yang menampung mereka. Kebanyakannya tidak mampu menjalani cabaran hidup atas faktor kemiskinan, sakit yang berpanjangan, kurang kemampuan dan sebagainya.

## 2.3 VISI DAN MISI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

Dalam menjalankan peranannya sebagai pelindung bagi sebahagian warga emas, ada sasaran yang perlu dipenuhi dan dicapai. Sasaran ini sendiri muncul dari beberapa permasalahan warga emas yang hendak diperbaiki. Permasalahan itu terjadi kerana secara fizikal mereka mengalami proses penuaan yang disertai dengan kemunduran fungsi pada sistem tubuh sehingga secara automatik akan menurunkan keadaan psikologi dan sosial dari puncak pertumbuhan dan perkembangan.

*Pertama*; keadaan mental yang secara psikologi terdapat penurunan sama ada secara psikologi ataupun motorik. Contohnya penurunan pemahaman dalam menerima permasalahan dan bertindak. *Kedua,* kesunyian (*loneliness*) iaitu terjadi penurunan kemampuan kepada individu dalam mendengar, melihat, dan aktiviti fizikal yang lain sehingga boleh menjadikan mereka merasa tersisih daripada masyarakat. *Ketiga*; *post*

---

[128] Sumber data: Dokumentasi UPTD RSGS, 2016.



Universiti Malaya

*power syndrome* di mana kondisi ini berlaku kepada seseorang yang sangat aktif semasa dalam dunia pekerjaan. Namun setelah berhenti dari pekerjaannya, orang tersebut merasa ada sesuatu yang hilang dalam hidupnya. *Keempat*; masalah penyakit. Umumnya penurunan fungsi *degeneratif* berlaku kepada warga emas. Contohnya osteoporosis, penyakit jantung, pembuluh darah, kurang gizi, gangguan saraf dan banyak lagi permasalahan kesihatan lain terutama gangguan jiwa tahap depresi dan kecemasan. Permasalahan yang dialami oleh warga emas tersebut memberikan kesimpulan bahawa dengan keterbatasan yang dialami maka harus diciptakan satu lingkungan yang dapat membantu dan memenuhi mereka dengan keterbatasannya.[129]

Visi UPTD RSGS adalah untuk memenuhi hajat warga emas terutamanya yang disantuni iaitu hajat fizikal, kesihatan, sosial psikologi dengan baik sehingga mereka dapat menikmati hari tuanya yang meliputi keselamatan lahir dan batin.

Misi UPTD RSGS terdiri daripada beberapa perkara penting berikut, antaranya:

- Membantu warga emas yang terlantar, miskin dan mempunyai masalah sosial untuk meneruskan hidup.
- Memberikan jaminan kehidupan sewajarnya.
- Menikmati hasil-hasil pembangunan tanpa mendapat tekanan, hinaan, sekaligus mendapat perhatian daripada seluruh masyarakat mahu pun negara.
- Mengembangkan prakarsa dan peranan serta masyarakat dalam bidang kesejahteraan sosial khususnya kepada para warga emas dalam rumah jagaan.
- Memberikan bimbingan dan nasihat kepada warga emas tentang cara hidup sihat baik untuk diri sendiri ataupun lingkungan masyarakatnya.[130]

---

129 Mangoenprasodjo, A. Setiono, *Mengisi Hari Tua dengan Bahagia*, (Pradipta Publishing: Jakarta, 2005).

130 Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh Seujahtra...,2.*



Universiti Malaya

Bagi merealisasikan visi dan misi tersebut, perlunya fasiliti sarana dan prasarana yang mendukung sebagai usaha untuk memenuhi kedamaian warga emas. Secara umumnya, fasiliti dikenali sebagai kemudahan awam. Ia menggambarkan kemudahan fizikal dan perkhidmatan yang disediakan bagi suatu kawasan yang direka dan dibina untuk menyampaikan fungsi dan memberikan kemudahan dan membenarkan prestasi suatu tindakan yang lebih mudah untuk menyediakan seseorang dengan setiap kemudahan untuk mencapai sesuatu tugas. Kemudahan apa-apa kualiti atau keadaan suatu tempat yang telah menyebabkan ia menjadi seronok, harmoni dan menikmati yang lebih baik.[131]

Berikut ini senarai fasiliti penunjang yang dimiliki oleh UPTD RSGS:

**Jadual 2.1: Sarana fasiliti UPTD RSGS**

| NO | FASILITI | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | 10 Wisma dengan masing-masing wisma terdiri dari 5 bilik | 50 bilik |
| 2 | Musalla | 1 unit |
| 3 | Poliklinik | 1 unit |
| 4 | Aula | 1 unit |
| 5 | Ruang pemandian jenazah | 1 unit |
| 6 | Pejabat dua lantai | 1 unit |
| 7 | Rumah dinas dalam komplek | 3 unit |
| 8 | Rumah pengasuh luar komplek | 5 unit |
| 9 | Area tanah perkuburan | 1 petak |
| 10 | Van Ambulan | 1 unit |
| 11 | Dapur umum lengkap | 1 unit |
| 12 | Tenaga doktor,dan paramedik | 5 orang |
| 13 | Pengasuh | 9 orang |
| 14 | Pakar Psikologi | 1 orang |
| 15 | Sekuriti | 6 orang |
| 16 | Imam | 1 orang |
| 17 | Khadam | 1 orang |
| 18 | Petugas masak | 2 orang |
| 19 | Operator komputer | 2 orang |
| 20 | Pemandu | 1 orang |
| 21 | Kebersihan | 5 orang |
| 22 | Guru Mengaji | 2 orang |
| 23 | Admin | 1 orang |
| 24 | Petugas cuci | 1 orang |
| 25 | Makan disediakan | 3x sehari |
| 26 | Snek disediakan | 1x sehari |

131 Shalini A/P Sanmargaraja, *Penyediaan Fasiliti di Rumah Warga emas*: *Kajian kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Baru*, (Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan: University Tun Husein Onn Malaysia, 2012), 19.

Universiti Malaya

| | | |
|---|---|---|
| 27 | Wang saku Rp.5000 sehari | - |
| 28 | Pakaian hari raya | 1x setahun |
| 29 | Pakaian sarana peribadatan disediakan | 1x setahun |
| 30 | Jasa pengurusan mayat | - |
| 31 | Pekerja pegawai kerajaan | 20 orang[132] |

## 2.4 STRUKTUR PENTADBIRAN

Setiap institusi yang dibina adalah di bawah pengawasan pentadbiran kerajaan pusat iaitu kementerian sosial. Untuk melicinkan struktur pentadbiran, pihak kementerian sosial telah melantik seorang penguasa sebagai ketua pentadbir di UPTD RSGS. Tugas penguasa ini turut dibantu oleh beberapa orang pembantu pembangunan masyarakat yang bertugas mengikut aturan tugas masing-masing. Tim pelaksana kerja harian tersebut mempunyai landasan hukum dan di atur berdasarkan SK Gubernur no.29 tahun 2009 Provinsi Aceh pada 17 Mac 2009.

Universiti Malaya

[132] Sumber data: Dokumentasi UPTD RSGS, 2016

**Jadual 2.2: Struktur Pentadbiran UPTD RSGS**




Berdasarkan jadual di atas, tampak jelas gambaran alur layanan bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas di UPTD RSGS. Sistem kerjasama ini tersusun secara tepat dan sistematik sesuai dengan perancangan yang baik berdasarkan identifikasi yang dilakukan secara menyeluruh. Huraian kegiatan pentadbiran dapat difahami:

a) Nama program dan kegiatan warga emas

1) Program: pembinaan warga emas asuhan/rumah jagaan warga emas

2) Kegiatan: peningkatan sarana dan prasarana warga emas

b) Kegiatan yang dilakukan pada tahun 2016

1) Bidang sub bahagian tata usaha

a. Mengawal seluruh aktiviti pegawai dalam kalangan warga emas

b. Pengadaan kemasukan dan penataan barang

c. Pengklasifikasian kelompok barang terutama investasi barang

d. Pemeliharaan barang terutama aset kenderaan Dinas

e. Pemeliharaan sarana dan prasarana gedung dalam lingkungan warga emas

f. Pemeliharaan fasiliti penghawa dingin

g. Pengadaan barang pembersih dan peralatan kebersihan wisma

h. Mengelola surat menyurat dan rekap absensi dan lain-lain

i. Membuat laporan rutin tahunan

2) Bidang pelayanan

a) Mengawal keadaan kesihatan pelanggan oleh petugas perubatan dalam kalangan warga emas

b) Menyediakan ubat-ubatan yang diperlukan setiap 3 bulan sekali

c) Melaksanakan senaman warga emas setiap hari Khamis di aula

d) Mendiagnosis keseluruh tahap kesihatan warga emas

e) Merekod dalam buku pesakit yang disertakan dengan surat rujukan apabila diperlukan untuk ke RSU terdekat bagi tujuan kemasukan ward.

f) Membuat jadual *shif* pengasuh berdasarkan keperluan warga emas

g) Mencuci pakaian, *spray* cadar yang sudah kotor

h) Mengawal pelaksanaan penyelenggaraan menu makanan di dapur

i) Menunaikan fardu kifayah apabila ada yang meninggal dunia

3) Bidang jawatan kuasa program

a) Kegiatan rekreasi di luar warga emas setahun sekali

b) Kegiatan zikir (1 Bulan × 2 kegiatan × 12 Bulan)

c) Kegiatan latihan pengurusan jenazah (3 kegiatan)

d) Kegiatan ceramah Ramadan (29 Hari)

e) Kegiatan solat tarawih bersama (29 Hari)

f) Kegiatan pengajian khusus (4 kegiatan × 1 bulan × 11 bulan).[133]

[133] Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh Seujahtra...,5*.

Universiti Malaya

## 2.5 PROSES KEMASUKAN PENGHUNI

Terdapat tiga jenis kategori kemasukan penghuni ke institusi ini.

### 2.5.1 Kes Tetap

Di dalam kes ini, kebanyakan warga emas yang masuk ke UPTD RSGS adalah berdasarkan kepada kerelaan hati atau persetujuan mereka sendiri. Mereka datang sendiri atau dibawa oleh kawan-kawan majikan. Daripada temu bual pengkaji dengan penghuni, jelas menunjukkan bahawa mereka tinggal di rumah ini atas kerelaan hati mereka ekoran kerana tiada tempat tinggal. Walau bagaimanapun, untuk menjadi salah satu anggota penghuni UPTD RSGS, para warga emas tidak serta merta mendapatkan kesempatan tersebut, akan tetapi perlu melalui prosedur dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Hal demikian kerana tempat dan sumber daya rumah jagaan tersebut adalah terhad. Berikut ini syarat-syarat untuk menjadi sebahagian daripada penghuni UPTD RSGS.

1. Berusia 60 tahun ke atas dan masih sanggup mengurus diri sendiri
2. Sihat jasmani dan rohani (dibuktikan dengan surat pengesahan sihat daripada doktor) dan tidak mempunyai penyakit berjangkit
3. Surat pengesahan miskin daripada kepala desa
4. Surat persetujuan anak/wali
5. Melampirkan salinan kad keluarga
6. Melampirkan kad pengenalan (Identity Card)
7. Melampirkan tiga [3] keping foto berukuran 3x4
8. Mengikuti peraturan di rumah jagaan.[134]

Setelah memenuhi syarat tersebut, mereka perlu mengisi borang permohonan kemasukan. Setiap permohonan masuk terlebih dahulu disiasat oleh pegawai kebajikan daerah kemudian kepada pihak kebajikan masyarakat. Seterusnya setelah permohonan itu

---

[134] Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh Seujahtra*..., 6.

Universiti Malaya

dipersetujui oleh semua pihak dan telah memenuhi kesemua syarat tersebut maka mereka akan diterima masuk. Penghuni yang masuk dan tinggal di institusi tersebut tidak dikenakan sebarang bayaran walaupun mempunyai keluarga ataupun tidak.

### 2.5.2 Kes Papa

Para penghuni yang termasuk dalam kategori ini terdiri daripada mereka yang ditangkap oleh pegawai kebajikan masyarakat kerana mengemis atau merayau-rayau di tempat awam. Golongan ini biasanya kelihatan di pusat-pusat bandar dan pasar-pasar dengan memohon simpati daripada orang lain bagi meneruskan hidup. Kadang-kadang mereka sanggup berpura-pura sakit dan berlakon menyanyi bagi memancing belas kasihan daripada orang lain. Ada yang sanggup menjadikan anak kecil sebagai jalan untuk mencapai tujuan tanpa berusaha ingin mencari rezeki yang halal. Keadaan ini bertentangan dengan ajaran Islam yang menegah perbuatan meminta-minta berdasarkan hadith.

Bagi kes tersebut, seorang pegawai diberi kuasa secara bertulis oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan yang bertindak di bawah arahan ketua pengarah atau pegawai kebajikan masyarakat yang boleh mengambil dalam jagaannya seseorang papa. Sekiranya orang papa tersebut tidak mahu diambil atau menentang pegawai yang ditugaskan maka mereka boleh meminta bantuan pihak polis bagi menjalankan tangkapan ini. Selepas ditangkap dan pihak mahkamah berpuas hati bahawa seseorang yang dibawa itu adalah seorang papa, mereka terus dihantar ke rumah kebajikan orang tua dan menunggu laporan daripada pegawai kebajikan masyarakat. Aturan seperti ini berlaku beberapa tahun sebelumnya setelah ada larangan meminta-minta dari pemerintah Kota Banda Aceh.

Universiti Malaya

### 2.5.3 Kes Tahanan Sementara

Dalam kategori ini, ia terdiri daripada pengemis-pengemis yang telah ditangkap oleh pihak kebajikan. Setelah itu mereka dihantar ke rumah kebajikan dan dijadikan sebagai tahanan sementara. Mereka direhabilitasi selama beberapa lama dan dibenarkan keluar bila-bila masa sahaja.

Seterusnya masih ada aturan yang harus difahami dan dilakukan apabila ingin menetap di sana. Aturan tersebut adalah untuk menjamin kesejahteraan sesama mereka seperti tidak mengganggu antara satu sama lain dan tidak ada yang merasa terancam kerana semuanya dalam posisi yang sama iaitu terjamin keamanan. Oleh itu, beberapa polisi berikut harus dipatuhi jika tidak mahu meninggalkan tempat tersebut.

1. Dilarang membawa senjata tajam dan berbahaya yang boleh membahayakan orang lain
2. Semua pekerjaan dihentikan kecuali mengambil wuduk apabila tiba waktu solat dan melaksanakan solat berjema'ah di musalla.
3. Dilarang menerima tetamu tanpa mendapat izin daripada petugas
4. Dilarang keluar daripada asrama atau bermalam di tempat lain tanpa mendapat izin daripada petugas
5. Dilarang meminta-minta sesuatu dengan tetamu yang berkunjung dan hanya yang diperlukan sahaja
6. Diharuskan meminta surat izin apabila pulang kampung
7. Dilarang mengucapkan perkataan yang menyinggung perasaan orang lain dan lebih baik diam untuk menjaga ketenteraman orang lain.
8. Bagi yang masih sihat dan kuat, hendaklah membantu teman satu asrama dan apabila ada yang sakit atau lemas hendaklah menghulurkan tangan (saling tolong- menolong).

Universiti Malaya

9. Dibenarkan berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan untuk memberi teladan kepada teman yang lain.
10. Apabila mendapat maklumat daripada petugas untuk menunggu tetamu kunjungan, setiap penghuni mesti hadir lebih awal daripada tetamu yang akan berkunjung.
11. Dilarang menghukum sendiri tetapi melaporkan terlebih dahulu kepada petugas setiap permasalahan dan diselesaikan dengan musyawarah.
12. Wajib menjaga kebersihan bilik tidur, ruang tamu wisma, bilik mandi dan halaman lingkungan wisma dan sekitarnya.
13. Sekiranya berubat di Poliklinik, waktunya adalah jam 08:00 – 12:00 tengahari dan harus sabar menunggu giliran.
14. Dilarang membawa barang ke bilik tidur seperti: kaleng bekas, botol, bekas, dan lain-lain yang dapat mempengaruhi kesihatan lingkungan.
15. Segera mencuci pinggan yang kotor dan diletakkan di tempat yang kering.
16. Membiasakan mencuci tangan dan berdoa sebelum dan sesudah makan .
17. Apabila ada pelanggaran terhadap tata tertib di atas, tindakan akan diambil atau peringatan seperlunya.[135]

Setelah memenuhi syarat tersebut, mereka perlu mengisi borang permohonan kemasukan. Setiap permohonan masuk terlebih dahulu disiasat oleh pegawai kebajikan daerah kemudian kepada pihak kebajikan masyarakat. Seterusnya setelah permohonan itu dipersetujui oleh semua pihak dan telah memenuhi kesemua syarat tersebut maka mereka akan diterima masuk. Penghuni yang masuk dan tinggal di institusi tersebut tidak dikenakan sebarang bayaran walaupun mempunyai keluarga ataupun tidak.

Jumlah warga emas yang memenuhi syarat di atas adalah seramai 70 orang yang ditempatkan di dalam 50 bilik yang berbeza sesuai dengan kapasiti bilik. Daripada jumlah

135 Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh Seujahtra*..., 7.

Universiti Malaya

penghuni UPTD RSGS, golongan perempuan mendominasi iaitu seramai 48 orang dan penghuni lelaki pula hanya 22 orang. Usia mereka bermula dari 55 tahun sehingga 93 tahun. Mereka berasal dari daerah yang berbeza-beza. Antaranya Banda Aceh, Aceh Besar, Aceh Pidie, Pidie Jaya, Aceh Utara, Aceh Timur, Lhokseumawe, Sabang, Aceh Jaya, Nagan Raya dan Simeulue. Statistik mencatatkan bahawa jumlah warga emas perempuan seramai 10.4 juta jiwa[136], manakala lelaki pula hanya 8.8 juta jiwa. Ini menandakan bahawa angka keterabaian lebih banyak dialami oleh kaum perempuan. Hari tua kaum perempuan lebih rentan dengan masalah sosial.

Menurut jenis kelamin, pola status perkahwinan penduduk tua lelaki berbeza dengan perempuan. Kaum perempuan lebih ramai yang berstatus cerai mati (59.15%), sedangkan lelaki lebih ramai yang berstatus kahwin (82.71%). Hal ini disebabkan usia harapan hidup perempuan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan usia harapan hidup lelaki. Peratusan warga emas perempuan yang berstatus cerai mati lebih banyak jika dibandingkan dengan warga emas lelaki. Perkara yang menarik daripada status perkahwinan warga emas adalah peratusan yang cukup tinggi daripada perempuan yang berstatus cerai. Hal ini mungkin disebabkan sebahagian besar perempuan apabila bercerai, mereka tidak berkahwin lagi dalam jangka waktu yang lama. Sebaliknya lelaki yang bercerai umumnya segera berkahwin lagi. Hal demikian menyebabkan masa produktif lelaki lebih lama daripada kaum perempuan. Umumnya kaum laki-laki mempunyai penjaga sampai hari tua namun berlaku sebaliknya kepada perempuan.[137] Tambahan pula, perempuan lebih banyak mengalami penyakit degeratif daripada lelaki walaupun angka harapan hidup mereka lebih tinggi namun kualiti hidup mereka lebih rendah daripada lelaki.[138]

Universiti Malaya

---

136 www.bappenas.go.id, www.bps.go.id

137 Buletin Jendela Data dan Informasi kesehatan, (Jakarta: Kementrian Kesehatan Republik Indonesia, 2013), ISSN 2088-270X.

138 Setyoadi, Noerhamdani, Fela Fatmawati, *Perbedaan Tingkat Kualitas Hidup Pada Wanita Lansia di Komunitas dan Warga Emas* (*The Difference Quality Of Life Level Inelderlywomen At The Community And The aging institution)*, Jurnal Kesehatan, (Fakultas Kedokteran Brawijaya: Malang, 2013), 4.

## 2.6 DASAR PELAKSANAAN

Kehadiran UPTD RSGS di tengah-tengah masyarakat bukan secara kebetulan sahaja tetapi ada berasaskan kepada undang-undang yang menaungi dan melindunginya sebagai rumah jagaan yang dipandang sah di mata undang-undang Indonesia. Dasar undang-undang tersebut adalah;

a. Pancasila dan UUD 1945 dengan Amandemennya (terutama pasal 27 dan 34)
b. Undang-Undang Nombor 24 tahun 1956 tentang pembentukan Propinsi Aceh
c. Undang-Undang Nombor 13 tahun 1998 tentang kesejahteraan lanjut usia
d. Undang-Undang Nombor 39 tahun 1999 tentang hak asasi manusia
e. Undang-Undang R.I Nombor 18 tahun 2001 tentang pemberian autonomi khusus provinsi Nanggroe Aceh Darusalam
f. Keputusan Gabenor NAD Nombor 53 tahun 2001 tarikh 28 November mengenai susun atur organisasi dan tata kerja UPTD warga emas Sosial Meuligoe Jroh Naguna
g. UU No.33 Tahun 2004 tentang keseimbangan kewangan antara pemerintah pusat dengan pemerintah daerah
h. Peraturan Pemerintah nombor 43 tahun 2004 tentang perlindungan warga emas
i. Keppres nombor 52 tahun 2004 tentang pembentukan komuniti nasional dan komuniti daerah warga emas
j. Keputusan kepala Dinas sosial Aceh tentang hal penetapan warga emas yang terbiar dan mempunyai masalah sosial sebagai penghuni pada UPTD RSGS di lingkungan Dinas Sosial Aceh.[139]

139 Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh Seujahtra...*, 8.



Universiti Malaya

## 2.7 KEMITRAAN

Kemitraan adalah usaha yang melibatkan pelbagai sektor, kelompok masyarakat, lembaga pemerintah atau bukan pemerintah untuk bekerjasama bagi mencapai suatu tujuan bersama berdasarkan kesepakatan prinsip dan peranan masing-masing, misi dan tujuan yang sama. Kemitraan dikenali dengan istilah gotong royong atau kerjasama daripada pelbagai pihak baik secara individu mahupun kelompok.[140] Menurut Notoatmodjo, kemitraan adalah suatu kerjasama formal antara individu-individu, kelompok-kelompok atau organisasi-organisasi untuk mencapai suatu tugas atau tujuan tertentu.[141]

Dalam hal ini, pihak UPTD RSGS juga membangun jaringan dan *stackholder* dengan beberapa institusi berkaitan seperti institusi pemerintah atau bukan pemerintah bagi memberikan layanan kepada warga emas. Kerjasama yang terus dibangunkan oleh pihak UPTD RSGS dengan institusi dan pemerintah adalah Dinas sosial provinsi Aceh, Dinas Kesehatan provinsi Aceh, Rumah Sakit Umum Dr. Zainal Abidin Banda Aceh.

Sementara institusi bukan pemerintah adalah kerjasama yang terjalin antara parti-parti nasional yang sering kali memberikan bantuan dan mengunjungi warga emas di rumah jagaan tersebut. Adapun beberapa parti yang pernah menyumbangkan dana adalah Parti Nasional Demokrat, Parti Kebangkitan Bangsa, Parti Keadilan Sejahtera, Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan, Parti Golongan Karya, Parti Gerindra, Parti Demokrat, Parti Amanat Nasional, Parti Persatuan Pembangunan, Parti Hati Nurani Rakyat, Parti Damai Aceh, Parti Nasional Aceh, Parti Aceh, Parti Bulan Bintang dan Parti Keadilan dan Persatuan Indonesia. Dianggarkan ada 15 parti politik yang pernah mengikut serta dalam mewujudkan kesejahteraan warga emas. Namun sampai saat ini hanya Parti Gerindra dan Parti Golongan Karya sahaja yang konsisten memberikan sumbangan.

---

140 http://pengertian-pengertian-info.blogspot.my/2015/05/pengertian-tujuan-dan-manfaat-kemitraan.html

141 Soekidjoe Notoatmodjoe, *Ilmu Kesehatan Masyarakat Prinsip-Prinsip Dasar*, (Jakarta; Rhineka Cipta, 2003), 14.



Universiti Malaya

Apabila tiba masa pemilihan umum kepala daerah, rumah jagaan ini menjadi sasaran politik. Warga emas akan dibanjiri dengan banyak bantuan dana daripada calon yang akan mengikuti pemilihan dengan mengarahkan mereka untuk memilih mereka. Rumah warga emas sememangnya menjadi target bagi siapa saja yang ingin mendapatkan tambahan suara. Hal ini menimbulkan kesan baik bagi kaum tua kerana dikunjungi dan diberikan bantuan. Mereka akan merasa diperhatikan oleh kunjungan dan bantuan tersebut.

Di samping itu, ada beberapa penyumbang yang tidak ingin disebutkan nama kerana bersifat privasi begitu juga beberapa lembaga swadaya masyarakat. Tambahan pula, Keberadaan UPTD RSGS adalah penting kerana telah memberikan lapangan praktikal bagi mahasiswa yang sedang menjalani praktikal. Kebanyakan mereka adalah berlatar belakangkan keilmuan kesihatan, kebidanan, perawatan, psikologi, dan sebagainya. Keberadaan mereka juga memberikan sumbangan yang sangat berguna bagi warga emas, mereka mendapatkan layanan yang lebih untuk meningkatkan taraf kebahagiaan hidup secara percuma.[142]

## 2.8 FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB WARGA EMAS TINGGAL DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

Berdasarkan maklumat dan data yang disebutkan oleh pihak pengurus UPTD RSGS, seramai 70 orang tinggal yang di sana merupakan individu yang bermasalah dari segi ekonomi dan sosial. Kehadiran mereka ke rumah kebajikan tersebut membawa pelbagai tujuan yang berbeza. Antara perkara utama yang ditekankan adalah menginginkan kehidupan yang aman dan tenteram demi menyelamatkan diri dari keterpurukan ekonomi.

[142] Temubual dengan Bapak Drs.Dahlan pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

Walau bagaimanapun, kajian mendapati tiga aspek faktor utama warga emas memilih tinggal di UPTD RSGS disebabkan oleh beberapa faktor.

### 2.8.1 Terpenuhinya Keperluan Hidup

Menghantar orang tua ke rumah jagaan masih merupakan perkara baru bagi kebanyakan orang dan dianggap sangat tabu bagi masyarakat Aceh pada umumnya. Belum menyentuh mengenai penghantaran orang tua ke institusi ini, menyebut rumah kebajikan sahaja akan menimbulkan reaksi negatif bagi orang yang mendengar. Bagi mereka, selama mana mereka mampu memenuhi keperluan asas iaitu makan tiga [3] kali sehari, selama itu juga keluarga tidak dibenarkan untuk menghantar orang tua mereka ke rumah kebajikan.

Apabila ada yang secara suka rela datang mendaftarkan diri untuk menjadi salah satu bahagian daripada UPTD RSGS, mereka adalah orang yang mengalami masalah sama ada masalah ekonomi atau sosial. Ada juga kes warga emas yang tinggal sebatang kara dan keadaan fizikal mereka yang sangat mendukacitakan. UPTD RSGS menjamin subsidi hidup bagi warga emas sampai akhir hayat mereka. Kebanyakan daripada mereka adalah berstatus warga emas yang terbiar.[143]

Kendatipun ada dalam kalangan mereka yang mempunyai anak dan ahli waris dengan alasan tidak ingin membebani anak dan saudara mereka, pihak UPTD RSGS adalah alternatif yang tidak akan menimbulkan konflik di masa hadapan. Mereka berdalih bahawa anak atau saudara mara melakukan pekerjaan yang tidak menghasilkan wang yang cukup dan hanya mencukupi bagi keperluan rumah tangga sahaja bahkan banyak yang kurang. Kehadiran mereka disana menambah beban dan tanggungan sama ada dari segi material atau sosial.

Pelbagai tindak balas daripada warga emas semasa menghuni rumah jagaan. Ada yang membawa nostalgia sedih yang berkepanjangan namun ada juga yang bersifat

[143] Temubual dengan Bapak Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015

Universiti Malaya

menerima pada takdirnya yang kurang beruntung dengan hanya mensyukuri apa yang diterima pada saat ini.

Sebagaimana difahami bahawa warga emas mempunyai fizikal yang lemah sehingga pola hidupnya menjadi tidak teratur. Kebanyakan mereka memerlukan bantuan daripada pihak ketiga. Kedatangan mereka ke rumah kebajikan ini adalah demi menghindari pertikaian antara keluarga dan lingkungan. Oleh itu, Secara tidak langsung dikatakan bahawa kedatangan mereka UPTD RSGS adalah untuk mencari perlindungan dan memenuhi kehidupan yang tenteram dan lebih baik.

Lebih jauh lagi ada juga di antara mereka yang memiliki konflik masa lalu yang kurang baik dalam penjagaan dan tanggungjawabnya terhadap keluarga seperti kes pengabaian tanggungjawab sebagai seorang kepala keluarga sehingga semasa hari tuanya tak ada anak yang mahu menguruskan. Akhirnya UPTD RSGS ini menjadi solusi tunggal baginya.

### 2.8.2 Kemudahan Majlis Ilmu

Sehingga hari ini, seratus peratus warga emas yang tinggal di UPTD RSGS adalah beragama Islam. Mereka menyedari bahawa mereka berada di penghujung usia yang tidak lama lagi akan menghadapi kematian. Hal ini menimbulkan keinginan untuk mendalami ilmu agama. Mereka mempelajari kembali tatacara dan hukum *taklifi* yang pertanggungjawabkan kepada setiap individu Islam., Beruntungnya mereka boleh mendapatkan dan mengakses hajat ilmu tersebut dengan mudah di rumah jagaan ini.

Sistem pembelajaran diketuai oleh seorang ustaz yang fasih membaca al-Quran dan alim akan ilmu berkaitan. Warga emas mempunyai kesempatan yang sangat besar untuk belajar membaca al-Quran daripada ustaz tersebut, terutamanya bagi mereka yang tidak boleh membaca al-Quran. Rentetan daripada itu, pihak yayasan memutuskan untuk meneruskan program ini lebih lama daripada program-program yang lain.

Universiti Malaya

Namun, kegiatan ini kurang bervariasi kerana ustaz yang mengajar hanya mampu mengajar dalam ruang lingkup bidang kepakaran beliau sahaja. Hal ini mencerminkan bahawa tahap kepakaran terhadap bidang keilmuan masih sangat kurang. Ketenteraman dan kesejahteraan beragama masih sangat sedikit dan hanya orang-orang tertentu sahaja yang dapat merasakan indahnya mendalami ilmu agama.

Kelas pengajian tertumpu pada ilmu tauhid dan fiqh. Tumpuan ini dipilih supaya warga emas menitik beratkan kedua-dua perkara tersebut dan dapat mengaplikasikannya dalam ibadah seharian.

### 2.8.3 Kemudahan Beribadat

Aspek ibadah merupakan hal yang paling penting daripada keseluruhan aspek kehidupan manusia, namun masih banyak di antara warga emas yang memandang remeh terhadap perkara ini. Walau bagaimanapun, seiring berjalannya waktu mereka kembali menyedari kepentingan memanfaatkan sisa umur untuk menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Ramai yang mengakui bahawa selama menghuni di UPTD RSGS mereka memiliki pengurusan waktu yang baik terutama perihal ibadah. Kebanyakan di antara mereka sebelum ini merupakan individu yang bermasalah dalam aspek sosial mahupun material. Jika sebelumnya mereka tidak melazimkan solat, maka setelah menetap di sana mereka mengalami perubahan. Hal demikian berlaku kerana mereka diwajibkan untuk mengikuti program dan lama kelamaan timbul kesedaran dalam hati untuk menunaikan hak Allah SWT.

Berdasarkan hasil temu bual, ramai warga emas yang meletakkan kemudahan beribadat ini sebagai bonus kerana mereka telah memilih untuk tinggal di pusat jagaan ini. Sebelum ini, kemudahan beribadat tidak menjadi sebab utama untuk mereka meninggalkan rumah dan memilih tinggal di tempat tersebut.

Universiti Malaya

Bagi mereka yang sebelum ini sibuk dengan pekerjaan rumah tangga, apabila menetap di rumah kebajikan mereka memperoleh banyak masa lapang. Pelaksanaan solat menjadi mudah dan tidak banyak gangguan seperti pekerjaan rumah, menjaga cucu dan sebagainya. Di UPTD RSGS ini mereka bebas melaksanakan solat. Di sini mereka bebas melaksanakan ibadat seperti solat berjemaah, puasa sunat, membaca al-Quran, bermunajat kepada Allah dan sebagainya.

### 2.8.4 Keseronokan Bersama Rakan Sebaya

Perkara yang paling menyeronokkan mereka adalah ketika bersama-sama rakan sebaya. Mereka seperti keluarga yang menghabiskan waktu bersama tanpa perlu memikirkan masalah kerana semua yang di sana sama sahaja keadaannya. Mereka mempunyai cerita yang hampir sama dan berada dalam kedudukan asuhan yang sama sahaja antara satu sama lain. Masing-masing memberikan keselesaan dan tiada masalah jurang dari sudut pandangan dan perasaan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang informan.[144]

## 2.9 DATA WARGA EMAS BINAAN

Sebagai institusi yang dibiayai oleh negara dengan peruntukan dana yang terhad, pihak UPTD RSGS juga mengehadkan kemasukan warga emas. Berikut adalah jumlah warga emas dari tahun 2011-2016:

a. Jumlah penerimaan warga emas pada tahun 2011 berjumlah 60 orang.
b. Jumlah penerimaan warga emas pada tahun 2012 berjumlah 70 orang
c. Jumlah penerimaan warga emas pada tahun 2013 berjumlah 70 orang
d. Jumlah penerimaan warga emas pada tahun 2014 berjumlah 70 orang
e. Jumlah penerimaan warga emas pada tahun 2015 berjumlah 70 orang

[144] Sumber data: Dokumentasi UPTD RSGS, 2016

Universiti Malaya

f. Jumlah penerimaan warga emas pada tahun 2016 berjumlah 70 orang

Populasi warga emas pada tahun 2016 adalah berjumlah 70 orang yang terdiri daripada 22 orang lelaki dan 48 orang perempuan dan had usia minimum adalah 60 tahun. Semenjak dibangunkan rumah jagaan ini, kemasukan warga emas telah mencecah bilangan 722 orang.[145]

Berdasarkan dapatan awal yang diperolehi melalui temubual dan dokumentasi UPTD RSGS, dengan merujuk kepada latar belakang yang dimiliki oleh warga emas dan peranan serta fungsi UPTD RSGS dalam melindungi warga emas, sudah sepatutnya layanan yang diberikan oleh rumah jagaan meliputi beberapa aspek. Aspek tersebut meliputi keperluan asas, keperluan sosial, emosi, dan kewangan. Merujuk kepada peraturan Kementerian Sosial No. 19 tahun 2010 pasal 7 disebutkan bahawa layanan keperluan asas pada rumah jagaan dilakukan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti hidup, kesejahteraan, dan terpenuhinya hajat keperluan mendasar warga emas.

Manakala jenis layanan yang diberikan di UPTD RSGS terdiri daripada: *Pertama*; Menyediakan tempat tinggal yang bersih, aman dan tenang, juga memiliki aksesibiliti yang mudah dan sesuai dengan keperluan warga emas sehingga dapat mengimbangi keadaan fizikal mereka yang lemah untuk melakukan aktiviti harian dengan mudah dan aman supaya tidak bergantung hidup pada pihak orang lain. Kebanyakan warga emas menghadapi masalah seperti jarak bilik mandi dengan bilik tidur yang jauh, permukaan lantai yang tidak sempurna, bilik mandi yang tidak kondusif, pengudaraan dan fasiliti yang tidak sempurna, ditambah lagi dengan tangga yang buruk. Adapun rincian mengenai jenis rumah yang sesuai bagi warga emas secara amnya, lantai yang rata dan tidak licin, jarak bilik tidur dengan bilik mandi tidak terlalu jauh supaya warga emas yang menggunakan kerusi roda dapat melakukan pergerakan dengan selamat. Secara fizikalnya

---

[145] Sumber data: Dokumentasi UPTD RSGS, 2016.



Universiti Malaya

warga emas sudah kurang mampu melindungi diri dari bahaya. Sekiranya mencontohi negara maju, warga emas dilayan dengan baik. Pusat jagaan warga emas mereka dilengkapi dengan fasiliti yang sempurna seperti hospital khas warga emas dan perkampungan khas warga emas.[146]

*Kedua*, warga emas sepatutnya mendapat makanan yang sesuai dengan keadaan fizikal dan tahap kesihatan mereka. Oleh itu, makanan mereka dibawah pengawasan pakar gizi dengan bekerjasama doktor perubatan untuk pengawasan kesihatan warga emas berdasarkan rekod kesihatan. Pakaian mereka haruslah bersih, sesuai dan selesa dipakai. Bagi menjamin kesihatan dan keselamatan, pusat jagaan warga emas perlu dilengkapi dengan keperluan kecemasan seperti *ambulance*.

*Ketiga*, memanfaatkan masa terluang merupakan usaha yang memberi peluang dan kesempatan bagi warga emas untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti yang sesuai dengan minat dan bakat mereka. Hal ini adalah terapi bagi penyembuhan masalah personal baik psikologi mahupun emosional. Lebih baik lagi jika masa luang tersebut dimanfaatkan dengan aktiviti yang produktif. Sama halnya dengan kegiatan rekreasi, sepatutnya dilakukan di luar rumah jagaan sehingga warga emas tidak merasa terasing dengan masyarakat luar.

*Keempat*, sebagai manusia yang beragama dan majoriti muslim maka bimbingan mental dan spiritual lebih ditujukan untuk mengatasi masalah psikologi dan emosional. Berdasarkan karaktor warga emas biasanya cenderung bermusuhan, maka untuk membantu mengatasi masalah tersebut, bimbingan spiritual dan kaunseling dapat membantu mereka dalam permasalahan sosial dengan keluarga dan masyarakat.

*Kelima*, penjagaan diberikan sehingga warga emas meninggal dunia. Hal ini demikian sepenuhnya di bawah tanggungjawab UPTD RSGS untuk menyara dan

---

[146] Wijayanti, *Hubungan Kondisi Fisik Lansia Terhadap Kondisi Sosial Lansia di RW 03 RT 05 Kelurahan Tegalsari, Kecamatan Candisari*, (ENCLOSURE: Jurnal Ilmiah Perancangan Kota dan Pemukiman, 2008) Melalui http://eprints.undip.ac.id/20145/5.pdf.

melayani warga emas. Golongan warga emas yang untuk mendiami pusat jagaan ini bukan hanya warga emas yang terbiar, tetapi juga warga emas yang kurang mampu dari segi kewangan. Sepatutnya perlu dilakukan pemilahan untuk merespon keperluan dan permasalahan semua warga emas. Bagi warga emas yang memiliki keluarga dan berkemampuan menyara diri pula, mereka perlu membayar yuran sehingga anggaran tersebut dapat diperuntukkan untuk keperluan yang lain.

Kriteria warga emas yang diterima untuk mendiami UPTD RSGS adalah yang dapat menguruskan diri. Pembatasan tersebut telah menghalang warga emas yang tidak mampu melayan diri, yang bergantung pada bantuan orang lain. Seharusnya, UPTD RSGS juga memberi peluang perlindungan terhadap warga emas yang tidak mampu menjaga diri sendiri. Jika merujuk kembali pada konsep layanan keperluan sosial seharusnya negara menfokuskan pada golongan yang lemah.[147] Bagi warga emas yang berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan, jika mereka mampu menguruskan diri sendiri, mereka masih dapat dilayan dengan model layanan eksternal iaitu *home care* atau *community care.* Dalam kes ini keluarga warga emas harus diberi ilmu pengetahuan untuk merawat dan menjaga warga emas. Pusat jagaan UPTD RSGS yang sememangnya di bawah pemilikan kerajaan sepatutnya diperuntukkan untuk warga emas yang terbiar dan tidak mampu menguruskan diri sendiri.[148]

---

[147] Suharto, E, *Meretas Kebijakan Sosial Pro Poor: Menggagas Pelayanan Sosial yang Berkeadilan*, 2007), 5. Melalui http: //www.policy.hu/suharto/Naskah%20PDF/UGMPelayanan Sosial.pdf(15-08-2015).

[148] Sri Sulastri & Sahadi Humaedi, *Pelayanan Lanjut Usia Terlantar dalam Panti*, ( Prosiding KS Riset dan PKM: ISSN 2442-4480, 2015), 160-162.

## 2.10 KESIMPULAN

Berasaskan kepada perbincangan di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa:

*Pertama*, kewujudan UPTD RSGS sebagai salah satu badan yang mempunyai landasan undang-undang memberikan impak yang besar kepada masyarakat Banda Aceh dan sekitarnya. Rumah jagaan ini dibina dan ditubuhkan bertitik tolak daripada keprihatinan terhadap ramai warga emas yang terbiar dan memerlukan bantuan kesejahteraan hidup. Perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan merupakan suatu kebajikan bagi kepentingan masyarakat dan tanggungjawab negara terhadap masyarakatnya. Badan ini terdiri daripada struktur organisasi yang baik dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik khususnya bagi warga emas. Penubuhannya memainkan peranan yang besar kepada masyarakat yang ingin mendapatkan perlindungan sosial. Pengurusan yang sistemik dan segala kepentingan warga emas diuruskan secara berjadual dengan baik sehingga warga emas dapat menikmati sisa usia yang ada dengan aman dan damai.

*Kedua*, fasiliti penunjang yang terkawal secara menyeluruh nampaknya telahpun mencukupi semua aspek keperluan warga emas baik secara jasmani mahupun rohani. Perkhidmatan seperti makan, kebersihan, kesihatan, tempat tinggal dan sebagainya memperoleh jaminan dari pemerintah secara percuma setiap tahun. Sebagai rumah jagaan yang pertama di Aceh, UPTD RSGS memegang peranan yang sangat penting dalam usaha membendung masalah sosial khususnya mengenai warga emas. terdapat banyak program yang telah dilaksanakan dan akan dilakukan secara berterusan demi melindungi hak-hak warga emas yang diancam oleh situasi dan keadaan sekeliling.

*Ketiga*, warga emas memilih untuk menetap di rumah jagaan ini adalah daripada latar belakang orang yang mempunyai masalah sosial baik daripada keluarga, lingkungan ataupun masalah peribadi mereka sendiri. Walaupun semua warga emas yang menghuni rumah jagaan seakan sama tetapi masing-masing memiliki status yang berbeza. Ada yang

datang untuk mencari jaminan dan perlindungan hidup. Ada juga yang hanya menghuni bagi tempoh masa tertentu sebelum kembali kepada keluarga. Alasan mereka adalah untuk mendapatkan kesempatan belajar, menikmati kebersamaan bersama rakan sebaya dan motif lainnya. Walau bagaimanapun, warga emas yang tinggal untuk sementara jumlahnya lebih sedikit.

*Keempat*, menjadi kewajipan kepada seluruh penghuni rumah jagaan untuk mematuhi peraturan bagi menjaga menjaga suasana hidup yang kondusif, aman dan nyaman. Sesiapa yang tidak mematuhi peraturan, mereka akan dikenakan tindakan tegas oleh pihak kebijakan. Peraturan ini sangat penting kerana dapat menciptakan suasana hidup yang harmoni. Maka tidak hairan jika berlaku kes warga emas yang dikembalikan kepada pihak keluarganya kerana melanggar peraturan yang telah disepakati. Selain itu, pihak UPTD RSGS merupakan lembaga pemerintah yang memilih dasar pelaksanaan yang kuat daripada pemerintah. Secara umumnya warga emas yang tinggal di rumah jagaan ini dipastikan terjamin hidup dengan bantuan kewangan yang mencukupi.

Universiti Malaya

# BAB III : BENTUK-BENTUK LAYANAN TERHADAP WARGA EMAS DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

## 3.1 PENDAHULUAN

Warga emas adalah kumpulan heterogen yang dipengaruhi oleh faktor fizikal, psikologi, sosial, ekonomi, dan spiritual. Semuanya saling berhubung kait antara satu elemen dengan elemen yang lain. Beberapa Negara Asia termasuk Indonesia telah mengalami pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial. Hal ini seiring dengan penurunan kadar kematian dan mengiringi peningkatan jangkaan kehidupan semasa kelahiran telah mengakibatkan penuaan penduduk yang pesat. Campur tangan yang boleh menghalang kematian dan kelahiran serta memanjangkan jangka hidup merupakan usaha yang dijangkakan dalam masa yang lama. Ini menimbulkan cabaran tersendiri sehingga mengaitkan bagaimana kaedah bagi menangani fenomena penuaan dengan sumber yang terhad.[149]

Penuaan juga merupakan sebuah proses yang kompleks dan menarik untuk difahami kerana ia adalah tahap hidup yang akan dialami oleh semua manusia. Penuaan dikatakan sebagai satu proses yang kompleks kerana melibatkan banyak aspek iaitu aspek fisiologi, psikologi, emosi, pemikiran, dan ekonomi yang akan mempengaruhi fungsi sosial dan kesejahteraan seseorang. Penuaan juga dikatakan sebagai satu proses yang menarik kerana perubahan yang berlaku adalah berbeza bagi setiap individu.[150] Perubahan ini merangkumi perubahan seseorang individu dari segi fisiologi dan psikologi. Seterusnya perubahan ini akan mempengaruhi perubahan pada fizikal, mental, sosial dan emosi seseorang. Perubahan ini akan menyebabkan fungsi dan interaksi dengan persekitaran semakin berkurangan.[151]

---

149 J T Arokiasamy, Sm, *Social Problems And Care Of The Elderly*, (Kuala Lumpur: Department Of Social And Preventive Medicine, Faculty Of Medicine University Of Malaya).

150 Hooman, N. & H. Asuman Kiyak, *Social Gerantology: A Multidisiplinary Perspec*tive, (Pearson: Amerika Serikat, 2014), 11.

151 Muhammad Khairi bin Mahyuddin dan ‘Atifah binti Mamat, *Cabaran Abad 21 Dan Keperluan Amalan Kerohanian Oleh Warga Emas*, (Malaisya: Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM,



Universiti Malaya

Sebagai usaha pemerintah, Dinas Sosial memiliki tanggungjawab dan kuasa bagi mengatasi permasalahan yang terjadi untuk penambahbaikan kehidupan warga emas. Merujuk kepada Laporan Kinerja Instansi Pemerintahan Dinas Sosial Aceh tahun 2017 mengenai kewangan, pemerintah telah menganggarkan dana bagi program pembinaan dan layanan warga emas di UPTD RSGS sebanyak Rp.11.669.627.000, manakala dana Operasi dan Pemeliharaan Sarana dan Prasarana rumah jagaan ini adalah sebanyak Rp.670.940.000.[152]

## 3.2 DATA DEMOGRAFI WARGA EMAS DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

**Jadual 3.1: Demografi Warga Emas**

| No | Data demografi | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Umur | |
| | a. 60-74 tahun | 45 |
| | b. >74 tahun | 25 |
| 2 | Jenis kelamin | |
| | a. Laki- laki | 22 |
| | b. Perempuan | 48 |
| 3 | Status perkawinan | |
| | a. Menikah | 8 |
| | b. Duda | 16 |
| | c. Janda | 46 |
| 4 | Pendidikan terakhir | |
| | a. SD/ setaraf | 66 |
| | b. SMP/ setaraf | 2 |
| | c. SMA/ setaraf | 2 |
| 5 | Pekerjaan | |
| | a. Bekerja | 9 |
| | b. Tidak bekerja | 61 |
| 6 | Lama tinggal menetap di UPTD | |
| | 1) 6-12 bulan | 10 |
| | 2) >12 bulan | 60 |
| 7 | Agama | |
| | Islam | 70 |

152 Dinas Sosial, Laporan Kinerja Instansi Pemerintah, (Banda Aceh: Unit Pelaksana Teknis Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang, 2015), 11.

Universiti Malaya

Berdasarkan taburan data demografi di atas, warga emas yang tinggal di UPTD RSGS adalah berusia antara 60 hingga 90 tahun. Kebanyakan daripada mereka berusia tua iaitu antara 60-74 tahun. Manakala dari segi jenis kelamin, kebanyakan warga emas adalah kaum perempuan iaitu seramai 48 orang perempuan dan selebihnya iaitu seramai 22 orang adalah lelaki. Kebanyakan daripada mereka merupakan orang yang hidup bersendirian atau tidak memiliki lagi pasangan hidup sama ada telah bercerai hidup ataupun bercerai mati. Hanya lapan orang sahaja yang berstatus menikah.

Mengenai pendidikan pula, seramai 66 orang hanya memiliki pengetahuan setaraf dengan Sekolah Dasar. Selebihnya iaitu dua [2] orang berpendidikan SMP (Sekolah Menengah Pertama) dan dua [2] orang lagi mendapat pendidikan di peringkat SMA (Sekolah Menengah Atas). Dari segi pekerjaan, kebanyakan mereka bukan pekerja iaitu seramai 61 orang. Selebihnya iaitu seramai sembilan [9] orang merupakan warga emas yang mempunyai dana pencen dari pekerjaan mereka sebelumnya. Umumnya warga emas di UPTD merupakan warga tetap kes papa yang memilih untuk tinggal di rumah jagaan tersebut. Adapun keseluruhan warga binaan di UPTD RSGS merupakan penganut Islam.[153]

## 3.3 LATAR BELAKANG INFORMAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

Bagi memenuhi indikator penelitian, pengkaji memerlukan beberapa informasi bersesuaian dengan objektif yang hendak dicapai daripada dua [2] unsur yang ada di UPTD RSGS iaitu: [*pertama*]: warga emas yang sering disebut dengan keluarga binaan dan [*kedua*]: pengurus UPTD RGSG. Dalam hal ini, pengkaji memilih sembilan [9] orang warga emas untuk ditemuramah dan selebihnya adalah tiga [3] orang kakitangan UPTD. Tidak ada proses khusus dalam menentukan responden. Bagi pihak UPTD RSGS,

[153] Sumber Data Dokumentasi UPTD RSGS, 2016.

Universiti Malaya

pengkaji memilih kesemua unsur yang berhubungan langsung dengan warga emas dalam proses layanan. Hal ini kerana bahagian ini secara langsung bersangkut paut interaksi dengan warga emas. Secara tidak langsung, pengkaji juga boleh mendapatkan maklumat dan persepsi serta pemahaman mereka tentang bagaimana interaksi yang dijalankan selama ini di dalam lingkungan rumah jagaan. Temubual ini telah dirancang oleh pengkaji bersama dengan interviewee sebelum tarikh yang sebenar sehingga mereka telahpun mempunyai pandangan yang benar dan persiapan fizikal yang baik. Pengkaji mendapatkan data-data peribadi mereka seperti jadual berikut:

**Jadual 3.2: Informan yang ditemubual**

| No | Nama | Umur | Keterangan |
|---|---|---|---|
| 1 | Nurkaya | 65 tahun. | Warga emas |
| 2 | Iskandar Harun | 65 tahun | Warga emas |
| 3 | Aminah | 74 tahun | Warga emas |
| 4 | Safwan | 74 tahun | Warga emas |
| 5 | Hj. Hamidah | 71 tahun | Warga emas |
| 6 | Marhaban | 60 tahun | Warga emas |
| 7 | Fatimah | 65 tahun | Warga emas |
| 8 | Muhammad Yusuf | 74 tahun | Warga emas |
| 9 | Basyah | 74 tahun | Warga emas |
| 10 | Fajriah | 28 tahun | Pengasuh |
| 11 | Abdullah | 48 tahun | Wara kerja |
| 12 | Drs. Ramlan | 50 tahun | Pimpinan |

**Jadual 3.3: Demografi informan**

| |
|---|
| Nama |
| Jantina |
| Umur |
| Bahagian |
| Taraf pendidikan |
| Tempoh lama tinggal/ berkhidmat |

Sumber: Temubual dengan warga emas dan pihak kakitangan UPTD RSGS

Dalam suatu kajian, data peribadi amatlah penting bagi mengetahui latar belakang informan. Hal ini sangat membantu pengkaji untuk menganalisis objektif kajian yang telah ditentukan oleh pengkaji.[154] Data peribadi ini telah dimaklumkan bahawa ia hanya

---

154 Sugiyono, *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*, 32.



Universiti Malaya

untuk kepentingan pengkajian semata, kerahsiaan akan sentiasa dijaga. Hal ini adalah kerana sebahagian informan takut dan ragu untuk mengemukakan pendapat ataupun identiti peribadi kerana bakal berhadapan dengan pelbagai masalah. Setelah penerangan diberikan, informan bersedia untuk bercerita jujur dan yakin bagi memberikan maklumat yang diperlukan sesuai dengan apa yang mereka lalui.

## 3.4 PRINSIP UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG DALAM MELAYANI WARGA EMAS

Warga emas yang menghuni rumah jagaan kebiasaanya berhadapan dengan banyak permasalahan sosial. Setiap individu sudah pasti memiliki latar belakang yang berbeza sebagai penyebab warga emas menjadi penghuni rumah jagaan ini.[155] Ada yang datang disebabkan masalah ekonomi, masalah sosial keluarga, malah ada juga yang datang atas dasar keinginan untuk tinggal di rumah jagaan dengan alasan memperoleh tambahan ilmu, akses dan keseronokan dengan teman sebaya. Keseluruhan faktor kedatangan mereka ke rumah jagaan ini sangat mempengaruhi tingkah laku dan cara interaksi sosial warga emas dalam lingkungan rumah jagaan. Hal ini dilakukan atas dasar pertimbangan dan pendekatan psikologi yang penting bagi memberikan keselesaan kepada warga emas untuk tinggal di UPTD RSGS.[156]

Bagi memberikan layanan yang baik dan bersepadu kepada warga emas, ada beberapa prinsip layanan yang mesti diperhatikan dan menjadi panduan bagi seluruh elemen pemberi layanan dalam lingkungan rumah jagaan ini. Prinsip-prinsip tersebut adalah menghargai marwah diri, menjaga kerahsiaan, tidak memberikan stigma, tiada pengasingan, menjauhkan sikap sensitif, layanan berkeseluruhan, layanan yang cepat dan tepat, layanan yang berkualiti dan menjamin kepuasan individu, layanan cekap dan

155 Surina Nayan, *Keprihatinan yang Luntur Terhadap Warga Emas*, (URDS UiTM Perlis: ISSN 1675-9885 Jurnal Intelek, 2006), 98.

156 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

berkesan.[157] Prinsip tersebut berpedoman pada kajian psikologis yang telah masyhur diaplikasikan dalam berbagai disiplin ilmu pengetahuan.

### 3.4.1 Menghargai Maruah Diri (*Respect of Human Dignity*)

Maruah diri warga emas tidak semestinya hilang dan berkurang seiring menurunnya seluruh fungsi organ dan sosialnya.[158] Pedoman masyarakat di Aceh sebagai daerah yang beradab dan menjunjung tinggi keIslaman telah menempatkan warga emas sebagai individu yang harus dihormati. Penghormatan diberikan sama ada dari segi berbicara, berinteraksi dan memintanya melakukan atau menghentikan suatu pekerjaan. Hal ini menjadi kewajiban bagi pengasuh dan juga bagi sesama warga emas untuk menghargai satu sama lain. Turut dititikberatkan peraturan tidak dibenarkan berbicara dalam bahasa yang kotor dan tidak beradab oleh pihak manapun.[159]

### 3.4.2 Menjaga Kerahsian (*Confidentiality*)

Sememangnya warga emas yang mendedikasikan kehidupannya di UPTD RSGS mempunyai banyak maklumat dan kisah masa lalu yang tidak baik yang telah direkodkan dalam rekod peribadi mereka sebagai rujukan layanan. Dalam hal ini, pihak UPTD RSGS sentiasa menjaga kerahsiaan tersebut daripada pengetahuan orang luar bahkan semasa warga dalam lingkungan UPTD RSGS sendiri. Maklumat tersebut hanya digunakan untuk kepentingan layanan dan acuan untuk mengambil tindakan bagi intervensi apabila sesuai dengan keperluan.[160]

---

157 Calhoun, J.F. & O.R. Acocella, *Psikologi tentang Penyesuaian Diri dan Hubungan Kemanusiaan,* (Semarang: IKIP Semarang Press, 1990), Edisi ketiga, 19.

158 *Ibid*., 24.

159 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015

160 Temubual dengan Tn. Abdullah, pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

### 3.4.3 Tidak Memberikan Stigma (*Destigmatization*)

Penurunan fungsi organ merupakan proses normal dan semulajadi sehingga layanan sosial mestilah bebas dari kesan dan pandangan yang negatif terhadap warga emas. Hal ini perlu diberikan perhatian lebih kerana penurunan kemampuan terasa cukup berat bagi mereka untuk menjalaninya. Oleh itu tidak perlu lagi adanya cap baru yang bermaksud negatif sehingga menambah beban fikiran mereka.[161] Keseluruhan waga emas dipandang sama tanpa perbezaan berdasarkan latar belakang mereka. Pihak UPTD akan langsung bertindak apabila ada isu yang menyebabkan pengaruh buruk bagi individu atau keseluruhan warga emas di sana.[162]

### 3.4.4 Tiada Pengasingan (*Deisolation*)

Warga emas harus selalu diberikan kesempatan dan dukungan untuk berinteraksi dengan orang lain. Kaedah ini adalah bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan rasa saling mencintai dan dicintai, menerima dan diterima, menemani dan ditemani, menghargai dan dihargai. Hal ini dapat dilihat dari penggabungan tempat tinggal berupa hunian bersama yang berada dalam satu kompleks untuk menciptakan suasana pertemanan yang harmoni menyebabkan warga emas tidak merasai kesepian di penghujung hidupnya.[163]

### 3.4.5 Menjauhkan Sikap Sensitif

Karakteristik usia tua pada umumnya adalah memiliki perasaan sensitif (marah, tersinggung, kecewa, tidak dihargai) mengikut kepada keadaan dan kesulitan lain. Warga emas perlu disokong bagi menghadapi kesulitan sosialnya dengan layanan yang tidak melukai perasaan.[164] Dalam hal ini biasanya UPTD RSGS memilih pengasuh yang

---

161 Calhoun, J.F. & O.R. Acocella, *Psikologi tentang Penyesuaian Diri dan Hubungan Kemanusiaan,* 31.
162 Temubual dengan Tn. Abdullah, pada tarikh 3 September 2015
163 Calhoun, J.F. & O.R. Acocella, *Psikologi tentang Penyesuaian Diri dan Hubungan Kemanusiaan,* 35.
164 Maryam, R. S, *Mengenal Usia Lanjut dan Perawatannya.* (Jakarta: Salemba Medika, 2008), 18.



Universiti Malaya

memang mempunyai kesabaran yang tinggi dalam berinteraksi dengan warga emas. Tidak hairan apabila berganti pengasuh kerana masalah sensivitas yang berlaku.

Sensiviti juga dibekali bagi setiap warga emas, dimana mereka diwajibkan untuk saling menghargai dan menghormati sehingga akan muncul rasa aman dan damai. Hal ini merupakan cabaran tinggal bersama dengan karakter yang berbeza akan menimbulkan banyak perselisihan. Bahkan boleh menyebabkan berlaku kes perkelahian antara sesama warga emas hanya kerana perkara kecil.[165]

### 3.4.6 Layanan yang Berkeseluruhan

Rancangan program memenuhi hajat fizikal dalam memberi layanan untuk mengatasi masalah dan meningkatkan peranan sosial warga emas dirancang bukan hanya untuk sekadar kewujudan bantuan berupa barangan tetapi lebih kepada mereka diharapkan mampu memberi akses kepada sumber-sumber yang luas. Misalnya bantuan kerusi roda bagi yang tidak mampu berjalan agar individu tersebut mampu mengurus hajat dirinya sendiri sehingga tidak perlu bergantung atau menyusahkan serta mengurangi kesusahan orang lain.[166] Warga emas bukan dalam posisi untuk dimanjakan (*desimpatization*) kerana sikap simpati yang terlampau akan mengakibatkan berkurangnya motivasi bagi warga emas untuk mengupayakan kemandirian diri.[167]

### 3.4.7 Layanan yang Cepat dan Tepat

Layanan bagi warga emas harus dilakukan secara cepat dan tepat. Cepat bermaksud tidak berbelit-belit dan dalam waktu yang singkat. Tepat pula bermaksud sesuai dengan keperluan, masalah, dan kemampuan warga emas. Terdapat kes tertentu yang bertentangan dengan pros maka akan diambil kebijakan khusus menjadi wewenang

---

165 Temubual dengan Pn. Safwan pada tarikh 4 September 2015

166 Suardiman, S, *Psikologi Usia Lanjut*, (Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 2016), 41.

167 Hurlock Elizabeth B, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Rentan Kehidupan*, (Jakarta: Erlangga,1992), 6.



Universiti Malaya

kepala UPTD RSGS. Maka dalam hal ini prosedural juga tidak membati gerak dan bukan harga mati manakala beruran dengan kes tertentu yang memerlukan tindakan lanjutan atau solusi cepat bagi menangani isu tersebut.[168]

### 3.4.8 Layanan yang Berkualiti bagi Menjamin Kepuasan Individu

Dalam hal ini ada standart yang dimiliki dan harus dicapai oleh UPTD RSGS. Antaranya layanan harus dilakukan sesuai peraturan yang sedia ada khususnya bagi pengasuh dan pekerja. Mereka dibenarkan untuk bekerja sesuai dengan bidang dan kemampuan masing-masing. Dalam menerima tenaga kerja, pihak pemerintah mempunyai kuasa dalam memilih tenaga kerja yang bersesuaian dengan bidang pengajian dan kompetensi ilmu tertentu. Bagi pengasuh pula, tiada kriteria khusus dalam rekod pendidikan. Modal mereka adalah keinginan untuk mengasuh dan kesiapan waktu sahaja kerana pengasuh memiliki tanggungjawab kerja yang disesuaikan untuk dijadualkan pada waktu pagi hingga petang.[169]

### 3.4.9 Layanan Cekap dan Berkesan

Oleh kerana rumah jagaan ini dimiliki oleh pemerintah, layanan di UPTD RSGS bersifat prosedural. Semua jenis layanan dan hajat warga emas dilakukan berdasarkan tuntutan sistem pentadbiran yang berlaku. Tujuannya adalah untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik bagi warga emas dan sesuai dengan perencanaan program yang sedia direncanakan dalam anggaran dan target kerja yang dibuat sebelumnya. Pola asuh yang hemat serta akuntabel harus dapat dipertanggungjawabkan kepada warga emas, masyarakat dan pemerintah.[170]

---

168 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015
169 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015
170 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

## 3.5 IDENTIFIKASI WARGA EMAS SEBAGAI UPAYA MENGOPTIMUMKAN LAYANAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

Dalam usaha membantu warga emas meningkatkan fungsi sosial sesuai dengan peranan dan status sosial mereka, merujuk kepada panduan yang disahkan oleh Direktorat Layanan Sosial Lanjut Usia Direktorat Jenderal Layanan dan Rehabilitasi Sosial Departemen Sosial Republik Indonesia, maka pihak UPTD RSGS memberikan layanan berdasarkan pendekatan-pendekatan keilmuan yang sinergi dan bersepadu. Nantinya diharapkan agar warga emas mampu mengoptimalkan kualilitas diri. Kegiatan tersebut terdiri dari fasa pendekatan awal, fasa penilaian, fasa perencanaan program layanan, fasa penilaian akhir terhadap jawatan layanan, fasa penamatan dan rujukan.[171]

### 3.5.1 Fasa Pendekatan Awal

Fasa ini bertujuan untuk memberikan dan memperoleh maklumat yang tepat mengenai rumah jagaan dan calon penghuni rumah jagaan warga emas. Kegiatan-kegiatan dalam tahap ini seperti sosialisasi iaitu memberikan maklumat tentang layanan pemulihan sosial kepada anggota yang terlibat supaya selari dengan pola pandang dan tindakan layanan. Manakala fasa selanjutnya adalah proses mengenalpasti dan memilih calon warga emas yang akan bergabung di rumah jagaan. Proses terakhir pula melakukan pendaftaran dan penerimaan warga emas daripada pihak keluarga atau pihak lain sesuai dengan latar belakang mereka. Walaubagaimanapun, proses sosialisasi masih dilakukan secara terbatas khususnya layanan terhadap warga emas kerana pihak UPTD tersekat dengan anggaran yang terbatas dari sumber pemerintah. Proses sosialisasi lebih kepada memberikan pemahaman kepada masyarakat agar lebih terbuka untuk menghantarkan orang tua ke rumah jagaan.[172]

---

[171] Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015
[172] Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

### 3.5.2 Fasa Penilaian (*Assessment*)

Proses ini bermula pada penilaian situasi dan keadaan, mengungkap permasalahan untuk mencari jalan keluar bagi keperluan warga emas semasa layanan. Data yang sedia ada diolah dan disahkan berdasarkan maklumat daripada keluarga, kerabat dan orang terdekat. Oleh itu, setiap warga emas yang ingin menghuni di UPTD RSGS harus memberikan maklumat dan data yang tepat. Proses ini tidak begitu rumit selagimana mereka memenuhi syarat-syarat yang diminta. Kebiasaannya keluarga atau kerabat diminta untuk memberikan maklumat yang tepat sebelum melakukan proses kemasukan warga emas.[173]

### 3.5.3 Fasa Perencanaan Program Layanan

Penyusunan program layanan merangkumi semua aspek yang ada. Biasanya perencanaan program dilakukan setahun sekali kerana ini berkait rapat dengan anggaran yang diberikan oleh pemerintah. Terdapat program harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Semuanya harus sesuai dan memenuhi kriteria yang dibuat dalam program perencanaan.[174] Dalam hal ini, pihak UPTD RSGS telah merangkumkan program tersebut bagi memenuhi keperluan fizikal, bimbingan sosial, kesihatan, psikososial, mental spiritual dan hiburan.

### 3.5.4 Fasa Penilaian Akhir Terhadap Jawatan Layanan

Fasa ini adalah pertanggungjawaban kepada seluruh elemen masyarakat dan negara dalam rangka penambahbaikan kehidupan warga emas sama ada program- program yang telah dilakukan mengalami kegagalan atau kecemerlangan. Akhirnya nanti akan menghadirkan inovasi bagi mengatasi permasalahan dalam lingkungan warga emas.[175]

---

173 Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015

174 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015

175 Notoadmojo, S , *Metodologi Penelitian Kesehatan*, (Jakarta: Rineka Cipta, 2007), 20.



Universiti Malaya

### 3.5.5 Fasa Penamatan dan Rujukan

Fasa penamatan dimaklumkan bagi kes meninggal dunia atau warga emas memilih untuk kembali kepada keluarganya atau kerana terjadi kes yang mengharuskan mereka untuk meninggalkan rumah jagaan. Manakala rujukan pula adalah proses menyambungkan keberadaan warga emas dengan layanan lain sesuai dengan permasalahan dan keperluan seperti perihal kesihatan, layanan hukum dan layanan sosial.[176]

## 3.6 BENTUK LAYANAN YANG DIBERIKAN OLEH UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG TERHADAP WARGA EMAS

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pihak UPTD RSGS memiliki beberapa bentuk layanan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas. Alur layanan dilaksanakan sesuai dengan perencanaan tahunan yang diakhiri dengan penilaian terhadap mekanisme yang dilakukan.

### 3.6.1 Jaminan ketersediaan keperluan hidup yang bersifat mendasar

Aspek ekonomi memainkan peranan penting dalam kehidupan orang tua yang memberi kesan kepada kesihatan mereka, perhubungan sosial, percaturan hidup, aktiviti kemasyarakatan, dan juga penyertaan politik. Peluang dan kecekapan harian mereka dipengaruhi oleh pekerjaan, persaraan dan pendapatan mereka. Corak pekerjaan pada masa lalu dan sekarang mempengaruhi status ekonomi mereka. Tidak dinafikan bahawa usia tua telah menjadikan mereka terpisah dari pekerjaan dan penyertaan dalam banyak bidang kehidupan. Akibatnya posisi yang dulunya sebagai pemberi manfaat sekarang berganti menjadi penerima manfaat. Hal ini boleh menyebabkan kehilangan status dan harga diri.[177]

---

176 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015

177 Supriadi, *Lanjut Usia dan Permasalahannya*, (UNRI: Jurnal PPKn dan Hukum, 2015), 43. Melalui https://ejournal.unri.ac.id/index.php/JPB/article/download/.../3557.



Universiti Malaya

Tekanan kewangan menyebabkan kesedihan dan kebimbangan kepada warga emas yang diburukkan lagi oleh inflasi dan peningkatan kos penjagaan kesihatan. Kehilangan pendapatan atau sumber kewangan yang tidak mencukupi yang mengakibatkan kecacatan kewangan mungkin mengakibatkan warga emas menunda mencari penjagaan kesihatan untuk memelihara sumber daya mereka. Ini adalah faktor yang mungkin dalam keengganan untuk mendapatkan penjagaan masalah visual, pendengaran dan pergigian. Selain itu, warga emas juga cenderung mengubah gaya hidup mereka dan keluar dari kumpulan sosial apabila menghadapi masalah pengangkutan akibat daripada kekangan kewangan.[178]

Bagi mengatasi permasalahan tersebut, pihak UPTD RSGS memberikan persaraan dan jaminan hidup yang lebih baik pada keperluan hidup yang mendasar meliputi persediaan tempat tinggal, menyediakan keperluan pakaian, menyediakan layanan pemakanan yang baik bagi warga emas.[179]

### 3.6.1.1 Menyediakan tempat tinggal bagi warga emas

Fitrah manusia yang lebih suka tinggal di rumah sendiri dan di kawasan kejiranan juga menjadi fitrah bagi warga emas. Terdapat banyak makna emosi di rumah dari sudut sejarah, kehidupan keluarga (perkahwinan, pemeliharaan anak) dan persatuan dengan rakan dan jiran adalah suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan seseorang. Hal demikian menjadi faktor keengganan warga tua untuk keluar atau pindah daripada rumah sendiri. Lebih-lebih lagi apabila mereka tidak terlibat dalam keputusan untuk berpindah. Berbeza dengan kes yang terlibat untuk berpindah seperti warga emas terpaksa berpindah bersama dengan anak-anak mereka kerana pelbagai faktor. Penginstitusian adalah risiko yang dihadapi oleh orang tua.[180]

---

178 Supriadi, *Lanjut Usia dan Permasalahannya*, 48.
179 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015
180 Calhoun, J.F. & O.R. Acocella, *Psikologi tentang Penyesuaian Diri dan Hubungan Kemanusiaan,* 39.



Universiti Malaya

Warga emas yang tinggal di rumah jagaan sering mengalami morbiditi dan mortaliti yang berlebihan dan ini menjadi lebih teruk jika mereka bukan yang membuat keputusan itu. Kekurangan hubungan yang memadai dengan keluarga dan rakan-rakan dan kecenderungan untuk perhatian penjagaan yang berlebihan boleh mengakibatkan warga emas yang dilembagakan menjadi tertekan dan ditarik balik. Kecacatan kewangan atau fizikal adalah masalah wajah orang tua ketika dilembagakan. Ini mengakibatkan Kebimbangan dan kesedihan yang mendalam. Untuk itu, mereka memerlukan waktu bagi menyesuaikan kecocokan terhadap kediaman baru.[181]

Dalam menghadapi permasalahan ini, pihak rumah jagaan telah meraka bentuk bangunan yang dianggap sesuai bagi perpindahan aktiviti warga emas. Terdapat sepuluh [10] unit bangunan tempat tinggal yang masing-masing terdiri daripada lama [5] bilik berlantaikan seramik. Lantai yang baik bagi memudahkan pergerakan warga emas dan memberikan keselasaan untuk melakukan sebarang aktiviti yang sesuai. Setiap unit tempat tinggal terdapat satu tandas dan bilik air yang luas yang dapat menampung beberapa orang untuk mandi dan mencuci baju. Peralatan mandi dan mencuci adalah milik peribadi setiap warga emas. Semuanya diperoleh secara percuma semasa daftar kemasukan dan diperkenankan untuk tinggal di UPTD RSGS. Ruangan wisma terdiri daripada lima [5] bilik tidur yang dihuni oleh satu [1] orang atau dua [2] orang bergantung kepada keluasan bilik. Walaubagaimanapun, satu [1] bilik hanya boleh dihuni oleh dua [2] orang dengan ukuran bilik yang memadai. Di dalam bilik pula terdapat almari yang sesuai untuk menyimpan pakaian dan barangan lain. Bilik tidur juga dilengkapi dengan katil dan kipas angin. Sementara itu juga terdapat ruang tamu yang luas, memiliki peralatan elektronik seperti telesyen, kipas angin, dan meja makan. Bahkan jumlah kerusi dengan keluasan meja sesuai dengan jumlah warga yang tinggal di dalamnya. Di bahagian

181 Calhoun, J.F. & O.R. Acocella, *Psikologi tentang Penyesuaian Diri dan Hubungan Kemanusiaan*, 43.

ruang tamu ini biasanya warga emas melakukan hobi untuk membuat kerajinan tangan dan bersantai bersama dengan rakan-rakannya.

Bangunan wisma, surau, poliklinik dan aula yang menjadi akses hajat warga emas merupakan bangunan satu lantai sehingga memudahkan pergerakan warga emas dan terhindar dari risiko jatuh. Jalan penghubung antara wisma juga sangat baik. Ia memiliki laluan khas yang memudahkan warga emas berkeliling. Tambahan pula, rumah jagaan ini memiliki laman yang luas di bahagian hadapan dan belakang yang dapat memenuhi kegemaran warga emas yang suka bercucuk tanam. Mereka dibenarkan memanfaatkan laman untuk menanam tumbuhan yang disukai.

#### 3.6.1.2 Menyediakan keperluan pakaian bagi warga emas

Bagi memenuhi keperluan pakaian warga emas, UPTD RSGS memberikan pakaian baru setiap satu tahun sekali. Mereka mendapat pelbagai variasi baju. Sekurang-kurangnya mereka mendapat tiga [3] helai baju, kain sarung, peralatan solat, dan jilbab bagi kaum perempuan. Setelah itu, mereka akan mendapatkan tambahan pakej apabila mendapat kunjungan dari pihak-pihak tertentu dan dalam rangka perayaan hari-hari yang berkepentingan. Musim pemilihan kepala daerah merupakan momen yang paling banyak mendapatkan kunjungan dan bantuan pakej serta dana.

Selama ini bantuan pakaian dianggap telah mencukupi, malah beberapa di antara warga emas menganggap bahawa bantuan tersebut lebih daripada cukup. Dalam menyiasati bantuan pakaian yang berlebihan ini, sebagian mereka memilih untuk memberikan barang tersebut kepada keluarganya atau menjualnya kepada orang lain untuk mendapatkan wang. Dalam hal ini, pihak UPTD RSGS memberikan kebebasan kepada warga emas dengan catatan keperluan peribadi warga emas adalah keutamaan mereka.[182]

---

[182] Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

### 3.6.1.3 Menyediakan layanan pemakanan yang baik bagi warga emas

Penyediaan makanan merupakan keperluan mendasar bagi setiap makhluk hidup. Namun demikian, warga emas memiliki pola pemakanan yang berbeza dengan golongan usia sihat pada umumnya. Hal ini disebabkan oleh permasalahan fizikal yang dialami oleh kelompok usia ini. Permasalahan fizikal kebiasaannya berkaitan dengan menurunnya semua sistem fungsi organ tubuh antaranya sistem pernafasan, pendengaran, penglihatan, kardiovaskuler, sistem pengaturan suhu tubuh, sistem respirasi, muskuloskletal, gastrointestinal, genitourinaria, endokrin dan integument.[183]

Perubahan pada sistem tubuh dan organ ini sangat bervariasi dan disebabkan oleh penyakit tertentu yang dipengaruhi oleh gaya hidup. Secara umumnya, sebahagian besar sistem tubuh dapat terus berfungsi dengan cukup baik kecuali jantung yang menjadi lebih rentan terhadap penyakit.

Warga emas mengalami penurunan kapasiti berpikir. Walaupun mereka memiliki potensi untuk melakukan tugas-tugas yang sama dengan orang-orang yang lebih muda seperti mengangkat barang berat dan lain-lain, warga emas memerlukan waktu yang lebih lama untuk menyelesaikannya sama ada dalam hal-hal fizikal ataupun emosi.[184]

Selain itu, rasa dan hidu warga emas juga mengalami penurunan fungsinya. Walaupun penurunan dalam kedua-dua deria tersebut adalah perkara kecil kepad warga emas yang sihat, namun penurunan daya rasa dan hidu ini dapat menyebabkan mereka mengalami gizi yang teruk. [185]

Berasaskan kepada permasalahan tersebut, UPTD RSGS menyediakan makanan asasi bagi seluruh warga emas secara percuma. Makanan diberikan tiga [3] kali sehari dan diikuti dengan snek pada pagi dan petang hari. Mereka mempunyai peralatan peribadi

---

183 *Hubungan Peran Keluarga Dengan Depresi Pada Warga emas Di Desa Carigading Kecamatan Awangpone Kabupaten Bone*. (Sulawesi Utara: Mubarak at al, 2011), 23.

184 Lesmana, J.M, *Dasar-Dasar Konseling*, (Jakarta: Universitas Indonesia Press, 2005), 14.

185 *Ibid*., 42.



Universiti Malaya

masing-masing yang telah ditulis nama untuk disediakan makanan bagi mengelakkan bertukar antara satu dengan yang lain.

Sesuai dengan *assesment* awal, sajian menu merujuk kepada standart Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM)[186] untuk memilih makanan yang baik tanpa kontaminasi bahan-bahan dan zat kimia berbahaya bagi tubuh. Disamping itu, sajian menu adalah halal mengikut syariat Islam. Dalam hal ini tidak ada kesulitan yang dihadapi kerana Aceh merupakan penganut Islam terbesar di Indonesia dan jaminan halal akan semua makanan yang diagihkan.

Setiap hari menu diganti sesuai dengan menu seimbang yang dicadangkan oleh doktor. Dalam menentukan menu harian, pengasuh merujuk kepada menu yang telah dicadangkan oleh pakar gizi. Pakar gizi bertugas mengatur keseimbangan menu berdasarkan gizi seimbang. Makanan disediakan dalam bahagian yang sesuai dan sama bagi setiap warga emas. Dalam sehari, menu akan berbeza antara pagi, siang dan malam. Hal ini bagi menjaga kesihatan warga tua yang rentan dengan pemakanan tertentu.[187]

Proses menyiapkan makanan dilakukan oleh dua [2] orang petugas masak yang sentiasa menyiapkan keperluan asasi para lanjut usia tersebut. Dalam sehari mereka berkhidmat selama lima [5] kali penyajian. Tiga [3] kali makan dan dua [2[ kali snek. Layanan pemakanan sedemikian dilakukan agar memenuhi keperluan nutrisi dan gizi yang seimbang.

Biasanya warga emas mengambil sendiri makanan di bahagian dapur umum yang terletak dalam kompleks wisma apabila tiba masa makan. Semasa mengambil makanan, warga emas diminta untuk beratur dan bersabar bagi memberi kesempatan kepada yang lebih awal. Bagi mereka yang kurang sihat atau tidak mampu lagi menjangkau makanan tersebut ke dapur umum, para pengasuh akan sentiasa menghantarkannya. Pengasuh juga

---

[186] Badan Pengawas Obat dan Makanan atau disingkat Badan POM adalah sebuah lembaga di Indonesia yang bertugas mengawasi peredaran obat-obatan dan makanan di Indonesia. Fungsi dan tugas badan ini menyerupai fungsi dan tugas *Food and Drug Administration* di Amerika Serikat.

[187] Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015

dibekalkan dengan data warga emas yang sihat dan yang sakit. Maklumat ini menjadi rujukan bagi pengasuh tentang siapa yang harus dihantarkan makannya.

Batasan waktu mengambil makanan di dapur umum ditentukan dengan tujuan untuk menjaga disiplin dan memastikan semua warga emas mendapatkan makanan. Makan pagi pada jam 06:30-07.:30 pagi, makan tengahari pada jam 13:15-14:00 petang iaitu setelah selesai solat Zohor dan makan petang adalah pada jam 17:00-18:00 petang (setelah selesai solat Asar). Petugas dapur hanya bertanggungjawab terhadap perkhidmatan ini dalam batasan waktu yang ditentukan sahaja. Sekiranya lebih daripada batasan waktu, warga tidak akan dilayan sekalipun berlaku kes kehabisan makanan kerana ia diluar tanggungjawab pengasuh. Pengasuh diwajibkan agar melayani warga emas dengan lemah lembut. Semasa bulan Ramadan, petugas dapur harus mengejutkan warga dengan membunyikan tanda waktu makan sahur atau bangun malam agar tidak lupa niat puasa wajib dan sahur sebelum waktu imsak tiba.

Semasa mengambil makanan, seringkali berlalu perkelahian antara petugas dapur dengan warga emas. Biasanya warga emas mengeluh terhadap layanan yang diberikan. Petugas masak memarahi warga emas yang berulang kali datang dan mengambil air putih untuk diminum. Kadang kala ada di antara mereka meminta ditambahkan bahagian pada saat menu-menu tertentu kerana terasa bahagiannya kurang. Petugas tidak melayan karena sedemikian kerana dapat mengurangi bahagian makanan orang lain.[188] Namun disisi lain, warga emas berpendapat bahawa mereka kadang kala memerlukan tambahan makanan sewaktu pada waktu tertentu.[189]

Dalam kes warga emas yang mengalami keadaan kesihatan yang teruk, beberapa pengasuh melakukan layanan yang lebih dengan menyuapi warga emas. Namun, ada juga pengasuh yang tidak melakukan hal ini. Layanan lebih ini bersifat kondisional dan bergantung kepada peribadi pengasuh.

---

188 Temubual dengan Pn. Fajriah, pada tarikh 4 September 2015
189 Temubual dengan Tn. Marhaban, pada tarikh 4 September 2015

Universiti Malaya

Oleh yang demikian, segala keperluan asas bagi seluruh warga emas dipenuhi oleh bantuan yang sedia ada tersebut. Peraturan UPTD RSGS melarang warga binaannya untuk bekerja dan meminta sedekah disebabkan segala keperluan mereka telah dipenuhi. Bagi yang didapati melanggar maka akan diberikan amaran sebanyak tiga [3] kali. Pelanggaran yang kali keempat akan mengakibatkan mereka dikeluarkan dari rumah jagaan. Kes ini pernah berlaku beberapa kali dimana waktu istirahat dimanfaatkan oleh beberapa warga emas untuk menjalankan aktivitinya sebelum bergabung di rumah jagaan ini iaitu bekerja dan meminta sedekah. Alasannya kerana wang saku yang diberikan oleh UPTD RSGS tidak mencukupi keperluan hidup mereka dan mereka ingin mencari inisiatif untuk keluar dari keterbatasan itu. Namun setelah dilakukan semakan mendalam ternyata yang bersangkutan umumnya individu yang suka membeli makanan di luar, dan sebagian adalah mereka yang masih memiliki keluarga, sehingga sering pulang ke rumah keluarganya.[190]

### 3.6.2 Menyediakan Layanan Kesihatan Bagi Warga Emas

Otak sememangnya mengalami perubahan seiring bertambahnya usia, perubahan yang terjadi pada otak warga emas biasanya tidak terlalu besar. Perubahan tersebut meliputi berkurangnya sel-sel saraf dan melambatkan tindak balas secara umum. Walaupun begitu, otak juga dapat menumbuhkan neuron-neuron baru dan membentuk sambungan baru pada usia tua.

Masalah penglihatan dan pendengaran pula adalah masalah yang kerap terjadi kepada warga emas dapat mempengaruhi kehidupan sehari-hari. Kecanggihan teknologi saat ini telah memberikan solusi kepada warga emas khususnya untuk dapat mengatasi masalah tersebut. Mereka dapat memakai  kaca mata atau alat bantu dengar sehingga mereka dapat terus bekerja dan berfungsi dalam kehidupan.[191]

---

190 Temubual dengan Tn. Abdullah, pada tarikh 3 September 2015

191 John W. Santrock, *Life Span Development; Perkembangan Masa Hidup*, (Jakarta:



Universiti Malaya

Permasalahan signifikan yang umumnya terjadi adalah penurunan fungsi kekuatan otot, keseimbangan, dan kemampuan reaksi. Dalam ketiga hal ini warga emas juga mengalami penurunan walaupun latihan dapat membantu meningkatkannya kembali.

Perubahan fizikal yang terjadi boleh mempengaruhi fungsi seksual pada warga emas. Perilaku seksual sangat erat kaitannya dengan kecergasan fizikal seseorang. Apabila organ fizikal mengalami penurunan maka ia turut mempengaruhi keinginan seksual. Bagi warga emas, mereka tetap dapat aktif secara seksual walaupun frekuensi dan intensitasnya lebih rendah dibandingkan para dewasa muda.[192]

Berdasarkan permasalahan tersebut, rekod kesihatan dan data kunjungan klinikal di UPTD RSGS menyatakan bahawa penurunan fungsi fizikal dialami oleh semua warga emas. Bahkan ada yang bersifat rutin dan sedang menjalani pengubatan. Penyakit yang di derita oleh mereka antaranya adalah rhematik, hipertensi, sesak nafas osteoporosis, hipotensi, dyspepsia, sakit mata, mata rabun, dermatitis, batuk, sakit gigi, diabetes, gatal-gatal, diare, sakit perut, sakit kepala, sulit berjalan, inchialgia, kebas-kebas, nyeri pinggang dan empat [4] orang mengalami gangguan kejiwaan yang terdiri daripada dua [2] orang lelaki dan dua [2] orang perempuan.[193] Kejadian gangguan kejiwaan ini merupakan kejadian yang masih boleh diatasi dan ditoleransi dengar kadar keseriusan yang berbeza antara satu sama lain.[194]

Bagi melayani keperluan medik, rumah jagaan ini menyediakan layanan klinikal percuma yang dapat dijangkau setiap hari bekerja iaitu Isnin hingga Jumaat. Poliklinik terletak di dalam komplek hunian yang mudah dijangkau dan tentunya dekat. Koordinasi perihal kesihatan warga emas di bawah kawalan seorang doktor. Doktor bukan hanya

---

Erlangga, 2007), 37.

192 Darmojo, B.R dan H.H. Martono, *Buku Ajar Geriatri (Ilmu Kesehatan lanjut Usia)*, (Jakarta: FKUI, 2004), 28.

193 Daftar nama-nama klien usia tua yang menerima layanan pengobatan klinik pada UPTD RSGS Banda Aceh, data diberikan oleh kakitangan rumah jagaan iaitu Bapak Abdullah.

194 Darmojo, B.R dan H.H. Martono, *Buku Ajar Geriatri (Ilmu Kesehatan lanjut Usia)*, 13.

bertugas sebagai pemberi deskripsi obat sahaja tetapi turut mengatur hal-hal lain yang berkenaan dengan perawatan. Doktor ini dibantu oleh tenaga medik dan perawat yang melakukan pemantauan dan kunjungan dari wad ke wad untuk memastikan warga tua dalam keadaan sihat dan memastikan sebab akibat yang boleh mempengaruhi kesihatan warga tua.[195]

Namun yang menjadi keluhan beberapa warga emas selama ini adalah doktor tidak selalu berada di tempat sesuai dengan jadual jaga yang telah ditetapkan sehingga warga emas harus menunggu beberapa lama untuk dapat berjumpa dengan doktor. Ini mengakibatkan keresahan bagi warga emas kerana fizikal mereka yang terkadang tidak tahan untuk menunggu lama.[196]

Apabila terdapat kes penyakit kronik yang tidak terlalu berbahaya seperti katarak, warga emas di sana harus menunggu untuk dirujuk kepada hospital pemerintah. Sehingga ke hari ini, telah ada beberapa di antara mereka yang telah mendapatkan rawatan mata tersebut. Demikian juga bagi yang memerlukan alat bantu jalan atau alat bantu dengar, pihak rumah jagaan akan mengkoordinasikannya dengan lembaga mitra. Sifatnya rekomendasi rujukan dan percuma. Sejauh ini telah banyak warga emas yang mendapatkan akses tersebut sesuai dengan indikasi medik yang ada. Lebih jauh lagi terdapat kes warga emas yang memerlukan kecemasan medik atau memerlukan perawatan intensif di hospital pemerintah. Bagi kes ini, yang akan mengurusi adalah keluarga terdekat apabila yang bersangkutan memiliki keluarga, namun bagi yang tidak memiliki keluarga akan diberikan orang yang mengurusi keperluannya dari rumah jagaan.

Bagi menjaga kesihatan warga emas, pihak rumah jagaan melakukan langkan berjaga-jaga dengan mengumumkan larangan merokok dan mengambil makanan serta minuman beralkohol bagi warga emas. Sebagaimana dimaklumkan bahawa 100 peratus warga emas lelaki pernah merokok dan wang saku yang diberikan setiap bulan menjadi

Universiti Malaya

---

[195] Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015
[196] Temubual dengan Pn. Hj. Hamidah pada tarikh 3 September 2015

peluang bagi mereka untuk tetap merokok. Jadi sebagai langkah pencegahan, rumah jagaan akan memberikan peringatan kepada warga. Apabila ada di antara mereka yang mengambil makanan dan minuman yang beralkohol, mereka akan diberikan amaran sehingga dikeluarkan daripada UPTD RSGS.[197]

### 3.6.3 Menyediakan Program Sukan Bagi Warga Emas

Gaya hidup sihat adalah teras penting bagi promosi kesihatan. Dalam rangka mewujudkan gaya hidup yang sihat, salah satu program rutin yang dibuat oleh UPTD RSGS adalah program sukan bagi warga emas. Kegiatan ini dilakukan sekali dalam satu minggu setiap hari Khamis jam 08:00-11:00 pagi. Pertimbangannya program ini adalah kerana kesihatan fizikal warga emas yang kebanyakannya menurun. Proses sukan dipandu seorang instruktur dan diikuti oleh seluruh peserta sukan. Seluruh pegawai juga dianjurkan untuk ikut serta sebagai sarana untuk saling mengenali antara warga emas dan pemberi perkhidmatan.

Namun begitu, ramai dalam kalangan warga emas yang enggan untuk mengikuti kegiatan ini. Alasannya tidak lain kerana keadaan fizikal yang kurang sihat. Sukan dipandang tidak mampu memberikan perubahan pada keadaan fizikal mereka untuk menjadi lebih baik. Setelah mengikuti sukan, keadaan mereka menjadi lebih lemah.[198] Umumnya warga emas lelaki paling ramai yang tidak mengikuti aktiviti sukan ini termasuk beberapa warga emas perempuan dan ada yang memang sama sekali tidak mampu untuk melayan diri sendiri apatah lagi untuk ikut kegiatan sukan.[199] Walaubagaimanapun, majoriti warga emas perempuan ikut kegiatan ini.[200]

Universiti Malaya

---

[197] Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015
[198] Temubual dengan Tn, Iskandar Harun pada tarikh 3 September 2015
[199] Temubual dengan Pn. Aminah pada tarikh 3 September 2015
[200] Temubual dengan Tn, Abdullah pada tarikh 3 September 2015

### 3.6.4 Ketersediaan Layanan Kebersihan Bagi Warga Emas

Bagi memastikan kebersihan dalam lingkungan UPTD RSGS, pihak rumah jagaan memiliki lima [5] orang petugas kebersihan yang bertanggungjawab memastikan kebersihan baik di dalam mahupun di luar bangunan seluruh kompleks. Setiap hari pengasuh akan sentiasa membersihkan rumah, menyapu, mengemop dan membuang sampah sarap. Pengasuh juga diminta untuk membantu warga emas yang sakit dengan memandikan dan mencuci peralatan makanan dan pakaian mereka.[201]

Bagi warga emas, pengurus menyediakan dua [2] orang pengasuh yang sentiasa bertugas memastikan kebersihan ruangan, tempat tidur dan kebersihan peribadi bagi yang tidak mampu melayan diri sendiri. Warga emas dituntut untuk sentiasa hidup bersih. Bermula dari mandi dua [2] kali sehari, mencuci pakaian masing-masing, membersihkan dan merapikan bilik tidur, menjaga kebersihan ruang tamu wisma, bilik mandi, halaman lingkungan wisma dan sekitarnya. Warga emas turut dilarang membawa barang ke bilik tidur seperti: kaleng bekas, botol bekas, dan lain- lain yang dapat mempengaruhi kesihatan lingkungan. Warga emas dinasihatkan supaya segera mencuci pinggan yang kotor dan diletakkan ditempat yang kering serta membiasakan mencuci tangan sebelum dan sesudah makan.[202]

Namun usaha pengasuh dipandang belum begitu maksimal dalam membersihkan ruangan wisma warga emas. Pengasuh hanya membersihkan ala kadar sahaja. Lebih-lebih lagi dalam menguruskan warga emas yang sakit. Pengasuh hanya memandikan individu tersebut dua [2] hari sekali sedangkan warga emas tersebut mengeluarkan kotoran ditempat tidur dan baunya sangat mengganggu individu lain khususnya rakan sebiliknya. Hal ini menimbulkan setidak selesaan terhadap rakan sebilik sehingga dia memilih untuk

---

201 Temubual dengan Pn. Fajriah pada tarikh 4 September 2015

202 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

menumpang tidur di ruangan lain. Pada siang hari pula dia lebih memilih untuk menghabiskan waktu di ruang tamu (depan).[203]

### 3.6.5 Jaminan Keamanan Bagi Warga Emas

Mengekalkan kualiti hidup dan status keamanan yang optimum adalah isu penting dalam penjagaan warga emas. Status kesihatan optimum boleh dicapai apabila keperluan asas warga emas adalah sesuai dan dipenuhi secukupnya. Antaranya adalah mempunyai perlindungan daripada pendedahan kepada bahaya fizikal, perlindungan hak prerogatif, perolehan kemahiran, harta benda, hak, kuasa, dan prestij.[204]

Ada sekuriti umum yang wajib dipatuhi oleh seluruh elemen dalam lingkungan UPTD RSGS. Setiap harta benda yang telah dihibahkan kepada warga emas menjadi hak milik peribadi. Mereka mendapatkan hak dan kewajiban yang sama tanpa pilih kasih. Bagi mengantisipasi kemungkinan bahaya fizikal, terdapat dua [2] orang petugas keamanan yang bekerja secara shif dalam masa 24 jam. Apabila terjadi kes perkelahian, pencurian, atau bahaya lainnya, pengawal keselamatan sentiasa memberikan pembelaan dan penanganan.

Bagi memastikan semua aman dan dikenadalikan dengan baik, pihak rumah jagaan memberlakukan aturan yang melarang membawa senjata tajam dan sejenisnya yang dapat membahayakan orang lain, warga emas tidak boleh menerima tamu tanpa seizin petugas, tidak boleh keluar asrama atau bermalam di tempat lain tanpa seizin petugas, maka dari itu bagi yang ingin pulang ke rumah keluarganya atau sanak saudaranya maka harus meminta izin pengurus yang nantinya akan dikeluarkan surat izin resmi, dan tidak boleh main hakim sendiri akan tetapi terlebih dahulu melaporkan kepada petugas setiap ada permasalahan dan diselesaikan dengan musyawarah.

---

203 Temubual dengan Tn. Muhammad Yusuf pada tarikh 3 September 2015

204 Suardiman, S, *Psikologi Usia Lanjut*, 17.

Universiti Malaya

Hal ini bagi mengantisipasi banyaknya kes perkelahian bab antara sesama warga emas bermula dari permasalahan yang sepele (tidak serius), seperti berebut beratur untuk memperoleh makanan/ minuman, tidak sabar menunggu untuk dibukakan pintu oleh rekan satu wisma, dan persinggungan kata lainnya. Kes demikian sering terjadi sebelum salah seorang warga emas dikeluarkan kerana bekelahi sampai mengeluarkan darah untuk kemudian dipisahkan oleh petugas keamanan.[205]

### 3.6.6 Menyediakan Perkhidmatan Pendidikan dan Bimbingan Spiritual Bagi Warga Emas

Berdasarkan data demografi akan minimnya pendidikan yang dimiliki oleh keseluruhan warga emas yang tinggal di rumah jagaan ini, UPTD RSGS bekerjasama dengan lembaga mitra membentuk program pendidikan yang dirancang khusus untuk orang tua. Program ini sifatnya temporari, dimana lembaga mitra akan memberikan informasi dan sosialisasi tentang bidang ilmu tertentu. Contohnya sosialisasi tentang gizi seimbang, pelatihan kerajinan tangan (*hand craft*) dan sebagainya.

Adapun program pendidikan berbasis pendidikan spiritual spiritual yang diaplikasikan secara berkelanjutan. Bagi memenuhi tuntutan kerohanian tersebut, UPTD RSGS memiliki 2 orang tenaga pengajar agama yang sentiasa mengajar sesuai dengan waktu yang ditentukan. Metode belajar berupa ceramah, dan tanya jawab. Biasanya materi pelajaran menggunakan kitab fiqh dasar bagi memudahkan pemahaman di kalangan warga emas. Kegiatan belajar mengajar dilakukan di surau yang terletak di dekat wisma perempuan.[206]

Bentuk-bentuk kegiatan keagamaan antaranya kegiatan zikir yang dilaksanakan sekali 2 kali dalam sebulan, pelatihan tajhiz mayit yang dilakukan selama 3 kali dalam

---

205 Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015
206 Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

setahun, ceramah rutin dan solat tarawih yang dilakukan pada bulan Ramadhan, juga pengkajian khas yang dilakukan sebanyak 4 kali dalam sebulan.

**Jadual 3.4: Kegiatan harian warga emas di UPTD RSGS Banda Aceh**

| **Hari** | **Kegiatan** | **Waktu** | **Tempat** |
|---|---|---|---|
| Isnin | Solat Berjemaah<br>Pengajian<br>Pengajian Klien Sakit | Setiap Waktu Solat<br>9“–11” am<br>9”–11” am | Surau<br>Surau<br>Wisma |
| Selasa | Solat Berjemaah<br>Pengajian Umum | Setiap Waktu Solat<br>9”–11” am | Surau<br>Surau |
| Rabu | Solat Berjemaah<br>Pengajian Al-Qur'an<br>Pengajian Klien Sakit | Setiap Waktu Solat<br>9”–11” am<br>9”–11” am | Surau<br>Surau<br>Wisma |
| Khamis | Solat Berjemaah<br>Senam Warga emas<br>Pengajian Umum<br>Zikir Bersama<br>Tahlilan, Doa Bersama | Setiap Waktu Solat<br>8”– 11” am<br>9”–11” am<br>9”–11” am<br>Ba'da Magrib | Surau<br>Aula<br>Surau<br>Surau<br>Surau |
| Jumaat | Solat Berjemaah<br>Tahlil, Baca Yasin Bersama<br>Bimbingan Perorangan | Setiap Waktu Solat<br>9”–11” am<br>9”–11” am | Surau<br>Surau<br>Ruang Pembinaan |
| Sabtu | Solat Berjemaah<br>Amalan – amalan Sunah | Setiap waktu | Surau |
| Minggu | Solat Berjemaah<br>Amalan-amalan Sunah dan zikir bersama | Setiap waktu<br>setiap awal dan pertengahan bulan | Surau<br>Surau |

Berdasarkan jadual terlihat jelas bahawa program layanan yang diaplikasikan berlandaskan pada kegiatan spiritual. Program ini mendapat apresiasi yang baik dari warga emas. Kerana ada beberapa di antara mereka yang tinggal di rumah jagaan ini semata untuk memudahkan belajar pendidikan Islam dan melaksanakan amalan yang utama.[207] Namun kebanyakan warga emas tidak mengikuti program rutin tersebut utamanya kegiatan solat berjemaah. Hanya orang itu-itu sahaja yang selalu ikut serta.

Lebih jauh UPTD RSGS juga memberikan perhatian pada persoalan kerohanian lain yang berhubung kait dengan kewajiban fiqhiyah. Antaranya warga emas yang tidak sanggup berpuasa pada bulan ramadan akan dibayar zakat fitrahnya setiap setahun sekali.

Universiti Malaya

[207] Temubual dengan Pn. Nurkaya pada tarikh 4 September 2015

UPTD RSGS juga membayarkan fidyah ganti puasa bagi mereka yang telah uzur dan tidak mampu mengganti puasanya di hari yang lain. Hal ini dipandang menjadi tanggung jawab pemerintah untuk melunasi hutang seseorang dengan Allah SWT. Lebih lanjut Apabila ada di antara warga emas yang hendak menikah kembali maka tidak ada larangan bagi mereka untuk itu. Namun pihak rumah jagaan tidak menanggung sebarang biaya pernikahan dan nafkah tersebut. Dalam perkara haji, apabila ada di antara mereka yang hendak berhaji maka pihak yayasan bersedia menguruskannya atau memberi alternatif rujukan. Namun bagi yang tidak mampu melaksanakannya, pihak ini juga mengusahakan pengganti haji sesuai dengan yang direkomendasikan oleh warga emas, atau memberi rekomendasi kepada orang lain yang bertanggung jawab.

Akhir sekali sebagai suatu kegiatan yang pasti adalah Menyelesaikan fardhu kifayah apabila ada di antara warga emas yang meninggal serta memastikan bahawa individu tersebut bebas dengan segala urusan dan sangkut paut dengan orang lain, khususnya masakah hutang piutang akan segera diselesaikan sejauh yang menjadi tanggung jawab rumah jagaan. Dalam hal ini UPTD RSGS memiliki lahan khusus untuk kuburan umum, sehingga jaminan kematian warga emas terpenuhi dengan baik.[208]

### 3.6.7 Menyediakan Layanan Konsultasi Psikologis Bagi Warga Emas

Tidak hanya terjadi penurunan fungsi organ, penuaan juga akan mengakibatkan penurunan keberfungsian kognitif dan psikomotorik. Fungsi kognitif meliputi proses belajar, persepsi, pemahaman, pengertian, perhatian dan sebagainya sehingga mengakibatkan reaksi dan perilaku warga emas makin lambat. Manakala fungsi psikomotorik berkaitan dengan dorongan berkehendak, seperti gerakan, tindakan, koordinasi, yang berakibat pada berkurangnya kecekatan.[209] Dengan adanya penurunan kedua fungsi tadi, warga emas dapat dibezakan berdasarkan 5 jenis kepribadian.

[208] Temubual dengan Tn. Drs. Ramlan pada tarikh 3 September 2015

[209] Hurlock Elizabeth B, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Rentan Kehidupan*,



Universiti Malaya

1) Jenis personaliti yang membina (*construction personality*)

Jenis ini umumnya tidak banyak mengalami pemberontakan, sentiasa tenang dan terarah sekalipun sudah sangat tua.

2) Jenis personaliti bebas (*independent personality*)

Pada warga emas semacam ini terdapat kecendrungan untuk mengalami sindrom selepas kuasa (*post power syndrome*), apalagi jika masa tuanya tidak diisi dengan yang bersifat bebas bagi dirinya.

3) Jenis personaliti yang bergantung (*dependent personality*)

Umumnya warga emas dengan personaliti jenis ini sangat dipengaruhi oleh kehidupan dan masa lalu keluarganya. Apabila apabila kehidupan keluarga sentiasa aman dan harmoni maka tidak akan timbul gejolak di usia tuannya, tetapi jika suami/ isteri telah meninggal maka ia akan terbawa perasaan sedih yang mendalam. Apatah lagi jika tidak segera berusaha untuk pulih.

4) Jenis personaliti bermusuhan

Warga emas yang memiliki personaliti bermusuhan sentiasa merasa tidak puas hati dengan kehidupannya, terlalu banyak keinginan yang kadang tidak diambil kira dengan teliti sehingga menyebabkan kepada permasalahan hidup yang kompleks.

5) Jenis personaliti kritik diri (*Self Hate personalitiy*)

Biasanya warga emas dengan kepribadian ini cenderung terlihat sengsara, sifatnya lebih banyak mengurung diri dan susah untuk bersosialisasi dengan yang lain. Kerana perilakunya itu sulit dibantu oleh orang lain dan suka menyusahkan diri sendiri.[210]

Bagi memahami beragam personaliti di atas maka UPTD RSGS membuat progam yang sesuai bagi menurunkan munculnya permasalahan. Kerana keseluruhan personaliti di atas wujud pada warga emas yang ada di UPTD RSGS. Rumah jagaann ini memiliki 1

(Jakarta: Erlangga,1992), 6.

210 Hurlock Elizabeth B, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Rentan Kehidupan*, 17.



Universiti Malaya

orang psikolog, yang selalu mengajak mereka berkonsultasi untuk menghindari permasalahan yang mendera, baik keresahan terhadap permasalahan kesihatan, permasalahan keluarga maupun masalah lingkungan bersama kawan sepenghunian. Tidak ada jadwal khas bagi program ini namun bagi warga emas yang ingin mengaksesnya maka mereka dapat dengan mudah memperolehnya. Disamping itu, ada program yang dilakukan oleh pihak kemitraan seperti kunjungan anak-anak tadika, bermain dan menghabiskan waktu bersama serta program rekreasi yang dilaksanakan beberapa setahun sekali untuk menghilangkan stress dan kebosanan.[211]

Jasa konsultasi dan ketersedian psikolog masih belum dimanfaatkan secara maksimal oleh warga emas, kerana umumnya mereka masih kurang paham dengan layanan psikososial ini. Namun dilain pihak warga emas sangat menantikan kegiatan rekreasi tambahan kerana dapat secara langsung menghilangkan stress dan kebosanan.

## 3.7 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa:

*Pertama*; layanan warga emas dalam lingkungan UPTD RSGS adalah untuk menyantuni warga emas yang terbiar agar dapat memenuhi keperluan hidup dan menikmati hari tuanya dengan bahagia. Kewujudannya adalah sebagai tindak balas pemerintah terhadap permasalahan sosial untuk meningkatkan maruah golongan usia tua. Layanan yang bersifat tetap merupakan program pokok yang dilakukan dalam bentuk pemenuhan keperluan dasar bagi warga emas. Ia meliputi pemenuhan makanan, pakaian dan perumahan yang dilakukan secara rutin dan menjadi tanggungjawab penuh daripada pemerintah bersesuaian dengan amanat Undang-Undang Dasar Tahun 1945, fasal 34 tentang “Fakir miskin dan Anak Terlantar dipelihara oleh Negara”. Layanan ini pada

[211] Temubual dengan Tn. Abdullah pada tarikh 3 September 2015



Universiti Malaya

prinsipnya menumbuhkan dan meningkatkan kesedaran *self care* dan sosialisasi agar mampu mengimplementasikan sikap perilaku diri secara wajar.

*Kedua*; UPTD RSGS dengan pelbagai disiplin ilmu telah mencuba membangunkan alur layanan dengan mengenalpasti karakteristik perubahan warga emas sehingga wujud kegiatan yang diaplikasikan secara berkala. Dalam hal ini pihak rumah jagaan memiliki usaha dan peranan penting dalam melayani, membimbing dan mempersiapkan kemapanan hidup warga emas dari segi fizikal, emosi dan rohani di penghujung usia mereka.. Lebih-lebih lagi, mereka juga dibekalkan dengan kemahiran tambahan seperti kerajinan tangan dan keterampilan.

*Ketiga*; berasaskan kepada jadual aktiviti warga emas yang telah dijelaskan sebelumnya, UPTD RSGS merupakan lembaga kemasyarakatan yang mengaplikasikan metode pendidikan berjadual dengan berasaskan kepada Islam. Warga emas dituntut untuk mengikuti seluruh rangkaian aktiviti sesuai dengan waktu dan aturan yang telah ditentukan. Hal ini menunjukkan bahawa layanan yang diberikan semata-mata untuk mempersiapkan warga emas dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai individu yang merdeka untuk melaksanakan kewajipan peribadinya. Kesemua bentuk layanan yang diberikan telah memenuhi hajat warga emas untuk bertindak, bersikap dan beraktiviti sesuai dengan tuntutan usia. Pertembungan yang berlaku antara seluruh elemen yang berkhidmat dan terlibat dalam upaya intervensi warga emas merupakan suatu perkara yang biasa. Namun ia tidak menutup kemungkinan bagi penambahbaikan layanan sehingga dapat memberikan suasana kehidupan yang harmoni bagi seluruh warga emas yang tinggal di sana.

*Keempat*; mengenai kesan dan penerimaan usaha layanan yang diberikan oleh UPTD RSGS dapat dilihat dari dua sisi yang berbeza. Bagi pemberi layanan atau pengurus rumah jagaan, layanan yang diberikan telah sesuai aturan yang berlaku dan secara keseluruhan melayani dengan sepenuh hati dan memberikan layanan yang baik

Universiti Malaya

dan menyeluruh bagi warga emas. Namun warga emas memiliki pendapat yang berbeza, di mana ada di antara warga emas yang begitu sangat memahami dan mensyukuri terhadap layanan yang mereka terima. Mereka memandangnya dalam konsep syukur yang mendalam kerana telah menjadi pengambil manfaat daripada layanan tersebut. Di pihak lain, ada juga warga emas yang sering mempersoalkan layanan yang tidak sesuai dengan apa yang diharapkan sehingga berlaku perkelahian antara warga emas dengan pengasuh atau petugas dapur, bahkan menyebabkan ketidakselesaan hubungan antara sesama warga emas. Dengan kata lain ada yang berpuas hati dan ada yang tidak berpuas hati dengan layanan yang telah diberikan oleh UPTD RSGS. Ini merupakan perkara yang sewajarnya diberi perhatian bagi penambahbaikan dan evaluasi suatu lembaga pentadbiran.

Universiti Malaya

# BAB IV: ANALISIS PERBANDINGAN TERHADAP LAYANAN UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG DALAM MELAYANI WARGA EMAS DENGAN PEMAHAMAN DALAM PERSPEKTIF HADITH

## 4.1 PENDAHULUAN

Layanan merupakan ihsan seorang hamba yang berkhidmat bagi penambahbaikan orang lain atau kelompok. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kualiti dan menjadi pihak kedua yang membantu seseorang agar dapat memenuhi hajat atau menyelesaikan suatu perkara yang dihadapi. Selaras dengan apa yang telah pengkaji jelaskan dalam bab pendahuluan mengenai pengertian layanan pada pengertian tajuk. Layanan dari sudut istilah bermaksud bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan dasar individu dan komuniti dari aspek pemakanan, pelajaran, kesihatan dan jaminan kesejahteraan hidup. Oleh itu, sesuatu lembaga layanan sepatutnya berkhidmat secara menyeluruh bagi memenuhi standart kualiti tertentu dalam melayani warga emas.

Islam merupakan agama *raḥmah li al-ʻālamīn* yang sentiasa memberikan persamaan hak kepada setiap yang bernyawa di dunia sama ada manusia, haiwan atau tumbuhan. Islam tidak mengenal diskriminasi dalam bentuk apapun termasuk diskriminasi umur. Malah Allah SWT melalui ajaran Islam menuntut manusia agar saling kasih mengasihi dalam seluruh aspek kehidupan. Lebih-lebih lagi, Rasulullah SAW telah memberikan contoh teladan bagi panduan berinteraksi dengan warga emas. Perbincangan pada bab ini difokuskan kepada isu penjagaan warga emas di UPTD RSGS dengan mengaitkannya dengan pandangan hadith sebagaimana yang telah dijelaskan pada bab I. Perbincangannya adalah berkaitan dengan kaedah melayani warga emas sebagai jawapan dan panduan terhadap fenomena yang berlaku dalam lingkungan interaksi sosial dengan masyarakat tua ataupun institusi-institusi yang bertugas menjaga dan memberikan perhatian terhadap kehidupan warga emas khususnya di wilayah Aceh. Ia mengandungi beberapa bahagian yang berkesinambungan dengan dengan bab III.

Universiti Malaya

Gambaran penuaan di Aceh merupakan isu yang merujuk kepada permasalahan di atas. Biasanya penuaan difahami sebagai tahap hidup yang banyak menyusahkan pihak lain sehingga ramai di antara warga emas yang memencilkan diri daripada semua aspek kehidupan. Namun, sebenarnya kehadiran mereka sangat menentukan generasi seterusnya. Lebih-lebih lagi, generasi muda meletakkan warga emas sebagai bahagian yang tidak penting lagi untuk membangun bangsa dan negara. Sebenarnya fenomena ini berlaku seiring dengan berkembangnya sistem kemajuan teknologi dan maklumat. Kebanyakan generasi muda seolah-olah tidak faham tentang tatacara dan norma kehidupan yang sepatutnya. Pemahaman terhadap kehidupan hanya berlandaskan kepada faktor kemanusiaan semata-mata manakala unsur keagamaan pula tidak berperanan penting.

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan data-data yang diperolehi daripada informan kajian melalui kaedah temubual. Hasil dapatan persoalan kajian berdasarkan objektif yang telah dinyatakan akan dianalisis pada bab ini. Pendekatan yang pengkaji ambil adalah dengan cara mengemukakan beberapa soalan penting berkaitan dengan pertanyaan mengenai layanan yang diberikan oleh UPTD RSGS dan diterima oleh warga binaan. Semua soalan dan pertanyaan menfokuskan kepada kajian bagi mendapatkan pertanyaan untuk mencapai objektif yang akan dianalisis selaras dengan objektif yang telah dinyatakan pada bab pendahuluan.

Sampel kajian yang memfokuskan kepada warga emas yang ada di UPTD RSGS adalah sebanyak 8 orang dari jumlah keseluruhan seramai 70 orang. Selain itu, tiga [3] orang pekerja yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran, pengurusan dan kumpulan pelaksana daripada keseluruhan pekerja seramai 60 orang dijadikan sampel kajian. Pengkaji mendapati bahawa tiga [3] orang pekerja ini boleh mewakili keseluruhan pekerja kerana mereka terlibat secara langsung menjalankan tugas harian mereka dan memiliki

Universiti Malaya

standart sekuriti kerja masing- masing. Berkenaan data sekuriti pula, pengkaji telah rangkumkan pada bab II dan III.

Masa yang diambil untuk melakukan temubual dengan setiap responden adalah sekitar 20 minit atau lebih sesuai dengan keperluan informasi bagi mencapai objektif. Pengkaji telah menemui semua responden secara langsung dengan menetapkan tarikh dan masa yang sesuai untuk sesi temubual. Sepanjang tempoh temubual dijalankan, semua responden memberikan bekerjasama dengan sepenuhnya. Warga emas juga sangat bersemangat dalam memberikan keterangan tanpa merasa dipaksa. Masa temubual yang dipilih adalah bersesuaian dengan waktu rehat mereka. Hal ini menyebabkan keakraban dalam sesi temubual sehingga warga emas bebas mengisahkan cerita dan isi perasaan mereka. Tujuannya adalah meningkatkan kinerja dan layanan yang ada. Begitu juga dengan kakitangan UPTD RSGS yang sangat mesra semasa proses temubual dijalankan.

## 4.2 ANALISIS DATA DEMOGRAFI WARGA EMAS

Berdasarkan jadual data demografi yang telah dihuraikan oleh pengkaji pada bab III, keseluruhan warga emas di UPTD RSGS merupakan golongan tua yang telah mencapai umur. Mereka telah mengalami perubahan sistem organ yang menyebabkan perlunya kepada bantuan orang ketiga. Kenapa orang ketiga? Hal ini adalah kerana status mereka yang umumnya sebagai orang tua terbiar dan tidak memiliki pasangan hidup walaupun ada dalam kalangan mereka yang masih mempunyai keluarga.

Jika dilihat dari aspek jantina pula, warga emas yang memerlukan bantuan jaminan hidup adalah terdiri daripada jantina perempuan. Penduduk lansia wanita adalah lebih ramai daripada lelaki terutama pada usia 70 tahun keatas. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan mengenai peratus warga emas wanita yang menjadi penghuni rumah jagaan boleh ditinjau melalui empat [4] indikasi berikut; [*pertama*]: tahap penyertaan angkatan kerja lebih rendah (wanita 35.3% manakala lelaki 69,9%), [*kedua*]: Bilangan

Universiti Malaya

yang berstatus tidak memiliki pasangan lebih tinggi (wanita 60.9% manakala lelaki 15.9%), [*ketiga*]: wanita lebih banyak yang tinggal bersendirian (wanita 14.6% manakala lelaki 4.2%); dan [*keempat*]: pendidikan mereka lebih rendah daripada lelaki yang mencatatkan bahawa pendidikan warga wanita 39.1% tidak pernah bersekolah, 19.8% tidak tamat SD dan 31% tamat SD.[212]

Bagi menangani peningkatan angka pengabaian warga emas khususnya wanita, semua individu harus mempunyai persiapan diri sempurna sehingga dapat menjamin kebahagiaan hari tua secara bersendirian. Kekurangan persiapan tersebut akan mengakibatkan kemerosotan dari segala aspek kehidupan yang membawa kita ke rumah jagaan walaupun bukan dengan keinginan sendiri. Firman Allah SWT dalam surah Ghāfir ayat 67.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٍ ثُمَّ مِنۡ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلًا ثُمَّ
لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡ ثُمَّ لِتَكُونُواْ شُيُوخًاۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبۡلُۖ وَلِتَبۡلُغُوٓاْ أَجَلًا
مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ .

Al-Ghāfir 40:67

> Terjemahan: Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan) dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).

Proses penciptaan manusia daripada tanah, kemudian daripada setitis air mani yang menjadi beku, kemudian bertukar menjadi daging, kemudian menjadi kanak- kanak, seterusnya beranjak dewasa sehingga dipanjangkan umur sampai tua. Ia merupakan suatu proses kitaran kehidupan yang abadi dan tua merupakan peringkat akhir dalam proses

Universiti Malaya

---

212 Sri Sulastri & Sahadi Humaedi, *Pelayanan Lanjut Usia Terlantar Dalam Panti*, (Yokyakarta: Prosiding KS: Riset & PKM, 2015), 156.

tersebut. Maka perlu persiapan yang cukup bagi menjalani proses tersebut kerana baik buruknya kehidupan di hari tua nanti bergantung kepada bagaimana langkah kita menggunakan hari muda sebagai persiapannya. Kegagalan yang berlaku selama ini adalah hasil daripada perbuatan diri, keluarga atau masyarakat dan semua ini merupakan kelalaian dan kebodohan daripada mengamalkan ajaran Islam yang berpedomankan al-Quran dan sunnah.

Berdasarkan demografi keagamaan pula, belum ada warga emas dalam kalangan non muslim yang menghuni UPTD RSGS. Sebagai rumah jagaan yang dimiliki oleh pemerintah, pihak UPTD tidak boleh menolak apabila ada warga emas non muslim meminta penjagaan selagimana mereka memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Demografi keagamaan ini disebabkan kerana Aceh merupakan wilayah yang didominasi oleh umat Islam dan peratus warga emas non muslim yang terbiar sangat rendah.

Apabila ditinjau dari berbagai aspek lain selain agama seperti bahasa, pendidikan, dan sosial kebudayaan tidak akan terdapat kesamaan pemikiran antara penghuni rumah jagaan secara keseluruhan. Jadi dalam hal ini tidak ada permasalahan isu agama yang terjadi di UPTD RSGS.

## 4.3 ANALISIS PRINSIP-PRINSIP DASAR DALAM MELAYANI WARGA EMAS

Difahami bahawa prinsip dasar melayani warga emas yang diaplikasikan oleh UPTD RSGS merupakan hasil serapan dari beberapa disiplin ilmu yang telah menjadi acuan awam. Salah satunya adalah prinsip layanan warga emas ini merujuk kepada resolusi PBB NO.46/19912 tentang *Principles for Older Person* dan juga merujuk kepada Direktorat Bina Pelayanan Sosial Lanjut Usia Ditjen Pelayanan dan Rehabilitasi Sosial Departemen Sosial Republik Indonesia tahun 2002. Pada hakikatnya ia mengandungi tentang hak dan kewajiban warga emas meliputi kemandirian, penyertaan, layanan, pemenuhan diri dan martabat.



Universiti Malaya

### 4.3.1 Prinsip Saling Menghargai dan Menghilangkan Sensiviti Terhadap Warga Emas

Dalam proses interaksi sosial antara pengurus dan rumah jagaan telah difahamkan bahawa berasaskan kepada saling menghormati yang menjadi tumpuan utama yang wajib dijunjung tinggi. Setiap warga emas harus menghargai sesama mereka. Tidak dibenarkan berbicara dalam bahasa yang kotor dan tidak beradab oleh mana-mana pihak. Hal ini jelas jelas menunjukkan bahawa ia seiring dengan hadith Rasullah SAW yang memerintahkan untuk menghormati orang warga emas.

عَنْ أَبِي مُوسَى اَلْأَشْعَرِي؛ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ إِجْلَالِ اللَّهِ: إِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ، وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ الْغَالِي فِيهِ وَالْجَافِي عَنْهُ، وَإِكْرَامَ ذِي السُّلْطَانِ الْمُقْسِطِ.

> Terjemahan: Daripada Abi Musa Al-Ash'ari berkata, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya di antara cara memuliakan Allah SWT adalah dengan menghormati orang tua yang muslim, menghormati ahli al-Quran tanpa berlebihan (dalam memuliakannya) dan tidak berlaku kasar kepananya serta menghormati penguasa yang adil".[213]

Namun demikian dalam aplikasi tidak semua orang mengaplikasikan perkara yang menjadi peraturan dan prinsip di UPTD RSGS. Terdapat kes pengasuh yang memarahi warga emas dengan menggunakan kata-kata yang tidak sepatutnya. Hal ini diceritakan sendiri oleh beberapa orang warga emas tentang perlakuan dan kata-kata yang bersifat merendahkan warga emas oleh pengasuh.

Menanggapi masalah ini, perlu difahami bahawa warga emas mudah terluka perasaannya yang sememangnya menjadi karakteristik warga emas kerana dipengaruhi oleh faktor lemahnya daya fizikal sehingga menyebabkan peningkatan emosi dan menjadi

[213] Imam Abi Dāūd Sulaiman Bin al-Asy'ash al-Sijistāni, *Sunan Abū Dāwūd*, No Hadith 4843, (Beirūt: Dār al-Fikri, t.t).



Universiti Malaya

sangat sensitif bahkan merasa tidak dihargai oleh orang lain.[214] Perkara ini dijelaskan dalam al-Quran iaitu: QS. Ar-Rum ayat 54.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ
ضَعْفًا وَشَيْبَةً ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ .

Al-Rūm 30:54

Terjemahan: Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia lah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Proses melemahnya fungsi fisiologi warga emas merupakan faktor utama yang menyebabkan munculnya masalah-masalah lain yang saling berhubung kait sehingga menyebabkan munculnya persoalan demi persoalan. Oleh itu, harus difahami bahawa karakteristik ini telah melekat pada diri mereka seiring hilangnya daya.

Berdasarkan penjelasan sebelum ini, warga emas yang ada di rumah jagaan ini mempunyai latar belakang sensitiviti yang berbeza yang menjadi salah satu faktor penyebab memudahkan timbul perasaan tersinggung antara satu sama lain. Warga emas perlu mendapat layanan yang serius supaya tidak ada anggapan bahwa ada yang memandang mereka tidak berguna dan tidak dihormati.

Berdasarkan klarifikasi yang diberikan oleh petugas pengasuh yang menyatakan bahawa beberapa warga emas kadang kala suka memancing emosi pengasuh dengan tidak taat pada peraturan yang berlaku. Contohnya pada saat mengambil makanan diharapkan warga emas beratur dan menerima bahagian yang telah ditentukan. Namun ada di antara mereka yang bertindak tidak sabar dan ingin mendahului kerana warga emas yang lain dianggap lama dalam mengambil makanan.[215] Maka pada saat pengasuh menegur dengan tegas, warga emas membalas dengan perkataan yang tidak sepatutnya sehingga berlaku

Universiti Malaya

214 Suharto, E. *Meretas Kebijakan Sosial Pro Poor: Menggagas Pelayanan Sosial yang Berkeadilan*. Melalui http://www.policy.hu/suharto/Naskah% 20PDF/UGMPelayananSosial.pdf (1508-2015).

215 Temubual dengan Tn. Marhaban pada tanggal 4 september 2015

kontak sosial yang tidak seimbang. Hal tidak dapat dihindari sepenuhnya kerana berdasarkan analisis data demografi menunjukkan bahawa keseluruhan warga emas memiliki standart pendidikan yang rendah. Pendidikan sangat mempengaruhi pola bersikap dan berinteraksi seseorang. Maka dari itu persinggungan ini dianggap masih dalam tahap yang wajar apabila belum sampai pada batas yang melebihi toleransi.

Maka dari itu, peraturan yang ditetapkan menjadi penghalang bagi menjaga kontak sosial dalam lingkungan rumah jagaan agar tetap seimbang. Untuk itu, pengasuh diwajibkan memiliki prinsip diri supaya tidak sensitif. Menjauhkan sikap sensitif merupakan cara yang paling tepat untuk berinteraksi dengan warga tua bagi mengimbangi karakteristik warga emas yang ingin selalu dipahami dan didahulukan.

Sebagaimana telah dijelaskan bahawa karakteristik warga emas pada umumnya adalah memiliki perasaan sensitif (marah, tersinggung, kecewa, tidak berharga) atas keadaan dan kekangan yang lain. Untuk itu warga emas perlu disokong bagi menghadapi kekangan sosialnya dengan pelayanan yang tidak melukai perasaan. Dalam hal ini biasanya UPTD RSGS memilih pengasuh yang mempunyai kesabaran yang tinggi dalam berinteraksi dengan warga emas. Tidak hairan jika terjadi penggantian pengasuh hanya kerana masalah sensivitas yang berlaku. Namun demikian, pengasuh juga merupakan individu biasa yang mempunyai kesabaran yang terbatas. Penghormatan dan penghargaan itu akan muncul seiring dengan gambaran perilaku dan amal yang telah dikerjakan. Dalam konteks ini keperibadian warga emas juga sebagai penentu kepada sikap yang akan diambil oleh seorang pengasuh.

عَنْ زَرْبِيٍّ قَال سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُجَاءَ شَيْخٌ يُرِيدُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَبْطَأَ الْقَوْمُ عَنْهُ أَنْ يُوَسِّعُوا لَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوَقِّرْ كَبِيرَنَا

> Terjemahan: Daripada Zarbī berkata, aku mendengar Anas bin Mālik berkata: “Seorang lelaki tua datang kepada Nabi SAW lantas orang-

Universiti Malaya

> orang memperlambat untuk memperluas jalan untuknya, maka Nabi SAW bersabda: "Bukan daripada golongan kami orang yang tidak menyayangi anak kecil kami dan tidak menghormati orang tua (orang dewasa) kami.[216]

Islam merupakan agama kasih sayang yang mendahulukan orang-orang yang lemah dan dalam kalangan yang lemah. Selalu ada pertimbangan bagi mereka yang lemah sama ada dalam masalah ibadah atau muamalat. Ini kerana penghormatan merupakan sebuah kemuliaan yang tidak boleh dibayar dengan material. Dalam hal ini Allah SWT telah melebihkan golongan tua daripada golongan yang muda.

Sebagaimana riwayat Hāfiz al-Irāqī mengenai hal ini, kita harus menghormati orang yang alim dan soleh dan yang mempunyai nasab yang baik. Akhirnya sebaik-baik manusia itu yang paling panjang umurnya dan baik perbuatannya. Kita tidak berhak menghormati orang yang panjang umurnya tetapi buruk perbuatannnya. Kemuliaan seseorang kadangkala disebabkan kerana ilmu, adakalanya kerana kesolehannya dan ada juga mulia disebabkan kerana keturunannya.[217]

Akan tetapi kita tidak boleh menutup mata akan adanya perlakukan yang tidak menghargai warga emas dengan alasan kerana warga emas tersebut tidak mengikut peraturan. Dalam Islam, seseorang dituntut untuk tetap menahan amarah sekalipun dalam keadaan yang dirasa sangat susah sekalipun. Menahan amarah merupakan suatu cara yang mendatangkan kebajikan bagi yang melakukannya. Untuk itu, UPTD RSGS perlu benar-benar memilih pengasuh yang memang memiliki resistensi yang tinggi dalam membendung amarahnya. Disamping itu perlu adanya kegiatan latihan dalam bentuk *team building* yang disertai oleh pengasuh, pengurus pentadbiran dan warga emas sehingga menerbitkan rasa saling mengenal dan memahami antara sesama mereka. Sebagaimana pepatah mengatakan “tidak kenal maka tidak cinta”. Pepatah ini sepatutnya

---

216 *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab al-Adab al Mufrad 354. Muḥammad Ibn ‘Īsā al-Tirmidhī, *Sunan Al-Tirmīdhī*, Kitab al-Bīr wa al-Shillah, Bab Ma Jāa Fī Rahmati as-Shibyān, no Hadith 1921, (Beirūt: Dār Ihyāi al-Turāth al-‘Arabī, t.t). Beliau menghukum hadith ini Hasan Shahīh.

217 Dr. Mukhtar Nashīrah, *Ri’āyah al-Musannīn fi al-Sunnah al-Nabawwiyah; Qayyim Akhlāqiyyah Wakhadhāriyyah*, (Al-Jazāir: Jāmi’ah al-Amir ‘Abd al-Qādir Li’ulum al-Islāmiyyah, 2012), 333.



Universiti Malaya

diaplikasikan dalam bentuk kegiatan yang terancang secara baik. Kegiatan ini mudah untuk dilaksanakan dengan tersedianya tenaga psikologi, perubatan dan pengajar agama yang dapat menyusun program berdasarkan pendekatan disiplin ilmu masing-masing. Kegiatan yang selama ini berupa silaturrahim memang tidak dinafikan, namun perlu adanya pendekatan yang lebih mendalam agar terciptanya suasana yang kondusif antara pihak pemberi pengkhidmatan dengan warga emas atau antara sesama warga emas sendiri.

### 4.3.2 Prinsip Menjaga Kerahsiaan dan Tidak Adanya Stigma serta Pengasingan

Kewajiban setiap warga emas dalam memberikan maklumat awal dan menyeluruh mengenai alasannya tinggal di UPTD RSGS bertujuan untuk memahami dan mengenalpasti layanan yang sesuai bagi warga emas tersebut untuk rujukan pelayanan. Oleh itu, pihak UPTD RSGS sentiasa menjaga kerahsiaan tersebut. Kepentingan maklumat tersebut digunakan untuk kepentingan pelayanan dan acuan untuk mengambil tindakan bagi intervensi apabila sesuai dengan keperluan.

Faktor latar belakang dan pengalaman hidup akan mempengaruhi keadaan psikologi seseorang apatah lagi warga emas. Pengalaman hidup yang dievaluasi melalui latar belakang keluarga, tempat tinggal, pekerjaan, atau komuniti sangat mempengaruhi penilaian terhadap kepentingan secara umum.[218] Pengkaji tidak mendapati isu peribadi warga emas yang dihumbar ke khalayak ramai dalam lingkungan rumah jagaan. Kes masa lampau dipandang wajar bagi setiap individu. Sehingga stigma yang tidak baik bagi seseorang tidak menjadi isu yang bermasalah di rumah jagaan ini. Pengkaji juga melihat bahawa petugas pengkhidmatan sangat memahami keadaan baik dan buruk warga emas. Secara umumnya mereka berinteraksi dengan sewajarnya. Hal ini boleh jadi kerana waktu yang dimiliki tidak terlalu banyak untuk dihabiskan bersama warga emas. Hanya

---

218 Alwisol, *Psikologi Kepribadian*, (Malang: UMM Press, 2004), 14.



Universiti Malaya

pengasuh sahaja yang berinteraksi secara intensif. Para pengasuh juga ditanamkan konsep untuk menjaga kerahsiaan yang ada. Sebagaimana hadith Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِي اللهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِماً سَتَرَهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاللهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيْهِ. وَمَنْ سَلَكَ طَرِيْقاً يَلْتَمِسُ فِيْهِ عِلْماً سَهَّلَ اللهُ بِهِ طَرِيْقاً إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوْتِ اللهِ يَتْلُوْنَ كِتَابَ اللهِ وَيَتَدَارَسُوْنَهُ بَيْنَهُمْ إِلاَّ نَزَلَتْ عَلَيْهِمْ السَّكِيْنَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلاَئِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيْمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَأَ فِي عَمَلِهِ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ .

> Terjemahan**:** Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu, dari Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Siapa yang menyelesaikan kesulitan seorang mu’min dari berbagai kesulitan-kesulitan dunia, niscaya Allah SWT akan memudahkan kesulitan-kesulitannya di Hari kiamat. Dan siapa yang memudahkan orang yang sedang kesulitan niscaya akan Allah mudahkan baginya di dunia dan akhirat dan siapa yang menutupi (aib) seorang muslim Allah SWT akan tutupi aibnya di dunia dan akhirat. Allah selalu menolong hamba-Nya selama hamba-Nya menolong saudaranya. Siapa yang menempuh jalan untuk mendapatkan ilmu, akan Allah SWT mudahkan baginya jalan ke syurga. Suatu kaum yang berkumpul di salah satu rumah Allah membaca kitab-kitab Allah dan mempelajarinya di antara mereka, niscaya akan diturunkan kepada mereka ketenangan dan dilimpahkan kepada mereka rahmat, dan mereka dikelilingi malaikat serta Allah SWT sebut-sebut mereka kepada makhluk disisi-Nya. Dan siapa yang lambat amalnya, hal itu tidak akan dipercepat oleh nasabnya.[219]

Sheikh Ṣāliḥ ‘Abd al-‘Āzīz Ālu al-Sheikh memahami hadith di atas bahawa menjaga kerahsiaan seseorang merupakan suatu keharusan. Kerahsiaan tersebut hanya boleh diketahui oleh pelaku amar ma’ruf nahi mungkar. Tidak boleh disebarkan kepada pihak lain sama ada keburukan, maksiat, dosa, atau kategori aib yang lain kerana kesalahan dan hal yang bersifat rahsia tersebut akan membawa impak yang tidak baik.

Universiti Malaya

[219] *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bab Basyaratu Man Satara Allah Ta’ala ‘Aibahu fi, No Hadith 2590, 4: 2002.

Bahkan ia boleh memberi implikasi kepada kerosakan agama dan individu lain. Contohnya mencuri, menyebarkan ajaran sesat, dan sebagainya sepatutnya diserahkan kepada pihak berkuasa untuk menangani dan menyelesaikan permasalahan berkaitan.[220]

Penurunan fungsi organ merupakan proses normal dan semulajadi sehingga layanan sosial yang diaplikasikan di rumah jagaan ini bebas daripada kesan dan pandangan yang negatif terhadap warga emas. Hal ini dapat dilihat dari proses penentuan bilik tidur bagi warga emas. Sistemnya mereka ditempatkan berdasarkan pada kekosongan bilik. Begitu juga UPTD RSGS menentukan bahagian dan hak yang rata dan sama bagi seluruh warga emas dengan adil. Keseluruhan waga emas dipandang sama tanpa ada pembezaan berdasarkan latar belakang mereka. Dengan demikian secara tidak langsung para pengurus perkhidmatan memahami akan kemuliaan usia tua ini.

Sebagai bentuk menghindari stigma terhadap warga emas, para pengurus pemberi khidmat diharuskan untuk melakukan pemerhatian mengenai keadaan warga emas berdasarkan keperluan pihak rumah jagaan. Durasinya bergantung kepada waktu dan kesempatan yang ada. Penggabungan tempat tinggal berupa hunian bersama yang berada dalam satu kompleks juga merupakan salah satu upaya untuk menghindari pengasingan warga emas dari yang lain. Sementara itu, ada juga warga emas yang mengeluh kerana kurang kunjungan terhadap mereka daripada pihak pengerusi.

Hal ini dalam pandangan pengkaji merupakan suatu hal yang sewajarnya, mengingat para pengurus mempunyai tugasan masing-masing. Hanya yang bertanggungjawab pada bahagian layanan sahaja sering berjumpa dengan warga emas sementara yang lainnya tidak. Walaupun begitu, tidak selalu berjumpa bukan bereti tidak peduli atau melakukan pengasingan tetapi harus dipahami secara menyeluruh faktor sebab dan akibat sebuah tindakan. Apabila ada warga emas yang merasa diasingkan hanya

---

220 Sayyid Ibn Ibrahīm al-Huwaithi. *Ad-Durrah as-Salafiyah Syarh al-Arba'in an- Nawawiyah*; *Syarah Arba'in Nawawi*, Pen.Tim Darul Haq, (Jakarta: Darul Haq, 2011), 281.



Universiti Malaya

kerana kuantiti pertemuan yang jarang maka tidak terlepas dari pengaruh karakteristik mereka yang lebih sensitif kerana faktor usia.

### 4.3.3 Prinsip Layanan yang Berkeseluruhan, Cepat, Berkesan dan Menjamin Kepuasan Individu

Melayani warga emas merupakan salah satu sarana mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sebagaimana hadith:

سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، يَقُولُ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْتَأْذَنَهُ فِي الجِهَادِ، فَقَالَ: أَحَيٌّ وَالِدَاكَ؟ ، قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَفِيهِمَا فَجَاهِدْ.

> Terjemahan: seseorang datang meminta izin kepada Nabi Muhammad SAW untuk berjihad. Lalu Nabi bertanya kepadanya: “Apakah kedua orang tuamu masih hidup? Jawabnya masih. Sabda Nabi SAW: berbaktilah kepada keduanya adalah jihad”.[221]

Hadith di atas membicarakan keutamaan seorang anak agar mengutamakan orang tuanya malah melayani orang tua lebih utama daripada berjihad. Dalam konteks layanan terhadap warga emas, hadith ini boleh menjadi sandaran kerana tanggungjawab anak telah beralih tempat kepada pihak kedua. Bagi melanjutkan upaya untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT, langkah tepat telah di tempuh oleh UPTD RSGS untuk mencapai keredaan Allah SWT melalui pendekatan sosial.

Dalam kajian ilmu sosial, orang yang melayani orang lain disebut sebagai pekerja sosial dan dalam hal ini pekerja sosial tersebut adalah pengasuh. Dalam konteks penjagaan warga emas di UPTD RSGS perlu adanya tinjauan terhadap warga kerja atau pengasuh yang melayani keperluan warga emas. Pekerjaan sosial dianggap sebagai pekerjaan yang bersifat amal yang muncul atas dasar belas kasihan atau lebih jauh kerana adanya rasa mencintai sesama manusia. Bagi pekerja sosial, pemberian pertolongan, istilah awalnya dan berkembang menjadi pemberdayaan manusia akan lebih efektif dan

---

[221] *Ṣāḥīḥ Bukhārī*, Bab Jihād bi-Izni al-Abawābīna, no Hadith 3004, h. 59; Terdapat juga dalam *Ṣāḥīḥ Muslim*, Bab Bīr al-Wālidaīn wa Annahumā Ahaqqubihi, no Hadith 2549, h. 1975.,



Universiti Malaya

efisien kalau diperkuatkan dengan pengetahuan (knowledge), keterampilan (skill) dan nilai (value). Pekerjaan sosial berurusan dan berinteraksi antara orang-orang dalam lingkungan sosial sehingga mereka mampu melaksanakan tugas-tugas kehidupannya, mengurangi ketegangan dan mewujudkan aspirasi dan nilai-nilai mereka.[222]

Sejauh ini warga kerja yang ada dalam lingkungan UPTD RSGS adalah mereka yang telah memenuhi aspek untuk disebut sebagai pekerja sosial apabila diteroka dari segi pengetahuan dan ketrampilan. Namun perlu adanya pemantapan nilai dalam landasan melayani warga emas tersebut. Umumnya warga kerja lebih membawa segi kemanusiaan dalam mengasihi warga emas. Namun lebih dari itu, nilai-nilai keIslaman telah terintegrasi di dalam proses layanan, hanya sahaja pendekatan yang dipakai lebih kepada pendekatan kepada beberapa disiplin ilmu yang diterapkan.

Metode layanan yang diaplikasikan di rumah jagaan ini bersifat komprehensif yang mampu memberi akses kepada sumber-sumber yang luas. Misalnya bantuan kerusi roda bagi yang tidak mampu berjalan agar individu tersebut mampu mengurus hajat dirinya sendiri dan tidak perlu bergantung dan menyusahkan orang lain. Usaha ini bagi menghindari warga emas supaya tidak berada dalam kedudukan dimanjakan (*desimpatization*) dan mampu meningkatkan kemandirian. Warga emas mengakui bahawa mereka merasakan perubahan yang signifikan ketika berada di UPTD RSGS jika dibandingkan dengan akses semasa tinggal dalam lingkungan sebelumnya. Banyak di antara warga emas yang telah memperoleh kemudahan fizikal sehingga memudahkannya melakukan aktiviti layan diri dengan lebih baik. Sistem pembahagian manfaat dilakukan secara bergilir sehingga manfaat tersebut dapat dinikmati secara menyeluruh juga.

Prosesnya dilakukan secara cepat dan tepat telahpun berupaya mengimbangi aspek fizikal warga emas yang bosan menunggu sama ada menunggu waktu atau menunggu suatu kepastian. Diakui bahawa apabila ada warga emas yang datang ke

222 Menteri Sosial RI No 25/HUKL/1996, (dikutip dari Depsos RI 1997), 117



Universiti Malaya

pengurus pentadbiran untuk suatu keperluan dan pengurus terus melayani mereka dengan baik dan cepat. Lebih lanjut akan dilakukan rekomendasi ke pihak tertentu manakala terdapat hambatan dalam melayani.

Tujuan yang hendak dicapai dalam sistem layanan yang sedemikian adalah untuk memberikan kepuasan kepada individu bagi mewujudkan kehidupan yang lebih baik untuk warga emas dan sesuai dengan perencanaan program yang sedia di rencanakan dalam anggaran dan target kerja yang dibuat sebelumnya.

Berhubungan dengan hal ini Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدَ اللهِ بْنَ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: " أَرَانِي فِي الْمَنَامِ أَتَسَوَّكُ بِسِوَاكٍ، فَجَذَبَنِي رَجُلَانِ، أَحَدُهُمَا أَكْبَرُ مِنَ الْآخَرِ، فَنَاوَلْتُ السِّوَاكَ الْأَصْغَرَ مِنْهُمَا، فَقِيلَ لِي: كَبِّرْ، فَدَفَعْتُهُ إِلَى الْأَكْبَرِ

Terjemahan: Diriwayatkan dari Abdullah Ibn Umar r.a, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda, " Aku diperlihatkan dalam mimpi bersiwak, kemudian dua orang menariknya, salah satu dari keduanya lebih tua dari lainnya, kemudian aku berikan kepada yang paling muda, kemudian dikatakan kepadaku, " Dahulukan yang paling tua ", maka aku berikan kepada yang tua ".[223]

Jelas menurut hadith bahawa implementasi mendahulukan orang tua dalam semua perkara merupakan suatu amalan utama sebagaimana UPTD RSGS mengutamakan layanan yang mendahulukan warga emas sebagai metode pengkhidmatan yang berlaku.

## 4.4 IDENTIFIKASI WARGA EMAS SEBAGAI UPAYA MENGOPTIMALKAN LAYANAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG

Bagi mewujudkan suatu model layanan yang efektif, tepat sasaran, berkualiti dan mampu memenuhi hajat warga emas, maka perlu dilakukan suatu kajian awal yang mendalam. Analisis awal sangat membantu mengenalpasti keperluan warga emas dan menganalisis

223 *Ṣaḥiḥ Muslim*, Kitab al-Zuhud wa al-Raqāiq, Bab Manawilah al-Akbar, no Hadith 3003.



Universiti Malaya

kekuatan dan kekangan dalam implementasi program layanan yang selanjutnya dijadikan landasan dalam menyusun program aktiviti dan mereka bentuk program sesuai dengan sasaran yang tepat.

Berdasarkan kajian, didapati bahawa ada beberapa kegiatan yang dilakukan bagi memenuhi tujuan pendekatan awal tersebut. Dalam hal ini UPTD RSGS telah melakukan sosialisasi kepada masyarakat sekitar dan pihak yang terlibat mengenai layanan rehabilitasi sosial agar menemui kesamaan pola pikir dan tindakan dalam menangani dan melayani isu sosial warga emas. Namun kegiatan ini dirasakan sangat kurang menjangkau lembaga jawatan kuasa yang berkepentingan. Nampaknya analisis integratif mengenai isu warga emas belum menjadi suatu keutamaan. Sosialisasi nampaknya hanya bertujuan untuk jangka waktu yang dekat dan sempit. Masyarakat luas dan warga emas di lingkungan awam belum dapat merasai layanan yang bersepadu yang dikhaskan kepada warga emas sebagai golongan orang kurang upaya. Salah seorang warga emas menjelaskan bahawa adanya warga emas yang memiliki kecukupan kewangan namun tetap boleh menempati rumah jagaan ini dan mendapatkan semua fasiliti. Hal ini terkadang dipandang serong terhadap visi dan misi awal yang dibentuk oleh UPTD RSGS. Namun pihak pentadbiran memiliki pandangan dimana aspek psikologi juga menjadi pertimbangan diterimanya warga emas di UPTD RSGS. Peratusan kes demikian hanyalah sedikit sahaja jika dibandingkan dengan warga emas terbiar dan kebanyakan mereka adalah yang tidak memiliki keluarga dan pasangan hidup.

Dampak sosialisasi yang terhad menyebabkan campur tangan yang dilakukan juga hanya terbatas pada orang tertentu yang masih jauh dengan peratusan warga emas yang memerlukan layanan. Tidak ada perubahan sistem layanan warga emas yang signifikan bagi seluruh masyarat awam di Aceh. Namun tidak dinafikan bahawa identifikasi calon warga emas dilakukan dengan baik dan telah memenuhi keperluan intervensi. Perencanaan juga telah memberikan pemenuhan keseluruhan aspek

Universiti Malaya

kehidupan warga emas hingga ke tahap akhir bagi memberikan rujukan akhir atau menamatkan layanan.

Layanan terhadap warga emas dipandang telah tepat sasaran berdasarkan fasa pendekatan yang dilakukan. Namun khusus mengenai tahap evaluasi, rumah jagaan ini belum memberikan pengaruh yang meluas. Hal ini diazaskan pada kewujudan UPTD RSGS sejak beberapa puluh tahun yang lalu masih melakukan pola dan metode yang sama namun hanya terbatas pada layanan sahaja. Perlu adanya riset dan intervensi bagi pemerintah untuk meningkatkan dan mengaplikasikan layanan di tempat umum dalam pelbagai bentuk aplikasi yang berpihak kepada warga emas.

## 4.5 ANALISIS BENTUK LAYANAN YANG DIBERIKAN OLEH UPTD RSGS TERHADAP WARGA EMAS

### 4.5.1 Jaminan Ketersediaan Keperluan Hidup Bagi Warga Emas

Penurunan daya kognisi telah menyebabkan warga emas melakukan pemisahan diri dari lingkungan sosialnya. Akibatnya, masyarakat juga turut menjauh daripada mereka. Kehidupan sosial mereka disempitkan dengan kehilangan pekerjaan, kematian kerabat dan pasangan, dan keadaan fizikal yang lemah yang mengehadkan penyertaan mereka dalam kehidupan sosial. Selain itu di era moden ini tidak kurang jumlah warga emas yang mengalami permasalahan relasi sosial dengan anak dan sanak keluarga yang sibuk bekerja menyebabkan seharian ia harus hidup dengan membantu, atau seharian hanya bercanda dengan hewan peliharaan; tidak jarang warga emas hidup dalam keluarga dengan banyak permasalahan sosial. Di lain pihak, warga emas juga mengalami masalah kewangan. Akibatnya mereka memerlukan layanan yang berkait dengan masalah dan hajat mereka meliputi: layanan dasar, layanan kesihatan, layanan yang berkait dengan keadaan sosial, emosi, psikologi dan kewangan.

Persoalan kewangan seringkali menjadi masalah utama terhadap isu kurangnya kesejahteraan sosial dalam kalangan usia tua. Dalam kes warga emas di UPTD RSGS,

Universiti Malaya

umumnya mereka adalah orang-orang yang telah diabaikan oleh keluarga dengan pelbagai alasan.

Dalam hal ini nampaknya degradasi moral sedang marak berlaku di Aceh apabila ramainya warga emas yang masuk ke UPTD RSGS dengan alasan hanya untuk memenuhi hajat hidup. Pada tahun 2014, Menteri Sosial menyebutkan bahawa jumlah warga emas terbiar sekitar 2.851.606 orang. Keberadaan mereka mencerminkan bahawa keluarga sebagai lingkungan terdekat warga emas tidak dapat memberikan dukungan sosial dengan baik. Terdapat beberapa alasan keluarga tidak dapat memberi dukungan sosial bagi lansia, di antaranya adalah; [*pertama*]: Kemiskinan, keluarga tidak dapat memberikan bantuan peralatan kerana mereka miskin dan tidak mampu memberikan keperluan asas kepada anggota keluarga yang sudah tua, [*kedua*]: Nilai-nilai kekeluargaan sudah mula lemah. Warga emas dianggap sebagai beban keluarga. Keluarga pula cenderung memperhatikan keluarga intinya tanpa memperhatikan kepentingan keluarga besarnya, [*ketiga*]: Kesibukan keranan bekerja. Anak-anak memiliki pekerjaan yang menuntut curahan waktu yang banyak sehingga mereka tidak memiliki waktu yang cukup untuk merawat orang tua, [keempat]: Tidak mampu merawat. Ramai di antara keluarga yang tidak memiliki kemampuan untuk merawat kerana warga emas dalam keluarganya memerlukan perawatan khusus. Tiga [3] alasan terakhir yang menyebabkan warga emas terbiar tidak hanya berlaku kepada keluarga miskin tetapi juga berlaku kepada keluarga pertengahan dan atasan. Terdapat juga warga emas yang tidak terbiar secara ekonomi tetapi terbiar secara psikis dan sosial.[224]

Penurunan tanggungjawab dalam keluarga ini sedianya telah dimulai dari tanggungjawab seorang anak kepada orang tua, tanggungjawab saudara, tanggungjawab kepada saudara ibu bapa dan seterusnya mengikuti alur keturunan hingga sampai kepada tanggungjawab masyarakat. Apabila kita berpegang kepada apa yang telah diperintahkan

---

224 Sri Sulastri & Sahadi Humaedi, *Pelayanan Lanjut Usia Terlantar Dalam Panti*, (Yokyakarta: Prosiding KS: Riset & PKM, 2015), 156.



Universiti Malaya

oleh Allah SWT dalam penjagaan orang tua yang bermula daripada anak, maka tidak akan berlaku kes-kes pengabaian terhadap warga emas secara keseluruhan kerana sememangnya tidak ada peluang bagi anak untuk mengabaikan orang tua. Firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ

كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Al-Isrā’ 17:23

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Bagi kes orang yang tidak memiliki anak, mereka sepatutnya berada di bawah jagaan keluarga terdekat. Namun apa yang berlaku pada seseorang merupakan hasil perbuatannya semasa dia berjaya sewaktu muda seperti mengabaikan anaknya semasa lalu. Konflik batiniah antara mereka telah menjadikan warga emas harus meminta penjagaan di rumah jagaan. Hal ini juga berlaku kepada warga binaan di UPTD RSGS. Hal ini juga menjadi sorotan tajam beragam pihak sehingga angka warga emas yang terabai meningkat.

Aspek pemakanan, tempat tinggal dan pakaian menjadi teras utama persaraan yang diberikan kepada warga emas. Pemakanan sangat erat kaitannya dengan kesihatan. Dalam aspek pemakanan, doktor berganding bahu dengan ahli gizi dalam mengatur pemakananan harian. Rujukan gizi berdasarkan rekod kesihatan dan penyakit yang dialami oleh warga emas sehingga ada pantangan makanan bagi beberapa penderita penyakit. Menu yang disajikan biasanya adalah sayuran yang tidak berisiko bagi penyakit-penyakit yang telah disebutkan. Proses memasakan juga tidak terlalu banyak menggunakan minyak dan yang kaya dengan kolestrol seperti santan. Bagi melancarkan

Universiti Malaya

metabolisme tubuh, buah-buahan menjadi konsumsi penting bagi warga emas. Makanan adalah dalam jumlah yang seimbang, tidak berkurang dan tidak berlebih. Pengaturan menu dilaksanakan secara reguler dengan mempertimbangkan aspek gizi bagi warga emas serta pembahagian bahagian makanan yang diatur petugas bidang penyajian. Warga emas juga berkewajiban melakukan tindakan pencegahan bagi diri mereka sendiri dengan tidak merokok dan menjauhi makanan atau minuman yang beralkohol.

Dari segi kuantiti makanan, UPTD RSGS telah memberikan layanan yang terbaik bagi memenuhi hajat hidup utama warga emas. Makan tiga [3] kali dalam sehari dan ditambah pula dengan snek dua [2] kali sehari. Malahan ditambah pula dengan wang saku sebanyak 5000 rupiah setiap individu. Hal ini hampir memenuhi kriteria aturan pola makan yang disyorkan dalam Islam sebagaimana dicontohkan oleh Rasulullah SAW.

Ada beberapa pola pemakanan baginda yang patut menjadi rujukan bagi membina tubuh yang sihat dan kuat hingga masa tua. Hadith- hadith tentang pemakanan ini tidak dirujuk secara langsung kepada warga emas tetapi merujuk kepada semua golongan umur secara umum. Hadith-hadith berikut boleh didapati pada bab I.

a. Pola makan yang tidak berlebihan

Rasulullah SAW berdoa:

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُبِكَ مِنَ الْجُوْعِ،فَإِنَّهُ بِئْسَ الضَّجِيْعِ.

Terjemahan: “Ya Allah! Aku berlindung darimu dari rasa lapar, sesungguhnya dia sejelek-jelek musuh”.[225]

Dalam hadith yang lain juga:

كُلُوْا وَاشْرَبُوْ، وَتَصَدَّقُوْا وَالْبَسُوْا فِي غَيْرِ إِسْرَافِ، وَلَامَخِيْلَةِ، إِنَّ اللهَ يُحِبُّ أَنْ تَرَى نِعْمَتَهُ

عَلَى عَبْدِهِ.

[225] *Sunan Abū Dāwud*, Kitab al-Ṣalah, Bab Fi al Isti’azah (1547), An-Nasai’i , Kitab al-Isti’azah, Bab al-Isti’azatu min al Ju’i (5468), Ibnu Majah, Kitab al-Ath’imah, Bab al Ta’awuz Min al Ju’i, (3354).



Universiti Malaya

Terjemahan: Makan dan minumlah, kemudian bersedekah dan berpakailah dengan tidak berlebihan, dan janganlah berimajinasi. Sesungguhnya Allah suka melihat nikmatnya itu bagi hambanya”.[226]

Sebagaimana dikemukakan oleh pakar pemakanan bahawa pemakanan yang baik ialah makanan yang seimbang. Pilihan makanan yang disyorkan membawa kepada kesihatan yang baik dengan mengurangi risiko penyakit kronik dengan menepati keperluan makanan yang menyokong kepada cara hidup sihat.[227] Badan kita mempunyai daya tampung yang tidak berlebih. Namun kekurangan makanan boleh mengakibatkan gizi yang kurang seimbang sehingga memberikan kesan negatif kepada tubuh. Pemakanan yang baik adalah yang mempertimbangkan restriksi dan kalori, tidak kurang dan tidak berlebih. Keseimbangan pemakanan akan menjaga tubuh supaya sentiasa sihat dan susah dijangkiti oleh pelbagai penyakit.

Apabila bertambahnya usia, pola makan pula semakin menurun. Namun terdapat juga beberapa warga emas yang mempunyai nafsu makan yang masih seimbang. Dalam rangka mengimbangi pemakanan bagi warga emas, UPTD RSGS telah menyediakan frekuensi makanan yang sesuai bagi mereka.

Adapun kes yang berlaku apabila warga emas yang sering berulang-ulang mengambil air hingga membuat pengasuh yang bertugas di dapur naik berang dapat diselesaikan dengan menyediakan pusat penyediaan air khas bagi mereka yang dapat diakses bila-bila masa tanpa perlu berhubungan dengan pengasuh. Kaedah ini lebih efektif bagi mengurangi angka pertikaian yang terjadi yang melibatkan pemakanan. Karakteristik warga emas adalah cepat lapar dan cepat kenyang. Jadi, tidak hairan jika mereka sering ulang alik untuk makan ataupun minum.

---

226 *Musnād Ahmad Ibn Ḥanbal*, 11/294 (6695), An-Nasāi, Kitab Al-Zakāt, Bab Al-Ikhtiyalu fi Aṣ-Ṣadaqati (2599), Ibnu Majah, Kitab Al-Libasun, Bab Albas ma Shikta ma Akhthaaka Sarafun Wala Makhilatun (3605).

227 Bahagian Pemakanan Kementrian Kesihatan Malaysia, Panduan Pemakanan Warga Emas di Institusi, Melalui file:///D:/tesis/bahan%20thesis/academia.edu/panduan_pemakanan_warga_emas.pdf

Universiti Malaya

b. Menjauhkan diri dari perkara yang memabukkan dan membahayakan

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كُلُّ مَسْكُرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ مَسْكُرٍ حَرَامٌ

Terjemahan: Daripada Ibn Umar bahwasanya Setiap yang memabukkan adalah khamar, dan setiap yang memabukkan adalah haram.[228]

Dalam rangka menjaga kesihatan tubuh, gaya hidup sihat adalah teras penting untuk mempromosikan kesihatan. Bagi mewujudkan gaya hidup yang sihat, UPTD RSGS mengenakan larangan merokok dan mengkonsumsi makanan serta minuman beralkohol. Merokok adalah perbuatan yang biasa dalam kalangan masyarakat Aceh tidak kira usia muda atau usia tua. Berdasarkan survei dinas kesihatan di Banda Aceh , 80 peratus lelaki dewasa di Aceh adalah perokok dan 37.1 peratus merupakan perokok aktif.[229]

Dalam konteks rumah jagaan ini, peraturan yang ditetapkan sangat baik namun pelaksaannya belum efektif. Peraturan hanya tertakluk kepada warga emas sahaja manakala pihak jawatankuasa masih dibenarkan merokok. Dalam lingkungan kerja UPTD RSGS, merokok dibenarkan. Hal ini seolah-oleh menunjukkan bahawa peraturan hanya tertakluk kepada warga emas sahaja. Pihak warga kerja tidak mempedulikan impak negatif yang berlaku kepada perokok pasif. Hal ini dapat disimpulkan bahawa adanya diskriminasi terhadap peraturan di rumah jagaan ini.

c. Pola makan yang beraneka ragam

Pemakanan dalam Islam telah digariskan sebagaimana firman Allah SWT:

وَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلا طَيِّباۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ .

Al-Maidah 5:88

Terjemahan: Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.

---

228 *Ṣaḥīh Muslim*, Kitab al- Ashribah, Bab Bayānu Anna Kulla Maskarun Khamrun, Waanna Kulla Khamrun Haramun, 2003.

229 https://kompasiana.com/ridwan_kalam/aceh-dikepung-asap-rokok_5528b9c8f17e610a7c8b4657

Universiti Malaya

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِيٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ.

Al-A'raf 7:32

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?...

Berdasarkan ayat Al-Quran dan hadith di atas, jelaslah bahawa apa-apa yang sepatutnya dikonsumsi dan pemakanan yang harus dihindari. Rentetan daripada itu, lahir beberapa jenis pemakanan sunnah yang sesuai bagi semua usia iaitu, madu, susu, jintan hitam, minyak zaitun, dan kurma[230].

Pemakanan di UPTD RSGS disediakan dan diselia oleh ahli pemakanan. Ini merupakan langkah yang tepat bagi menjaga kesihatan warga emas. Ahli pemakanan sentiasa mensyorkan makanan yang memenuhi karbohidrat, protein, kalsium dan apa-apa yang diperlukan bagi meningkatkan kesihatan dan menjauhi komplikasi penyakit bagi warga emas. Ini merupakan suatu langkah yang sangat efektif.

Namun begitu, langkah ini tidak selalunya disukai oleh sebahagian warga emas yang memiliki kesihatan yang baik. Sebahagian mereka mengkritik pola pemakanan yang disyorkan oleh ahli pemakanan kerana pola makan tersebut membuatkan mereka tidak berselera. Akibatnya sebahagian mereka sering meninggalkan sisa makanan dalam jumlah yang banyak. Bagi warga emas lelaki, mereka sentiasa membeli makanan di luar. Hal ini menyebabkan ada di antara mereka yang mempersoalkan wang makan harian yang minimum berharga 5000 rupiah. Apabila hal ini tidak menjadi perhatian serius, kemungkinan akan terjadi pola makan yang tidak seimbang sehingga berimpak negatif pada banyak segi.

Untuk menyiasati persoalan ini, langkah awal yang boleh diambil bagi menggalakkan warga emas makan antaranya: 1) Galakkan mereka makan bersama

---

230 DR. Mukhtar Nasirah, *Ri'ayah Al Musinnin fī al Sunnah al Nabawiyah- Qiyamu Akhlaqiyyah wa Khadhariyyah*, Qasantinah- Al- Jazair: t.p, t.t), 349.



Universiti Malaya

dengan kawan- kawan seperti berjalan sambil makan bagi merangsang selera. 2) Bagi warga emas yang tidak boleh mengunyah maka galakkan mereka memakai gigi palsu. 3) Sediakan peralatan makan yang dapat membantu melatih mereka untuk menyuap makanan sendiri. Jika perlu pengasuh membantu menyuapkan makanan tersebut. 4) Menggunakan peralatan makan yang menarik. 5) Hiaskan meja makan dengan alas yang menarik. 6) Sediakan ruang makan yang bersih, selesa dan ceria. 7) Minta pendapat tentang makanan yang disediakan dan cuba perbaiki makanan daripada maklum balas yang diterima dari warga emas.[231]

Sepanjang kajian yang telah dilakukan bersumberkan daripada data dan interview yang telah ada serta pemantauan lokasi kediaman warga emas, daripada tujuh langkah tersebut, warga emas yang sihat sering makan bersama, namun permasalahan kepada mereka yang memerlukan bantuan orang lain ialah mereka mengalami sedikit kepayahan kerana tidak ada yang menyuapkan makanan.

Warga emas yang sakit pula tidak ada yang boleh mengurus secara serius. Mereka hanya dihantarkan makanan sahaja. Pengasuh pula hanya membersihkan dan mencuci barangan sahaja. Najis di badan tidak dibersihkan dan tidak ada yang menyuapkan makanan.[232]

Hal ini ditanggapi oleh pihak pengerusi sebagai impak daripada kurangnya agihan dana untuk kegiatan seperti itu. Mereka hanya mengharapkan ihsan pengasuh untuk melalukannya. Dengan beban kerja yang tidak sedikit, pengasuh kadang-kadang juga keberatan untuk melakukan hal tersebut.

Meminta pendapat dan memperbaiki maklum balas belum dilakukan oleh pihak UPTD RSGS. Dalam hal pemakanan, mereka hanya mengikut kepada standart yang

Universiti Malaya

---

231 Bahagian Pemakanan Kementrian kesihatan Malaysia, *Panduan Pemakanan Warga Emas di Institusi*, Http:www.file:///D:/tesis/bahan%20thesis/academia.edu/panduan_pemakanan_warga_emas.pdf

232 Temubual dengan Pn. Hamidah pada 4 September 2015

ditetapkan oleh ahli pemakanan. Ini menjadi butiran penting yang sepatutnya dipertimbangkan bagi meningkatkan keinginan dan selera makan warga emas.

Pola pemakanan UPTD RSGS juga belum mencapai tahap yang memuaskan dan tidak menggunakan bahan makanan yang sesuai dengan sunnah. Hal ini sebenarnya boleh menjadi solusi bagi mengatasi kebosanan warga emas dalam pemakanan seharian. Maklum balas warga emas mengatakan bahawa menu makanan tidak dinamis dan kurang berselera seperti kurang manis, kurang garam, kurang rasa. Hal ini boleh digantikan dengan susu, minyak zaitun dan madu yang dapat menambah rasa tersebut. Selain mendapat kualiti rasa, makanan tersebut juga mengandung nutrisi yang diperlukan oleh tubuh warga emas.

Sebagai rumah jagaan yang berada di bawah tajaan pemerintah, warga emas yang berada di UPTD RSGS tidak ada masalah ekonomi bagi warga emas kerana mereka mendapat jaminan hidup yang layak dan sesuai dengan keperluan. Adapun bagi yang mengkritik kurangnya dana tersebut, pengkaji merasakan bahawa ini merupakan karakter individu yang belum dapat menerima secara utuh akan keseluruhan proses layanan. Beliau merasakan pemakanan yang disediakan tidak sesuai dengan seleranya menyebabkannya mencari alternatif lain. Disamping itu juga kecenderungan tidak mengikuti peraturan juga membuat warga emas jenuh dan tidak menikmati hidup seolah terikat oleh peraturan-peraturan.

Tempat tinggal yang layak bagi warga emas adalah yang bersih, sihat, aman, nyaman, dan memiliki akses yang mudah kepada fasiliti yang diperlukan oleh lansia. Keadaan kemampuan fizik yang makin menurun masih membolehkan mereka menjalani aktiviti sehari-hari dengan mudah, aman, dan tidak sangat tergantung pada orang lain. Umumnya lanjut usia berhadapan dengan masalah hunian seperti berikut: [*pertama*]: lokasi bilik yang berjauhan dengan lokasi bilik mandi, [*kedua*]: keadaan bilik mandi yang kurang sesuai, [*ketiga*]: penggunaan tangga, [*keempat*] permukaan lantai yang tidak rata,

Universiti Malaya

dan [*kelima*]: alur sirkulasi hunian terhadap fasiliti lingkungan kurang membantu. Tempat tinggal yang layak bagi warga emas adalah yang lapang. Hal ini sangat bermanfaat bagi warga emas terutamanya dalam pergerakan atau aksesibiliti dalam rumah, bahkan ketika mereka menggunakan kerusi roda.

Berdasarkan observasi yang telah pengkaji lakukan, UPTD RSGS ini telah memenuhi kriteria yang ada sehingga dari aspek ekonomi tidak ada yang menjadi cabaran hidup bagi warga emas. Fasiliti yang disediakan juga mendukung mereka untuk mengisi waktu lapang seperti menonton televisi, melakukan pekerjaan dan beriadah dan sebagainya. Halaman tempat tinggal juga membantu mereka untuk menyalurkan hobi menanam. Kemuncaknya adalah warga emas di sini memiliki kemampanan ekonomi yang baik dibandingkan dengan kehidupan mereka yang sebelumnya.

### 4.5.2 Layanan Kesihatan Bagi Warga Emas

Peranan kesihatan sangat penting bagi memberi layanan terhadap warga emas yang kurang sihat. Bagi memenuhi kepentingan tersebut UPTD RSGS dibantu oleh doktor awam. Tenaga doktor itu hanya terdiri dari satu [1] orang sahaja dan dua [2] orang tenaga perawat. Mereka bertugas di klinik khusus yang dapat diakses oleh warga emas dengan mudah. Klinik juga menyediakan ubat yang sesuai dengan penyakit yang dimiliki oleh warga emas.

Terdapat beberapa ragam penyakit yang diderita oleh warga emas di RSGS berdasarkan data kunjungan klinik. Sebagaimana rekod yang telah ada, ada beragam penyakit yang terjadi pada warga emas iaitu rhematik, hipertensi, sesak nafas osteoporosis, hipotensi, dyspepsia, sakit mata, mata rabun, dermatitis, batuk, sakit gigi, diabetes, gatal-gatal, diare, sakit perut, sakit kepala, sulit berjalan, inchialgia, kebas-kebas, dan nyeri pinggang.

Universiti Malaya

Rekod pesakit ini telahpun menjadi rujukan kepada kepemimpinan UPTD dalam pengaturan teknik pelayanan kesihatan. Doktor bersedia untuk datang dan melakukan pemantauan kesihatan bagi individu yang sudah tidak mampu lagi pergi ke klinik kerana lemah atau komplikasi penyakit. Walaubagaimanapun, maklum balas yang diterima daripada warga emas mengatakan bahawa ubat yang dibekalkan kurang mujarab. Menurut Tn. Marhaban yang mengatakan bahawa penyakitnya tidak sembuh-sembuh dan beliau hanya mengamalkan ubat yang dibekalkan sahaja. Beliau tidak mengalami keserasian ubat sebagaimana yang disarankan oleh doktor. Beliau mengharapkan diberikan rujukan untuk berubat di hospital pemerintah agar penyakitnya ditangani dengan sebaik mungkin.

Sebenarnya, pihak rumah jagaan telah melakukan usaha pencegahan bagi mencegah beragam penyakit warga emas seperti pola pemakanan dan sukan. Tambahan pula, sistem rujukan kepada hospital pemerintah haruslah sesuai dengan indikasi perubatan. Hal ini selalu dilakukan terhadap kes-kes sakit akut seperti operasi mata, operasi ginjal dan sebagainya tetapi pemahaman warga emas terhadap tindakan pencegahan tersebut sangatlah rendah. Usaha pengubatan bukanlah merupakan pekerjaan segera. Ia memerlukan proses yang lama. Warga emas umumnya susah untuk berpantang makanan yang tidak disyorkan untuk dikonsumsi. Warga emas lelaki khususnya sentiasa keluar untuk membeli makanan dan minuman di kedai-kedai. Bahkan banyak diantara mereka yang sengaja membeli rokok dan minuman bersoda. Ini merupakan faktor penyebab angka kesihatan yang minimum dalam lingkungan UPTD RSGS.

Universiti Malaya

### 4.5.3 Program Sukan Bagi Warga Emas

Dalam usaha meningkatkan kesihatan jasmani dan rohani warga emas, UPTD RSGS membentuk program sukan yang kerap. Namun oleh kerana kurangnya kesihatan fizikal warga emas maka terjadi banyak kekangan untuk bersukan. Disamping itu ada juga warga emas yang enggan bersukan menjadi kekangan bagi meningkatkan pola hidup sehat. Ramai di antara mereka yang kurang senang dengan kegiatan tersebut kerana kurangnya pemahaman akan kepentingan sukan sama ada kerana keadaan fizikal yang lemah sehingga membuat mereka malas untuk bersukan. Dalam menangani hal ini pihak UPTD RSGS telah memberikan sosialisasi menyeluruh akan kepentingan dan manfaat bagi tubuh.

Sukan apabila dilakukan secara teratus akan memberikan beberapa manfaat bagi warga emas, antaranya: mempertahankan kesihatan, meningkatkan kekuatan otot jantung, meningkatkkan pengaliran darah dalam tubuh, menurunkan kadar lemak, menguatkan otot-otot tubuh, mengurangi stress dan ketegangan batin dan meningkatkan sistem kekebalan tubuh. Namun apabila sukan tidak dilakukan dengan tepat akan menimbulkan risiko yang lebih berbahaya.[233]

Hal ini mestilah menjadi perhatian khusus. Adakalanya warga emas yang memiliki riwayat penyakit tertentu tidak bererti beliau tidak boleh bersukan. Beliau perlu mendapatkan nasihat daripada doktor mengenai sukan yang sesuai agar tidak mempengaruhi penyakitnya. Contohnya penyakit radang sendi, sukan yang berlebihan akan menimbulkan rasa nyeri dan sendi yang meradang pula tidak boleh dibiarkan tidak bergerak kerana dapat menimbulkan sendi menjadi kaku. Salah satu pilihan yang cukup baik adalah jenis sukan aerobik seperti berjalan kaki, mengayuh basikal dan berenang. Pada umumnya usia tua tetap boleh bersukan sekalipun ada beberapa penyakit yang memerlukan rehat sepenuhnya di tempat tidur. Contohnya penyakit jantung kronik.

---

[233] Darmojo, R. Boedhi, *Buku Ajar Geriatric, Ilmu Kesehatan Lansia,* Edisi 3, (Jakarta: FKUI, 2004), 32.



Universiti Malaya

Kebiasaannya dinasihatkan untuk berehat untuk beberapa hari sahaja. Secara bertahap penderita akan dilatih untuk bermobilisasi dan bersukan ringan.[234]

Program sukan merupakan salah satu aktiviti yang paling tidak diminati oleh warga emas. Sebahagian mereka membawakan alasan permasalahan kesihatan sehingga tidak mengikuti sukan. Dalam hal ini pihak warga kerja tidak akan memaksa mereka kerana psikologi warga emas yang kurang stabil. Ini merupakan faktor pemangkin wujudnya warga emas yang sihat dan berstamina. Kurangnya kesedaran akan pentingnya bersukan membuat kendala yang signifikan bagi program yang berkelanjutan. Padahal untuk melakukan aktiviti kerohanian memerlukan tubuh yang sihat. Contohnya untuk melakukan solat memerlukan sendi yang kuat.

Sebagaimana dalam sebuah hadith Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ أَوْ أَفْضَلُ

وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٌ احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ

> Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah SAW bersabda: "Diperintahkan kepada kamu sekalian untuk menjadi orang mukmin yang kuat, dan ketika itu Rasullah SAW bersabda: Bahwasanya orang mukmin yang kuat itu lebih baik, dan aku lebih mencintai Allah daripada mukmin yang lemah, dan daripadanya terdapat segala kebajikan".[235]

Sama halnya dengan hadith- hadith tentang pemakanan, isu sukan dalam hadith ini juga bersifat umum. Tidak ada hadith yang langsung merujuk kepada warga emas dalam bab sukan. Namun demikian sukan ini dianggap penting bagi semua tahap umur. Apa yang telah diprogramkan UPTD RSGS khususnya sukan rutin merupakan langkah yang sangat baik bagi meningkatkan kualiti kesihatan warga emas. Namun diperhatikan jenis-jenis sukan yang sesuai bagi sebahagian warga emas dan mempelbagaikan sukan merupakan langkah tepat bagi mengantisisipasi isu kesihatan yang pelbagai.

---

234 Angga , D. P., & Sugiharto, *Lansia dan Olahraga*, (Jakarta: Jurnal IPTEK olahraga, 2010). 17.

235 *Ṣāḥīḥ Muslim*, Kitab al Qadr, Bab al Amr bi al Quwwati, wa Taraku al 'Ajzi , 2664. *Musnād Āḥmāḍ Ibn Hanbal*, 14/ 390 (8791).



Universiti Malaya

### 4.5.4 Layanan Kebersihan Bagi Warga Emas

Berkaitan dengan kebersihan pula, Rasulullah SAW dalam hadithnya menyatakan:

> عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ
>
> Terjemahan: Dari Abi Malik Al-Asy'ari berkata, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: "Kebersihan itu sebahagian daripada iman".[236]

Bagi memastikan layanan kebersihan bagi warga emas dalam lingkungan rumah jagaan, petugas kebersihan memainkan peranan penting dalam menjaga kebersihan hidup dan lingkungan sekitar. Namun permalahan yang terjadi adalah pada layanan kebersihan peribadi warga emas. Penilaian warga emas bahawa pengasuh hanya membersihkan ala kadar sahaja lebih-lebih lagi dalam menguruskan warga emas yang sakit. Hal ini menurut pihak pengerusi disebabkan oleh agihan dana yang terbatas yang mempengaruhi kualiti kerja para pengasuh. Walaubagaimanapun, pengasuh tetap dituntut untuk membersihkan dan memastikan kebersihan warga emas yang tidak mampu menguruskan diri setiap hari. Jumlah pengasuh adalah dua [2] orang sahaja yang bertugas bagi menjaga tujuh [7] wisma (memuatkan 70 orang) warga emas dianggap kurang efektif dan efesien. Perlu adanya penambahan pekerja pengasuh agar meningkatnya kualiti kebersihan dan keselesaan bagi warga emas.

Disamping itu, warga emas sepatutnya senantiasa saling bantu membantu sesama mereka dalam menjaga kebersihan dan tidak mengharapkan kerja pengasuh semata-mata.

### 4.5.5 Jaminan Keamanan Bagi Warga Emas

Warga emas merupakan kelompok yang memerlukan perlakuan lebih dalam. Undang-Undang No 39/1999 HAM pasal 5 ayat 3 menegaskan "setiap orang yang termasuk kelompok rentan berhak memperoleh perlakuan dan perlindungan lebih berkenaan

---

[236] *Ṣāḥīḥ* Muslim, *Bab Fazl al Wudhu'*, Nomor Hadith 223, Juz I, 203.



Universiti Malaya

dengan kekhususannya”. Permasalahan ini menjadi sebab lahirnya UPTD RSGS. Tugas rumah jagaan ini adalah memberikan jaminan keamanan bagi seluruh warga emas yang tinggal di sana.

Mengekalkan kualiti hidup dan status keamanan yang optimum adalah isu penting dalam penjagaan. Status kesihatan optimum boleh dicapai apabila keperluan asas warga emas adalah sesuai dan dipenuhi secukupnya.

Bagi memastikan semua aman dan terkendali maka pihak rumah jagaan menetapkan peraturan yang melarang membawa senjata tajam dan sejenisnya yang dapat membahayakan orang lain, warga emas tidak boleh menerima tamu tanpa izin petugas, tidak boleh keluar asrama atau bermalam di tempat lain tanpa izin petugas, bagi yang ingin pulang ke rumah keluarganya atau sanak saudaranya harus meminta izin pengurus yang akan dikeluarkan surat izin rasmi dan tidak boleh menghukum sendiri tetapi terlebih dahulu melaporkan kepada petugas setiap kali ada permasalahan dan diselesaikan dengan musyawarah. Sejauh ini, permasalahan keamanan masih dapat ditangani oleh petugas keamanan tanpa perlu berurusan dengan pihak polis setempat.

### 4.5.6 Perkhidmatan Pendidikan dan Bimbingan Spiritual Bagi Warga Emas

Rasulullah SAW Bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَعْمَارُ أُمَّتِي مَا بَيْنَ السِّتِّينَ إِلَى السَّبْعِينَ وَأَقَلُّهُمْ مَنْ يَجُوزُ ذَلِكَ.

> Terjemahan: Dari Abu Hurairah, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Umur umatku antara 60 sampai 70 tahun. Dan sangat sedikit di antara mereka yang melewati itu.”[237]

[237] *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Man Balagha Sittīn Sanah Faqad ‘Aczar Allah ‘Ilaih fī al-‘Umuri, no Hadith 6419, 4:281.



Universiti Malaya

Bahwasanya batasan usia warga emas merupakan gerbang menunjuk kehidupan yang hakiki. Perlu adanya pemantapan aspek spiritualitas secara meneyeluruh bagi menjamin kebahagiaan di kehidupan kelak.

Beberapa ahli mengemukakan bahawa terdapat 5 aspek dalam perilaku beragama iaitu (1) Aspek keyakinan, mengandungi pengharapan meyakini dan berpegang teguh pada pandangan keagamaan tertentu dan mengakui kebenaran doktrin tersebut, (2) Aspek praktik agama, mengandungi ketaatan dan komitmen terhadap agama yang dianutnya, (3) Aspek pengalaman agama, memperhatikan fakta bahwa semua agama mengandungi pengharapan tersendiri berkaitan dengan perasaan, persepsi dan sensasi yang dialami seseorang, (4) Aspek pengetahuan agama, berkaitan dengan keyakinan, mengarah kepada pengetahuan dasar (5) Konsekuensi, mengarah pada identifikasi akibat-akibat keyakinan keagamaan, praktik, pengalaman dan pengetahuan seseorang.[238]

Bagi memenuhi kepentingan spiritual atau kerohanian, UPTD RSGS dalam keseluruhan aktiviti harian dinilai condong mengaplikasikan asas keagamaan. Dalam lingkungan keluarga mungkin saja warga emas tidak memiliki keleluasaan untuk fokus kepada aspek kerohanian kerana tanggungjawab pekerjaan harian. Sepatutnya pihak keluarga memahami bahawa usia tua merupakan masa bagi warga emas untuk beristirahat dari aktiviti yang menyusahkan. Pemahaman anak ataupun keluarga yang kurang dalam bahagian ini juga menyebabkan tekanan batin bagi warga emas. Bagi warga emas yang berhadapan dengan masalah itu, rumah jagaan UPTD RSGS sangat sesuai untuk menjadi solusi tempat tinggal yang baik bagi mempersiapkan diri dari aspek kerohanian. Aktiviti ini akan melebarkan persahabatan sesama mereka sekaligus membantu meringankan bebanan perasaan yang dipikul selama ini untuk kepentingan dirinya.[239]

---

[238] Ancok, S, *Psokologi Islam: Solusi Islam atas Problem-Problem Psikologi*, (Yogyakarta: Pustaka Belajar, 1995), 17.

[239] Amran Hassan, dkk, *'Loneliness' @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Journal of Human Development and Communication Volume 2, 2013), 99.



Universiti Malaya

Fitrah kembali kepada Allah bermaksud menjadi suatu keniscayaan bagi kebanyakan warga emas. Hal ini kerana setiap insan semasa di alam roh telah menyaksikan secara pengalaman hakiki kewujudan Allah dan mentaatinya dengan perkataan bahkan kami bersaksi (*balā shahidnā*)

وَإِذۡ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِيٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمۡ ذُرِّيَّتَهُمۡ وَأَشۡهَدَهُمۡ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ أَلَسۡتُ بِرَبِّكُمۡۖ
قَالُواْ بَلَىٰ شَهِدۡنَآۚ أَن تَقُولُواْ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنۡ هَٰذَا غَٰفِلِينَ .

Al-A'raf (7): 172

Terjemahan: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firmanNya): Bukankah Aku tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini.

Perkataan *shahādah* mengandungi makna keyakinan mutlak (*al-yaqīn al-mahd*), membenarkan (*al-īmān*) dan makrifah hakiki secara fitrah (*ma'rifah*). Fitrah ini juga dikenali sebagai fitrah tauhid hakiki yang bersifat pengalaman (*fitrah al-tawḥīd al-haqīqī al-kashfī*). Namun roh menjadi lupa dengan fitrah ini kerana dikuasai oleh unsur material dan hasutan syaitan yang memalingkannya daripada ingat kepada Allah SWT.[240]

Dalam Islam, fitrah kembali kepada Allah itu datangnya daripada hati manusia. Ia bersifat Rabbani dan tempat letaknya iman, munafik dan kekufuran. Lantaran itu, desakan dan tarikan kerohanian juga datang daripada ledakan hati untuk kembali kepada Allah. Ia perlu diisi dengan amalan kerohanian yang datang daripada amalan-amalan suruhan dan menjauhi yang dilarang seperti yang termaktub dalam al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Proses untuk menanam kerohanian ini ialah melalui ilmu, mujahadah dan riadah. Tanpa ketiga-tiga elemen ini, pengisian rohani tidak tercapai objektifnya.

Universiti Malaya

[240] Dr. Abdullah bin Muhammad ..., *Tafsir Ibnu Katsir*, Juzuk 21, 468.

Ilmu ialah pengetahuan tentang kewajipan agama dan cara melaksanakannya. Mujahadah ialah melaksanakan secara fizikal kewajipan agama secara bersungguh-sungguh walaupun susah dan riadah ialah beramal, berlatih melaksanakan amalan–amalan sedikit demi sedikit sehingga hilang kesusahan dan melekat sebagai adat kebiasaan dan mudah di lakukan.

Di antara cara untuk mengisi kerohanian ialah melaksanakan perintah-perintah wajib (seperti solat lima waktu, puasa Ramadan, zakat, haji dan lain-lain kewajipan agama). Selain itu, warga emas digalakan melaksanakan amalan-amalan sunat yang mendekatkan diri dan mendapatkan kasih Allah. Antaranya ialah; [*pertama*]: solat *nawāfil* dan solat *tahajjud*. Memperbayakkan solat *nawāfil* dan solat malam dapat membawa kepada *maḥabah* Allah. Hal ini bertepatann dengan hadith Nabi SAW bahawa Allah menyukai seseorang hamba itu mengerjakan amalan-amalan sunat yang beiringan dengan amalan wajib sehingga Allah mengasihinya.

[*Kedua*]: Bersedekah sunat. Amalan bersedekah sunat melatih jiwa tidak mencintai kekayaan dunia yang fana ini. Bersedekahlah walaupun sedikit kepada orang yang memerlukan supaya hati insaf bawa harta memberi manfaat jika digunakan dalam amalan kebajikan. [*Ketiga*]: Berzikir dan berdoa. Terdapat pelbagai jenis zikir boleh diamalkan seperti tahmid, tasbih, takbir, tahlil, istighfar dan membaca al-Quran. Kesemua amalan tersebut dapat menyucikan kekaratan dan kekerasan hati seperti air mutlak yang dapat melembutkan objek dan menyucikan kotoran. Apabila hati bersih dan lembut maka mudahlah hati disinari cahaya petunjuk Ilahi dan mudah beramal segala perintah Allah dengan hati yang tenang.

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطۡمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكۡرِ ٱللَّهِۗ أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ .

Al-Ra'd 13:28

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "*zikrullah*". Ketahuilah dengan "*zikrullah*" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

[*Keempat*]: Menghadiri majlis ilmu. Ilmu sangat penting kerana ia dituntut selagi nyawa dikandung badan. Menghadiri majlis ilmu dapat mendorong diri untuk beramal, bersedia dan memilih amalan yang paling baik, mudah dan mendapat ganjaran yang paling besar bagi memanfaatkan masa yang ada untuk mendapat keredaan Allah. Bagi warga emas jika tidak mampu mencatat ilmu memadailah menjadi pendengar dan pencinta ilmu yang baik semoga dapat barakah duduk dalam majlis ilmu.

[*Kelima*]: Berselawat kepada Baginda Rasulullah SAW. Memperbanyakkan berselawat kepada baginda Nabi SAW adalah amalan yang yang tidak boleh ditinggalkan ketika usia tua. Ia adalah perlu kerana melalui amalan selawat ia menjadi wasilah kepada mendapat syafaat daripada Nabi SAW dan diharapkan amalan di akhir usia yang dilakukan dengan pelbagai kekurangan diterima oleh Allah dengan berkat selawat ke atas Nabi SAW.

Amalan-amalan di atas di anjurkan kerana tauhid dan amalan shariah adalah bersifat fitrah, boleh diterima dengan akal waras dan kerelaan hati sanubari tanpa paksaan dan hujah aqliah dan naqliah yang panjang. Ia hanya memerlukan kepada pembersihan hati dengan amalan mujahadah dan riadah yang bersungguh- sungguh melalui ilmu yang benar sehingga hati menjadi lembut, disinari dengan limpahan petunjuk Ilahi dan mudah melaksanakan intipati suruhan dengan mudah dan ikhlas.[241] Yang paling penting sekali ialah melaksanakan sesuatu amalan itu secara istiqamah walaupun sedikit. Selain itu mencari amalan yang paling terbaik, ringkas tetapi mempunyai ganjaran yang besar di sisi Allah dan membekas kesan tauhid di dalam hati kepada Allah. Hal ini kerana iman yang kukuh walaupun sebesar zarah akan membawa seseorang itu selamat di akhirat dan mendapat rahmat dan pengampunan daripada Allah dan masuk syurganya kelak dihari

[241] Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazālī At-Ṭusī, *Ihya' Ulumuddīn*, (Beirut: Darul Kitab, t.t), Jilid IV, 78.



Universiti Malaya

yang kekal abadi.[242] Sebagaimana juga keuatamaan orang yang sentiasa berbuat amal berdasarkan hadith:

قَالَ طَلْحَةُ بْنُ عُبَيْدِ اللهِ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَيْسَ أَحَدٌ أَفْضَلَ عِنْدَ اللهِ

مِنْ مُؤْمِنٍ يُعَمَّرُ فِي الْإِسْلَامِ، يُكْثِرُ تَكْبِيرَهُ، وَتَسْبِيحَهُ، وَتَهْلِيلَهُ، وَتَحْمِيدَهُ.

> Terjemahan: Terjemahan: Berkata Thalhah Ibn ‘Ubaidillah bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada seseorang yang lebih utama di sisi Allah daripada seorang mukmin yang Allah panjangkan umurnya dalam Islam kerana takbir, tasbih, tahlil dan tahmidnya”.[243]

UPTD RSGS telah memberikan peluang kepada warga emas untuk mengaplikasikan kerohanian yang maksimal. Terdapat surau yang sentiasa aktif sepanjang solat lima waktu, adanya pengajian fiqh, adanya program zikir, tersedianya pengajar agama yang memberikan ceramah dan adanya waktu luang bagi mengerjakan amalan tersebut. Akan tetapi hanya sebahagian dari warga emas yang sedar akan kepentingan kerohanian tersebut. Namun, program ini adalah program kerohanian yang hanya diikuti oleh warga emas sahaja. Contohnya solat berjemaah, para warga kerja jarang sekali melakukan solat berjemaah dan sangat jarang di antara mereka yang melakukan aktiviti peribadatan tersebut sebagaimana yang diungkapkan oleh informan. Padahal pengurus rumah jagaan telah melakukan antisipasi bagi kesulitan fizikal dalam melakukan ibadah harian seperti menyediakan kerusi dan sebagainya. Sebagaimana tuntunan hadith Nabi Muhammad SAW:

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللهِ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَت: لَمَّا بَدَّنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَثَقُلَ، كَانَ أَكْثَرُ صَلَاتِهِ جَالِسًا

> Terjemahan: Telah menceritakan kepadaku ‘Abdullah Ibn ‘Urwah, daripada ayahnya, daripada ‘A’ishah katanya: “Ketika Rasulullah SAW

Universiti Malaya

---

242 Muhammad Khairi bin Mahyuddin dan ‘Atifah binti Mamat, *Cabaran Abad 21 Dan Keperluan Amalan Kerohanian Oleh Warga Emas*, tesis ini dapat di akses di academia.edu file:///d:/tesis/bahan%20thesis/academia.edu/cabaran_abad_21_dan_keperluan_amalan_ker.pdf.

243 Abū Abd Rahmān Ahmad Syu’aīb al-Nasā’i, *Sunan an-Nasai al-Kubra,* no Hadith 10606, *Bab Afdhal al-Zikrī wa Afdhal al-Du’āi*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 309. Hadith yang sama juga diriwayatkan dalam nash yang berbeza dengan no hadith 10674. Terdapat juga dalam *Sunan Abu Daud*, Kitab al-Janaiz, Bab Fi al-Syahidī Yughassil, 3/195/3134

telah berusia lanjut dan gemuk, maka kebanyakan solat yang baginda lakukan adalah sambil duduk."[244]

Imam solat juga sentiasa memahami kelemahan fizikal mereka dengan tidak memanjangkan bacaan dalam solat. Hal ini selaras dengan hadith:

أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِلنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ، فَإِنَّ فِي النَّاسِ الضَّعِيفَ، وَالسَّقِيمَ وَذَا الْحَاجَةِ.

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa'id berkata, telah menceritakan kepada Abd Ar-Rahman, bahwasanya ia mendengar Abu Hurairah bahwa Rasulullah SAW bersabda: "Jika seseorang dari kalian memimpin shalat orang banyak, hendaklah dia meringankannya. Karena di antara mereka ada orang yang masih kecil (berusia muda), dan berusia lanjut (berusia tua), lemah, orang yang sakit. Namun bila dia shalat sendiri silahkan dia sesukanya(panjangkan).[245]

Adapun mengenai metode pembelajaran agama, kaedah yang diajarkan oleh ustaz pengajar adalah sesuai bagi taraf penyampaian ilmu. Metode ceramah dan soal jawab merupakan metode yang efektif bagi pembelajaran usia tua. Namun bagi menumbuhkan minat belajar yang lebih, perlu adanya program yang menarik seperti menghadirkan pengajar yang mempunyai daya tarikan kepada warga emas dan mampu membawa emosi pada setiap kuliahannya. Selain itu, memilih imam yang memiliki vokal dan bacaan yang baik dan indah juga menjadi daya tarikan dalam beribadat. Hal ini boleh dilakukan semasa menunaikan solat terawih.

Lebih jauh lagi, UPTD RSGS memperhatikan perkara kewajiban syariat yang dibebankan kepada setiap individu. Persoalan puasa dan haji juga menjadi keutamaan bagi melepaskan beban dan tanggungjawab kepada Allah SWT.

Universiti Malaya

244 *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab as-Shalāh Fī al-Musaffirina, no Hadith 1211.
245 *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bab Izā Shallā Linafsihi Falyuthawwilu mā syāa, no hadith 703

Selaras dengan apa yang disampaikan hadith Nabi Muhammad SAW, terdapat kelonggaran bagi warga emas dalam berpuasa. Puasa Ramadan yang merupakan kewajiban bagi setiap individu tidak mencacatkan layanan yang diberikan kepada warga emas. Pengasuh tetap memperhatikan warga emas yang sakit dengan memberikan persediaan makanan bagi warga emas pada saat bulan Ramadan kerana selalunya ada di antara meraka yang sakit. Kewajiban membayar fidyah tetap akan dipenuhi oleh pihak UPTD dengan melaporkannya dan dimasukkan anggaran jumlah bagi membolehkan pengeluaran fidyah.

Mengenai persoalan haji, berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās bahawasa haji bagi yang telah lanjut usia boleh diwakilkan kepada orang lain. Dalam implikasinya, bagi memenuhi ketentuan ini pihak rumah jagaan memberikan keleluasaan untuk melaksanakan ibadah haji bagi warga emas. Berdasarkan kajian bahawa ada dua [2] orang warga emas yang telah melaksanakan ibadah haji selama berada di UPTD RSGS dengan sumber dana peribadi dan ada di antara mereka yang melaksanakan umrah.

Pengkaji menilai bahawa UPTD RSGS mengambil berat pada kepentingan tersebut sehingga warga emas merasa bebas untuk menjalankan rukun islam ke lima ini. Dalam hal ini pihak UPTD RSGS akan menjalin kerjasama yang bersifat rujukan dengan Kementrian Agama apabila ada warga emas yang ingin melaksanakan ibadah haji atau ingin mewakilkan haji. Sebagaimana dipahami bahawa warga emas di rumah jagaan berada di bawah kepemimpinan pihak UPTD RSGS. Maka disimpulkan bahawa UPTD RSGS telah memenuhi tanggung jawab dalam pelaksanaan ibadah haji.

Universiti Malaya

### 4.5.7 Layanan Konsultasi Psikososial Bagi Warga Emas

Konsultasi psikososial atau dalam bahasa lain didefinisikan dengan bimbingan sosial yang merupakan suatu proses pemberian bantuan kepada individu agar mengenal lingkungannya sehingga mampu bersosialisasi dengan baik dan menjadi peribadi yang bertanggung jawab tujuannya agar seseorang mampu berinteraksi dengan orang yang lain, menghilangkan rasa suntuk, supaya warga emas boleh hidup tenteram dan damai dan tidak terganggu kejiwaannya. Bimbingan sosial bagi warga emas dilakukan supaya warga emas mampu mengembangkan potensi yang dimiliki, mengenali diri sendiri dan mengatasi persoalan-persoalan dengan lingkungannya sehingga ia mampu bersosialisasi dengan baik, menjadi peribadi yang baik, menjadi peribadi yang bertanggung jawab dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.[246]

Layanan psikologi di UPTD RSGS dalam rangka mengenal, memahami dan merencanakan sesuai yang berkaitan dengan hal-hal psikososial seperti bertukar cerita dan perasaan dengan temannya, kerjasama dan saling tolong menolong. Berdasarkan hasil observasi dan temubual yang telah dijalankan, ada beberapa macam bentuk layanan psikososial yang diaplikasikan di rumah jagaan ini. [*Pertama*]*:* melalui aktiviti kelompok iaitu dengan membina hubungan sosial yang bertujuan untuk meningkatkan kebersamaan, bersosialisasi, bertukar pengalaman, dan mengubah perilaku serta membantu warga emas dalam berhubungan dengan orang lain. [*Kedua*]*:* pemberian motivasi dan dorongan akan masalah tertentu. [*Ketiga*]: permainan iaitu dengan memberikan permainan supaya warga emas tidak mengalami kebosanan dan bisa bekerjasama biasanya dilakukan oleh lembaga mitra seperti bermain dengan siswa tadika.

Metode yang digunakan biasanya menggunakan komunikasi, namun dalam pelaksanaannya boleh jadi secara individu atau kelompok, bergantung kepada keperluan kes. Hasil yang ingin dicapai adalah terciptanya suasana hidup yang rukun antara sesama

---

[246] Ariani, M. dan *Rachman*, H.P.S., *Analisis Tingkat Ketahanan Pangan, Rumah Tangga, Media Gizi dan Keluarga*, (Jakarta: Universitas Indonesia, *2003)*. 6.



Universiti Malaya

warga emas dan pengurus di lingkungan rumah jagaan. Pekerjaan bimbingan biasanya dilakukan oleh pakar psikologi, namun tidak menutup kemungkinan ada pihak lain seperti lembaga mitra atau pihak luar yang ingin melaksanakan kegiatan di UPTD RSGS bersama dengan warga emas.

Menurut pandangan Islam, bimbingan dan layanan psikososial merupakan upaya untuk membantu seseorang untuk mencapai kebahgiaan hidup di dunia maupun di akhirat. Sebagaimana firman Allah SWT:

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ .

An-Nahl 16:125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.

Allah SWT telah memberikan gambaran kebajikan dalam melayani dan membimbing seseorang dengan cara yang hikmah. Tujuannya adalah membantu seseorang atau kelompok dalam mencegah timbulnya masalah dalam kehidupan keagamaan. Dengan cara memecahkan masalah tersebut. Hingga sampai kepada memelihara situasi dan kondisi kehidupan keagamaan agar tetap baik atau menjadi lebih baik. Hal ini sejalan dengan dengan tujuan layanan psikososial yang diaplikasikan di UPTD RSGS dalam membantu warga emas menyelesaikan masalah psikologi dan sosialnya.

Merujuk kepada huraian panjang dan berasaskan pada analisis kajian yang telah pengkaji lakukan, juga huraian panjang mengenai data dan situasi layanan yang berlaku bagi warga emas maka penting memberikan sebuah gambaran keberkesanan layanan UPTD RSGS terhadap warga emas. Dalam hal ini warga emas sebagai warga binaan perlu

Universiti Malaya

difahami apakah mereka mendapatkan keberkesanan sama ada tidak berkesan terhadap layanan yang mereka terima. Sesuai dengan hasil temu bual dan perbincangan yang tidak berstruktur antara pengkaji dengan warga emas, pengkaji akan menyimpulkan beberapa aspek kepuasan warga emas terhadap layanan yang berlaku di UPTD RSGS.

Ada 5 dimensi bagi menilai keberkesanan seseorang terhadap pelayanan yang diterima, iaitu *tangible* (berwujud), *reliability* (keandalan), *responsiveness* (ketanggapan), *assurance* (jaminan atau kepastian) dan *Empathy* (empati)[247]. Walaupun indikator ini digunakan dalam bentuk soalan, namun dalam hal ini pengkaji mendapati informasi yang berkesusaian setelah melalui tahapan analisis yang menyeluruh, kerana itu pengkaji merasa perlu mengungkapkan hal ini bagi menilai adakah layanan di UPTD RSGS cukup dalam tahapan maksimal, sehingga nanti indikator tersebut akan mencapai kriteria yang berkesesuaian dengan hadith.

Dalam hal ini pihak pelayanan rumah jagaan ini harus menciptakan dan mengelola suatu sistem untuk memperoleh nilai kepuasan terhadap lansia sesuai dengan harapan dan keinginan mereka. Dengan kualitas pelayanan yang memuaskan, akan mendorong warga emas untuk tetap memilih bertempat tinggal di sana kerana layanan yang diberikan sesuai dengan keinginan mereka. Warga emas pun akan merasa nyaman jika berada dilingkungan panti kerana layanan yang diperoleh sesuai dengan keinginan mereka. Hasil penelitian menunjukkan bahwa secara umum pengkaji melihat tahap kepuasan lansia terhadap layanan di UPTD RSGS berada dalam kategori memuaskan.

Berdasarkan *tangible* (kenyataan) melihat fenomena yang ada dilapangan pengkaji mendapati bahawa layanan yang diberikan oleh UPTD RSGS sudah cukup baik dimana mereka telah melaksanakan tugas dan kegiatan layanan seperti kegiatan penyantunan dan layanan, kegiatan seksi pembinaan dan Kegiatan Perawatan Kesihatan.

---

[247] Tessa Utami Sutrisno, *Analisis Pengaruh Tangible, Reliability, Responsiveness, Assurance dan Empathy terhadap loyalitas Pelanggan di sultan Laundry Hotel Cabang Bekasi*,(Bekasi: Universitas Gunadarma, 2015), 29.



Universiti Malaya

Warga emas juga mendapatkan bimbingan tentang cara membuat kerajinan tangan sebagai pengisi waktu luang. Berdasarkan uraian dapat disimpulkan bahawa merasa berkesan.

Bagi fasiliti UPTD RSGS yang tercakup dalam dimensi kondisi gedung perusahaan, kondisi perlengkapan, kondisi sumberdaya manusia dan kondisi fasiliti fizikal lain, sarana komunikasi, pola pengukurannya didasarkan pada kebersihan, kerapian, dan penataan ruangan atau fasilitas yang representatif termasuk sarana pendukung. berada dalam kategori memuaskan. Lebih-lebih lagi fasiliti layanan panti dijaga oleh petugas. Berdasarkan fenomena yang ada di lapangan terlihat bahwa lansia merasa aman dan nyaman tinggal di warga emas juga mengatakan tahap layanan yang diberikan oleh pihak rumah jagaan sangat baik dalam memberikan layanan seperti membersihkan wisma dan lingkungan sekitarnya pada waktu pagi dan petang agar lansia merasa nyaman tinggal di UPTD RSGS, melaksanakan kegiatan pembinaan dan bimbingan mental spiritual dibidang agama dengan mendengarkan ceramah agama dan pembelajaran kitab yang disampaikan oleh ustaz atau ustazah yang dilaksanakan setiap Jumaat pagi serta mengawal kesihatan para lansia yang berada di wisma.

Berdasarkan hasil *reliabilty* didapatkan bahawa warga emas berkesan. Keberkesanan warga emas berhubungan dengan mutu layanan rumah jagaan adalah dengan mengetahui tahan kepuasan penghuni, pengurusan layanan panti agar dapat meningkatkan mutu layanan. Kepuasan warga emas terhadap layanan panti merupakan hasil yang dicapai pemberian layanan dan memperoleh maklum balas terhadap kepentingan warga emas.[248] Kemampuan untuk melaksanakan jasa yang telah dijanjikan dengan tepat, akurat dan tepercaya. Kehandalan tersebut meliputi kecepatan dalam memberikan layanan, kemampuan dan penjelasan petugas penerima dalam memberikan maklumat yang tepat kepada pelanggan.[249] Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa

---

[248] Buttle, F, *Costumer Relation Managemen*t, (Oxford : PT. Bayumedia Publishing, 2004)
[249] Kotler, P, Philip, *Manajemen Pemasaran Analisa, Perencanaan, Implimentasi dan Pengendalian.*



Universiti Malaya

secara umum pengkaji melihat tahap keberkesanan warga emas berdasarkan *reliability* (kepercayaan) dalam kategori memuaskan. Berdasarkan fenomena yang ada di lapangan terlihat bahwa pihak UPTD RSGS menyediakan sarana kesihatan Poliklinik dan operasi perawatannya dilakukan oleh tenaga perubatan yang tinggal di dalam area UPTD RSGS dan petugas terapi yang berkerja menjaga dan merawat mereka serta mengawal ubat di poliklinik serta mengusulkan ubat apabila telah habis melalui kepala seksi penyantunan dan pelayanan lansia. pengkaji berpendapat bahawa tenaga perubatan sudah bekerja maksimal dalam merawat dan mengawal kesihatan warga emas. Seperti halnya petugas datang di awal pagi untuk melakukan pemeriksaan kesihatan pada warga emas dan jika ada di antara mereka yang sakit parah, petugas perubatan segera merujuk ke rumah sakit terdekat dengan menggunakan ambulance.

Berdasarkan *responsiviness* didapatkan bahwa umumnya memuaskan. *Responsiveness* adalah dimensi kualiti layanan yang paling dinamis. Harapan pelanggan terhadap kecepatan layanan hampir dapat di pastikan akan berubah dengan kecendrungan naik dari waktu ke waktu.[250] Keinginan para staf untuk membantu para pelanggan dan memberikan layanan dengan tanggap. Ketanggapan merupakan kemampuan staf dalam menanggapi keluhan pelanggan dan memberikan pelayanan yang cepat dan tepat. Pengkaji beranggapan bahwa pembinaan warga emas sudah dilakukan secara baik kepada warga emas seperti melarang merokok dan berjalan sendiri di tepi jalan raya. Dengan demikian kesihatan dan keselamatan warga emas akan tetap terjaga.

Berdasarkan *assurance* (jaminan) didapatkan bahawa mereka berkesan. Kemampuan pemberi jasa layanan dalam menanamkan rasa percaya dan keyakinan kepada para pelanggannya mencakupi kemampuan, pengetahuan, kesopanan dan sifat dapat dipercaya yang dimiliki pada seorang staf iaitu bebas dari bahaya, risiko, ragu-ragu.

---

Jilid II, Edisi 9. (Jakarta : Prehalindo,2005).

[250] Parasuraman, *SERVQUAL : A Multiple-Item Scale For Measuring Costumer Perceptions of Service Quality*. (Journal of Retailing, Vol. 64: Spiring, pp, 1988), 12-40.



Universiti Malaya

Berdasarkan fenomena yang ada di lapangan terlihat bahawa pihak UPTD RSGS menjawab pertanyaan dan keluhan yang disampaikan oleh warga emas serta melaksanankan pembinaan permasalahan lansia terkait dengan masalah peribadi warga emas seperti masalah ketentuan fiqh. Pengkaji beranggapan bahawa segala permasalahan yang ada dalam lingkungan tempat tinggal mereka dapat diatasi dengan adanya kepedulian dan rasa tanggungjawab dari pihak rumah jagaan dalam menjaga dan merawat mereka serta menyelesaikan segala permasalahan yang dialami oleh warga emas.

Berdasarkan *emphaty* (empati) sememangnya warga emas berkesan. Setelah hajat fizikal, keamanan dan sosial dipenuhi, dua keperluan lagi akan dikejar oleh manusia iaitu kebutuhan ego dan aktualisasi.[251] Sikap peduli yang ditunjukan oleh petugas kesihatan akan menyentuh emosi pasien. Faktor ini akan mempengaruhi pada tahap kepatuhan pesakit. Berdasarkan fenomena yang ada di lapangan terlihat bahawa pihak UPTD RSGS mengadakan acara doa bersama, tahlil dan zikir bersama serta melaksanakan pembinaan warga emas. *Empathy* adalah memberikan perhatian penuh terhadap kepentingan warga emas sesuai dengan waktu pelayanan dengan kebutuhan keseharian warga emas.[252] Pengkaji melihat bahawa pihak UPTD RSGS sudah memberikan layanan yang baik pada warga emas dengan menyediakan kegiatan keagamaan seperti acara doa bersama, tahlil dan zikir bersama. Dengan mengadakan kegiatan tersebut dapat meningkatkan konsep diri pada warga emas hingga mereka merasa bahagia tinggal di lingkungan panti. Berdasarkan huraian tersebut disimpulkan bahawa gambaran tahap kepuasan lansia terhadap layanan di UPTD RSGS berada dalam kategori baik dan berkesan. Maka secara keseluruhan tolok ukur hadith telah dipenuhi dalam proses layanan yang diterapkan di UPTD RSGS.

---

251 Muninjaya, A. A. G, *Manajemen Kesehatan. Edisi 2*, (Jakarta : EGC, 2004), 25.

252 Hafizah Ibrahim, *Tingkat kepuasan lansia terhadap pelayanan di UPTD Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh/ Satisfaction Level of Elderly on Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang UPTD of Banda Aceh*, (Banda Aceh: School of Nursing Faculty of Medicine Syiah Kuala University, 2013), 13-15.



Universiti Malaya

## 4.6 KESIMPULAN

Dalam perbincangan hasil kajian di atas, terdapat beberapa perkara yang boleh ditarik sebagai kesimpulan dan menjadi penting untuk ditulis pada kesimpulan ini.

*Pertama*, secara umum, warga emas yang ada di UPTD RSGS adalah warga emas yang terbiar, yang didominasi oleh golongan perempuan. Faktor pekerjaan, kesendirian dan pendidikan menjadi pemicu bagi warga tua menjadi terbiar. Disamping itu kes penghantaran warga emas ke rumah jagaan ini merupakan dampak dari merosotnya moral dan kasih sayang dalam lingkungan keluarga dan masyarakat. Apabila ini dibiarkan dalam jangka waktu yang lama maka akan muncul dan bertambahnya pembiaran warga emas di Aceh. Maka bagi mengatasi masalah tersebut sepatutnya pendidikan moral dan keagamaan harus dimaksimalkan kembali ditanamkan dalam kehidupan keluarga. Disisi lain bahawa kesunyian menjadi pemicu pendukung serta kemudahan beribadat hanya menjadi hal pendukung sahaja yang menyebabkan warga emas menempati rumah jagaan.

*Kedua*, aspek layanan kesihatan bagi memenuhi hajat fizikal warga emas telah dilakukan secara baik namun perlu ada pembaharuan dari segi pemakanan. Dalam hal ini UPTD RSGS belum mengikuti pemakanan sunnah yang boleh menjadi alternatif bagi menangani kebosanan rasa makanan. Dalam penjagaan kesihatan warga emas belum patuh pada aturan pemakanan sehingga menambah keburukan tubuh. Dan juga aspek sukan belum begitu dipatuhi oleh warga emas sendiri. UPTD RSGS juga belum sampai pada tahap mengaplikasikan sukan yang sesuai dengan identifikasi penyakit yang diderita oleh warga emas di sana.

*Ketiga*, ditinjau dari aspek layanan sosial bahawa layanan yang diberikan telah memenuhi kriteria apa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam interaksinya dengan warga emas. Namun perlu adanya kefahaman dari pihak pengasuh akan pentingnya menghormati warga emas secara utuh disebabkan emosi dan egoisme warga emas dalam beberapa hal memang lebih tinggi. Tambahan pula, dasar layanan yang ada mengikut

Universiti Malaya

kepada peraturan baku yang berlaku di UPTD RSGS. Sebahagian pengasuh mendasari pelayanannya kepada warga emas hanya atas dasar kepedulian sosial dan faktor kemanusiaan sahaja. Namun umumnya mereka melayani dengan sepenuh hati.

*Keempat,* permasalahan ekonomi warga emas diselesaikan dengan keberadaan mereka di rumah jagaan ini. UPTD RSGS menerima dana daripada pemerintah yang menjamin keseluruhan kesejahteraan hidup warga emas. Keperluan makan, pakaian dan perumahan sangatlah sesuai dengan kriteria yang diperlukan usia tua. Apabila ada yang mengeluh akan kurangnya bantuan dana bulanan, hal ini disebabkan pemakanan yang ada perlu mendapat pembaharuan dari segi cita rasa. Dan lagi, beberapa warga emas nampaknya memang memiliki gaya hidup yang boros dan memilih menghabiskan waktu di luar kawasan rumah jagaan. Beberapa di antara mereka itu pada dasarnya tidak terlalu senang dengan aturan yang ada.

*Kelima.* UPTD RSGS telah melaksanakan tugasnya dengan baik dalam hal pembinaan keagamaan. Permasalahan kerohanian hanya terletak pada peribadi warga emas. Sebagaimana yang diketahui bahawa umumnya warga emas yang datang ke rumah jagaan ini ada mereka yang terabai dan sebahagian besar adalah individu-individu yang bermasalah. Warga emas kurang begitu semangat dalam mempraktikkan sisi keagamaan, lebih-lebih lagi pihak lelaki. Sejauh ini juga ketentuan-ketentuan berkaitan dengan hukum fiqh sentiasa dipenuhi terhadap warga emas dalam kaitannya menyelesaikan tanggungjawab peribadi warga emas dengan Allah SWT.

*Keenam*, secara keseluruhan apa yang dipraktikkan dalam layanan terhadap warga emas telah memenuhi kriteria interaksi Rasulullah SAW dengan warga emas. Mereka menghormati, menyayangi dan membimbing warga emas untuk mendapatkan kesejahteraan hidup.

Universiti Malaya

# BAB V : PENUTUP

## 5.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan huraian dan perbahasan yang telah dilakukan bermula dari bab satu sehingga bab empat, pengkaji akan menyimpulkan secara keseluruhan hasil dapatan kajian, saranan dan cadangan berdasarkan kajian yang telah dilakukan mengenai LAYANAN WARGA EMAS DALAM PERSPEKTIF HADITH: KAJIAN DI UNIT PELAKSANA TEKNIS DAERAH (UPTD) RUMAH SEUJAHTERA GEUNASEH SAYANG BANDA ACEH. Tujuannya adalah untuk membuat analisis perbandingan terhadap beberapa aspek layanan yang digunapakai di UPTD RSGS berdasarkan perspektif hadith.

## 5.2 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan dan dibahaskan dalam bab-bab sebelumnya, beberapa dapatan kajian dapat dirumuskan dan disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Warga emas merupakan golongan yang berusia 60 tahun ke atas yang mengalami banyak penurunan fungsi tubuh dalam semua aspek sama ada aspek fizikal, psikologi, emosi serta potensi tubuh yang mengalami penurunan yang signifikan. Sumber hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī juga menyatakan perkara yang sama bahawa 60 tahun merupakan usia uzur. Tambahan pula, *World Health Organization* (WHO) mengklasifikasikan usia lanjut kepada empat kriteria berikut; [Pertama]: usia pertengahan (*middle age*) iaitu 45-59 tahun, [Kedua]: lanjut usia (*elderly*) iaitu 60-74 tahun, [Ketiga]: lanjut usia tua (*old*) iaitu 75-90 tahun dan [Keempat]: usia sangat tua (*very old*) iaitu di atas 90 tahun. Dalam sejarah perkembangan peradaban dunia dari semasa ke semasa, permasalahan warga tua dipandang sebagai sebuah realiti sosial yang tiada penghujungnya.

Universiti Malaya

Semenjak kedatangan Islam yang puncaknya pada zaman Nabi Muhammad SAW warga emas merupakan usia yang sangat dihormati dan menjadi keutamaan. Agama Islam menjunjung tinggi golongan lemah. Al-Quran dan hadith menyatakan bahawa menjadi tua merupakan suatu keniscayaan yang patut disyukuri kerana tidak semua orang mendapat kesempatan untuk menjadi tua. Kesempatan ini perlu dimanfaatkan semaksimum mungkin untuk digunakan bagi perkara-perkara yang membawa kepada keimanan dan ketaatan. Oleh yang demikian, golongan usia ini perlu mendapatkan perlindungan dan layanan yang baik daripada seluruh peringkat usia di bawahnya.

Berhubung dengan perkara ini, terdapat banyak hadith yang menjelaskan cara bersikap dan melayani warga emas. Pengkaji telah mengumpulkan hadith dan membahaginya kepada tiga kategori hadith iaitu; [Pertama]: meliputi keutamaan warga emas, [Kedua]: hak warga emas menurut hadith dan [Ketiga]: hadith tentang layanan dan interaksi Rasulullah dengan warga emas. Hadith-hadith tersebut secara keseluruhan mengandungi etika dan kebaikan bagi menjunjung tinggi martabat dan menyampaikan hajat warga emas dengan status hadith kebanyakannya adalah ṣaḥīḥ. Hadith-hadith tersebut diriwayatkan oleh beberapa perawi hadith seperti al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Abū Dāwud. Walaubagaimanapun beberapa persoalan mengenai warga emas dalam hadith Nabi Muhammad SAW tidak disebutkan dengan jelas dan secara langsung ditujukan kepada warga emas. Bagi meleraikan isu ini, pengkaji mengaitkannya dengan hadith lain yang mempunyai kaitan yang erat dengan layanan. Dalam hal ini pengkaji turut mengumpulkan hadith yang menjelaskan mengenai tatacara melayani orang tua. Justifikasinya adalah kerana orang tua dan warga emas merupakan suatu elemen usia yang sama yang berbeza tempat dan keistimewaannya bagi seseorang. Namun secara keseluruhan dalam beberapa

Universiti Malaya

literatur yang lain, pengkaji turut melakukan hal yang sama dan memakai hadith berdasarkan konteks yang merujuk kepada warga emas.

2. Kewujudan UPTD RSGS sebagai salah satu badan yang mempunyai landasan undang-undang memberikan suatu impak yang besar kepada masyarakat Banda Aceh dan sekitarnya. Fasiliti penunjang yang terkawal secara menyeluruh telah mencakupi semua aspek keperluan warga emas sama ada secara jasmaniah ataupun rohaniah. Perkhidmatan-perkhidmatan seperti makan, kebersihan, kesihatan, tempat tinggal dan sebagainya diperolehi oleh warga emas bagi menuntaskan permasalahan sosial baik dalam keluarga, lingkungan mahupun masalah peribadi warga emas sendiri.
3. Layanan warga emas dalam kalangan warga UPTD RSGS adalah untuk menyantuni warga emas yang terbiar agar dapat memenuhi keperluan hidup dan hari tuanya dinikmati dengan bahagia. Layanan ini bersifat berterusan sehingga warga emas meninggal dunia atau memilih meninggalkan rumah jagaan untuk kembali tinggal bersama keluarganya (bagi yang memiliki keluarga). Rentetan daripada itu, pelbagai disiplin ilmu UPTD RSGS telah membangunkan alur pelayanan dengan mengenalpasti secara menyeluruh identiti warga emas yang tinggal di sana sehingga mewujudkan kegiatan dan layanan yang digunapakai secara berkala. Usaha dan peranannya adalah melayan, membimbing dan mempersiapkan kemapanan hidup warga emas dari segi fizikal, emosi dan rohani pada penghujung usia mereka. Secara praktikalnya, pengkaji mendapati bahawa program tetap yang dilaksanakan secara berjadual berasaskan kepada Islam. Kebanyakan aktiviti menekankan kepada aspek spirititual bagi meningkatkan pengamalan keagamaan warga emas dalam kehidupan sehari-hari.
4. Bentuk layanan yang digunapakai di UPTD RSGS sebagai satu-satunya lembaga kebajikan warga emas di Banda Aceh yang memberi tempat dan layanan secara

Universiti Malaya

secara percuma adalah dengan cara membentuk program yang dilaksanakan secara berjadual dan komprehensif. Walaupun wujud perbezaan pandangan dalam kalangan warga emas terhadap layanan yang diterima daripada petugas perkhidmatan sebagai pemberi layanan, namun layanan yang telah diberikan bersesuaian dengan standart yang baik bagi penambahbaikan kualiti hidup warga emas. Bahkan, berdasarkan analisis yang telah dilakukan mendapati bahawa layanan yang diberikan oleh UPTD RSGS adalah bertepatan dengan hadith Nabi Muhammad SAW.

## 5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Bagi memperbaiki layanan terhadap warga emas agar lebih berkualiti dalam menghadapi cabaran, pengkaji memiliki beberapa cadangan dan saranan bagi kelangsungan kajian khususnya berkenaan dengan layanan yang ideal bagi warga emas sesuai dengan tuntunan Rasulullah SAW.

### 5.3.1 Saranan kepada Universiti Malaya

Berdasarkan cabaran yang pengkaji hadapi dalam proses menyiapkan kajian ini, pengkaji mencadangkan kepada pihak universiti agar menyediakan lebih banyak bahan rujukan berkaitan dengan warga emas yang dilihat bukan sahaja dari sudut antropologi, psikologi, sosiologi, tetapi juga dari sudut disiplin ilmu keislaman.

### 5.3.2 Saranan kepada pihak kerajaan

Manakala kepada pihak kerajaan khususnya kepada pemerintah Aceh sebagai jawatankuasa yang memiliki kuasa untuk melakukan perubahan, sepatutnya warga emas yang tergolong sebagai salah satu golongan orang kurang upaya agar lebih mendapatkan keutamaan khususnya layanan di tempat-tempat awam. Layanan ini perlu diselaraskan

Universiti Malaya

dalam pelbagai bidang sama ada bidang pelayanan, kemudahan akses, jaminan sosial dan sebagainya. Walaupun Aceh merupakan daerah yang menjalankan syariat Islam, namun dalam urusan melayani warga emas Aceh belum lagi mencapai tahap yang memuaskan. Bahkan memerlukan perhatian yang mendalam lagi terhadap isu warga emas. Pengkaji juga melihat pentingnya tindakan daripada pemerintah Aceh untuk sentiasa mengadakan seminar berkaitan dengan layanan warga emas bagi menumbuhkan dan melahirkan kesedaran yang tinggi bagi masyarakat secara meluas.

### 5.3.3 Saranan kepada pihak UPTD Rumah Seujahtra Geunaseh Sayang

Sebagai lembaga pentadbiran yang terlibat langsung dalam melayani warga emas, pihak rumah jagaan ini seharusnya meningkatkan perkhidmatan dan mutu layanan kepada suatu tahap yang memuaskan warga emas. Selain itu, pihak UPTD RSGS juga perlu mewujudkan sosialisasi yang komprehensif kepada masyarakat setempat mengenai layanan dan metode khidmat yang sesuai bagi warga emas ini. Hal demikian supaya layanan terhadap warga emas tidak dilaksanakan dalam ruang lingkup yang terbatas sahaja tetapi dapat terintegrasi secara menyeluruh kepada masyarakat.

### 5.3.4 Saranan kepada masyarakat awam

Masyarakat mempunyai peranan penting dalam rangka memberikan kehidupan yang berkualiti dan baik kepada warga emas. Masyarakat sepatutnya tidak melakukan penderaan, penindasan dan diskriminasi sama ada dalam lingkungan keluarga mahupun komuniti. Hal ini kerana kewujudan warga emas merupakan suatu rantaian kehidupan yang tak ada penghujungnya. Oleh yang demikian perlu diwujudkan masyarakat lebih berstruktur dan Islami dalam melayani dan menjunjung tinggi warga emas dalam kehidupan masyarakat.

Universiti Malaya

## 5.4 PENUTUP

Pengkaji menyedari bahwasa kajian ini masih belum sempurna dan memerlukan kepada penambahbaikan berupa kritikan yang membina daripada semua pembaca. Walaubagaimanapun, beberapa aspek kekurangan tersebut tidak menutup kemungkinan bahawa kajian ini memberikan manfaat kepada sidang pembaca. Harapan besar pengkaji adalah pembaca dapat mengambil manfaat dari kajian ini khususnya dalam khazanah kajian ilmu hadith.

Universiti Malaya

## BIBLIOGRAFI

BAHASA ARAB


Al-Quran al-Karim

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ibrāhīm Ibn Mughīrah Ibn Bardazibah al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirūt-Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.

Abū Abd Allāh Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ḥanbal al-Shaybānī, *Musnad Aḥmad*, ed., ‘Adil Mursyīd. t.tp: Mu’assah al-Risālah, 2001.

Abū Abd Raḥmān Aḥmad Shu‘ayb al-Nasā’ū, *Sunan al-Nasā’ī al-Kubrā*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991.

Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fāth al-Bārī bi Sharḥ Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*,. Beirūt: Dār al-Fikr, t,t.

Abū Dāwud Sulaymān bin al-Asy‘ash al-Sijistāni, *Sunan Abū Dāwud*, Juzuk I, Beirūt: Dār al-Fikri, t.t,.

Abū Faḍl Ahmad Ibn Ali Ahmad Ibn Ḥajār al-Asqalānī, *Kitab Talkhīṣ Al-Khabīru Liahmadu Al-‘Asqalānī*, Bab Al-Janāiz, Mesir: Muassasat Qurṭubah Ajib, 1995.

Abū Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, Cet II. Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah, 1992.

Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazali At-Thusi, *Ihya’ Ulumuddin*, Beirut: Darul Kitab, t.t.

Abū Hayyān, Muḥammad Yūsuf al-Shahīd, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Jilid 1. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.

Abu Ḥusāīn Muslim Ibn Al-Hajjāj Ibn Muslim al-Qusairy al-Naisaburī, *Sāḥīh Muslim*, Kitab as-Shalāh Fī al-Musaffirīna, Beirut, Dar al-Fikr, 1998.

Ahmad Zaki al-Badawī, *Mu’jām Mustalahāt Ar-Ri’āyah Wa al-Tamiyyah al-Ijtimā’iyyah*, Cet I, Qāhirah: Dārul Kitāb al-Misrī, 1987.

Al-‘Alūsī, al-Shihāb al-Dīn al-Sayyid Muḥammad al-‘Alūsī, *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa Sab‘a al-Mathānī*. Jilid 7. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.

Al-Amānah al-‘Āmmah Linnadwah Al-Hadīth Al-Syarīfah, *Al-Qayyim Al-Hadhāriyyah Fi Al-Sunnah Al-Nabawiyyah Nadwah ‘Ulūmiyyah Dawliyyah Tsālitsah*, Dubai, Uni Emirat Arab: Kulliyyah Al-Dirāsat Al-Islāmiyyah Wa al-‘Arabiyyah, 2007.

Al-Imām Al-Hafīzh Ibnu Hajar Al-Asqalani, *Fāthul Bāri: Penjelasan Kitab Sāhīh Al-Bukhāri*, Penerjemah Amiruddin, Editor Abu Rania, Lc, Jakarta: Pustaka Azzam, 2006.

Al-Imam al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya An-Nawawi, Shārḥ Riyādus Ṣāliḥīn, *Kitāb Ma'ūsu A'tu Aṭraf*,

Al-Razī, Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn 'Umar, *Al-Tafsīr al-Kabīr aw Mafātīh al-Ghayb*. Jilid 20. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

HAMKA, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah, *Tafsīr al-Azhar*, Cet. ke-3: Jilid 5 & 8, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1999.

Husain Ibn Hasān Ibn Ḥalim al-Bukhārī al-Jarjanī, *Kitab al-Manhāj fi Syu'bi al-Imān*, Bab Asādis wa al Syu'ab al-Imāni Wahuwa Bab Fī, Qāhirah: Dār al-Fikr, 1979.

Imam Abi Muhammad Abdullah Ibn Ali Ibn Abi Zaid al-Ghairawani, *Majmu' Ath-Thamin fi sirah al-nabiyy al-Amin*, Tunisia: Maktabah Dariqah Hijratain, 2013.

Kamāl Ibrāhīm Mursī, *Kibār al-Sin wa Ri'āyatuhum fī al-Islām wa 'Ilm al-Nafs*, Mesir: Dār Al-Nashr li al-Jāmi'at, 2006.

Muhammad 'Izzat Danūzah, *Kitāb Al-Tafsīr al-Hadīth*, Bab Ta'līq 'Alā Kalimāti al-Solati, Beirūt: Dārul Darabāt Islāmiyyah, 2000.

Muhammad Ali Ibn Muhammad Ibn Abd Allah Al-Syaukānī, *Fath al-Qādir*, Beirūt: Maktabah Nash Ibn Kathīr, 2010.

Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Muadz bin Ma'bad at-Tamimi Abu Hatim ad-Darimi, *Ṣaḥīh Ibnu Hibban,* Kitab Jam'u Jawāmi',

Muḥammad Ibn 'Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmīdhī*. Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Mukhtar Nashīrah, *Ri'āyah al-Musannīn fī al-Sunnah al-Nabawwiyah; Qayyim Akhlāqiyyah wa Khaḍāriyyah*. Al-Jazā'ir: Jāmi'ah al-Amīr 'Abd al-Qādir li 'Ulūm al-Islāmiyyah, 2012.

Mukhtar Nasirah, *Ri'āyah al-Musannīn fī al-Sunnah al-Nabawwiyah; Qayyim Akhlāqiyyah wa Khaḍāriyyah*. Qasantinah- Al- Jazair: t.p, t.t.

Nāsir Ibn Ali 'Āyiz Hasan al-Syāikh, *Kitab Mabaakhits al-'Aqiidatu fii Suuratu al-Zumar*, Bab Al-Mabhaṣu al-'Āshir 'Ubūdiyyatu al-Inābatu, Riyādh: Maktabah al-Rushd, 2001.

Sayyid bin Ibrahīm al-Huwaithi. *Ad-Durrah as-Salafiyah Syarh al-Arba'in an-Nawawiyah*; *Syarah Arba'in Nawawi*, Pen.Tim Darul Haq, Jakarta: Darul Haq, 2011.

Syāīkh Abdurrozzaq al-Badr Ibn Abu Muhsin al-'Abbad, *Huqūq Kibār al Sīn fi al-Islām,* Riyādh: Maktabah Fath al-Waṭāniyyah, 2011.

'Umar Sulaiman al-Ashqar, *Kitab al-Qiyāmah al-Kubra*, Bab al-Faṣḥl al Thamanu Ahwalu al-Nāsu fi Yaumi al-Qiyāmati, 'Urḍun: Dar al-Nafāiz, 1995.

Universiti Malaya

A.H.Hasanuddin, *Cakrawala Kuliah Agama*, Jakarta: Bulan Bintang, 2012.

Abu Ahmadi, *Psikologi Sosial*, Jakarta, Penerbit: PT Rineka Cipta, 1999.

Aishah@Eshah Haji Mohamed, *Warga Emas Melayu Di Pinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman Dan Persepsi Tentang Diri, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekitaran*, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, University Kebangsaan Malaysia, 2012.

Alwisol, *Psikologi Kepribadian*, Malang: UMM Press, 2004.

Amran Hassan, dkk, 'Loneliness' @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Journal of Human Development and Communication Volume 2, 2013.

Ancok, S, *Psokologi Islam: Solusi Islam atas Problem-Problem Psikologi*, Yogyakarta: Pustaka Belajar, 1995.

Angga , D. P., & Sugiharto*, Lansia dan Olahraga*. Jakarta: Jurnal IPTEK olahraga, 2010.

Ariani, M. dan *Rachman*, H.P.S., *Analisis Tingkat Ketahanan Pangan, Rumah Tangga, Media Gizi dan Keluarga*, Jakarta: Universitas Indonesia, 2003.

Azimi Yahya dkk, *Tehnik Berkesan Mendidik Anak*, Klang: Universiti Teknologi Malaysia, 2012.

Bahagian Pemakanan Kementrian kesihatan Malaysia, *Panduan Pemakanan Warga Emas di Institusi*.

Buletin Jendela Data dan Informasi kesehatan, Jakarta: Kementrian Kesehatan Republik Indonesia, 2013, ISSN 2088-270X

Calhoun, J.F. & O.R. Acocella, *Psikologi tentang Penyesuaian Diri dan Hubungan Kemanusiaan,* Semarang: IKIP Semarang Press, 1990.

Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan*, Malaysia: Mc Graw Hill Education, 2006.

Darmojo, B.R dan H.H. Martono, *Buku Ajar Geriatri (Ilmu Kesehatan lanjut Usia)*, Jakarta: FKUI, 2004.

Darmojo, R. Boedhi, *Buku Ajar Geriatric, Ilmu Kesehatan Lansia,* Edisi 3, Jakarta: FKUI, 2004.

Dinas Sosial Aceh, *Gambaran UPTD Rumoh seujahtra Geunaseh Sayang,* Banda Aceh: Laporan Tahunan, 2015.

Dinas Sosial, Laporan Kinerja Instansi Pemerintah, (Banda Aceh: Unit Pelaksana Teknis

Universiti Malaya

Daerah (UPTD) Rumah Seujahtera Geunaseh Sayang, 2015.

Dr. Abdullah bin Muhammad bin Ishaq Al-Syaikh, Penerjemah M.Abdul Ghoffar E.M, Abdurrahim Mu'thi, Abu Ihsan Al-Atsari, *Tafsir Ibnu katsir*, (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2004.

Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Drs. Muslich Shabir, MA, *Terjemah Riyadus Shalihin*, Semarang: Toha Putra, 2015.

Drs. Ramlan Effendi (kepala UPTD Rumoh seujahtra Geunaseh Sayang) dalam wawancara dengan pada tarikh 2 September 2015.

Efendi, F, *Keperawatan Kesehatan Komunitas: Teori dan Praktek dalam Keperawatan*. Jakarta: Salemba Medika, 2009.

Elizabeth dkk, *Psikologi Perkembangan dari Bayi Sampai Usia Lanjut*, Jakarta: Erlangga, 1980.

Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, *Jurnal Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di rumah Kebajikan*, Selangor: Jabatan Dakwah dan Kepemimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.

H.M.Arifin, *Hubungan Timbal Balik Pendidikan Agama di Lingkungan Keluarga*, Jakarta: Bulan Bintang, 1987.

Hafizah Ibrahim, *Tingkat kepuasan lansia terhadap pelayanan di UPTD Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang Banda Aceh/ Satisfaction Level of Elderly on Rumoh Seujahtera Geunaseh Sayang UPTD of Banda Aceh*, Banda Aceh: School of Nursing Faculty of Medicine Syiah Kuala University, 2013.

Hasbullah, *Dasar-Dasar Ilmu Pendidikan*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2011.

Hubungan Peran Keluarga Dengan Depresi Pada Lansia Di Desa Carigading Kecamatan Awangpone Kabupaten Bone, Sulawesi Utara: Mubarak at al, 2011.

*Hubungan Peran Keluarga Dengan Depresi Pada Warga emas Di Desa Carigading Kecamatan Awangpone Kabupaten Bone*. Sulawesi Utara: Mubarak at al, 2011.

Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga emas Di Malaysia,* Fakulti Undang-Undang University Malaya, Kuala Lumpur: ICCL Surabaya- Indonesia, 2009.

John W. Santrock, *Life Span Development; Perkembangan Masa Hidup*, Jakarta: Erlangga, 2007.

Kementerian Kesehatan Republik Indonesia, *Profil Kesehatan Indonesia 2010*, Jakarta,

Universiti Malaya

Kementerian Kesehatan Republik Indonesia, 2011.

Kotler, P, Philip, *Manajemen Pemasaran Analisa, Perencanaan, Implimentasi dan Pengendalian.* Jilid II, Edisi 9, Jakarta: Prehalindo,2005.

Laka Dista Aceh, *Adat Aceh*, T. Alamsyah, Tuanku Abdul Jalil (Ed), Banda Aceh: Yayasan Pena, 1990.

Lesmana, J.M, *Dasar-Dasar Konseling*, Jakarta: Universitas Indonesia Press, 2005.

Mangoenprasodjo, A. Setiono, *Mengisi Hari Tua dengan Bahagia*, Pradipta Publishing: Jakarta, 2005.

Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.

Maryam, R. Siti, dkk, *Mengenal Usia Lanjut dan Perawatannya*, Jakarta: Salemba Medika, 2008.

Menteri Sosial RI No 25/HUKL/1996, dikutip dari Depsos RI 1997.

Muhammad Khairi bin Mahyuddin dan ‘Atifah binti Mamat, *Cabaran Abad 21 Dan Keperluan Amalan kerohanian Oleh Warga Emas*, Malaisya: Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM. Tesis ini dapat di akses di academia.edu file:///d:/tesis/bahan%20thesis/academia.edu/cabaran_abad_21_dan_keperluan amalan_ker.pdf

Muninjaya, A. A. G, *Manajemen Kesehatan. Edisi 2*, Jakarta : EGC, 2004.

Notoadmojo, S , *Metodologi Penelitian Kesehatan*, Jakarta: Rineka Cipta, 2007.

Nuresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi 3*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Parasuraman, *SERVQUAL: A Multiple-Item Scale For Measuring Costumer Perceptions of Service Quality*. Journal of Retailing, Vol. 64, Spiring, 1988.

Prof. Dr. HAMKA, Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 2010.

Qanun Aceh No 11 Tahun 2013 tentang Kesejahteraan Sosial disahkan pada masa pemerintahan Dr. Zaini Abdullah.

Setyoadi, Noerhamdani, Fela Fatmawati, *Perbedaan Tingkat Kualitas Hidup pada Wanita Lansia di Komunitas dan Panti* (*The Difference Quality Of Life Level Inelderlywomen At The Community And The aging institution)*, Jurnal Kesehatan, Fakultas Kedokteran Brawijaya: Malang, 2013.

Shahir, S, *Memorandum Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia*, Dicapai pada Januari 27, 2010, dari Kesatuan Sekerja Malaysia:



Universiti Malaya

http://67.59.173.161/cst4/docs/bkageing_Malaysia.pdf.

Shalini A/P Sanmargaraja, *Penyediaan Fasiliti di Rumah Warga Tua*: *Kajian kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Baru*, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan: University Tun Husein Onn Malaysia, 2012.

Siti Maryam dkk, *Mengenai Lansia dan Perawatannya*, Jakarta: Salemba Medika, 2008.

Soejono, C.H, *Pengkajian Paripurna pada Pasien Geriatri. Dalam: Sudoyo, A.W. et al. Buku Ajar Ilmu Penyakit Dalam.* Jakarta: Pusat Penerbitan Ilmu Penyakit Dalam Fakultas Kedokteran Universitas Indonesia, 2006.

Soekidjoe Notoatmodjoe, *Ilmu Kesehatan Masyarakat Prinsip-Prinsip Dasar*, (Jakarta; Rhineka Cipta, 2003.

Sri Sulastri & Sahadi Humaedi, *Pelayanan Lanjut Usia Terlantar Dalam Panti*, Yokyakarta: Prosiding KS: Riset & PKM, 2015.

Suardiman, S, *Psikologi Usia Lanjut*, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 2016.

Sugiyono, *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*, Bandung: Penerbit Alfabeta, 2014.

Suharto, E, *Meretas Kebijakan Sosial Pro Poor: Menggagas Pelayanan Sosial yang Berkeadilan*, 2007), 5. Melalui http: //www.policy.hu/suharto/Naskah%20PDF/UGMPelayanan Sosial.pdf(15-08-2015).

Suharto, E. *Meretas Kebijakan Sosial Pro Poor: Menggagas Pelayanan Sosial yang Berkeadilan*. Melalui http://www.policy.hu/suharto/Naskah% 20PDF/UGMPelayananSosial.pdf (1508-2015).

Supriadi, *Lanjut Usia dan Permasalahannya*, UNRI: Jurnal PPKn dan Hukum, 2015. Melalui https://ejournal.unri.ac.id/index.php/JPB/article/download/.../3557.

Surina Nayan, *Keprihatinan yang Luntur Terhadap Warga Emas*, URDS UiTM Perlis: ISSN 1675-9885 Jurnal Intelek, 2006.

Syeikh Othman bin Syeikh Salim, *Kamus Dewan Cetakan Kedua dalam Ejaan Baru dengan Pindaan dan Tambahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Tessa Utami Sutrisno, Analisis Pengaruh Tangible, *Reliability, Responsiveness, Assurance dan Empathy terhadap loyalitas Pelanggan di sultan Laundry Hotel Cabang Bekasi*, Bekasi: Universitas Gunadarma, 2015.

Wijayanti, *Hubungan Kondisi Fisik Lansia Terhadap Kondisi Sosial Lansia di RW 03 RT 05 Kelurahan Tegalsari, Kecamatan Candisari*, (ENCLOSURE: Jurnal Ilmiah Perancangan Kota dan Pemukiman, 2008 Melalui http://eprints.undip.ac.id/20145/5.pdf.

Zakiah Daradjat, *Ilmu Pendidikan Islam*, Jakarta: Bumi Aksara, 2012.

Universiti Malaya

BAHASA INGGERIS

Buttle, F, *Costumer Relation Managemen*t, Oxford : PT. Bayumedia Publishing, 2004.

Gary W Evans, Schoeder, Alex dan Stephen J. Lepore, *Journal Personality and Social Psychology: The Role Of Interior Design Elements In Human Responses To Crowding*. American, American Psychological Association, 1996.

Hooman, N. & H. Asuman Kiyak, *Social Gerantology: A Multidisiplinary Perspe*ctive, Pearson: Amerika Serikat, 2014.

Hurlock Elizabeth B, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Rentan Kehidupan*, Jakarta: Erlangga, 1992.

J T Arokiasamy, Sm, *Social Problems And Care Of The Elderly*, Kuala Lumpur: Department Of Social And Preventive Medicine, Faculty Of Medicine University Of Malaya.

Population Reference Bureau, *World Population Data Sheet*, Washington DC: Population Reference Bureau, 2011.

Potter dan Perry. A, *The fundamental of nursing 7th edition*, diterjemahkan oleh dr. Adriana Federika, Jakarta: Salemba Medika, 2008.

WHO, *Health of Elderly; Report of a WHO Expert Committee*, *WHO Technical Report Series 779*, Geneva: World Health Organization, 1989.

Kosberg, Jordan I., Loweinstein, Ariela, Garcia, Juanita L. dan Biggs, Simon, *Study of Elderly Abuse Within Diverse Cultures*, *Journal of elderly Abuse & Neglect, 2003.*

Kayoko Azaka et.al, *Elder Abuse and Neglect: Social Problem Revealed from 15 Autopsy Cases,* Legal Medicine, 2003.

LAMAN SESAWANG

http://www.bps.go.id

http://www.bappenas.go.id, www.bps.go.id

http://www.bps.acehprov.go.id

http://www.dinsos.acehprov.go.id. Data Dinas Sosial*, Usulan panti sosial calon penerima bantuan tambahan biaya pemenuhan keperluan dasar*, 2008.

http://aceh.tribunnews.com/2015/01/10/33-pmks-diamankan-satpol-pp

http://f:/profesi/IslamStory/@proyek ½…artikel/inilah Rasul sang penyayang1.com

Universiti Malaya

http://f:/profesi/IslamStory/@proyek ½…artikel/inilah Rasulsang penyayang1.com

http://pengertian-pengertian-info.blogspot.my/2015/05/pengertian-tujuan-dan-manfaat-kemitraan.html

Http://www.bps.aceh.go.id

Http:www.file:///D:/tesis/bahan%20thesis/academia.edu/panduan_pemakanan_warga_emas.pdf

https://staff.blog.ui.ac.id/.../Contoh-TM-NA-Kesehatan-Lansia.pdf

https://www.kompasiana.com/ridwan_kalam/aceh-dikepung-asap-

## TEMUBUAL

Sumber Data Dokumentasi UPTD RSGS, 2016.

Temubual dengan Drs. Ramlan pada 3 September 2015

Temubual dengan Tn. Abdullah pada 3 September 2015

Temubual dengan Pn. Fajriah pada 3 September 2015

Temubual dengan Tn, Iskandar Harun pada tanggal 3 September 2015

Temubual dengan Tn. M. Daud pada tanggal 3 September 2015

Temubual dengan Tn. Muhammad Yusuf pada tanggal 3 September 2015

Temubual dengan Pn. Fatimah pada tanggal 4 September 2015

Temubual dengan Pn. Nurkaya pada tanggal 4 September 2015

Temubual dengan Pn. Safwan pada tanggal 4 September 2015

Temubual dengan Tn. Marhaban pada tanggal 4 September 2015

Temubual dengan Pn. Hj. Hamidah pada tanggal 4 September 2015

Universiti Malaya